

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**PERTIKAIAN SEMPADAN DI PANTAI TIMUR BORNEO  
UTARA PADA TAHUN 1878 HINGGA 1915: SATU KAJIAN  
PENGURUSAN DIPLOMASI ANTARA BRITISH DAN  
BELANDA**



**UUM**  
**MAT ZIN BIN MAT KIB**  

---

**Universiti Utara Malaysia**

**IJAZAH DOKTOR FALSAFAH  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
2017**



Awang Had Salleh  
Graduate School  
of Arts And Sciences

Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI  
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa  
(We, the undersigned, certify that)

MAT ZIN MAT KIB

calon untuk Ijazah  
(candidate for the degree of)

PhD

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:  
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

"PERTIKAIAN SEMPADAN DI PANTAI TIMUR BORNEO UTARA PADA TAHUN 1878 HINGGA 1915:  
SATU KAJIAN PENGURUSAN DIPLOMASI ANTARA BRITISH DAN BELANDA"

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.  
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada : 21 Mac 2016.

*That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on:  
March 21, 2016.*

Pengerusi Viva:  
(Chairman for VIVA)

Prof. Dr. Najib Ahmad Marzuki

Tandatangan  
(Signature)

Pemeriksa Luar:  
(External Examiner)

Prof. Dato' Dr. Abu Talib Ahmad

Tandatangan  
(Signature)

Pemeriksa Luar:  
(External Examiner)

Prof. Datin Paduka Datuk Dr. Ramlah Adam

Tandatangan  
(Signature)

Pemeriksa Dalam:  
(Internal Examiner)

Prof. Emeritus Dr. Ranjit Singh s/o  
Darshan Singh

Tandatangan  
(Signature)

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia:  
(Name of Supervisor/Supervisors)

Assoc. Prof. Dr. Rohani Ab Ghani

Tandatangan  
(Signature)

Tarikh:  
(Date) March 21, 2016

## **Kebenaran Mengguna**

Dalam membentangkan tesis ini, bagi memenuhi syarat sepenuhnya untuk Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) Universiti Utara Malaysia, saya bersetuju bahawa Perpustakaan Universiti boleh secara bebas membenarkan sesiapa sahaja untuk memeriksa. Saya juga bersetuju bahawa penyelia saya atau, jika ketiadaan mereka, Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences (AHS GS) diberi kebenaran untuk membuat salinan tesis ini dalam sebarang bentuk, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, bagi tujuan keserjanaan. Adalah dimaklumkan bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan atau kegunaan tesis ini sama ada sepenuhnya atau sebahagian daripadanya bagi tujuan keuntungan kewangan, tidak dibenarkan kecuali setelah mendapat kebenaran secara bertulis dari saya. Juga dimaklumkan bahawa pengiktirafan harus diberikan kepada saya dan Universiti Utara Malaysia dalam sebarang kegunaan keserjanaan terhadap sebarang petikan daripada tesis saya.

Sebarang permohonan untuk menyalin atau mengguna mana-mana bahan dalam tesis ini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, hendaklah dialamatkan kepada:

Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences

UUM College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Kedah Darul Aman

## Abstrak

Kajian ini membincangkan mengenai sejarah pengurusan pertikaian sempadan antara Britain dan Belanda di Pantai Timur Borneo Utara dari tahun 1878 hingga 1915. Pertikaian sempadan ini melibatkan wilayah Borneo khususnya Borneo Utara bermula pada awal tahun 1800-an lagi. Hal ini sepatutnya dapat diselesaikan melalui beberapa siri mesyuarat iaitu Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Untuk Mempertimbangkan Persoalan Sempadan yang melibatkan Harta Benda Belanda di Pulau Borneo dan Wilayah yang dimiliki oleh Syarikat Borneo Utara Britain 1889 dan Konvensyen 1891. Namun, akhirnya perkara ini hanya berjaya diselesaikan melalui Perjanjian 1915. Belanda telah menduduki wilayah Borneo terutamanya Bulungan pada abad ketujuh belas lagi. Sejak itu, pertikaian sempadan antara Belanda dan Kesultanan Bulungan telah wujud. Pertikaian ini cuba diselesaikan melalui *Contract of Vassalage* pada tahun 1850 dan 1878. Pertikaian di wilayah Borneo, khususnya di Borneo Utara menjadi lebih ketara dengan penyerahan wilayah oleh Sultan Sulu kepada Persatuan Overbeck dan Dent melalui Surat Penyerahan bertarikh 22 Januari 1878. Namun, penyerahan ini telah membawa kepada pertikaian yang berlarutan antara Britain dan Belanda di Pantai Timur Borneo Utara. Kajian ini meneliti sejarah pengurusan pertikaian sempadan antara Britain-Belanda yang telah diadakan pada tahun 1889, 1891 dan 1915 dengan menggunakan kaedah kualitatif melalui pendekatan sejarah. Bahan-bahan rujukan dan maklumat diperoleh melalui kajian kepustakaan. Sebahagian besarnya merupakan rekod-rekod rasmi Britain yang dirujuk di Britain National Archives, Kew, London, Arkib Negara Malaysia dan Arkib Negeri Sabah. Selain itu, dokumen-dokumen yang digunakan oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa semasa pembicaraan tuntutan sempadan antara Malaysia-Indonesia juga diteliti. Sumber sekunder pula terdiri daripada buku, jurnal dan akhbar. Dapatan kajian menunjukkan pertikaian sempadan Britain-Belanda di Pantai Timur Borneo Utara diselesaikan melalui permesyuaratan dan konvensyen. Kajian juga mendapati kaedah diplomasi turut digunakan untuk menyelesaikan pertikaian sempadan pada tahun 1889, 1891 dan 1915. Hasil kajian ini penting kerana dapat dijadikan sebagai satu dokumen *vis a vis* pengurusan pertikaian sempadan khususnya daripada perspektif sejarah. Dapatan kajian ini juga boleh dijadikan rujukan bagi Malaysia dalam berdepan dengan pertikaian sempadan ke atas Pulau Layang-Layang, Spratly, Limbang dan tuntutan Filipina ke atas Sabah yang sedang berlangsung sekarang dan pada masa hadapan.

**Kata Kunci:** Britain, Belanda, Pantai Timur Borneo Utara, pertikaian sempadan, Konvensyen 1891, Perjanjian 1915.

## Abstract

This study discusses the history of border disputes between the British and the Dutch in the East Coast of North Borneo from 1878 until 1915. The disputes involving the Borneo territories, especially in North Borneo, began in the early 1800s. They should have been solved through a series of meetings in the Proceedings of the Joint Commission for deliberation of the Boundaries between the Netherland Indian Possessions on the Island of Borneo and the Territory belonging to the British North Borneo Company, 1889 and the 1891 Convention. Nevertheless, the problems were resolved amicably through the 1951 Agreement. The Dutch had occupied the Borneo region, especially Bulungan in the 17th century. Since then, there had been several border disputes between the Netherlands and the Sultanate of Bulungan. There was an attempt to resolve the dispute through the Contract of Vassalage of 1850 and 1878. Disputes in the Borneo territories became even more acute with the cession of territory by the Sultan of Sulu to Overbeck and Dent Association through the Grant of January the 22<sup>nd</sup> 1878. This cession led to persistent disputes between the British and Dutch in the East Coast of North Borneo. This study examines the history of management of border disputes between Britain and the Netherlands, through a series of meetings held in 1889, 1891 and 1915, using qualitative methods and historical approach. The materials for the study were obtained through library research. Most of the primary sources were official British records found in the British National Archives, Kew, London, the Malaysian National Archives and Sabah State Archives. Also included were official documents used in the International Court of Justice relating to border disputes between Malaysia and Indonesia. The secondary resources referred to include books, journals and newspapers. The finding of the study shows that the British-Dutch border disputes in the East Coast of Borneo were resolved through meetings and conventions. The study also finds that diplomacy was employed to resolve the border disputes in 1889, 1891 and 1915. The findings of this study are important because it can be used a *vis a vis* on managing border disputes especially from a historical perspective. The findings can also be used as reference for Malaysia in dealing with border disputes over the Layang-Layang Island, Spratly Islands, Limbang and the Philippines claim on Sabah, now and in the future.

**Keywords:** British, Dutch, East Coast of North Borneo, Border Disputes, Convention 1891, 1915 Agreement.

## Penghargaan



Alhamdulillah dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang saya telah berjaya menyiapkan tesis ini. Dalam kesempatan ini saya ingin merakamkan penghargaan kepada *Awang Had Saleh Graduate School* dan Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM-CAS kerana telah memberikan peluang kepada saya untuk menyambung pengajian di peringkat Doktor Falsafah. Juga terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia tesis ini iaitu Prof. Madya Dr Rohani Hj Abd Ghani, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah. Melalui nasihat dan tunjuk ajar terutama dalam aspek penelitian bahan-bahan arkib yang diberikan telah membimbing saya dalam melakukan kajian ini.

Rakaman ucapan terima kasih ditujukan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia kerana telah memberi dana penyelidikan sebanyak RM40,000.00 di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) pada tahun 2009. Dana ini diberi melalui Institut Pengurusan Penyelidikan (RMI) Universiti Teknologi MARA. Dengan dana ini saya dapat menjalankan penyelidikan di Arkib National British.

Dalam kesempatan ini saya merakamkan rasa terutang budi kepada Allahyarham Profesor Dato' Nik Anuar Nik Mahmud kerana banyak membantu saya semasa membuat penyelidikan bersama-sama di National Archive (NA), Kew, London. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh beliau. Ucapan setinggi-tinggi terima kasih juga ditunjukkan kepada seluruh kakitangan *Awang Had Saleh Graduate School* dan Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM-CAS, Perpustakaan Sultanah Bahiyah UUM, Perpustakaan Tun Sri Lanang (TSL) UKM, Perpustakaan UiTM Cawangan Sabah, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, Arkib Negeri Sabah dan Perpustakaan Wisma Putra Putrajaya Arkib National British, Kew, London dan Perpustakaan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ). Kakitangan Perpustakaan ICJ telah memberi kerjasama dengan menghantar semua dokumen yang digunakan dalam pembicaraan penyelesaian tuntutan sempadan antara Malaysia-Indonesia pada tahun 2002. Ucapan terima kasih juga ditunjukkan kepada individu yang telah ditemu bual oleh saya.

Tidak ketinggalan rakan-rakan akademik yang selalu memberi perangsang dan sokongan moral kepada saya untuk menyiapkan tesis ini terutama Profesor Ismail Ibrahim, Dekan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan Universiti Malaysia Sabah.

Juga ucapan sekalung penghargaan diberikan kepada seluruh keluarga terutama bapa tercinta dan ahli keluarga. Penghargaan khusus ditujukan kepada isteri tersayang, Mozidah Hamzah atas segala pengertian dan pengorbanan. Tidak lupa kepada anak-anak dan cucu-cucu. Merekalah yang banyak memberi perangsang dan kekuatan kepada saya. Untuk semua ahli keluarga dan rakan-rakan akademik, sesungguhnya hanya ilmu sahaja yang akan mengangkat martabat diri dan nilai sesuatu bangsa. Hanya rahmat Allah jua yang akan menjadi ganjaran terhadap budi baik semua.

وَعَلَيْكُمْ لَسْمٌ وَرَحْمَةٌ مِنَ اللَّهِ وَرَأْفَةٌ

## Kandungan

Kebenaran Mengguna	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v
Kandungan	vi
Senarai Jadual	ix
Senarai Rajah	x
Senarai Simbol	xi
Senarai Singkatan	xii
<b>BAB SATU: PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	9
1.3 Persoalan Kajian	9
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Metodologi Kajian	10
1.6 Sorotan Kepustakaan	13
1.7 Batasan Kajian	25
1.8 Sumbangan Kajian	28
1.9 Susunan Bab	32
<b>BAB DUA: LATAR BELAKANG PENJAJAHAN BRITISH DAN BELANDA DI PANTAI TIMUR BORNEO UTARA DARI TAHUN 1850 HINGGA 1878</b>	<b>36</b>
2.1 Pengenalan	36
2.2 Persaingan Kuasa-Kuasa Besar dan Hubungannya dengan Penempatan Kuasa-Kuasa Besar di Borneo	37
2.3 Pendudukan British di Pulau Balambangan	43



2.4 Perjanjian 1824 dan Hubungan British-Belanda di Borneo	53
2.5 Hubungan Belanda dengan Sultan Bulungan pada tahun 1850 dan 1878 melalui <i>Contract of Vassalage</i>	67
2.5.1 <i>Contract of Vassalage 1850</i>	70
2.5.2 <i>Contract of Vassalage 1878</i>	76
2.6 Rumusan	79
<b>BAB TIGA: PERTIKAIAN SEMPADAN DI PANTAI TIMUR BORNEO UTARA ANTARA BRITISH-BELANDA DARI TAHUN 1879 HINGGA 1889</b>	80
3.1 Pengenalan	80
3.2 Penyerahan Wilayah pada 29 Disember 1877	82
3.3 Penyerahan Wilayah pada 22 Januari 1878	86
3.4 Pertikaian British-Belanda di Pantai Timur dari Tahun 1879 hingga 1889	99
3.5 Rumusan	118
<b>BAB EMPAT: PEMESYUARATAN DALAM PENGURUSAN PERTIKAIAN SEMPADAN BRITISH-BELANDA DI PANTAI TIMUR BORNEO UTARA PADA TAHUN 1899</b>	121
4.1 Pengenalan	121
4.2 Pertikaian Sempadan di Pantai Timur Borneo Utara	123
4.3 Pengurusan Pertikaian Sempadan di Pantai Timur Borneo Utara melalui <i>Proceedings of the Joint Commission Appointed by the British and Netherland Governments for Considering the Question of the Boundary Between the Netherland Indian Possessions on the Island of Borneo And The Territory Belonging to the British North Borneo Company</i>	128
4.4 Rumusan	182

<b>BAB LIMA: KONVENSYEN 1891 DALAM PENYELESAIAN PERTIKAIAN SEMPADAN BRITISH-BELANDA DI PANTAI TIMUR BORNEO UTARA</b>	184
5.1 Pengenalan	184
5.2 Latar Belakang Konvensyen 1891	185
5.3 Inti Pati Konvensyen 1891	188
5.4 Tafsiran terhadap Terma dan Isu dalam Konvensyen 1891	191
5.5 Pelaksanaan dan Pengesahan Konvensyen 1891	193
5.6 Rumusan	225
<b>BAB ENAM: PROSES PERSEMPADANAN WILAYAH PANTAI TIMUR ANTARA BRITISH DAN BELANDA PADA TAHUN 1892 HINGGA 1915</b>	228
6.1 Pengenalan	228
6.2 Pembentangan Konvensyen 1891 di Dewan Parlimen Belanda	229
6.3 Pencanggahan Pendapat Tentang Artikel II Konvensyen 1891	239
6.4 Pengukuran dan Penandaan Sempadan	243
6.5 Persetujuan 1915	262
6.6 Rumusan	265
<b>KESIMPULAN</b>	267
<b>BIBLIOGRAFI</b>	282

## Senarai Jadual

Jadual 6.1.	Jadual Penyelarasan Pemasangan Batu Tanda Granit di Bahagian Timur dan Barat Pulau Sebatik.	253
Jadual 6.2.	Persamaan dan Perbezaan Boundary Delimitation between The Netherland Possessions and The State of British North Borneo (Protokol 1913) dan Agreement between The United Kingdom and The Netherlands Relating to the Boundary between The State of North Borneo and The Netherland Possessions in Borneo (Persetujuan 1915).	260



## Senarai Rajah

Rajah 2.1.	Peta penempatan Kuasa-Kuasa Besar di Borneo dan Asia Tenggara pada abad ke-18 dan 19.	38
Rajah 2.2.	Gambar foto Alexander Dalrymple.	47
Rajah 2.3.	Peta pembahagian kawasan dan pangkalan antara British-Belanda berdasar Perjanjian 1824.	57
Rajah 2.4.	Kedudukan Bulungan dalam Wilayah Berau pada sekitar Tahun 1800-an.	68
Rajah 3.1.	Peta Rasmi Belanda Tahun 1857.	109
Rajah 3.2.	Kedudukan Sungai Atas (warna merah), Sungai Sibuko (warna biru) dan Sungai Tawau (warna hijau).	110
Rajah 3.3.	Kedudukan Batu Tinagat.	118
Rajah 6.1.	Peta menunjukkan garisan sempadan yang telah dipersetujui British dan Belanda.	232
Rajah 6.2.	Peta menunjukkan cadangan persempadanan.	233
Rajah 6.3.	Peta yang dihasilkan oleh Suruhanjaya Persempadan Belanda.	258
Rajah 6.4.	Peta rasmi dilampirkan bersama-sama Persetujuan 1915.	264

## Senarai Simbol

\$	Ringgit
£	Pound sterling



## Senarai Singkatan

pngr.	Penyelenggara
pnyt.	Penyunting
vol.	Volume
jil.	Jilid
hlm.	Halaman
t. th.	Tanpa tarikh
Ed.	Edition



**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

# BAB SATU

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Persaingan diplomatik yang disebabkan oleh pertikaian sempadan telah berlaku di merata dunia pada sepanjang masa. Contohnya apabila jatuhnya Bukit Golan ke tangan Israel dan antara India dan Pakistan bagi mengesahkan hak ke atas Kashmir. Pertikaian sempadan ini hampir seiring dengan perkembangan sejarah manusia, khususnya apabila manusia telah sedar tentang kepentingan institusi dan untuk berorganisasi sama ada dalam bentuk keluarga atau komuniti, terutama sekali apabila timbul kesedaran untuk mempunyai negara sendiri. Konflik sempadan<sup>1</sup> pada zaman atau masyarakat pra-industri terhadap *territory* (pada ketika itu pengertiannya kepada geo-politik-ekonomi-sosiobudaya yang sama seperti sesebuah empayar), lazimnya lebih dimainkan oleh seseorang tokoh pemimpin. Apabila meletus pertikaian sempadan, ia akan melibatkan tempoh masa tertentu dan beberapa kaedah perlu dilaksanakan sebagai satu usaha pengurusan diplomasi.<sup>2</sup>

Dalam sejarah geo-politik dan diplomatik Malaysia dengan negara-negara jiran, Malaysia terlibat dengan tuntutan ke atas Patani, Mindanao, Aceh, Timor Timur, Pulau Layang-Layang. Kepulauan Spratly, Pulau Batu Putih, Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan.<sup>3</sup> Negara-negara jiran khususnya Brunei dan Filipina masing-masing

---

<sup>1</sup>Istilah konflik sempadan dan pertikaian sempadan digunakan secara silih berganti.

<sup>2</sup>Kaedah-kaedah ini ialah konsultasi (*consultation*), negosiasi (*negotiation*), menggunakan saluran yang betul, sah dan dijalankan oleh orang-orang yang amanah dan berintegriti (*good offices*) dan inkuiri-*(inquiry)*. Lihat Sven M. G. Koopmans, *Diplomatics Dispute Settlement: The Use of Inter-State Conciliation*, Netherlands: T. M. C. Asser Press, 2008, hlm. 19.

<sup>3</sup>Lihat D. S. Ranjit Singh, D. S., *Boundary delineation in the Sabah-Indonesia-Philippine region and the Sipadan and Ligitan case in the ICJ, (Inaugural Lecture)*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2004, Nik Anuar Nik Mahmud, *Konfrontasi Malaysia Indonesia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000, hlm. kulit dalam tanpa nombor, Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Perjuangan Patani, 1785-1954*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999, hlm. kulit

membuat tuntutan ke atas Limbang<sup>4</sup> dan Borneo Utara (sekarang Sabah).<sup>5</sup> Dengan kedudukan geografi iaitu terutamanya kepada negara-negara yang berjiran dan negara-negara ini pula tidak mematuhi perjanjian yang telah tersedia ada sejak dahulu lagi, dan tambahan mereka pula mempertikaian kesahan perjanjian tersebut pada masa kini, telah menyebabkan terdedahnya negara-negara yang berjiran ini kepada konflik sempadan. Kajian juga telah dibuat terhadap sembilan negara yang berjiran dan kajian ini menunjukkan negara-negara yang berjiran sememangnya mempunyai pertikaian sempadan dan telah membawa kepada peperangan.<sup>6</sup> Namun demikian, di Malaysia pertikaian sempadan ini belum lagi terbukti dengan

---

dalam tanpa nombor dan Gerardo M. C. Valero, *The dispute over the Spratly Archipelago: is the question of sovereignty still relevant ?* Institute of International Legal Studies, University of the Philippines Law Center, Diliman, Quezon City, 1993, Dzurek, D. J., "The Spratly Islands dispute: who's on first?" dalam *Maritime Briefings* 2 (1), 1996, Hancox, D. & Prescott, V. "A geographical description of the Spratly Islands and an account of hydrographic surveys amongst those islands" dalam *Maritime Briefings* 1 (1), 1996, Haller-Trost, R., "Historical legal claims: a study of disputed sovereignty over Pulau Batu Putih/Pedra Branca" dan "The Brunei-Malaysia dispute over territorial and maritime claims in international law" dalam *Maritime Briefings* 1 (1), 1996. Walau bagaimanapun tuntutan ke atas Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan, dan Pulau Batu Putih masing-masing telahpun diselesaikan melalui perbicaraan di Mahkamah Keadilan Antarabangsa pada 17 Disember 2002 dan 23 Mei 2008. Lihat International Court of Justice: *Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia)*, General List no. 102, 17 December 2002, Report of Judgments, Advisory Opinions and Orders, International Court of Justice, Case concerning Sovereignty Over Pedra Branca/Pulau Batu Putih, Middle Rocks and South Ledge (Malaysia/Singapore, Judgement of 23 May 2008 dan D. S. Ranjit Singh, *Boundary delineation in the Sabah-Indonesia-Philippine region and the Sipadan and Ligitan case in the ICJ*, (Inaugural Lecture). Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2004.

<sup>4</sup>Lihat C. N. Crisswell, "The origins of the Limbang claim" dalam *Journal of Southeast Asian Studies* (JSEAS), vol. 11, No. 2, September 1971.

<sup>5</sup>Lihat Nik Anuar Nik Mahmud, *Tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2001 dan Mohd Ariff bin Dato' Hj. Othman, *Tuntutan Filipina terhadap Sabah: implikasi dari segi sejarah, undang-undang dan politik*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988. Buku Mohd Ariff ini adalah terjemahan daripada buku beliau yang bertajuk *The Philippines' claim to Sabah: its historical, legal and political implications*. Singapore: Oxford University Press, 1970.

<sup>6</sup>John A. Vasques, "Distinguishing Rivals that Go to War from Those that Do Not: A Quantitative Comparative Case Study of the Two Paths to War" dlm. John A. Vasquez & Marie T. Henahan, *Territory, War and Peace*, London: Routledge, 2011, hlm. 40 dan 52 (nota kaki 7). Sembilan peperangan yang ditemui dalam kajian ini ialah Greek-Turki, India-Pakistan, Isreal-Arab, Isreal-Syria, Korea Utara-Korea Selatan, Bolivia-Chile, Bolivia-Paraguay, Peru-Chile dan Iran-Iraq.



peperangan kecuali kes terpencil yang berlaku pencerobohan di Lahad Datu pada Mac 2013.<sup>7</sup>

Sebagai pembuka tirai pada abad ke-21, konflik sempadan ini yang melibatkan Malaysia ialah tuntutan Indonesia terhadap Malaysia bagi mendapatkan hak milik ke atas Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan yang terletak di perairan Teluk Sibuku/Laut Sulawesi. Namun begitu konflik sempadan Indonesia-Malaysia ini telahpun selesai apabila Mahkamah Keadilan Antarabangsa (*International Court of Justice* - ICJ)<sup>8</sup> telah membuat penghakiman pada 7 Disember 2002 bahawa kedua-dua pulau tersebut menjadi milik Malaysia.<sup>9</sup> Kemudiannya dituruti dengan penyelesaian konflik sempadan yang melibatkan Malaysia dan Singapura terhadap Batu Puteh (*Pedra Branca*) dan pulau-pulau sekitarnya seperti Batuan Tengah (*Middle Rock*) dan Tubir Selatan (*South Ledge*) pada Mei 2008. Keputusan ICJ pada 23 Mei 2008, ialah Pulau Batu Puteh milik Singapura sementara Batuan Tengah milik Malaysia

---

<sup>7</sup>Abdul Ghani Patail, *Putting to Rest the Claim by The Self-Proclaimed Sultanate of Sulu*, Kuala Lumpur: Razak School of Government and Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2013, hlm. 123. Pencerobohan ini juga mendapat liputan meluas dalam akhbar-akhbar tempatan dan luar negara. Contohnya, lihat *Berita Harian*, 1 Mac 2013, *Berita Harian*, 3 Mac 2013, *Berita Harian*, 4 Mac 2013, *Berita Harian*, 5 Mac 2013, *Berita Harian*, 6 Mac 2013, *Berita Harian*, 12 Mac 2013, *Borneo Post*, 6 Mac 2013, *Daily Express*, 21 Mac 2013, *Daily Express*, 23 Mac 2013, *New Sabah Times*, 21 Mac 2013, *Global Inquirer*, 17 Februari 2013, *Manila Bulletin*, 16 Oktober 2012, *New Straits Times*, 4 Mac 2013, *New Straits Times*, 27 Mac 2013, *Philippine Daily Inquirer*, 23 Februari 2013, *Philippine Daily Inquirer*, 26 Februari 2013, *Philippine Daily Inquirer*, 1 Mac 2013, *Philippine Daily Inquirer*, 17 Februari 2013, *The Guardian*, 7 Mac 2013, *The Manila Times*, 16 Februari 2013, *The Manila Times*, 23 Februari 2013, *The Star*, 1 Mac 2013, *The Star*, 7 Mac 2013, *The Star*, 13 Mac 2013, *The Star*, 21 Mac 2013, *The Star*, 7 Mac 2013, *The Sun Daily*, 17 Mac 2013, *Utusan Malaysia*, 22 Februari 2013, *Utusan Malaysia*, 28 Februari 2013, *Utusan Malaysia*, 3 Mac 2013, *Utusan Malaysia*, 6 Mac 2013, *Utusan Malaysia*, 8 Mac 2013, *Utusan Malaysia*, 3 Mac 2013 dan *Washington Examiner*, 3 Mac 2013.

<sup>8</sup>Selepas ini akan digunakan singkatan ICJ.

<sup>9</sup>Untuk maklumat lanjut, lihat D. S Ranjit Singh, *Boundary Delineation in the Sabah-Indonesia-Philippine Region and the Sipadan and Ligitan Case in the ICJ*, (Inaugural Lecture), University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 2004; Nik Anuar Nik Mahmud, *Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan: isu sempadan dan kedaulatan*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2003.

manakala status Tubir Selatan pula akan ditentukan kemudian berdasarkan di perairan mana ia terletak.<sup>10</sup>

Dari segi sejarah, konflik sempadan kawasan Kepulauan Borneo adalah ekoran daripada saki baki dan dasar imperialisme penjajah<sup>11</sup> iaitu empat negara kuasa besar yang terdiri daripada Portugis, Sepanyol, Belanda dan Inggeris di Filipina. Sejarah pertikaian ini bermula dengan Kepulauan Sulu yang terletak di antara pantai timur Pulau Borneo (merangkumi Brunei, Borneo Utara<sup>12</sup> dan Sarawak) dan Mindanao, yang terdiri daripada lima kumpulan pulau, iaitu Tawi Tawi, Tapul, Jolo, Pangutaran dan Samal. Kepulauan ini merangkumi beberapa pulau kecil, antaranya Omapui, Tumindao, Saluag, Sibutu, Bongao, Tata'an, Ubian Selatan, Lipak, Assi, Para, Patikul, Ubian Utara, Simunul, Laparan, Siassi, Lapac, Lugus, Tapul, Pata, Balangingi, Tunkil dan Pilas. Pulau-pulau ini terpisah dari pantai timur Borneo oleh Terusan Alice yang di bahagian timurnya terdapat Laut Sulu dan di bahagian selatannya pula terdapat Laut Sulawesi. Di bahagian sebelah Mindanao pula, Kepulauan Sulu ini dipisahkan oleh Teluk Maluso, Pulau Basilan yang terletak

---

<sup>10</sup>Report of Judgments, Advisory Opinions and Orders, International Court of Justice, Case concerning Sovereignty Over Pedra Branca/Pulau Batu Putih, Middle Rocks and South Ledge (Malaysia/Singapore, Judgement of 23 May 2008).

<sup>11</sup>D. S Ranjit Singh, *Boundary Delineation in the Sabah-Indonesia-Philippine Region...*, hlm. 2. Tindakan negara-negara kuasa besar ini bukan sekadar dilihat sebagai menjalankan dasar imperialisme tetapi bersekali dengan usaha penerobosan. Untuk maklumat lanjut, lihat Abdullah Zakaria Ghazali, *Pasir Salak: Pusat gerakan menentang British di Perak*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1997, bab 1.

<sup>12</sup>Sebelum tahun 1881, Sabah tidak wujud sebagai sebuah negeri tetapi sebagai wilayah yang ditadbir atas nama sahaja oleh Kesultanan Brunei dan Sulu. Pada Januari 1878, Sabah menjadi unit politik yang terasing daripada Kesultanan Brunei dan Sulu. Pada tahun 1880, Baron von Overbeck menjual semua kepentingan kepada Dent Brothers sebelum Syarikat Berpiagam Borneo Utara British dibentuk. Lihat D. S Ranjit Singh, *The Making of Sabah, 1865-1941*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 2000, hlm. 139-143.

Sebelum wujudnya Sabah, wilayah itu dikenali sebagai Borneo Utara. Selepas ini penulis akan menggunakan perkataan Sabah dan Borneo Utara secara silih berganti. Pantai timur Borneo ialah bahagian Sandakan dan Tawau yang terletak dalam wilayah Borneo Utara.

bersebelahan dengan Pulau Mindanao.<sup>13</sup> Berasaskan kepada kedudukan pulau-pulau ini, nyatalah hubungan dari segi geografi adalah sangat dekat. Kepulauan Sulu berada di tengah-tengah jalan laut antara Sabah dan Pulau Mindanao (Filipina) telah membantu Kesultanan Sulu untuk berhubung dengan negeri-negeri Kepulauan Melayu khususnya dari aspek perdagangan dan diplomatik telah bermula seawal abad ke-18.<sup>14</sup>

Sejarah pertikaian sempadan di Borneo Utara dan khususnya Pantai Timur Borneo pada tahun 1800-an antara British dan Belanda terbukti dengan kewujudan Perjanjian British-Belanda 1824, terutamanya berkaitan dengan hal ehwal perdagangan. Sementara itu pertikaian sempadan antara British dan Kesultanan Bulungan di wilayah Bulungan adalah jelas apabila adanya persetujuan yang dikenali sebagai “*Contract of Vassalage*” yang ditandatangani pada 12 November 1850.<sup>15</sup> Kemudiannya berlaku lagi persetujuan kali kedua iaitu “*Contract of Vassalage*” yang ditandatangani pada 2 June 1878.<sup>16</sup>

---

<sup>13</sup>Lihat *Peta Sabah*. Edisi ke-2. Cetak ulang 1988. Skala 1:1,250,000. Pengarah Pemetaan Negara, Malaysia, 1983, J. F. Warren, *The Sulu zone, 1768-1898*. Singapore: Singapore University Press, 1981, hlm. x, W. F. Arce, *Before the secessionist storm: muslim-christian politics in Jolo, Sulu, Philippines, 1961-1962*. Occasional Paper No. 73. Singapore: Maruzen Asia, 1983, hlm. kulit dalam bahagian hadapan buku dan N. Tarling, *Sulu and Sabah: a study of British policy towards the Philippines and North Borneo from the late eighteenth century*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1978, hlm. kulit dalam bahagian belakang buku.

<sup>14</sup>J. F. Warren, *The Sulu zone...*, dan G. Irwin, *Borneo abad kesembilan belas: Kajian mengenai persaingan diplomatik*. Terj. Mohd. Nor Ghani & Noraini Ismail. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1955.

<sup>15</sup>Persetujuan ini ditandatangani oleh Jacobus Gerardus Arnoldus Gallios, Pemangku Residen Bahagian Selatan dan Timur Borneo (*Acting Resident for the Southern and Eastern Divisions of Borneo*) dengan Muhammed Khahar-Oedien, Sultan Bulungan. Lihat *Contract between the Netherlands and the Sultan of Boeloengan*, November 12, 1850 dlm. *Memorial of Malaysia*, vol. 2, 2 November 1999, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Submitted by the Government of Malaysia, hlm. 5-7.

<sup>16</sup>Persetujuan ini ditandatangani Syarikat Guamana Jacobus Meijer, Knight & C., yang mewakili Kerajaan Belanda dengan Muhammed Khahar-Oedien, Sultan Bulkungan. Lihat *Contract between the Netherlands and the Sultan of Boeloengan*, November 12, 1850 dlm. *Memorial of Malaysia*, vol. 2, 2

Kajian ini juga tidak menolak bahawa Surat Penyerahan Sultan Brunei (1877)<sup>17</sup> dan Sultan Sulu (1878)<sup>18</sup> juga telah menyumbang kepada pertikaian sempadan antara British dan Belanda di Pantai Timur Borneo Utara. Pengurusan diplomasi dalam sejarah pertikaian sempadan di Pantai Timur Borneo Utara sekitar 1800-an menjadi rujukan dalam kes penyelesaian sempadan Malaysia-Indonesia yang melibatkan Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan. Kedua-dua pihak menggunakan sejarah pengurusan pertikaian sempadan di Pantai Timur Borneo Utara 1800-an, iaitu Konvensyen 1891 dan Persetujuan 1915 (*Agreement 1915*) sebagai asas dan titik perbincangan semasa perbicaraan di ICJ pada tahun 2002 dan 2008. Maklumat tentang Konvensyen 1891 ini merupakan bahan arkib dan dokumen sejarah yang mengandungi fakta, kenyataan dan lampiran seperti peta, perjanjian dan lain-lain lagi yang digunakan dalam pembicaraan pertikaian ini.<sup>19</sup>

---

November 1999, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Submitted by the Government of Malaysia, hlm. 39-41.

<sup>17</sup>Pada 29 Disember 1877, Sultan Abdul Mu'min ibn Al-Marhum Seri Paduka Maulana Abdul Wahab pula telah menandatangani tiga pucuk surat perjanjian dengan Overbeck dan Dent untuk memberi pajak tiga kawasan iaitu (1) *Grant by Sultan of Brunei of Territory Comprising Gaya Bay and Sepanggar Bay, December 29, 1877* (2) *Grant by Sultan of Brunei of Territories from Paitan to Sibuku River, December 29, 1877*<sup>17</sup> dan (3) *Grant by Sultan of Brunei of Territories from Sulaman River to River Paitan, December 29, 1877* yang kesemuanya dimeterai pada 29 Disember 1877. Lihat FO 572/7, Inclosure 1 in No. 131, Agreements respecting the Cession of Territory to Messrs. Dent, Overbeck, and Co.

<sup>18</sup>*Grant by Sultan of Sulu of Territories and Lands on the Mainlands of the Island of Borneo* pada 22 Januari 1878.

<sup>19</sup>Memorial, Submitted by the Government of the Republic of Indonesia, vol. 1, 2 Januari 1999, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia); Memorial, Submitted by the Government of the Republic of Indonesia, vol. 2, (Annexes 1 to 56), 2 Januari 1999, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia); Memorial, Submitted by the Government of the Republic of Indonesia, vol. 3, (Annexes 57 to 118), 2 Januari 1999, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia); Memorial, Submitted by the Government of the Republic of Indonesia, vol. 4, (Annexes 119 to 183), 2 Januari 1999, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia); Reply of Malaysia, 2 March 2001, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia); Reply, Submitted by the Government of the Republic of Indonesia, vol. 1, 2 March 2001, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan, (Indonesia/Malaysia); Reply, Submitted by the Government of the Republic of Indonesia, vol. 2 (Annexes), 2 March 2001, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan

Ternyata Konvensyen 1891 dan Persetujuan 1915 sangat penting bukan sahaja dalam penyelesaian pertikaian sempadan di Pantai Timur Sabah pada tahun 1800-an antara British dan Belanda tetapi ia juga menjadi rujukan dalam penyelesaian pertikaian sempadan antara Malaysia-Indonesia. Pada zaman kontemporari ini iaitu semasa membaca hujah keputusan penghakiman pun, Gilbert Guillaume, Presiden ICJ yang mengetuai pembicaraan dan penghakiman pertikaian sempadan Malaysia-Indonesia telah menyebut tidak kurang daripada 97 kali perkataan Konvensyen 1891 manakala Persetujuan 1915 pula disebut sebanyak 25 kali.<sup>20</sup> Persetujuan 1915 ini telah menyelesaikan pertikaian sempadan antara British dan Belanda.

Kajian ini berkisar kepada terma utama, iaitu pertikaian sempadan,<sup>21</sup> persaingan diplomatik<sup>22</sup> dan pengurusan diplomasi. Sempadan dalam konteks kajian ini ialah bermaksud kawasan atau daerah di bawah naungan sesuatu negara atau kerajaan, atau tanah jajahan sesebuah kerajaan, dan dalam keadaan ini kawasan tersebut adalah kedaulatannya.<sup>23</sup> Pertikaian pula membawa maksud pertelingkahan, perkelahian,

---

(Indonesia/Malaysia); Counter – Memorial of Malaysia, vol. 1, 2 August 2000, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia); Counter, Submitted by the Government of the Republic of Indonesia, vol. 1, 2 August 2002 dan International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia); Counter, Submitted by the Government of the Republic of Indonesia, vol. 2 (Annexes), 2 August 2000.

<sup>20</sup>General List no. 102, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), 17 December 2002, dlm. <http://www.icj-cij.org/docket/files/102/7714>. Lihat juga Nik Anuar Nik Mahmud, *Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan: isu sempadan dan kedaulatan*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2003, Lampiran 20.

<sup>21</sup>Untuk maklumat lanjut tentang definisi pertikaian sempadan, *Grolier Encyclopedia*, vol. VII, Grolier, New York, hlm. 120. Dalam kajian ini frasa pertikaian sempadan, konflik sempadan dan perkataan sempadan, wilayah digunakan silih berganti.

<sup>22</sup>Untuk maklumat lanjut tentang definisi persaingan diplomatik, lihat *Ibid.*, hlm. 114.

<sup>23</sup>Untuk maklumat lanjut tentang definisi kedaulatan, lihat William A. Darity (pnyt.), *International encyclopedia of the social sciences* (2<sup>nd</sup> edition), vol 8, Thomson Gale, Detroit, 2008, hlm. 38-39.

persengketaan atau pertentangan. Dalam bahasa biasa, ia bermaksud berebut kawasan.<sup>24</sup>

Dalam usaha penyelesaian pertikaian ini, telah timbul persaingan diplomatik dalam kalangan negara-negara terlibat dengan sempadan yang dipertikaikan, iaitu Borneo Utara dan juga pulau-pulau yang terletak di perairan Laut Sulu dan Laut Sulawesi yang berdekatan dengan Borneo Utara. Dalam kajian ini terdapat dua pihak yang bersaing ke atas sempadan yang dipertikaikan. Kedua-dua pihak ini terdiri daripada negara-negara kuasa besar seperti British, Belanda, Kesultanan Sulu dan kaum kerabatnya. Kesemua pihak yang terlibat dalam persaingan diplomatik ini telah menggunakan pelbagai usaha pengurusan diplomasi seperti konsultasi (*consultation*), negosiasi atau perundingan (*negotiation*), menggunakan saluran yang betul, sah dan dijalankan oleh orang-orang yang amanah dan berintegriti (*good offices*) dan inkuiri (*inquiry*)<sup>25</sup> untuk menyelesaikan masalah pertikaian sempadan yang dihadapi oleh mereka.

Hasil daripada usaha-usaha tersebut telah membawa kepada pembentukan dan pengisytiharan perjanjian, konvensyen dan sekiranya usaha ini tidak kesampaian, ianya berkesudahan dengan penyelesaian di mahkamah, iaitu ICJ terutamanya dalam kes penyelesaian antara Malaysia-Indonesia dan Malaysia-Singapura. Tidak dinafikan juga pertikaian sempadan ini juga, akibat daripada usaha-usaha untuk

---

<sup>24</sup>Untuk maklumat tentang definisi pertikaian, lihat Richard B. Bilder, "An overview of international dispute settlement" dlm. *Journal of International Dispute Resolution*, vol. 1, 1986, hlm. 4. Dlm. Mary Ellen O'Connell (pnyt.), *International Dispute Settlement*, Dartmouth, England, 2003, hlm. 6, *Grolier encyclopedia*, vol. II, Grolier, New York, hlm. 70-7, Neil J. Smelser, Paul B. Baltes (pnyt.), *International encyclopedia of the social & behavioral sciences*, vol. 6, Elsevier, Amsterdam, 2001, hlm. 3775-5 dan Frank N. Magill (pnyt.), *Survey of social science: Sociology series*, vol. I, Salem Press, Pasadena, California, 1994. 340.

<sup>25</sup>Sven M. G. Koopmans, *Diplomatic Dispute Settlement...*, hlm. 19-29.

penyelesaian gagal, maka tercipta sejarah tragedi berdarah yang baharu di Malaysia iaitu apabila berlaku pencerobohan di Lahad Datu pada Mac 2013.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Masalah persempadanan merupakan isu yang sering menjadi duri dalam daging dalam hubungan antara negara. Dalam soal ini, Malaysia turut berhadapan dengan isu persempadanan dengan negara-negara jirannya iaitu Indonesia, Singapura, Filipina dan Thailand sejak merdeka hingga kini. Konflik ini adalah saki baki peninggalan sejarah politik dan pentadbiran serta dasar imperialisme penjajah British di Tanah Melayu dan dasar kolonialisme oleh kuasa-kuasa besar yang lain.

Justeru kajian ini memberi tumpuan kepada isu persempadanan antara British dan Belanda di Pantai Timur Borneo Utara dan juga masalah-masalah timbul daripada isu ini. Kajian ini juga menjelaskan usaha untuk menyelesaikan pertikaian itu melalui diplomasi. Ternyata permasalahan kajian ini memperlihatkan persoalan isu-isu persempadanan yang dialami Malaysia dengan negara-negara jirannya, tuntutan Filipina terhadap Sabah yang belum menemui noktahnya sehingga hari ini.

## **1.3 Persoalan Kajian**

Tiga (3) persoalan kajian bagi penyelidikan ini iaitu:


1. Apakah kaedah diplomasi yang telah digunakan oleh kuasa-kuasa besar iaitu British dan Belanda untuk menyelesaikan pertikaian sempadan Pantai Timur Borneo Utara pada 1878 hingga 1915?
2. Apakah proses persempadanan di wilayah Pantai Timur yang telah diambil oleh British dan Belanda pada tahun 1878 hingga 1915?

3. Apakah natijah daripada diplomasi yang telah dijalankan oleh British dan Belanda berkenaan dengan pertikaian sempadan di Pantai Timur Borneo Utara pada 1878-1915?

#### **1.4 Objektif Kajian**

Sementara objektif kajian ini pula ialah:

1. Mengenal pasti kaedah diplomasi yang telah digunakan oleh kuasa-kuasa besar iaitu British dan Belanda untuk menyelesaikan pertikaian sempadan Pantai Timur Borneo Utara pada 1878-1915.
2. Meneliti proses persempadanan di wilayah Pantai Timur yang telah diambil oleh British dan Belanda pada tahun 1878 hingga 1915.
3. Menilai pencapaian pengurusan diplomasi yang telah berlaku antara British dan Belanda berkenaan dengan pertikaian sempadan di Pantai Timur Borneo Utara pada 1878-1915.



UUM  
Universiti Utara Malaysia

#### **1.5 Metodologi Kajian**

Kajian ini merupakan kajian sejarah yang berteraskan kaedah penyelidikan dokumen. Penulis akan menggunakan bahan-bahan seperti fail-fail dan mikrofilem yang dikategorikan sebagai sumber utama dalam disiplin pengajian sejarah yang diperoleh daripada di Arkib Negeri Sabah, Arkib Negara Malaysia, *Public Record Office*, London dan *National Archives*, Washington D. C. Dokumen yang terdapat di dalam fail-fail ini merupakan dokumen kerajaan yang dikelaskan sebagai rahsia besar, rahsia besar dan persendirian, rahsia, sulit dan terhad. Rekod tentang kajian ini banyak tersimpan dalam fail-fail seperti *Colonial Office* (CO), *Foreign Office* (FO), *Prime Minister Office* (PREM), *Cabinet Office* (CAB) dan *North Borneo Central*



*Archive* (NBCA) yang lebih dikenali fail merah jambu.<sup>26</sup> Di samping itu surat khabar juga dirujuk seperti *The British North Borneo Herald and Official Gazette*.

Untuk kajian ini, penulis telah menggunakan bahan-bahan arkib terutamanya CO 531/22/8: Anglo-Dutch boundary in Borneo, 1930 May 3-Sept. 26, CO 874/191: Correspondence regarding the Dutch Boundary: British North Borneo Company – Papers. Miscellanea, 1846-1889, CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, CO 874/500: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary (MFQ 1/1122: 1 item extracted from CO 874/500. Borneo: Sebatik Island. Map showing the delimitation of the boundary between British territory (now in Malaysia) and Dutch territory (now in Indonesia) and all rivers crossing the frontier (with names). Scale: 1 inch to about 10 miles. Lines of latitude and longitude.), 1913 – 1914, CO 874/503: British North Borneo Company: Papers. Correspondence. Anglo-Dutch Boundary Agreement, 1915, FO 12/86: Papers and maps relating to the question of the boundary of the Netherlands possessions in Borneo including: the Dutch encroachments in North Borneo and the Spanish encroachments through their claims over Sulu islands; a UK-German initiative to restrict Spanish claims and a UK-German-Spanish Treaty; problems of granting charter to the British North Borneo Company in view of conflicting jurisdictional claims in North Borneo. Includes survey maps of the North Borneo coastline, 1761-1891, FO12/87: Foreign Office Political and Other Department – General Correspondence before 1906, Borneo, British North Borneo Company, 1 January 1891 - 31 May 1891, FO12/90: Foreign Office Political and Other Department – General Correspondence before

---

<sup>26</sup>Fail merah jambu terdapat di Arkib negeri Sabah.

1906, Borneo, British North Borneo Company, 1892<sup>27</sup> dan juga FO 572/7, Affairs in Sulu and Concessions of Territory in Borneo to Messrs. Dent and Overbeck Further Correspondence. Part III, 1877 Feb.-1879.

Kebanyakan rekod dalam bahan-bahan arkib ini juga telah didokumentasikan kerajaan Malaysia dan Indonesia dan digunakan dalam sepanjang pembicaraan di ICJ.<sup>28</sup> Bahan-bahan ini dalam dokumen ini selain bahan arkib dan dokumen sejarah yang mengandungi fakta, kenyataan terdapat juga lampiran seperti peta, perjanjian dan lain-lain lagi yang menjadi sumber rasmi dan *authentic* bagi kedua-dua kerajaan. Sesetengah dokumen yang tercicir dari CO 531/22/8, CO 874/191, CO 874/499, CO 874/500, FO 12/86, FO12/87, FO12/90 dan FO 572/7<sup>29</sup> terdapat dalam dokumen ICJ tersebut. Bahan-bahan dari ICJ adalah sumber baharu dalam bidang kajian seumpama pertikaian sempadan ini dan menjadi rujukan penulis.

---

<sup>27</sup>Dokumen-dokumen ini juga terdapat dalam gelung mikro filem M91/1981 - CO 874/497-505: British North Borneo Co. Papers, 1927-1941 di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur dan M573/83 - CO 531/22: Anglo-Dutch Boundary in Borneo di Arkib Negeri Sabah.

<sup>28</sup>Sebahagian besar bahan ini didokumentasikan dalam Memorial, Submitted by the Government of the Republic of Indonesia, vol. 1, 2 Januari 1999, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia); Memorial, Submitted by the Government of the Republic of Indonesia, vol. 2, (Annexes 1 to 56), 2 Januari 1999, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia); Memorial, Submitted by the Government of the Republic of Indonesia, vol. 3, (Annexes 57 to 118), 2 Januari 1999, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia); Memorial, Submitted by the Government of the Republic of Indonesia, vol. 4, (Annexes 119 to 183), 2 Januari 1999, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia); Reply of Malaysia, 2 March 2001, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia); Reply, Submitted by the Government of the Republic of Indonesia, vol. 1, 2 March 2001, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan, (Indonesia/Malaysia); Reply, Submitted by the Government of the Republic of Indonesia, vol. 2 (Annexes), 2 March 2001, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia); Counter - Memorial of Malaysia, vol. 1, 2 August 2000, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia); Counter, Submitted by the Government of the Republic of Indonesia, vol. 1, 2 August 2002 dan International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia); Counter, Submitted by the Government of the Republic of Indonesia, vol. 2 (Annexes), 2 August 2000.

<sup>29</sup>Untuk mendapat perincian tentang nama-nama fail ini, lihat halaman 11-12 di atas.

Penyelidikan di arkib, perpustakaan dan rujukan juga dibuat khususnya untuk sumber sekunder seperti buku dan kertas kerja, kamus dan ensiklopedia, terutamanya untuk mendapat penjelasan tentang istilah dan rangkai kata tertentu. Selain kaedah-kaedah yang dinyatakan, yakni menggunakan kaedah kualitatif iaitu dalam masa yang sama lawatan ke kawasan yang terlibat dengan kawasan pertikaian<sup>30</sup> turut juga dijalankan dengan tujuan untuk melihat keadaan yang sebenar kawasan yang pernah berlakunya pertindihan dan pertikaian khususnya kawasan-kawasan disebut Konvensyen 1891 dan pulau-pulau yang terlibat dalam kes tuntutan bertindih.

## 1.6 Sorotan Kepustakaan

Tajuk kajian ini ialah tentang kajian pengurusan diplomasi pertikaian sempadan antara British dan Belanda di Pantai Timur Borneo Utara pada tahun 1878 hingga 1915. Walaupun mauduk kajian bermula pada 1878, sorotan perpustakaan bermula dengan Perjanjian 1824 dan Belanda di Bulungan.<sup>31</sup>

Terdapat beberapa tulisan yang secara tidak langsung menyentuh tajuk ini khususnya yang membicarakan kedudukan Sabah pada peringkat awal semasa di bawah pemerintahan Kesultanan Brunei dan Sulu, contohnya artikel J. Kathirithamby-

---

<sup>30</sup>Penulis dan Allahyarham Dato' Profesor Dr. Nik Anuar Nik Mahmud, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi telah melawat Batu Tinagat dan Pulau Sebatik pada 16 Ogos dan 17 Ogos 2008.

<sup>31</sup>Tulisan-tulisan yang ditemui yang berkaitan dengan Bulungan kebanyakannya berkisar tentang hubungan Belanda dengan Kesultanan Bulungan. Tulisan-tulisan tidak menggunakan sumber primer dan perbincangan tertumpu dari perspektif ekonomi. Untuk maklumat lanjut, lihat Burhan Djabier Magenda, *East Kalimantan: The Decline of a Commercial Aristocracy*, Singapore: Equinox, 2010, Vincent J. H. Houben, "The Regional History of Northeast Borneo in the Nineteenth Century (with special reference to Bulungan)" dlm. Counter – Memorial of Malaysia, vol. 1, 2 August 2000, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Akbarsyah, *Tarakan Menghimbau*. Kalimantan Timur: Pemerintah Daerah Kota Tarakan, 2001, Akbarsyah, *Kerajaan Tarakan: Satu Kenangan*. Kalimantan Timur: Pemerintah Daerah Kota Tarakan, 2003, Bernard Sellato, *Forest, Resources and People in Bulungan*, Bogor Barat, Indonesia: Center for International Foresting Research, 2001 dan D. Pickell, *Indonesia, Borneo and Kalimantan*. Singapura: Periplus Editions, 1922.

Wells yang bertajuk “Sarawak dan Sabah: Asal Usulnya”.<sup>32</sup> Artikel ini menjelaskan kedudukan Borneo pada abad keenam belas yang penuh kegemilangan dan bagaimana Sultan Brunei menyerahkan Sabah kepada Sultan Sulu. Namun tulisan ini hanya menjadi bacaan ringan sahaja kerana ia tidak disandarkan kepada sebarang sumber.

Berlainan dengan tulisan I. D. Black yang bertajuk “The Ending of Brunei Rule in Sabah, 1878-1902” yang banyak menggunakan sumber utama, iaitu Fail 1287, Fail 1416 (report by Governor Treacher 1882), CO 874, dan Buku Catatan Harian pegawai-pegawai British di Sabah, iaitu W. Pretyman,<sup>33</sup> W. B. Pryer,<sup>34</sup> A. H. Everette, H. L. Leicester<sup>35</sup> dan F. Witt.<sup>36</sup> Tulisan ini mencatat, antara lainnya tentang penyerahan Pulau Borneo sebagaimana berikut:

*On 29<sup>th</sup> December 1877 in Brunei a business transaction was concluded between Sultan Mumin, one of his chief ministers the Pengiran Temenggong, and an Austrian businessman from Hong Kong, Baron Von Overbeck. (...) The negotiations were assisted at, and supervised by the acting Governor in the British colony of Labuan, and acting Consul-General for Borneo, William Treacher.<sup>37</sup>*

---

<sup>32</sup>J. Kathirithamby-Wells. 1971. “Sarawak dan Sabah: asal usulnya” dlm. Zainal Abidin Abd. Wahid (pnys. & pnyt.). *Sejarah Malaysia sa-pintas lalu*, hlm. 136-143. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>33</sup>Residen di Residen Pantai Barat.

<sup>34</sup>Residen bagi Residen Pantai Timur.

<sup>35</sup>A. H. Everette dan H. L. Leicester, kedua-duanya pernah bertugas sebagai Residen di Papar.

<sup>36</sup>Beliau berasal dari Austria dan menjadi penjelajah tersohor Pulau Borneo pada sekitar tahun 1880-an.

<sup>37</sup>I. D. Black, “The Ending of Brunei rule in Sabah 1878-1902” dlm. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 41(2), 1968, hlm. 142.

Selain itu, tulisan ini juga membicarakan pentadbiran para pegawai British seperti William Pryer di Pantai Timur, William Pretyman di Pantai Barat, dan H. L. Leicester dan A. H. Everett di Papar dalam menghadapi kerendah penduduk tempatan, khususnya yang masih lagi terpengaruh dengan Kesultanan Sulu dan Brunei, serta pemilikan Sabah oleh Syarikat Berpiagam Borneo Utara. Bagi I. D. Black, "...*this process was of minor importance in the overall gaining of Sabah by the Company. Basically, the Company took power in a country where no power existed. The Company itself was never strong, but it appeared strong when set beside the weakness of Brunei.*" Walaupun kenyataannya begini, tuntutan Filipina terhadap Sabah masih berterusan. Tulisan-tulisan yang telah dibincangkan ini menjadi titik permulaan kepada kajian ini seterusnya.

Dalam soal Borneo Utara, hal ehwal Kesultanan Sulu dan hubungan Kesultanan Sulu dengan Borneo Utara, khususnya pada abad ke-17 dan 18, Robert Nicholl, dalam tulisan yang berjudul *Raja Bongsu of Sulu; A Brunei Hero In His Times*<sup>38</sup> telah membicarakan tentang latar belakang dan pemerintahan Kepulauan Sulu pada abad ke-15 lagi. Penulis ini mencatatkan bahawa pada 1405, negara China telah menaungi Sulu dan bermula dari sinilah Sulu telah dipecahkan kepada tiga negara (*kingdom*), iaitu Jolo, Tawi-Tawi dan Pangutaran. Pada tahun 1417, ketiga-tiga raja ini telah menghadap Maharaja China dan ufti telah dihantar kepada Maharaja China pada tahun 1420, 1421 dan 1424 dan apabila penghantaran ufti ini diberhenti serta merta oleh raja-raja tersebut, hubungan diplomatik Sulu-China juga turut terputus.<sup>39</sup> Bermula dari sini jugalah kerajaan Brunei mendakwa Sulu di bawah kekuasaannya dan

---

<sup>38</sup>Robert Nicholl, *Raja Bongsu of Sulu: a Brunei hero in his times*, Monograf 19, Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1996.

<sup>39</sup>Ibid., hlm. 2.

keadaan ini menjadi lebih mantap lagi apabila Adipati Sulu<sup>40</sup> berkahwin dengan adik Sultan Brunei<sup>41</sup> pada tahun 1535 dan pada tahun 1578 berkahwin pula dengan adik Sultan Saif ul-Rijal.<sup>42</sup> Tulisan Robert Nicholl ini banyak berasaskan kepada sumber utama, khususnya fail BR4, BR5, BR7, BR8, BR9, BR10, BR11, BR12, BR14, BR15, BR16, BR19, BR22, BR23, BR25, BR26, BR27, BR28, BR29, BR34, BR35, BR36, BR38, BR40, BR41 dan BR54; ini menjadikan tulisan ini yang mempunyai kesahihan yang tinggi.

Selain tulisan Robert Nicholl, tulisan G. Irwin,<sup>43</sup> N. Tarling,<sup>44</sup> J. F Warren<sup>45</sup> dan Mohammad Riduan Mohd Ariff<sup>46</sup> yang membincangkan tentang Borneo Utara, Kesultanan Sulu dan hubungan Kesultanan Sulu dengan Borneo Utara pada abad ke-18 juga memberi maklumat asas untuk kajian ini. Tulisan-tulisan ini memberi maklumat asas untuk kajian ini.

Tulisan tentang pertikaian sempadan yang berkisar kepada tuntutan Filipina terhadap Sabah secara langsung telah ditulis oleh beberapa sarjana dari pelbagai disiplin: dari

---

<sup>40</sup>Dalam tulisan Robert Nicholl, *Raja Bongsu of Sulu...*, tulisan ini tidak menyatakan siapakah Adipati Sulu.

<sup>41</sup>Dalam tulisan Robert Nicholl, *Raja Bongsu of Sulu...*, tulisan ini tidak menyatakan siapakah adik Sultan Brunei

<sup>42</sup>Dalam tulisan Robert Nicholl, *Raja Bongsu of Sulu...*, tulisan ini tidak menyatakan siapakah adik Sultan Saif ul-Rijal.

<sup>43</sup>G. Irwin, *Borneo abad kesembilan belas...*

<sup>44</sup>N. Tarling, N. 1978. *Sulu and Sabah: a study ...*,

<sup>45</sup>J. F. Warren, *The Sulu zone ...*,

<sup>46</sup>Beliau telah membincangkan tentang Kesultanan Sulu dari persektif perusahaan perikanan. Lihat Mohammad Raduan Mohd. Ariff, *Dari pemungutan tripang ke penundaan udang: sejarah perkembangan perusahaan perikanan di Borneo Utara 1750-1990*, Penerbit Universiti Malaya: Kuala Lumpur, 1995, bab 1.

sudut pengajian sosio-politik,<sup>47</sup> hubungan antarabangsa,<sup>48</sup> undang-undang<sup>49</sup> dan tidak ketinggalan juga sejarah.<sup>50</sup> Namun begitu tulisan-tulisan ini tidaklah ditulis secara mendalam, kecuali Nik Anuar Nik Mahmud telah menerokai kajian ini untuk *post-doctoral research*nya dan telah berjaya menerbitkan buku yang diberi tajuk *Tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara*. Kajian ini telah memaparkan asal usul dan perkembangan pertikaian antara Britain dengan Filipina dan waris Kesultanan Sulu berhubung dengan Sabah. Fokus perbincangan beliau bermula dengan persaingan kuasa-kuasa besar, iaitu British, Belanda, Amerika Syarikat dan Sepanyol hinggalah kepada pembentukan Malaysia pada 1963.

Penulis ini telah memaparkan tentang asal usul dan perkembangan pertikaian antara Brunei dengan Filipina dan waris Kesultanan Sulu berhubung dengan Borneo Utara. Pertikaian ini bermula apabila waris Kesultanan Sulu tidak dapat menerima perkataan pajakan dan frasa “sampai sa-lama-lama-nya” yang diberikan kepada Overbeck dan Dent yang terdapat Surat Penyerahan 1878. Waris Kesultanan Sulu

---

<sup>47</sup>Lihat Micheal Leifer, *The Philippine claim to Sabah*. Monograf 1, Hull Monograph on South-East Asia, Universiti of Hull: Centre For South-East Asian Studies, 1967, Alice C. Villadolid, Sociological ties binding the Philippines and North Borneo. *Unitas* 35, 1962, hlm. 515-523, Iain Duncanson, The claim to Sabah. *The Bridge*, vol. 1 (3), hlm. 4-9 dan Martin Meadows, The Philippine Claim to North Borneo. *Political Science Quarterly*, vol. LXXVII (3), September 1962, hlm. 321-335.

<sup>48</sup>Lihat M. Abu Bakar, “The Sabah claim and the corregidor affair: a crisis episode in Malaysia-Philippine relations” dlm. Mohd Amin Hassan & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd Rahman (eds), *The Eighth Conference International Association of Historians of Asia*, (selected papers), Organising Committee Eighth Conference International IAHA, History Department, University Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1988, hlm. 704-717.

<sup>49</sup>Lihat Mohd Ariff bin Dato’ Hj. Othman, *Tuntutan Filipina...*, dan Mohd Ariff bin Dato’ Hj. Othman, *The Philippines’ claim...*, dan Lela Anna Garner. *The Philippine claim to North Borneo*”. Tesis Ph.D, Faculty of the Fletche School of Law and Diplomacy, 1965.

<sup>50</sup>Lihat K. G. Tregonning, Steps in the acquisition of North Borneo. *Historical Studies, Australia and New Zealand*, vol. 5, no. 19, 1952, hlm. 234-243, K. G. Tregonning, The claim for North Borneo by the Philippines. *Australian Outlook* 12, 1962, hlm. 282-291, K. G. Tregonning, The Philippine claim to Sabah. *JMBRAS* XLIII, Pt. 1, 1970, hlm. 161-179, Brock K. Short, Brunei, Sulu and Sabah. *Brunei Museum Jurnal*, vol. 1, 1959, hlm. 133-146, Leigh R. Wright. Historical notes on the Borneo dispute. *Journal of Asian Studies* XXV (1), 1965, Nik Anuar Nik Mahmud, *Tuntutan Filipina...*, dan Siew Choo Woon. Hubungan Malaysia-Filipina, 1957-1980. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989.

berkefahaman pemberian ini semata-mata sebagai pajakan. Dalam hal ini, berdasarkan *Foreign Office Confidential Print No. 4063*, Nik Anuar telah berjaya membuktikan bahawa pada 22 Januari 1878, Sultan Jamal Ul-Azam telah menyerahkan selama-lamanya (bukannya memajak) tanah jajahan berserta dengan rakyat jelatanya dan segala perkara hak miliknya “di tanah besar Pulau Berunai (*sic*) dari Sungai Pandasan di sebelah timur barat sampai sepanjang semua tanah di pantai sebelah timur sejauh Sungai Sibuku di sebelah selatan yang termasuk sekalian jajahan-jajahan di pantai Sungai Pandasan dan pesisir pantai dan Sugut dan Bonggaya dan Labuk dan Sandakan dan Kinabatangan dan Memiang serta sekalian lain-lain jajahan-jajahan dan pesisir di sebelah selatannya itu di pantai Teluk Darvel sampai Sungai Sibuku bersama-sama sekalian pulau-pulau yang termasuk dalamnya sejauh sembilan mail (*sic*) dari tepi laut.”<sup>51</sup>

Selain itu, Nik Anuar juga menghasilkan karya yang diberi judul *Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan: isu sempadan dan kedaulatan*.<sup>52</sup> Buku ini membincangkan soal pemilikan dua pulau tersebut yang menjadi rebutan antara Indonesia dan Malaysia sejak 1969. Walau bagaimanapun, isu pemilikan telah menemui jalan penyudahnya apabila ICJ telah membuat penghakiman pada 17 Disember 2002 bahawa kedua-dua pulau ini menjadi milik Malaysia. Fokus buku ini ialah berkisar kepada isu pemilikan terhadap Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan. Nik Anuar telah memulakan perbincangannya dengan Perjanjian 1824; iaitu untuk Perjanjian yang meleraikan persaingan dua kuasa besar, iaitu British dan Belanda terhadap kependudukan mereka di Pulau Borneo. Perjanjian ini memihak kepada British. Dalam buku ini

---

<sup>51</sup>Nik Anuar Nik Mahmud, *Tuntutan Filipina ...*, hlm. 18.

<sup>52</sup>Nik Anuar Nik Mahmud, *Pulau Sipadan...*



Nik Anuar membincang sepintas lalu usaha ke arah penyelesaian pertelingkahan wilayah di Pantai Timur Borneo Utara yang terletak antara Sungai Sibuko dengan Tawau oleh pihak Belanda dan Syarikat Berpiagam Borneo Utara, yang telah mencapai penyelesaiannya melalui Konvensyen London 1891.

Kemudian terdapat juga dakwaan oleh Sultan Sulu terhadap SBUB tentang isu pemilikan pulau-pulau yang terletak di luar lingkungan sembilan batu nautika<sup>53</sup> seperti Taganak, Mangsee, Molleangan (Mulayangi), Molleangan Kecil (Mulayangi Kecil), Malawali, Tigabu, Billean (Bilian), Tegipil (Tagapil), Lankayan (Langkayan), Boan, Iahiman, Bakungan, Bakungan Kechil, Libaran, Bankawan (Baguan), Mantabuan, Gaya, Omadal, Si Amil, Mabul (Mabol), Kapalai, Danawan (Dinawan) dan pulau-pulau lain antara Pulau Banggi dan Teluk Sibuko.<sup>54</sup> Dakwaan dapat diselesaikan apabila Sultan Jamalul-Kiram membuat perjanjian penyerahan pada 29 April 1903 kepada SBBU di Sandakan. Pihak berkuasa Amerika Syarikat tidak mengiktirafkan perjanjian penyerahan (1903) tersebut. Walau bagaimanapun isu pemilikan ini diselesaikan melalui Konvensyen 1907 dan 1930 serta persetujuan pajakan Pulau Taganak dan Mangsee oleh Amerika Syarikat kepada Syarikat Berpiagam Borneo Utara. Isu kedua-dua Pulau ini timbul kembali apabila Filipina memperoleh kemerdekaan daripada Amerika Syarikat pada 4 Julai 1946 dan membuat tuntutan untuk mengambil kembali kedua-dua pulau tersebut. Akhirnya pulau tersebut menjadi hak Filipina mulai 2 Oktober 1947.

---

<sup>53</sup>Untuk lanjut tentang istilah nautika, lihat *Grolier encyclopedia...*, Jil. XIX, hlm. 111. Sembilan batu nautika bersamaan dengan tiga liga laut (*three marine leagues*). Lihat Memorial, Submitted by the Government of the Republic of Indonesia, vol. 2, (Annexes 1 to 56), 2 Januari 1999, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia),

<sup>54</sup>Nik Anuar Nik Mahmud, *Pulau Sipadan...*, hlm. 23.

Akhir sekali Nik Anuar juga memberi fokus kepada status Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan yang menjadi pertelingkahan antara Malaysia-Indonesia, khususnya sejak 1969. Kedua-dua negara ini bersetuju untuk menyerahkan pertelingkahan sempadan ini ke ICJ. ICJ telah membuat penghakiman pada 17 Disember 2002 bahawa Pulau Ligitan dan Sipadan adalah milik Malaysia.

Dari segi sumber, kedua-dua tulisan Nik Anuar ini telah memberi sumbangan yang besar dalam korpus ilmu sejarah khususnya sejarah diplomatik Malaysia. Buku *Tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara* menggunakan sumber-sumber utama seperti dokumen/surat rasmi kerajaan, minit mesyuarat, kenyataan akhbar yang beliau selidiki daripada akhbar-akhbar seperti *Berita Harian, Malay Mail, Manila Chronicle, North Borneo News and Sabah Times, The Guardian, The Philippines Free Press, The Philippines Herald* dan *The Sphere*, dan fail-fail CO 144 (Labuan, Surat Menyurat Asal), CO 531 (Borneo, Umum), CO 537 (Tanah Jajahan, Umum), CO 874 (British North Borneo), CO 1030 (Jabatan Asia Tenggara: Surat Menyurat Asal), FO 12 (Borneo) dan FO 371 (Surat Menyurat Umum: Jabatan-Jabatan Politik) yang terdapat di National Archives (Public Record Office), London dan National Archives, Washington D. C. Walau bagaimanapun, memandangkan tulisan beliau ini untuk bacaan umum, setiap bab yang dibincangkannya tidak sarat dengan rujukan dan nota; pada keseluruhannya beliau telah menggunakan lebih kurang 122 nota hujung sahaja. Rujukan-rujukan tersebut terdiri daripada CO 1030/536 (8);<sup>55</sup> CO 874/1001 (17), CO 874/265 (2), CO 874/266 (1), CO 874/942 (12); CO 531/16 (3); CO 537/2181 (4); FO 371/166593 (2), FO 371/166594 (5), FO 371/166596 (3), FO 166599 (2), FO 371/166603 (9), FO 371/169989 (2), FO 371/169978 (1), FO 166979

---

<sup>55</sup>Angka dalam kurungan menunjukkan jumlah sumber/dokumen yang dirujuk bagi sumber yang berkenaan.

(1), FO 371/166981 (1), FO 371/166982 (2), FO 371/166700 (3), FO 371/169983 (4), FO 371/169701 (1), FO 371/169723 (2), FO 371/169991 (2), FO 371/160083 (1); *The Philippines Free Press* (1) dan *Malaysia-Philippines Relations* (1).<sup>56</sup>

Bagi buku *Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan: isu sempadan dan kedaulatan* pula, Nik Anuar menggunakan sumber dari Pejabat National Archives (Public Record Office), London<sup>57</sup> (CO 144, CO 531, CO 537, CO 874, CO 1030, FO 12 dan FO 371), National Archives, Washington D.C dan Arkib Negeri Sabah (*North Borneo Official Gazette*, 1933). Buku ini juga mengandungi 20 lampiran dan 117 nota hujung serta 6 peta. Pendekatan teknikal buku ini bertujuan supaya ianya tidak bersifat begitu akademik serta tidak membosankan pembaca umum. Nik Anuar tidak memasukkan rujukan pada banyak kenyataan, fakta dan rujukan.

Selain Nik Anuar, K. G Tregonning juga telah membicarakan tentang tuntutan Filipina terhadap Sabah.<sup>58</sup> Artikel “Steps in the acquisition of North Borneo” membincangkan sejarah British memperoleh Borneo Utara. Selain itu, dalam artikel ini K. G Tregonning juga telah membincangkan negara-negara kuasa besar yang lain seperti Amerika Syarikat dan Sepanyol yang telah menunjukkan minat mereka untuk menduduki dan menguasai Kesultanan Brunei dan Kepulauan Filipina.

---

<sup>56</sup>Nik Anuar Nik Mahmud, *Tuntutan Filipina ...*, hlm. 118.

<sup>57</sup>Beliau menggunakan Rekod Pejabat Tanah Jajahan (CO 144, CO 531, CO 537, CO 874, CO 1030) dan Rekod Pejabat Luar (FO 12 dan FO 371).

<sup>58</sup>Artikel beliau yang dimaksudkan ialah K. G Tregonning, “Steps in the acquisition of North Borneo” dalam *Historical Studies, Australia and New Zealand* 5 (19), hlm. 234-243, 1952, “The claim for North Borneo by Philippines” dalam *Australian Outlook* XVI, hlm. 283-291, 1962 dan “The Philippine claim to Sabah” dalam *JMBRAS* XLIII (1), hlm. 161-170, 1970.

Tulisan Nik Anuar dan Tregonning ini adalah dari kaca mata Malaysia dan British. Tulisan kedua-dua tokoh sejarah ini merupakan lontaran idea kepada mauduk yang ditulis dan tulisan mereka kurang sendat dengan rujukan dan ini masih ada ruang tulisan kedua-dua tokoh ini dibina semula.

Selain dua sejarawan ini, G. Irwin juga telah membuat kajian dari perspektif sejarah tentang persaingan kuasa-kuasa besar di Borneo berjudul *Borneo Abad Kesembilan Belas: Kajian Mengenai Persaingan Diplomatik*. Kajian ini membincangkan peristiwa yang berlaku pada tahun 1809-1889 di Pulau Borneo dengan memberi tumpuan kepada British dan Belanda sebagai dua negara kuasa besar di Pulau Borneo pada ketika itu.<sup>59</sup> Beliau telah memilih tahun 1809 kerana tahun inilah Belanda terpaksa meninggalkan Pulau Borneo yang telah diduduki selama dua abad. Tindakan Belanda ini adalah ekoran daripada Peperangan Napoleon manakala tahun 1888 dipilih kerana tahun inilah Borneo Utara, Brunei dan Sarawak diisytiharkan sebagai negeri-negeri naungan British. Pengisytiharan ini dibuat adalah ekoran daripada kerajaan British memberikan Piagam Diraja kepada Syarikat Borneo Utara pada 1881. Jangka masa 1809-1888 dan peranan Belanda dan British sebagai kuasa besar dikatakan sebagai penentu kepada masa depan Borneo.<sup>60</sup>

Tulisan Irwin memberi maklumat tentang Pulau Borneo dengan memberi tumpuan yang lebih kepada Sarawak dan Labuan. Oleh yang demikian tidak banyak perbincangan tentang Borneo Utara kerana Borneo Utara secara rasminya hanya wujud pada 1881. Lagipun skop masa antara 1809-1888, khususnya 1881-1888,

---

<sup>59</sup>G. Irwin, *Borneo abad kesembilan belas...*, hlm. vi.

<sup>60</sup>Ibid., hlm. 273.

persaingan sempadan di Borneo Utara belum terserlah; hanya baru bermula 1877 dan 1878, iaitu apabila kerajaan British yang berjaya memerintah Borneo secara tidak langsung melalui Syarikat Berpiagam Borneo Utara yang masing-masing mendapat konsesi daripada Sultan Brunei dan juga Sultan Sulu, melalui Piagam yang ditandatangani pada tahun 1881 dan Perlindungan (1888), dan pada 1885 (melalui Protokol 1885 pihak Sepanyol mengiktiraf hak British ke atas Borneo Utara).<sup>61</sup> Atas dasar inilah, penulis beranggapan beliau tidak banyak menyentuh tentang Borneo Utara.

Sebagai sebuah tulisan yang berdasarkan disertasi untuk memenuhi syarat pengurniaan Doktor Falsafah pada 1953, tulisan G. Irwin ini sarat dengan rujukan. Beliau juga telah merujuk kepada sumber Belanda di samping manuskrip dari Perpustakaan Pejabat India, Pejabat National Archives (Public Record Office) (CO 144/1-74, CO 352/1-5, CO 145/1-3, CO 146, CO 404/1-5, CO 487/1-2, CO 434/1) dan rekod-rekod dari Pejabat Hal Ehwal Luar Negeri (FO 12, FO 37, FO 93 dan FO 97).

Secara perbandingan, kajian G. Irwin dan penyelidikan ini mempunyai perbezaan dari segi lokasi, batasan masa kajian, sumber dan negara-negara yang terlibat. Dari segi lokasi Irwin memberi tumpuan kepada Borneo (Brunei, Sarawak, Labuan; tidak banyak tentang Borneo Utara) manakala tesis ini pula hanya Borneo Utara. Irwin telah memilih abad ke-19, iaitu dari tahun 1809-1891 yakni kajian selama 89 tahun manakala tesis ini mencakupi tahun 1878-1915, iaitu selama 36 tahun sahaja. Walaupun tempoh kajian ini panjang, tesis ini adalah kajian tentang isu-isu seperti

---

<sup>61</sup>Nik Anuar, *Tuntutan Filipina...*, hlm. 15.

yang dinyatakan dalam Persoalan Kajian, Objektif Kajian<sup>62</sup> dan Batasan Kajian.<sup>63</sup> Dari segi rujukan sumber utama, Irwin menggunakan sumber Belanda, manuskrip dari Perpustakaan Pejabat India, Pejabat National Archives (Public Record Office), London (CO 144/1-74, CO 352/1-5, CO 145/1-3, CO 146, CO 404/1-5, CO 487/1-2, CO 434/1) dan rekod-rekod dari Pejabat Hal Ehwal Luar Negeri (FO 12, FO 37, FO 93 dan FO 97). Dari segi sumber primer tesis ini, penulis banyak merujuk kepada CO 531/22/8, CO 874/191, CO 874/499, CO 874/500, CO 874/503, FO 12/86, FO12/87, FO12/90 dan FO 572/7.<sup>64</sup>

Melihat kepada tumpuan dan perbincangan dalam tulisan G. Irwin ini, sememangnya ada ruangan lagi untuk kajian selanjutnya. Dengan mengambil kira semua aspek inilah, tulisan G. Irwin ini boleh dibina semula dan diberi pentafsiran baru, dan dengan itu penyelidikan untuk membuat kajian tentang persaingan diplomatik Borneo Utara pada tahun 1878 hingga 1915 dengan memberi tumpuan di Pantai Timur Borneo Utara.

Meneliti sorotan karya yang dibincangkan di atas, jelas menunjukkan dalam kajian sejarah yang ditekankan ialah fakta<sup>65</sup> dan sumber<sup>66</sup> sejarah dan sumber utama

---

<sup>62</sup>Lihat Persoalan Kajian dan Objektif Kajian pada halaman 9-10.

<sup>63</sup>Lihat Batasan Kajian pada halaman 10.

<sup>64</sup>Untuk mendapat perincian tentang nama-nama fail ini, lihat halaman 11-12 di atas.

<sup>65</sup>Fakta diperoleh daripada sumber. Fakta adalah merupakan unsur untuk mengukuhkan kebenaran. Lihat Muhd. Yusof Ibrahim, *Pengertian sejarah: Beberapa perbahasan mengenai teori dan kaedah*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, 1986, hlm. 71.

<sup>66</sup>Sumber ialah sekumpulan bahan-bahan yang tersimpan di tempat-tempat yang khusus seperti arkib, perpustakaan, muzium, pejabat menyimpan rekod, istana dan sebagainya, ataupun di rumah-rumah orang perseorangan yang mempunyai minat menyimpannya. Lihat Ibid., hlm 65; lihat R. G. Collingwood, *Idea Sejarah*, (terjemahan Muhd. Yusof Ibrahim), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1985, hlm. 58, 260, 297, 324, 347-353.

mempunyai nilai *authenticity* yang tinggi. Dalam penggunaan sumber, penulis akan menangani sumber-sumber tersebut sebaik mungkin dengan tiga pendekatan berikut, iaitu (1) menggunakan fail yang sama, tetapi dokumen yang berlainan; (2) menggunakan dokumen yang sama dari fail yang sama, tetapi merujuk kepada perkara atau frasa yang berlainan; dan (3) merujuk kepada perkara atau frasa yang sama dokumen yang sama dari fail yang sama, tetapi memberi tafsiran yang berbeza.

### **1.7 Batasan Kajian**

Tempoh kajian ini bermula 1878 hingga 1915. Penulis juga memberi tumpuan perjanjian, protokol, mesyuarat-mesyuarat dan konvensyen yang berkaitan dengan pengurusan persaingan diplomatik di Borneo Utara, khususnya di Pantai Timur. Dalam erti kata lain, kajian ini adalah berdasar beberapa isu seperti yang tertera dalam persoalan dan objektif kajian yang disebut sebelum ini.

Tahun 1878 juga adalah penting kerana pada tahun inilah termeterinya Perjanjian 1878 yang buat oleh Sultan Jamal ul-Azam, Sultan Sulu. Perjanjian ini mencatatkan bahawa Sultan Jamal ul-Azam dengan persetujuan pembesar-pembesarnya telah menyerahkan kuasanya dan tanah jajahan takluknya. Kawasan ini merangkumi kawasan yang terdapat di tanah besar Pulau Brunei dari Sungai Pandasan di sebelah barat hinggalah ke kawasan di pantai sebelah timur sejauh Sungai Sibuku di sebelah selatan yang termasuk semua tanah jajahannya di pantai Sungai Pandasan dan pesisir, dan Sugut dan Bonggaya, Labuk dan Sandakan, Kinabatangan dan Memiang serta jajahan takluknya yang lain. Kawasan ini termasuk pesisir di sebelah selatannya itu di pantai Teluk Darvel hinggalah ke Sungai Sibuku bersekali dengan pulau-pulau dalam lingkungan sembilan batu nautika dari pesisir Teluk Darvel

tersebut.<sup>67</sup> Daripada peristiwa 1878 inilah, tuntutan Filipina terhadap Sabah masih menjadi agenda berkala oleh pemimpin Filipina hingga awal abad ke-21 ini.

Seterusnya kajian tertumpu kepada Konvensyen 1891 iaitu satu kaedah untuk menyelesaikan pertikaian di tanah besar dan juga pulau-pulau yang terletak di kawasan Pantai Timur oleh SBUB dan Belanda telah mengalami pertikaian ini sejak sekian lama. Usaha melalui Konvensyen ini adalah daripada Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Persempadanan British-Belanda (*Proceedings of the Joint Commission appointed by the British and Netherland Governments for considering the question of the Boundary between the Netherland Indian Possessions on the Island of Borneo and the Territory belonging to the British North Borneo Company*)<sup>68</sup> yang telah diadakan sebanyak tiga kali iaitu pada 16 Julai 1889,<sup>69</sup> 19 Julai 1889<sup>70</sup> dan 27 Julai 1889.<sup>71</sup> Usaha-usaha yang diambil oleh kedua-dua melalui Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Persempadanan British-Belanda dan Konvensyen menjadi mauduk<sup>72</sup> kajian

---

<sup>67</sup>Nik Anuar Nik Mahmud, *Tuntutan Filipina ...*, hlm. 18. Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan terletak di luar lingkungan Sembilan batu nautika.

<sup>69</sup>FO 12/86, *Proceedings of the Joint Commission appointed by the British and Netherland Governments for considering the question of the Boundary between the Netherland Indian Possessions on the Island of Borneo and the Territory belonging to the British North Borneo Company, First Meeting, held at Foreign Office, July 16, 1889.*

<sup>70</sup>FO 12/86, *Proceedings of the Joint Commission appointed by the British and Netherland Governments for considering the question of the Boundary between the Netherland Indian Possessions on the Island of Borneo and the Territory belonging to the British North Borneo Company, Second Meeting, held at Foreign Office, July 19, 1889.*

<sup>71</sup>FO 12/86, *Proceedings of the Joint Commission appointed by the British and Netherland Governments for considering the question of the Boundary between the Netherland Indian Possessions on the Island of Borneo and the Territory belonging to the British North Borneo Company, Third Meeting, held at Foreign Office, July 27, 1889.*

Selepas ini ketiga-tiga *Proceedings of the Joint Commission appointed by the British and Netherland Governments for considering the question of the Boundary between the Netherland Indian Possessions on the Island of Borneo and the Territory belonging to the British North Borneo Company* disebut sebagai MSBPBB.

<sup>72</sup>Perkataan mauduk berasal dari perkataan Arab. Perkataan ini bermaksud tajuk dan diterima pakai dalam bahasa Melayu. Lihat *Kamus Dewan* (edisi ke-3), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000, hlm. 870.



ini. Kajian ini membincangkan hujah-hujah yang dibawa oleh pihak yang terlibat dalam pembicaraan ini, khususnya pihak yang menuntut berdasarkan kepada bukti-bukti sejarah yang telah didokumenkan.

Dari segi batasan lokasi pula, kajian ini tertumpu di Pantai Timur Borneo Utara dan pulau-pulau yang di bawah pentadbirannya pada abad ke-19. Pertikaian sempadan yang berlaku di kawasan ini yang terarah kepada persaingan diplomatik adalah melibatkan kuasa besar yang pernah menduduki dan/atau mentadbir Borneo Utara dan pulau-pulaunya iaitu British dan Belanda. Kawasan yang terlibat dalam pertikaian ini ialah Pantai Timur Borneo Utara dan khususnya pulau Sebatik serta pulau-pulau sekitarnya, antaranya Muliangis, Muliangin, Muliangin Kechil, Malawali, Tegabu, Bilian, Tegaypil, Lang, Kayen, Boan, Mantanbuan, Gaya, Omadal, Si Amil, Mabol, Kepalai, Dinawan dan juga pulau-pulau lain yang terletak di sepanjang, di sekitar dan di antara Pulau Banggi dengan Teluk Sibuku.<sup>73</sup>

Bagi melihat bagaimanakah pertikaian sempadan ini diurus, kajian ini memberi tumpuan kepada usaha-usaha yang telah diambil dalam penyelesaian pertikaian sempadan dan persaingan diplomatik serta pengurusan diplomasi dalam kalangan pihak-pihak yang terlibat iaitu British dan Belanda. Usaha-usaha yang telah diambil

---

<sup>73</sup>Lihat “Confirmation of Cession of Certain Islands, dated 22<sup>nd</sup> April 1903” iaitu perjanjian penyerahan antara SBUB dengan Paduka Maha Seri Maulana as-Sultan Haji Muhammad Jamalulkiram ibn al-Marhum Paduka Maha Seri Maulana as-Sultan Muhammad Jamalulkiram yang dibuat pada 27 April 1903. Dengan Perjanjian ini Paduka Maha Seri Maulana as-Sultan Haji Muhammad Jamalulkiram ibn al-Marhum Paduka Maha Seri Maulana as-Sultan Muhammad Jamalulkiram telah menyerahkan kesemuanya tujuh belas pulau tersebut kepada SBUB dengan. Perjanjian ini mencatatkan bahawa SBUB telah berhutang tertunggak sebanyak \$3,200.00 sejak 1878 dan manakala SBUB juga bersetuju untuk membayar wang serahan sebanyak \$300.00 setahun untuk kesemua tujuh belas pulau tersebut. Pulau-pulau ini juga dikenali dengan Pulau-Pulau Penyu (CO 537/218 D: 137 – Draft Savinggram “Turtle and Mangsee Islands, dated 21 Oct. 1946) dan Gugusan Kepulauan Sibuku (Nik Anuar Nik Mahmud, *Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan...*, hlm. 59).

pihak-pihak ini ialah berdasarkan Surat Penyerahan 1878, Perjanjian British-Belanda 1824 dan melalui mesyuarat bersama yang dikenali dengan *Proceedings of the Joint Commission appointed by the British and Netherland Governments for considering the question of the Boundary between the Netherland Indian Possessions on the Island of Borneo and the Territory belonging to the British North Borneo Company*<sup>74</sup> yang telah diadakan sebanyak tiga kali iaitu pada 16 Julai 1889,<sup>75</sup> 19 Julai 1889<sup>76</sup> dan 27 Julai 1889<sup>77</sup> dan Konvensyen 1891.

Semua usaha ke arah penyelesaian pertikaian ini akan diberi tumpuan kepada Surat Penyerahan 1878 melalui mesyuarat bersama yang dinyatakan di atas tadi, Konvensyen 1891, perbahasan di *Second* dan *First Chamber* pada 8 Mac dan 1 April – termasuklah penyelesaian percanggahan pendapat tentang Artikel II Konvensyen 1891, pembentukan Suruhanjaya Persempadanan British dan Belanda untuk menjalankan kerja-kerja pengukuran dan penandaan sempadan selama tujuh bulan 23 hari bermula dari 8 Jun 1912 hingga 30 Januari 1913, Protokol 1913 dan berakhir dengan Persetujuan 1915 (Agreement 1915).

## 1.8 Sumbangan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kaedah diplomasi yang telah digunakan oleh kuasa-kuasa besar iaitu British dan Belanda untuk menyelesaikan pertikaian

---

<sup>74</sup>Frasa ini diterjemahkan sebagai Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Persempadanan British-Belanda (MSBPBB). Selepas ini digunakan kependekan MSBPBB.

<sup>75</sup>FO 12/86, *Proceedings of the Joint Commission...*, First Meeting, held at Foreign Office, July 16, 1889.

<sup>76</sup>FO 12/86, *Proceedings of the Joint Commission...*, Second Meeting, held at Foreign Office, July 19, 1889.

<sup>77</sup>FO 12/86, *Proceedings of the Joint Commission...*, Third Meeting, held at Foreign Office, July 27, 1889.

sempadan Pantai Timur Borneo Utara pada 1878-1915. Kajian turut meneliti isu-isu yang menjadi pokok perbincangan dalam pertikaian sempadan tersebut dan menilai berkenaan dengan pertikaian sempadan di Pantai Timur Borneo Utara pada 1878-1915. Dalam urusan penyelesaian pertikaian ini, isu-isu yang menjadi pokok perbincangan dalam pertikaian sempadan tersebut diteliti dan pencapaian pencapaian diplomasi yang telah dijalankan oleh British dan Belanda. Dengan kata lain, keseluruhan kajian ini memberikan penekanan kepada isu-isu yang membawa kepada pertikaian sempadan, proses diplomasi, prosedur perundingan, penyelesaian konflik dan implikasi.

Sumbangan kajian ini antara lain ialah memantapkan penjelasan mengenai sejarah pertikaian sempadan yang pernah wujud di negara ini berhubung dengan wilayah di Borneo. Sehubungan dengan itu, kajian ini juga turut menyumbang bagi melengkapkan kajian-kajian telah dibuat terlebih dahulu terutamanya dari segi penggunaan beberapa bahan kajian yang belum digunakan sebelumnya. Dengan ini diharapkan kajian ini, antara lainnya akan dapat menyumbangkan perspektif baharu dan menambahkan maklumat terutama dalam usaha menyelesaikan isu tuntutan terhadap Sabah yang masih berterusan hingga kini.

Kajian dan tulisan-tulisan yang terdahulu, kebanyakannya telah bersandar kepada minit mesyuarat, surat, telegram, perjanjian dan lain-lain dokumen utama yang diperoleh dari National Archives (Public Record Office), London, National Archives, Washington D. C., Arkib Negara Malaysia dan Arkib Negeri Sabah. Sebagai kajian sejarah, tesis ini menggunakan sumber-sumber arkib secara optimum. tidak dapat dinafikan bahawa kajian-kajian sebelum ini yang mempunyai tema yang sama turut

menggunakan jenis-jenis bahan rujukan yang sama iaitu rekod-rekod rasmi yang diperolehi dari arkib. namun kajian ini menggunakan rekod-rekod rasmi yang baru *declassified*. Lantaran itu, kajian ini akan menyumbangkan sumber-sumber baharu dalam bidang yang dikaji terutamanya pengalaman dua kuasa besar menyelesaikan pertikaian sempadan di Pantai Timur Borneo Utara. Oleh kerana kajian ini juga meneliti dokumen-dokumen baharu daripada fail dan rekod dengan memberi tafsiran semula/baru terhadap bahan-bahan yang telah dirujuk sebelum ini.

Melalui dapatan-dapatan kajian ini, diharapkan ia dapat memperbetulkan fahaman tentang latar belakang sejarah konflik sempadan di Borneo. Sehubungan dengan itu, ia mampu untuk dapat memperteguhkan bahawa sejarah dan sumbangan sejarah tetap penting dan relevan dengan masalah dan isu semasa negara khususnya apabila kedaulatan negara tercabar, hubungan diplomasi antara negara khususnya dalam kalangan negara anggota ASEAN tergugat dan isu perpaduan serta pendidikan dalam negara menjadi tidak menentu.

Dengan pemaparan sumber sejarah yang sah dari segi undang-undang, isu tuntutan ini akan memberi kefahaman mendalam dan akan memperlihatkan sejauh manakah kewajaran kerabat Kesultanan Sulu membuat tuntutan terhadap Sabah. Kajian ini diharapkan dapat melenyapkan atau sekurang-kurangnya dapat meredakan tuntutan kerabat Kesultanan Sulu, khususnya generasi baharu dalam kalangan kerabat ini (dan juga Filipina) terhadap dengan kedaulatan Sabah berada dalam Persekutuan Malaysia tidak akan dipertikaikan lagi. Apabila pertikaian ini diselesaikan, tuntutan kerabat Kesultanan Sulu (dan hubungan diplomatik Filipina-Malaysia) diharapkan dipertingkatkan tanpa sebarang prasangka lagi.

Dengan adanya kajian seperti ini juga diharapkan memberi kefahaman dan kesahan dalam kalangan penduduk Malaysia, khususnya Sabah tentang kesahan keberadaan Sabah dalam Malaysia. Ini juga akan meningkatkan semangat patriotisme, nasionalisme serta bersikap di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung dalam kalangan rakyat jelata.

Kajian ini juga diharapkan menjadi sumber rujukan kepada pihak-pihak tertentu sama ada ahli politik, para wartawan atau ahli akademik, iaitu apabila isu tuntutan ini, baik secara sengaja mahupun tidak, ditimbulkan kembali terutamanya apabila berkaitan dengan sumber utama seperti persoalan sejarah pemilikan Borneo Utara oleh pihak British dan keberadaan Sabah dalam Persekutuan Malaysia hingga hari ini. Dengan ini tidak adalah pihak yang memandang serong antara satu sama lain dan tidak terasa “duri dalam daging” dan meningkatkan keakraban khususnya dalam kalangan negara ASEAN. Setakat ini, persaingan tuntutan ini belum lagi terbukti dengan peperangan, tetapi sekiranya isu ini berpanjangan, tidak mustahil akan tercetus konflik serantau.

Kajian ini juga turut menyumbang untuk dijadikan pedoman, panduan dan rujukan oleh Malaysia dalam berdepan dengan isu pertikaian sempadan ke atas Pulau Layang-Layang, Spratly, Limbang dan tuntutan Filipina yang sedang berlangsung kini dan pada masa hadapan. Apa yang paling penting kajian ini menyumbang kepada korpus ilmu sejarah di negara kita terutama yang berkait dengan sejarah konflik sempadan.

## 1.9 Susunan Bab

Kajian ini disampaikan dalam tujuh bab. Bab 1 adalah Pengenalan kepada kajian ini. Bab 2 akan membincang latar belakang penjajahan British dan Belanda di Pantai Timur Borneo Utara dari tahun 1850 hingga 1878. Bab ini memberi tumpuan kepada hubungan Belanda dengan Sultan Bulungan dan kesannya ke atas hubungan British-Belanda. Hubungan ini merupakan sebahagian daripada kesan *Contract of Vassalage* yang ditandatangani pada 1850 dan 1878, dan Surat Penyerahan Wilayah 22 Januari 1878. Kedua-dua *Contract of Vassalage* dan Surat Penyerahan Wilayah 22 Januari 1878 adalah pemula pertikaian wilayah British-Belanda di Pantai Timur Borneo Utara. Walau bagaimanapun perbincangan pada peringkat awal yang menjadi rentetan kepada persaingan kuasa-kuasa besar hubungannya dengan penempatan mereka di Borneo. Ia juga termasuk tentang pendudukan British di Pulau Balambangan dan Perjanjian 1824 yang ada hubung kait antara British-Belanda di Borneo.

Bab 3 membincangkan membincangkan penyerahan wilayah melalui Surat Pemberian Wilayah pada 29 Januari 1877 dan 22 Januari 1878 oleh Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu kepada pihak British iaitu kepada Persatuan Overbeck dan Dent (POD) yang kemudiannya bertukar nama dan status kepada Syarikat Borneo Utara British (SBUB). Penyerahan ini tidak disenangi oleh pihak Belanda kerana bagi Belanda kerana penyerahan ini melanggar Perjanjian British-Brunei 1847 yang mendahului Surat Penyerahan 1878. Penyerahan wilayah ini menzahirkan hubungan diplomatik pertikaian sempadan di Pantai Timur Borneo Utara antara British-Belanda dari tahun 1879 hingga 1889.

Pengurusan pertikaian ini melalui siri mesyuarat iaitu *“Proceedings of the Joint Commission appointed by the British and Netherland Governments for considering the question of the Boundary between the Netherland Indian Possessions on the Island of Borneo and the Territory belonging to the British North Borneo Company”* yang diadakan pada 16 Julai 1889, 19 Julai 1889 dan 27 Julai 1889 dibincangkan dalam Bab 4. Dalam bab ini penulis menonjolkan isu-isu yang ditimbulkan dalam ketiga-tiga Mesyuarat ini. Mesyuarat ini mencadangkan supaya pihak kerajaan mengadakan konvensyen untuk menyelesaikan isu-isu yang ditimbulkan dalam tiga kali Mesyuarat ini. Cadangan ini diterima dan berkesudahan apabila British dan Belanda mengadakan *“Convention between Great Britain and The Netherlands defining Boundaries in Borneo”* pada 20 Jun 1891. Konvensyen 1891 yang telah diadakan dipenuhi dengan perbincangan dan penghujahan tentang isu-isu sempadan oleh British dan Belanda, dan semuanya ini akan menjadi dasar perbincangan dalam Bab 5. Selain itu juga bab ini membincangkan latar belakang, inti pati, tafsiran terhadap terma-terma dan isu-isu, dan pelaksanaan dan pengesahan (*ratification*) Konvensyen di samping juga membincang isi kandungan dokumen-dokumen yang digunakan dalam pelaksanaan dan ratifikasi Konvensyen tersebut. Dokumen-dokumen ini ialah *Explanatory Memorandum No. 3 of the Dutch Government submitted to the Dutch Parliament accompanying the 1891 Convention, on July 25, 1891, Report of Dutch Parliamentary Committee to study the Government Proposal to Ratify the 1891 Boundary Agreement, December 2, 1891* dan *Memorandum in Response dated 20 February 1892, Ratification of the Agreement concluded between the Netherlands and the Great Britain/Ireland on 20 June, 1891 and Defining the Boundaries between the Dutch Possessions on the Island of Borneo and the British Protectorate States on the saids Island, February 20, 1892.*

Konvensyen 1891 tidak dapat dilaksanakan kerana dasar Belanda menetapkan bahawa sesuatu yang melibatkan dasar mestilah mendapat kelulusan dari Dewan Parlimen Belanda. Dasar ini dipatuhi dan dibincangkan dalam Bab 6. Dalam bab ini, penulis membincangkan perdebatan di *Second* dan *First Chamber* Parlimen Belanda pada 8 Mac 1892 dan 1 April 1892. Bermula dengan perdebatan ini, sesuatu yang menarik tentang penyelesaian pertikaian di Pantai Timur Borneo Utara ini, *take off* penyelesaian yang berkesan berlaku pada tahun 1892. Pada tahun inilah percanggahan pendapat tentang Artikel II Konvensyen 1891 dapat dicadangkan diselesaikan dengan penubuhan Suruhanjaya Persempadanan Belanda. Keahlian terdiri wakil kerajaan British dan Belanda. Hasil kerja penandaan dan pengukuran sempadan oleh Suruhanjaya ini diterjemahkan dalam Protokol 1913. Akhirnya Protokol 1913 dijadikan Persetujuan 1915 (*Agreement 1915*). Kesemua yang dibincangkan dalam Bab ini memperlihatkan bahawa telah berlaku proses persempadanan wilayah Pantai Timur antara British dan Belanda pada tahun 1892 hingga 1915.

Akhirnya penulis menyimpulkan hasil kajian dalam bahagian Kesimpulan. Walaupun Borneo ditafsirkan terlibat dalam Perjanjian 1824, tetapi Perjanjian ini langsung tidak memberi kesan kepada Borneo. Penyelesaian pertikaian di wilayah Bulungan antara Kesultanan Bulungan diselesaikan melalui *Contract of Vassalage 1850* dan *Contract of Vassalage 1878* yang melibatkan Batu Tinagat. Dengan penyerahan penyerahan wilayah melalui Surat Pemberian Wilayah 22 Januari 1878, pertikaian wilayah antara British-Belanda semakin nyata. Sejak itu pelbagai kaedah dan proses diambil untuk menamatkan pertikaian ini. Akhirnya selesai dengan



Persetujuan 1915. Semua ini terangkum dan disimpulkan dalam bahagian Kesimpulan.



## BAB DUA

### LATAR BELAKANG PENJAJAHAN BRITISH DAN BELANDA DI PANTAI TIMUR BORNEO UTARA DARI TAHUN 1850 HINGGA 1878

#### 2.1 Pengenalan

British dan Belanda adalah antara dua kuasa besar selain Perancis dan Sepanyol yang telah menjalankan dasar kolonialisme dan imperialisme mereka khususnya di Asia Tenggara. Kedua-dua dasar ini menjadi alat kepada negara-negara kuasa untuk merampas dan mengekalkan kuasa mereka ke atas kehidupan ekonomi sesebuah negara serta penduduknya yang di luar dari sempadan mereka. British dan Belanda pada abad ke-18 telah menjalankan dasar ini di sekitar Borneo.


Bab ini memberi tumpuan kepada hubungan Belanda<sup>1</sup> dengan Sultan Bulungan dan kesannya ke atas hubungan British-Belanda. Hubungan ini merupakan sebahagian daripada kesan *Contract of Vassalage* yang ditandatangani pada 1850 dan 1878, dan Surat Penyerahan Wilayah 22 Januari 1878. *Contract of Vassalage* menunjukkan bahawa telah wujud pertikaian antara Belanda dengan Kesultanan Bulungan manakala Surat Penyerahan Wilayah 22 Januari 1878 menjadi asas pertikaian wilayah British-Belanda di Pantai Timur Borneo Utara. Dengan perjanjian dan penyerahan wilayah ini dua kuasa besar menunjukkan telah berlakunya persaingan kuasa-kuasa besar ini.

---

<sup>1</sup>Belanda dalam konteks hubungannya dengan Kesultanan Bulungan dan kesultanan-kesultanan yang lain pada era ini adalah merujuk Kerajaan Hindia Timur Belanda. Namun dalam tulisan ini, penulis menggunakan perkataan Belanda sahaja.

## 2.2 Persaingan Kuasa-Kuasa Besar dan Hubungannya dengan Penempatan Kuasa-Kuasa Besar di Borneo

Perbincangan mengenai penempatan kuasa-kuasa besar khususnya di Borneo dan amnya di Asia Tenggara pada abad ke-18 dan ke-19,<sup>2</sup> pada hakikatnya tidak dapat dipisahkan dengan Revolusi Industri (1750-1850),<sup>3</sup> Revolusi Perancis (1789–1799)<sup>4</sup> dan siri Perang Napoleon (1803-1819) yang memakan masa selama 12 tahun.<sup>5</sup> Kedua-dua Revolusi dan Perang Napoleon ini saling berkaitan dan saling mempengaruhi. Contohnya Revolusi Industri yang telah mencetuskan pembangunan pesat dari segi kereta api dan penggunaan telegraf elektrik. Pembangunan ini telah memberi peluang kepada penempatan tentera yang besar yang mampu beroperasi dalam corak Perang Napoleon<sup>6</sup> dan Revolusi Perancis yang sekali gus turut melahir dasar liberalism. Perang ini juga telah menumbangkan ideologi *establishment* yang bertapak sekian lama dalam sistem monarki mutlak yang telah dijadikan sebagai



UUM  
Universiti Utara Malaysia

---

<sup>2</sup>Lihat Rajah 2.1. Peta penempatan kuasa-kuasa besar di Borneo dan Asia Tenggara pada abad ke-18 dan 19.

<sup>3</sup>Revolusi Industri juga disebut sebagai Revolusi Perindustian. Untuk maklumat lanjut tentang Revolusi Industri, lihat Qasim Ahmad, *Revolusi Industri Pertama...* Revolusi ini bermula di England dan tidak di negara lain kerana England mempunyai banyak sumber kewangan (capital) yang dipusatkan di Bank England dan pertambahan penduduk di koloni yang menjadi pasaran untuk barangannya di samping England mempunyai deposit bahan mentah yang banyak khususnya arang batu dan bijih besi. Lihat A. Lemon & N. Pallock, *Studies in overseas settlement and population*, London: Longman, 1980, hlm. 5 dan D.Taylor, *Mastering economic and social history*, London, Macmillan, 1988, hlm. 48.

<sup>4</sup>Untuk maklumat lanjut tentang Revolusi Perancis, lihat H. L. Peacock, *Sejarah Eropah moden...*, hlm. 1-59 dan Qasim Ahmad, *Eropah moden...*, hlm. 1-53.

<sup>5</sup>Untuk maklumat lanjut tentang Perang Napoleon, lihat G. Rothenberg, *The Napoleonic Wars...*, dan H. L. Peacock, *Sejarah Eropah moden...*, hlm. 60-93.

<sup>6</sup>G. Rothenberg, *The Napoleonic Wars...*, hlm. 17. Lihat juga P. Kennedy, *Kebangkitan dan kejatuhan kuasa-kuasa besar: Perusahaan ekonomi dan konflik ketenteraan dari tahun 1500 ke-2000*, (ter. Mohd. Nor Long, Mohamed Diah Isa dan Abdul Razak Ator), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, hlm. 172; Qasim Ahmad, *Revolusi industri pertama...*, hlm. 48 dan 63.

agenda oleh Napoleon dalam siri Perang Napoleon untuk mengeskport dasar liberalism ke serata Eropah.<sup>7</sup>



Rajah 2. 1. Peta penempatan Kuasa-Kuasa Besar di Borneo dan Asia Tenggara pada abad ke-18 dan 19<sup>8</sup>

Dalam peta itu, paksi kepada Revolusi Industri, Revolusi Perancis dan Perang Napoleon ialah perdagangan<sup>9</sup> dan perluasan wilayah. Keadaan ini telah menarik

<sup>7</sup>Qasim Ahmad, *Revolusi industri pertama...*, hlm. 184. Lihat juga Qasim Ahmad, *Eropah moden...*, hlm. 99-100 dan Sivachandralingam Sundra Raja, *Sejarah perdagangan bebas*, Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 2005, hlm. 16.

<sup>8</sup>Memorial, (vol. 1), submitted by the Government of the Republic of Indonesia International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), vol. 1, 2 Januari 1999, hlm. 54.

negara-negara kuasa besar untuk menjelajah Asia Tenggara<sup>10</sup> melalui kegiatan perdagangan di Kepulauan Melayu, termasuklah Selatan Thai dan Selatan Burma. Ini menjadi lebih jelas lagi apabila "...pada abad ke-16, di samping kapal-kapal dari Melaka,<sup>11</sup> Terengganu, dan Patani kapal-kapal dari keseluruhan Kepulauan Melayu juga datang ke Siam oleh sebab ia sangat kaya dengan sutera dan perjalanannya memakan masa tidak sampai setahun; kesemua daerah di Pulau Jawa, Bali, Madura, Angenio, Borneo, dan Sulu hanya dapat dilayari sejauh sekurang-kurangnya 10 batu *iuncos* tanpa kapal-kapal kecil biasanya penuh di semua sungai dan pelabuhan"<sup>12</sup> dan "kapal-kapal dari Melaka tiba di Martaban;<sup>13</sup> di sana terdapat 36,000 orang pedagang asing yang datang dari lebih 40 buah negeri."<sup>14</sup> Dengan kekayaan sumber-sumber

---

<sup>9</sup>Untuk maklumat lanjut tentang kesan ekonomi daripada Revolusi Perancis dan Perang Napoleon, lihat K. H. O'Rourke, "The worldwide economic impact of the French Revolution and Napoleonic Wars, 1783-1815" dlm. *Journal of global history*, vol. 1, London: School of Economics and Political Science, 2006, hlm. 123-149.

<sup>10</sup>Contohnya pada tahun 1602 Belanda telah menduduki Bantam manakala Portugis pula telah bertapak di Selat Sunda. Britain pula selepas tamat Perang Inggeris-Belanda ke-3 (1672-8), telah memperluaskan usaha dagangnya bersama China ke atas kawasan perlautan yang didominasi oleh Belanda, iaitu di Kepulauan Melayu. Wong Lin Ken, "The strategic significance of Singapore in modern history" dlm. Ernest C. T. Chew and Edwin Lee (eds.), *A history of Singapore*, Singapore: Oxford University Press, 1991, hlm. 24-25.

<sup>11</sup>Untuk mendapat maklumat lanjut tentang keistimewaan Melaka sebagai sebuah *entrepôt* pada abad ke-15, lihat Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1961, hlm. 306-320. Dalam halaman 313, beliau mencatatkan bahawa "*Malacca is a city that was made for merchandise, fitter than any other in the world: the end of monsoons and the beginning of others. Malacca was surrounded and lies in the middle, and the trade and commerce between the different nations for a thousand leagues on every hand must come to Malacca.*"

<sup>12</sup>P-B. Lafont, "Hubungan kelautan dan perdagangan antara Indocina dengan Semenanjung Tanah Melayu (abad ke-15 hingga ke-17)" dlm. Ismail Hussin, A. Aziz Deraman & Abd. Rahman Al-Ahmadi (penyelenggara), *Tamaddun Melayu*, Jilid 3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm. 1063 dan hlm. 1136-7.

<sup>13</sup>Martaban ialah salah sebuah pelabuhan di Selatan Burma. Martaban merupakan pusat perdagangan penting di selatan kerana bandar ini menjadi pengkalan utama jalan darat ke Ayutthaya. Antara barangan negara asing yang diniagakan termasuklah candu, kain, kapas, pelekat, patola (kain sutera), tembaga dan air wang untuk ditukarkan dengan hasil tempatan di Martaban ialah lac, cengkik, gading, zamrud dan tempayan. Lihat Abu Talib Ahmad, *Sejarah Myanmar*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000, hlm. 33 dan 77 dan P-B. Lafont, "Hubungan kelautan dan perdagangan antara Indocina dengan Semenanjung Tanah Melayu (abad ke-15 hingga ke-17)...", hlm. 1137.

<sup>14</sup>P-B. Lafont, "Hubungan jalan laut dan perdagangan antara Indocina dengan Semenanjung Tanah Melayu pada abad ke-11 hingga abad ke-18" dlm. Ismail Hussien, P-B. Lafont & Po Dharma (pnyt.), *Dunia Melayu dan dunia Indocina*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995, hlm. 8. Lihat

mineral seperti emas, berlian, arang batu,<sup>15</sup> antimoni (*antimony*),<sup>16</sup> merkuri, bijih timah, bijih besi, arang batu dan tembaga,<sup>17</sup> dan hasil pertanian seperti lada hitam, tembakau, sagu, gambir<sup>18</sup> serta hasil hutan seperti balak, lilin lebah (*beeswax*), kapur barus yang terdapat di Borneo telah menarik minat British, Portugis Sepanyol dan Belanda untuk menguasai, menakluki hatta merampas sumber-sumber tersebut.<sup>19</sup> Faktor ekonomi ini telah mendorong kuasa-kuasa besar ini berebut menguasai Borneo. Contohnya pada 1 November 1881 pihak British telah menubuhkan syarikat dengan berstatuskan Piagam Diraja dengan nama Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBBU).<sup>20</sup> SBBU telah diberi kuasa untuk mentadbir wilayah Borneo

---

juga P-B. Lafont, "Hubungan kelautan dan perdagangan antara Indocina dengan Semenanjung Tanah Melayu (abad ke-15 hingga ke-17)"..., hlm. 1136-7, A. Reid, "The French in Sumatra and the Malay world" dlm. *Bijdragen tot de Taal-Land-en Volkenkunde* 129, no. 2/3, Leiden, 1973, hlm. 196 dan Abu Talib Ahmad, *Sejarah Myanmar...*, hlm. 33 dan 77, Kobkua Suwannathat-Pian, *Asia tenggara: Hubungan tradisional serantau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997, hlm. 190.

<sup>15</sup>FO 12/86, commercial report, Part VI, 1876 dan FO 12/86, commercial report, Part I, 1878.

<sup>16</sup>Antimoni (*antimony*) ialah unsur logam yang rapuh berwarna putih keperak-perakan yang digunakan bersekali dengan logam aloi. Lihat *The Encyclopedia Americana*, Jil. 2. (International edition). Danbury: Grolier, 1996, hlm. 68 dan A. S. Horny, *Advanced learner's English-Malay dictionary*, (terj. dan editor umum Asmah Haji Omar), Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 2000, hlm. 63.

<sup>17</sup>*The British North Borneo Herald*, 1 Januari 1890, hlm. 4-7; *The British North Borneo Herald*, 1 Februari 1890, hlm. 37-38; *The British North Borneo Herald*, 1 Mac 1890, hlm. 67-68; *The British North Borneo Herald*, 1 April 1890, hlm. 102-103 dan *The British North Borneo Herald*, 1 Mei 1890, hlm. 121-131. Dalam surat khabar-surat khabar ini terdapat siri artikel yang bertajuk "Mineral Exploration in British North Borneo".

<sup>18</sup>*The British North Borneo Herald*, 1 Mac 1887, hlm. 56; *The British North Borneo Herald*, 1 Julai 1887, hlm. 170; *The British North Borneo Herald*, 1 Ogos 1887, hlm. 177; *The British North Borneo Herald*, 1 April 1888, hlm. 40 dan *The British North Borneo Herald*, 1 Januari 1899, hlm. 2. Lihat juga Ahmad Jelani Halimi, *Perdagangan dan perkapalan Melayu di Selat Melaka: abad ke-15 hingga ke-18*, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006, hlm. 82.

<sup>19</sup>FO 12/86, Parliamentary Paper, Foreign Office No. 266. Lihat juga C. A. Trocki, *Prince of Pirates: The Temenggongs and the Development of Johor and Singapore, 1784-1885* (edisi ke-2), Singapore: Singapore University Press, 2007, hlm. 24 dan Lewis Diane, "The Dutch East India Company and the Straits of Malacca 1700-1784: trade and politics in the eighteenth century." PhD thesis, Australia National University, Canberra, 1970, hlm. 115. Untuk makluman lanjut hubungan Portugis dan Sepanyol dengan Brunei pada awal abad ke-16, Lihat D. S. Ranjit Singh, *Brunei 1839-1983: The problems of political survival*, Singapore: Oxford University Press, 1984, hlm. 21-24.

<sup>20</sup>Untuk maklumat lanjut dan terperinci tentang SBBU, lihat G. W. Maxwell & W. S. Gibson (eds.), *Treaties and engagements...*, hlm. 160-171.

Utara secara rasmi pada 1882<sup>21</sup> dengan modal nominal sebanyak £2 juta.<sup>22</sup> Modal ini digunakan mencapai matlamat penubuhan SBBU iaitu untuk menguasai sumber semula jadi dan menggunakan sumber-sumber tersebut untuk mempromosi perkembangan ekonomi di Borneo Utara.<sup>23</sup>

Hakikat telah menunjukkan telah bahawa British telah berusaha untuk menduduki di bahagian utara pulau Borneo, iaitu Pulau Balambangan di Borneo Utara dan Pulau Labuan di barat Borneo. Kedua-dua pulau ini mempunyai kedudukan strategik dan atas sifat geografi inilah kedua-dua pulau ini mempunyai kuasa perdagangan di Pulau Borneo khususnya pada separuh pertama abad ke-19. Atas sebab inilah beberapa kuasa Eropah, terutama British mula bercita-cita untuk mendirikan pelabuhan di pulau Borneo.<sup>24</sup>

Walaupun Portugis juga mempunyai kepentingan yang sama untuk memperluaskan perdagangannya di kawasan ini tetapi kepentingan tidak dapat dibuat secara tetap. Ini disebabkan ada gangguan daripada Sepanyol. Sepanyol mendakwa bahawa kawasan tersebut termasuklah pulau-pulau yang terletak di sekitar Borneo Utara adalah miliknya. Berdasarkan Perjanjian Sepanyol-Sulu yang ditandatangani pada 1836<sup>25</sup> mendakwa Kesultanan Sulu telah menyerahkan kawasan tersebut kepada mereka. Dakwaan Sepanyol dipertikaikan oleh Britain, yang berhujah bahawa

---

<sup>21</sup>Lihat D. S Ranjit Singh, *The making of Sabah...*, hlm 3.

<sup>22</sup>R. Rudolph, *Chartered Company: Their roles in the development of oversea trade*, G. Bell & sons, London, 1969, hlm. 177.

<sup>23</sup>FO 371/169980/XC 6996 "A History of Borneo", Part 2 (tanpa tarikh) dan C 5617, The Hansards, House of Common Parliamentary Papers (HCPP), "Paper relating to North Borneo", hlm. 3-4.

<sup>24</sup>FO 12/86 "Commercial reports, Part VI, 1876" dan "Commercial reports, Part I, 1878".

<sup>25</sup>N. Tarling, *Britain, the Brookes and Brunei*. Kuala Lumpur, Oxford, 1971, hlm. 196.

bahagian utara Borneo telah diserahkan kepada Britain oleh Sultan Sulu melalui pelbagai perjanjian pada abad ke-18.<sup>26</sup> Pada masa ini, Britain masih belum mempunyai cita-cita di wilayah *Borneo Proper*, iaitu Brunei lebih memberi tumpuan dan kepentingan perdagangan mereka di China dan kawasan timur Australia. Namun demikian pada tahun-tahun berikutnya, British mula menunjukkan minat dan mempunyai kepentingan Pulau Borneo dan sejak itu pengaruh British kekal dan terhad di bahagian utara Pulau tersebut.<sup>27</sup>

Sementara itu, dalam kalangan semua kuasa Eropah, hanya Belanda telah berjaya menubuhkan penempatan di bahagian barat dan selatan pulau Borneo, terutamanya di sepanjang pantai, seawal dari akhir abad ke-16. Syarikat Hindia Timur Belanda (SHTB) memegang monopoli komersial di kawasan itu sejak dari akhir abad ke-17. Ditegaskan sekali lagi apabila SHTB telah tidak beroperasi lagi pada akhir abad ke-18 iaitu pada tahun 1787,<sup>28</sup> Sultan Banjarmasin telah menyerahkan semua hartanya kepada SHTB kepada Belanda. Harta benda yang diserahkan ini termasuk sebuah kerajaan (*kingdom*) yang dikenali sebagai Berou<sup>29</sup> yang terletak berhampiran dengan

---

<sup>26</sup>FO 12/86: Treaties between The East India Company and Sulu: 1762-69. Untuk maklumat lanjut, lihat perjanjian-perjanjian ini pada halaman 13-14 sumber ini.

<sup>27</sup>FO 12/86, Mr. St.John, 14 November, 1868.

<sup>28</sup>“Further memorandum on the disputed boundary between the North Borneo Company and the Dutch possessions on the North-East Coast of that Islands”, Sir E. Hertslet, 9 Januari 1889 dlm. Memorial, (vol. 2), submitted by the Government of the Republic of Indonesia International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), vol. 1, 2 Januari 1999, hlm. 333-345.

<sup>29</sup>FO 12/86, Parliamentary paper no. 2514, hlm. 118 dan Resolution of the Governor-General of Netherlands, India: Regarding the Dutch Possessions in Borneo, dated Buitenzorg-Batavia, 28 Februari 1846. Kadang-kadang Berou dieja “Barrow” seperti dalam “Contract between the Sultan of Boeloengan and the Government of the Netherlands East Indies”, 27 September 1834. Kadang-kadang dieja juga Berouw.



Pulau Derawan (Pulau ini terletak di bahagian paling selatan di Sabah).<sup>30</sup> Wilayah Berou ini terdiri daripada tiga buah negeri iaitu Sambalioeng, Goenoengtaboer dan Boeloengan.<sup>31</sup> Daripada kenyataan ini menunjukkan bahawa sebelum Revolusi Perancis, Belanda telah itu memperoleh kawasan yang luas di Asia Tenggara, termasuk bahagian Sumatera, Jawa dan sebahagian besar pulau Borneo.

### 2.3 Pendudukan British di Pulau Balambangan

Dari tahun 1763 hingga 1783 lagi, British telah menyiasat beberapa tempat seperti Balambangan<sup>32</sup> di Borneo Utara, Aceh, Nikobar, Andaman dan Kedah untuk dijadikan pusat pangkalan yang strategik bagi melindungi kepentingan perdagangan British dengan China dan Asia Tenggara.<sup>33</sup> Dalam masa yang sama Belanda mendakwa bahawa Pulau Borneo berada dalam lingkungan pengaruhnya.<sup>34</sup>

---

<sup>30</sup>Untuk maklumat lanjut, kedudukan kerajaan Berou, lihat Map no. 1 dan Map no. 1 (Enlargement) dlm. Memorial, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Submitted by the Government of the Republic of Indonesia, Map Atlas, 2 November, 1999.

<sup>31</sup>FO 12/86, Parliamentary paper no. 2514, hlm. 118 dan Resolution of the Governor-General of Netherlands, India: Regarding the Dutch Possessions in Borneo....,

<sup>32</sup>G. Irwin, *Borneo abad kesembilan belas...*, hlm. 12.

<sup>33</sup>J. Hunt, "Some particulars relating to Sulo", in the Archipelago of Felicia (1837) dlm. J. H. Moor, *Notices of the Indian Archipelago and adjacent countries*, Singapore: Singapore Free Press, 1837, hlm. 35.; Leong Yee Fong, "Zaman Penjajahan dan munculnya susunan politik baharu di Tanah Melayu" dlm. Abdul Rahman Haji Ismail (Penyelenggara), *Malaysia: Sejarah kenegaraan dan politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, hlm. 232.

<sup>34</sup>G. Irwin, *Borneo abad kesembilan belas...*, hlm. 13. Pada abad ke-19, istilah Borneo sebenarnya digunakan untuk menunjukkan bahawa kedua-dua Brunei dan Borneo Sebenar (*Borneo Proper*) dan ini telah membawa kepada salah faham, iaitu kadang-kadang perjanjian-perjanjian itu membuat kesimpulan perjanjian Great Britain dengan Sultan Brunei telah dirujuk sebagai perjanjian-perjanjian dengan Sultan "Borneo", misalnya, Perjanjian antara United Kingdom dan Brunei pada Mei 1847 telah dipanggil perjanjian dengan "Borneo". Lihat FO 12/86: E. Hertslet, "Borneo – Memorandum on the political, strategical, and commercial advantages to Great Britain of the Northern Part of Borneo; as well as on the Right of Holland, under the Treaty of 1824, to oppose the Occupation of any portion of that Territory by Great Britain" bertarikh 4 November, 1879. Lihat juga Ooi Keat Gin, "Kerajaan-Kerajaan di Borneo sekitar tahun 1850-1941" dlm. Abdul Rahman Haji Ismail (Penyelenggara), *Malaysia: Sejarah kenegaraan dan politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, hlm. 201.

Penyiasatan ini dibuat Alexander Dalrymple, seorang Inggeris yang berpangkat iaitu pegawai syarikat di Madras dan juga seorang pengembara yang berpengalaman di kawasan Laut Timur<sup>35</sup> berpendapat bahawa kawasan Sulu (yang merujuk kepada Pulau Borneo) boleh dijadikan sebagai satu pusat perdagangan yang baik.<sup>36</sup> Bagi beliau, dengan adanya sebuah pusat perdagangan ini, Inggeris dapat mengembangkan penggunaan lalu lintas perdagangan sehinggalah ke kawasan-kawasan yang jarang dilalui oleh kapal dagang di seluruh kawasan di Asia.<sup>37</sup> Keberadaan Inggeris di kawasan ini adalah dengan dua tujuan. Pertama ialah sebagai pusat penyebaran barang dagangan Inggeris dan India di Kepulauan Melayu. Kedua pula ialah supaya dapat menarik kapal-kapal dagang China yang belayar ke selatan.<sup>38</sup> Kapal-kapal ini membawa barangan-barangan contohnya pakaian yang dikenali sebagai *congongs*,<sup>39</sup> manakala candu dan kapas mentah pula telah dibawa ke Whampoa dan Canton (Guangzhou) dari Madras, Bombay dan Calcutta.<sup>40</sup>

---

<sup>35</sup>Untuk maklumat terperinci, sila lihat J. Hunt, "Some particulars relating to Sulo", in the Archipelago of Felicia (1837) dlm. J. H. Moor, *Notices of the Indian Archipelago and adjacent countries*, Singapore: Singapore Free Press, 1837, hlm. 33. N. Tarling, 1978. *Sulu and Sabah: a study of British policy towards the Philippines and North Borneo from the late eighteenth century*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1978, Bab 1 "The Dalrymple cessions", hlm. 1-44.

<sup>36</sup>J. Jesey, "An account of Borneo" dlm. *The Scots Magazine*, January 1803, hlm. 398 dan K. Goodlet, *Tawau: The making of a tropical community*, Kota Kinabalu: Opus Publications, 2010, hlm. 7-8.

<sup>37</sup>J. Hunt, "Some particulars relating to Sulo", in the Archipelago of Felicia (1837) dlm. J. H. Moor, *Notices of the Indian Archipelago and adjacent countries*, Singapore: Singapore Free Press, 1837, hlm. 33-34. Lihat juga G. Irwin, *Borneo abad kesembilan belas...*, hlm. 11-12.

<sup>38</sup>J. Hunt, "Some particulars relating to Sulo", in the Archipelago of Felicia (1837) dlm. J. H. Moor, *Notices of the Indian Archipelago and adjacent countries*, Singapore: Singapore Free Press, 1837. Lihat juga G. Irwin, *Borneo abad kesembilan belas...*, hlm. 11; K. G. Tregonning, *A history of modern Sabah...*, hlm. 2.

<sup>39</sup> J. Jesey, "An account of Borneo" dlm. *The Scots Magazine*, January 1803, hlm. 397.

<sup>40</sup>G. Irwin, *Borneo abad kesembilan belas...*, hlm. 11.

Pada tahun 1758, satu penemuan oleh British yang mendapati bahawa adalah tidak mustahil untuk kapal belayar ke Canton (Guangzhou) dari India dengan melawan angin monsun Timur Laut ke barat melalui gugusan kepulauan Pasifik. Kesedaran ini membawa kepada SHTI,<sup>41</sup> mencari kemudahan pelabuhan di Kepulauan Sulu dan Dalrymple telah tiba di Jolo pada Januari 1761 dengan disambut mesra oleh Sultan Mu'izzud-Din dan para datu. Kehadiran beliau sangat dialu-alukan oleh para pembesar Jolo kerana kehadiran Dalrymple bermakna British boleh dijadikan sekutu untuk menentang Sepanyol dan Belanda yang sedang melebarkan pengaruhnya di Indonesia.<sup>42</sup>

Sebenarnya British berminat di kawasan timur ini sebelum penubuhan SHTI lagi. Ini kerana pada waktu itu (sebelum abad ke-18) British tidak mempunyai monopoli mutlak dan terpaksa bersaing pula dengan Portugal, Belanda dan Sepanyol. Pada abad ke-18 pula British terpaksa pula bersaing dengan Perancis yang menjadi negara kuasa utama dalam Revolusi Perancis di samping bersaing juga Perang Napoleon yang diketuai oleh Napoleon Bonaparte.<sup>43</sup> Napoleon mempelopori agenda dasar

---

<sup>41</sup>Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) ditubuhkan di England pada tahun 1600. Kerajaan British telah memberi kuasa kepada SHTI untuk menjalankan perdagangan antarabangsa dan meluaskan tanah jajahannya. SHTI ialah sebuah syarikat perdagangan yang telah dianugerahkan piagam diraja oleh Ratu Elizabeth I pada 31 Disember 1600. Syarikat ini, dengan panggilan *Honourable East India Company*, diberi kemudahan untuk menguasai perdagangan di Hindia Timur. Syarikat ini berubah dari syarikat perdagangan kepada sebuah badan yang memerintah India apabila ia mula mempunyai kuasa tentera dan kerajaan tempatan. Syarikat ini ditutup pada 1858. Lihat "The status of the East-India Company conventions with native states" dlm. Memorial, (vol. 4), submitted by the Government of the Republic of Indonesia International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), vol. 1, 2 Januari 1999, yang ditandai sebagai Annex 122, hlm. 39; D. K. Bassett, "Early English trade and settlement in Asia, 1609-1690" dlm. J. S. Bromley & E. H. Kossmann (eds.), *British and the Netherlands in Europe and Asia*, London: Macmillan, 1968, hlm. 83-109; Marguerite W. Wilbur, *The East India Company and the British empire in the Far East*, Stanford: Stanford University Press, 1945, hlm. 14-27 dan Samuel Wee Tien Wang, "British strategic interests in the Straits of Malacca 1786-1819", Tesis Sarjana Sastera, Jabatan Sejarah, Simon Fraser University, 1992, hlm. 22.

<sup>42</sup>C. A. Majul, *Islam di Filipina...*, hlm. 372.

<sup>43</sup>Untuk maklumat lanjut tentang aktiviti dan peranan Napoleon Bonaparte dalam Perang Napoleon, lihat Qasim Ahmad, *Eropah moden...*, hlm. 71-76.

sekatan ekonomi dan kebenuaan.<sup>44</sup> Kedaaan inilah mendorong British beralih ke pasaran di Timur, Hindia Barat dan kawasan-kawasan lain.<sup>45</sup>

Atas dorongan inilah Dalrymple menghampiri ke pulau-pulau berhampiran dengan Pantai Utara Borneo<sup>46</sup> dan akhirnya beliau telah menemui Pulau Balambangan,<sup>47</sup> iaitu sebuah pulau terletak kira-kira 21 kilometer ke utara Kudat dan panjangnya 20 kilometer dan lebarnya 6 kilometer, dan terpisah daripada Pulau Banggi oleh sebuah selat selebar 5 kilometer.<sup>48</sup> Inilah permulaan Dalrymple memperoleh konsesi di Balambangan daripada Sultan Sulu dan konsesi menjadikan kawasan perdagangan saudagar British. Sehubungan dengan itu, beliau telah menaikkan bendera British di pulau itu pada 23 Januari 1763<sup>49</sup> walaupun pemilikan secara sah ke atas Balambangan hanya diperoleh pada 1764 iaitu apabila “Grant from Sultan of Sulu,

---

<sup>44</sup>Untuk maklumat lanjut tentang sistem kebenuaan yang diamal oleh Napoleon, lihat *Ibid.*, hlm. 1-53.

<sup>45</sup>Lihat W. W. Pattern, *British empire* (Pt. 1), Singapore: Malaya Publishing House, 1932, hlm. 28; I. Copland, *Europe's great game: Imperialism in Asia*, London: Oxford University Press, 1986, hlm. 21-31; W. Foster, *England's quest of eastern trade*, London: Adam and Charles Black, 1966, hlm. 5; J. R. Jones, *Britain and the world*, Glasgow, Fontana Paperback, 1980, hlm. 116, J. Gallagher & R. Robinson, “The Imperialism of free trade” dlm. *Economy history review*, vol. 1. no. 1, 1953, hlm. 8 dan Sivachandralingam Sundara Raja, *Sejarah perdagangan bebas*, Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 2005, hlm. 39-41.

<sup>46</sup>Lihat A. Massey, *The political economy of stagnatio: British North Borneo under The Chartered Company 1881-1946*, Kota Kinabalu: The Sabah State Archives, 2006, hlm.13-14 dan *Sejarah ringkas Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertuan Negeri Sabah dan Gabenor Borneo Utara*, Kota Kinabalu: Perpustakaan Negeri Sabah, 2005, hlm. 9.

<sup>47</sup>Kadang-kadang disebut Balambangan sahaja.

<sup>48</sup>FO 12/86: Grant from the Sultan of Sulu, 1769 dlm. Memorial, (vol. 2), submitted by the Government of the Republic of Indonesia International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), vol. 1, 2 Januari 1999, hlm. 171. Lihat juga Abdul Halim Ali, “Pulau Balambangan: Sebelum ledakan kuari” dlm. Abdul Halim Ali, Ishak Shari, Habibah Ahmad, Er Ah Choy, *Sabah dalam perluasan pasaran*, Bangi: Penerbitan Kebangsaan Malaysia, 2000, hlm. 43.

<sup>49</sup>Lihat Najeeb M. Saleeby, *The History of Sulu*, Bureau of Printing, Manila, 1908, hlm. 187; J. Warren, “The rise of the Sulu Sultanate” dlm. *JBMRAS*, vol. 50, no. 1, 1977, N. Tarling *British policy in the Malay Peninsula and Archipelago 1824-1871*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1969, hlm. 12-13, Cesar Adib Majul, *Islam di Filipina...*, hlm. 372-373 dan juga Zaini Haji Ahmad, *Pertumbuhan nasionalisme di Brunei (1939-1962)*, Negara Brunei Darussalam: Asia Printers, 2004, hlm. xix.

1764”. Perjanjian ini ditandatangani antara Sultan Mahomed Allumodin dan Dalrymple<sup>50</sup> yang juga turut meliputi Balambangan.<sup>51</sup>



Rajah 2.2. Gambar foto Alexander Dalrymple<sup>52</sup>

---

<sup>50</sup>FO 12/86, Lihat FO 12/86. E. Hertslet, “Borneo – Memorandum on the political, strategical, and commercial advantages to Great Britain of the Northern Part of Borneo; as well as on the Right of Holland, under the Treaty of 1824, to oppose the Occupation of any portion of that Territory by Great Britain” bertarikh 4 November, 1879, hlm. 26-27.

<sup>51</sup>Surat T. Raffles kepada Lord Minto, bertarikh 10 Jun 1811, dlm. Sophia Raffles, *Memoir of the life and public services of Sir Thomas Stamford Raffles*, Singapore: Oxford University Press, 1991, hlm. 60. Surat itu dalam versi bahasa Inggeris menyebut “Balambangan is one of the small islands off the northern extremity of the island of Borneo, and included in the Sulu Grant to the English. It would be foreign to the present object, to enter any any details concerning the history of the settlement of Balambangan; but it may be proper to mention, that all the gentlemen who were engaged in the last attempt, were convinced that the bottom of the great Malluda bay would have been infinitely preferable as a settlement, in every respect.”

<sup>52</sup>Nla. Pic – an9482269-v: National Library of Australia dlm. *Datu Paduka Mat Salleh Pahlawan Sabah (1894-1900)*, Arkib Negeri Sabah. Kota Kinabalu, 2007, hlm. 6.

Apabila Dalrymple menemui Pulau Borneo dan sebagai pegawai yang berkhidmat dengan SHTI, beliau telah memainkan peranannya dengan membuat persetujuan, pemberian dan perjanjian dengan Sultan Sulu.<sup>53</sup> Dalrymple berjaya menambat hati Sultan Sulu untuk menandatangani dua persetujuan (*agreement*), dua pemberian (*grant*) dan dua perjanjian iaitu:

- i) Perjanjian yang ditandatangani pada 20 November 1761 antara Dalrymple dan Sultan Allamodin,<sup>54</sup>
- ii) “The Agreement of the 24<sup>th</sup> February, 1763” antara Sultan Azimud-Din I dan Dalrymple,<sup>55</sup>
- iii) “The Agreement of the 14<sup>th</sup> April, 1763” antara Sultan Azimud-Din I dan Dalrymple,<sup>56</sup>

---

<sup>53</sup>Lihat FO 12/86. E. Hertslet, “Borneo – Memorandum on the political, strategical, and commercial advantages to Great Britain of the Northern Part of Borneo; as well as on the Right of Holland, under the Treaty of 1824, to oppose the Occupation of any portion of that Territory by Great Britain” bertarikh 4 November, 1879, hlm. 26. Dalrymple diterima oleh para pembesar Sulu khususnya di Jolo kerana beliau membantu para pembesar ini ketika pembesar ini ditentang Sepanyol dan Belanda. Lihat C. A. Majul, *Islam di Filipina...*1988, hlm. 372.

<sup>54</sup>FO 12/86: Appendix No. 1, “Treaties between The East India Company and Sulu: 1762-69” dlm. Memorial (vol. 2), submitted by The Government of the Republic of Indonesia, hlm. 9-10. Perjanjian ini dikenali sebagai “Articles of friendship and commerce agreed on and settled between the English and Sulu, by Alexander D. Dalrymple, Esq., on the part of United Company of Merchants of England, trading to the East Indies, and Sultan Mohmund Moh-i-Todin, son of Mohamed Badarodin, for himself and his successors” adalah antara Alexander D. Dalrymple bagi pihak Inggeris manakala di pihak Sulu pula oleh Sultan Allamodin, anak kepada Badarodin dan disaksikan oleh pembesar-pembesar Sulu, iaitu D. Moolooock Manderaoosa, Sawa Joan, D. Kam, Dato Bundaharas, D. Sutian Pallawan, Pangbema Milahan, Oran KY Baloobkee, Oran KY Tajit, Oran KY Mallick, D. Sarle Lama, Hamal Allam Ordicks, Hamal Allam Myny, Hamal Allam Sutin, Manabee, Aram KY Octao, Brutara, Oke Headmuan, Oke Agoloo, Maraja Lela, Maraja Lela (Nama ini disebut dua kali, mungkin dua orang yang berlainan), Seri Bangsawan, Oky Abdool, Oky Amohaddie dan Seri Raja. Untuk maklumat lanjut salasilah kedua-dua Sultan ini, lihat C. A. Majul, *Islam di Filipina...*, hlm. 11-12 dan Asreemoro, *Tausug & Kesultanan Sulu*, Kuala Lumpur: RNH Marketing, 2007, hlm. 107-109.

<sup>55</sup>FO 12/86: Appendix No. 1, “Treaties between The East India Company and Sulu: 1762-69”. Intisari persetujuan ini menyebut, antaranya “*He (the King of Xolo) offers to cede to the Honourable Company such part of his own dominions on Xolo or Borneo as they may choose to erect forts or factories upon for the security of their trade, to confirm the Treaty of Commerce between Mr. Dalrymple and the present Prince, to give The English the exclusive privilege of trading free of all customs, and to enter into an alliance, offensive and defensive, for the mutual protection of their possessions*”. Lihat FO 12/86. E. Hertslet, “Borneo – Memorandum on the political, strategical, and commercial advantages to Great Britain of the Northern Part of Borneo; as well as on the Right of Holland, under the Treaty of 1824, to oppose the Occupation of any portion of that Territory by Great Britain” bertarikh 4 November, 1879, hlm. 241.

- iv) “Grant from Sultan of Sulu, 1764”<sup>57</sup>
- v) Perjanjian yang ditandatangani pada 28 September 1764 antara Sultan Azimud-Din I dan Dalrymple,<sup>58</sup> dan
- vi) “Grant from Sultan of Sulu, 1769”,<sup>59</sup>

---

<sup>56</sup>FO 12/86. E. Hertslet, “Borneo – Memorandum on the political, strategical, and commercial advantages to Great Britain of the Northern Part of Borneo;..., hlm. 26. Intisari persetujuan ini menyebut, antaranya “The King of Xolo and his Prince Israel, for themselves and their successors, for ever cede to the Honourable United Company of Merchants of English trading to the East Indies such part or parts of the Xolo, or the territories thereon dependent, as they may choose to erect forts or factories upon, and they will assist the English therein as much as lies in their power”.

<sup>57</sup>Ibid. Intisari persetujuan ini menyebut, antaranya “*I, Sultan Mahomed Allumodin, son of Sultan Mahomed Badarodin, who govern this Island of Sulu and all its dominions, do acknowledge to have sold to the English Company my right to the part of Borneo from Towson Abai to Kumaumes, the Island of Palawan, and all the others islands to northward of Borneo. In return for the benefits I have received from the said Company I give up to them all my pretensions and rights, and those of my successors, to these lands and islands, and all that belong to them, and to ratify to the Company the full possession of Balambangan. The said Company may give the government of these lands and islands to any of my sons and relations, if the said Company think proper.*” Lihat juga J. de V. Allen, A. J. Stockwell & L. R. Wright, *A collection of treaties and other documents affecting the states of Malaysia, 1761-1963*, vol. II, London: Oceana Publication, 1981, hlm. 383.

<sup>58</sup>FO 12/86: *Treaties between The East India Company and Sulu: 1762-69*. Perjanjian ini dikenali sebagai “*Articles of friendship and Commerce concluded between the English and Sulus by Alexander D. Dalrymple, Esq., on the part of United Company of Merchants of England, trading to the East Indies, and Sultan Mahomet Ally Modin, son of Mohamed Badarodin, for himself and his successors, and by the Datus, Oranhys, and others, of Sulu, for themselves and their successors, on the part of Sulu for themselves and their successors, on the part of Sulu, this 28<sup>th</sup> day of September 1764*”. Perjanjian Perjanjian ini mengandungi 14 Artikel. FO 12/86. E. Hertslet, “Borneo – Memorandum on the political, strategical, and commercial advantages to Great Britain of the Northern Part of Borneo; as well as on the Right of Holland, under the Treaty of 1824, to oppose the Occupation of any portion of that Territory by Great Britain” bertarikh 4 November, 1879, hlm. 26. Intisari Perjanjian ini boleh dilihat dalam Artikel I dan III, iaitu Artikel I sebagaimana berikut: “*The English shall have leave to purchase a proper spot of ground for a factory and gardens, of which the Sultan engage to secure them in the unmolested possession for ever*” manakala Artikel III pula menyebut “*If any Chinese or others shall choose to settle under the British jurisdiction, they shall have leave to do so, and be granted under English, and at the application of the Chief, sufficient ground for their habitation, and shall be considered as subject only to the English*”. Lihat juga J. de V. Allen, A. J. Stockwell & L. R. Wright, *A collection of treaties...*, hlm. 384-386.

<sup>59</sup> FO 12/86. E. Hertslet, “Borneo – Memorandum on the political, strategical, and commercial advantages to Great Britain of the Northern Part of Borneo; as well as on the Right of Holland, under the Treaty of 1824, to oppose the Occupation of any portion of that Territory by Great Britain” bertarikh 4 November, 1879. Intisari pemberian ini antaranya ialah:

*I, Sultan Mahomed Allemodin, son of Sultan Mahomed Badarodin, King of the Island of Sulu and all its dominions, do acknowledge and hereby confirm to have sold to the English East India Company all my right and title to the north parth of Borneo, from Kinanis on the west side, in a direct line to Towson Abai on the east side thereof, with all the lands, places, and people & c., withic those limits, and also all the islands to the northward of the said Island of Borneo, as Balambangan, Palawan, Banguey,*

Kesemua persetujuan, pemberian dan perjanjian yang dinyatakan di atas dikenali dengan “Treaties between The East India Company and Sulu: 1762-69”.<sup>60</sup> Kesemua persetujuan, pemberian dan perjanjian ini membenarkan Dalrymple untuk menjadikan Balambangan sebagai pusat perdagangan dan pangkalan ketenteraan. Dengan Balambangan sebagai pangkalan tentera, Sulu dapat mengukuhkan kuasa mereka ke atas Borneo Utara. Dengan ini juga Sulu mengambil peranan sebagai penampun di antara negeri naungannya dengan Filipina-Sepanyol yang dilengkapi meriam dengan kira-kira 400 orang soldadu British.<sup>61</sup> Naungan ini juga pernah ditempatkan 800 soldadu dari Melaka<sup>62</sup> untuk mengawasi tindak tanduk Sepanyol di Filipina dan Belanda di Maluku.<sup>63</sup>

---

*Balabak, Monnach, and all the other islands adjoining, as well on the north east and west side of those parts of my dominions. All this I do and confirm in consideration of the benefit which I have received from the said Company. To them, the said Company, I also give and grant all my pretensions and rights, and those of my subjects and successors, to those lands and islands, & c., as aforesaid, with everything in anywise belonging unto them. I also grant and confirm unto the said Company a free and exclusive right and title to the trade and commerce of all my dominions, and to them only I grant the liberty of fishing for pearls in any and through everu part therof without any molestation whatsoever. Moreover, I oblige myself to go in person, or to send some proper person, as it may be required, to the above-mentioned islands and places, to bring their respective people under due subjection to the aforesaid Company.*

<sup>60</sup>FO 12/86: Treaties between The East India Company and Sulu: 1762-69.

<sup>61</sup>C. A. Majul, *Islam di Filipina...*, hlm. 383.

<sup>62</sup>Empayar Melaka, kira-kira pada tahun 1505 merangkumi Patani, Kedah, Kelantan, Bruas, Terengganu, Pahang, Johor, Melaka, Kelang, Temasek, Riau, Lingga, Jambi, Indragiri, Kampar, Siak dan Rokan. Lihat M. Sheppard, *Tanah Melayu yang bersejarah*, Petaling Jaya, Selangor: Eastern Universiti Press (M) Sdn. Bhd., 1982, hlm. 20. Lihat juga Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1961, hlm. 310, 314 dan 318.

<sup>63</sup>C. A. Majul, *Islam di Filipina...*, hlm. 388 dan I. Brown (ed), *The territories of Indonesia*, London: Routledge, 2009. hlm. 169-167. Maluku juga dikenali sebagai Pulau Rempah. Lihat D. S. Ranjit Singh, *Brunei 1839-1983: The problems of political survival*, Singapore: Oxford University Press, 1984, hlm. 21.



Meneliti perjanjian yang disebut sebagai “Articles of friendship and commerce agreed on and settled between the English and Sulu, by Alexander D. Dalrymple, Esq., on the part of United Company of Merchants of England, trading to the East Indies, and Sultan Mohmund Moh-i-Todin, son of Mohamed Badarodin, for himself and his successors” ini mengandung 12 artikel yang menyentuh hal ehwal perdagangan (Artikel 1, 4, 5, 6, 7, 9, 10 dan 12), pentadbiran dan perundangan (Artikel 2 dan 3) dan keselamatan (Artikel 8 dan 11).<sup>64</sup> Apabila diteliti semua 12 artikel dalam ini, perjanjian ini adalah berat sebelah, iaitu memihak kepada pihak British. Sebagai contoh, dalam urusan pemilihan tapak untuk mendirikan kilang dan membuat kebun, Artikel 1 memuktubkan bahawa pihak Inggeris diberi hak untuk memilih kawasan yang baik (*proper spot*) manakala Sultan pula memberi jaminan keamanan dan tanpa gangguan yang berterusan.<sup>65</sup> Persetujuan ini sebenarnya menunjukkan kelicikan British dalam mendapat hak untuk memilih kawasan dan dapat mempengaruhi pemerintah tempatan untuk memberi perlindungan kepada mereka. Perjanjian berat sebelah ini menjadi kebiasaan bagi Inggeris yang penuh dengan kelicikan dan kebijakannya apabila berurusan dengan pihak yang dinaunginya sesuai dengan dasar penjajahan dan imperialisme yang dibawa oleh mereka. Persetujuan Sultan Sulu juga berasaskan kepada jasa Dalrymple yang membantu mereka apabila Sulu mendapat tentangan dari Sepanyol dan Belanda.<sup>66</sup>

---

<sup>64</sup>FO 12/86, Appendix no. 1, Treaties between The East India Company and Sulu: 1762-69. “Articles of friendship and commerce agreed on and settled between the English and Sulu, by Alexander D. Dalrymple, Esq., on the part of United Company of Merchants of England, trading to the East Indies, and Sultan Mohmund Moh-i-Todin, son of Mohamed Badarodin, for himself and his successors”, bertarikh 28 Januari 1761.

<sup>65</sup>FO 12/86, Artikel 1: Treaties between The East India Company and Sulu: 1762-69.

<sup>66</sup>C. A. Majul, *Islam di Filipina...*, hlm. 372.

Selain Dalrymple, pada tahun 1812, John Hunt<sup>67</sup> seorang saudagar dan pengembara Inggeris juga mengemukakan pandangan bahawa Pulau Borneo menjadi suatu ruangan yang membawa keuntungan kepada spekulasi dagangan Eropah dalam masa yang singkat.<sup>68</sup>

Kenyataan ini menunjukkan bahawa walaupun pulau ini kecil tetapi bermakna, khususnya dari kepentingan perdagangan Inggeris melalui SHTI, seperti mana catatan Sophia Raffles, isteri Sir Thomas Stamford Raffles<sup>69</sup> iaitu Pulau Balambangan ialah setaraf dengan Pulau Pinang dari segi kedudukannya untuk

---

<sup>67</sup>Ibid., hlm. 383. Hunt telah mencatatkan bahawa pemerolehan konsesi tersebut adalah sebagaimana berikut:

*It was not till the year 1773, that East India Company established a small settlement on the uninhabited island of Balambangan, with a view of forming an emporium for eastern commodities in aid of their China trade; and this island was selected from possessing two noble harbours. (...) The above island of Balambangan, concerning the settlement of which, a dispute has been for same time submitting between England, Spain, and Holland; is situated at the north end of Borneo and lately belonged to the king of Solo who in the 1762 made a cession of it to the England. In 1763 Mr. Dalrymple took possession of it for the East Indian Company and hoisted the flag there, since which a proper force has been sent and a regular settlement made on the island (...) This settlement been universally acknowledge to be happily situated for a commercial intercourse with all the valuable trading ports on the west coast of the China seas and the circumadiacent isles, a noble and appropriate half-way for the China trade; nor is there a doubt, could the finances of the East India Company have borne the expense for few years, their commerce would have untimately derived those great advantages expected from it by ita original planner, LORD PIGOT; and subsequently by the great and able politician and sound statement, the Marquis Wellesley.*

Lihat J. Hunt, "Some particulars relating to Sulo", in the Archipelago of Felicia (1837) dlm. J. H. Moor, *Notices of the Indian Archipelago and adjacent countries*, Singapore: Singapore Free Press, 1837, hlm. 35.

<sup>68</sup>G. Irwin, *Borneo abad kesembilan belas...*, hlm. 1.

<sup>69</sup>Untuk maklumat lanjut riwayat hidup, rekod perkhidmatan dan aktiviti pentadbiran Thomas Stamford Raffles di Kepulauan Melayu seperti Jawa, Melaka dan lain-lain lagi, lihat Sophia Raffles, *Memoir of the life and public services of Sir Thomas Stamford Raffles*, Singapore: Oxford University Press, 1991; T. S. Raffles, *The history of Java*, Singapore: Oxford University Press, 1988 dan S. L. Van Der Wal, "The Netherlands as an imperial power in South-East Asia in the nineteenth century and after" dlm. J. S. Bromley & E. H. Kossmann (eds.), *Britain and the Netherlands in Europe and Asia*, London: Macmillan, 1968, hlm. 192-194.

kepentingan perdagangan”<sup>70</sup> dan penempatan bermula pada 1773 apabila Balambangan diserahkan kepada SHTI.<sup>71</sup>

Faktor perdagangan dan keselamatan di Pulau Borneo dan wilayah-wilayah lain di Asia Tenggara telah mencetuskan perebutan di antara British dan Belanda sehingga menimbulkan pertikaian dalam urusan perdagangan dan persempadanan. Namun begitu, usaha untuk menamatkan pertikaian dalam urusan perdagangan dan persempadanan, pada 17 Mac 1824 British dan Belanda telah Perjanjian British-Belanda 1824.<sup>72</sup>

#### 2.4 Perjanjian 1824 dan Hubungan British-Belanda di Borneo

Seperti yang sudah dimaklumi, sejak abad ke-16 lagi hubungan British dan Belanda di Timur adalah kurang baik. Hubungan kedua-dua ini penuh dengan ketegangan dan pertikaian (*tension and misunderstanding*).<sup>73</sup> Kedua-dua kuasa besar ini sentiasa terlibat dalam persaingan dan persengketaan untuk mendapat monopoli perdagangan yang mereka duduki ini yang dikenali dengan Kepulauan Hindia Timur.<sup>74</sup>

---

<sup>70</sup>Surat T. Raffles kepada Lord Minto, bertarikh 10 Jun 1811, dlm. Sophia Raffles, *Memoir of the life and public services of Sir Thomas Stamford Raffles*, Singapore: Oxford University Press, 1991, hlm. 60. Surat itu dalam versi bahasa Inggeris menyebut ““Balambangan is, almost every respect, analogous to Penang; it does not admit of the territorial extension, and must exist, if it exists at all, by commerce solely.”

<sup>71</sup>FO 12/79, “Inclosure Mr. E. N. Swainson to Mr. Peel, 8 July 1881” dlm. Notes on the North Borneo Charter by Sir J. Pouncefote, January 1882.

<sup>72</sup>Selepas ini disebut Perjanjian 1824.

<sup>73</sup>J. S. Bromley & E. H. Kossmann (eds.), *British and the Netherlands in Europe and Asia*, London: Macmillan, 1968, hlm. 10.

<sup>74</sup>Untuk maklumat lanjut tentang persengketaan ini, contohnya dalam perdagangan kapas, lihat A. v. d. Kraan, *Contest for Java cotton trade, 1811-40: an episode in Anglo-Dutch rivalry*, England: University of Hull, Center for South-East Asian Studies, 1998.

Keadaan menjadi lebih serius apabila Belanda membantah keras pendudukan British di Singapura, khususnya apabila Raffles yang merupakan agen kepada Gabenor Jeneral Negeri-Negeri Melayu memberi kebenaran kepada SHTI untuk mendirikan kilang perdagangan di Singapura<sup>75</sup> dengan menandatangani perjanjian dengan pemimpin tempatan, khususnya Temenggong Abdul Rahman.<sup>76</sup>

Tindakan British ini telah menimbulkan kontroversi kepada pihak Belanda yang telah menjalankan perdagangan untuk sekian lama di Singapura iaitu sejak abad ke-17 lagi. Walau bagaimanapun, lima tahun kemudian, iaitu setelah beberapa siri rundingan, iaitu pada 1819,<sup>77</sup> 1820,<sup>78</sup> 1823<sup>79</sup> dibuat maka pada 17 Mac 1842 termeterai satu perjanjian yang dikenali dengan Perjanjian British-Belanda 1824 yang menamatkan ketegangan antara kuasa besar iaitu British dan Belanda di rantau Asia Tenggara.<sup>80</sup> Hakikatnya penamatan perebutan ini dapat dilihat dengan adanya

---

<sup>75</sup>H. J. Marks, *The first contest for Singapore 1819-1924*, hlm. vii; R. Flower, *Raffles: The story of Singapore*, Singapore: Eastern Universities Press Sdn, Bhd., 1984, hlm. 58.

<sup>76</sup>C. A. Trocki, *Prince of Pirates: The Temenggongs and the Development of Johor and Singapore, 1784-1885* (edisi ke-2), Singapore: Singapore University Press, 2007, hlm. 45.

<sup>77</sup>FO 12/86, Lord Clancarty (Private) bertarikh 3 Disember 1891.

<sup>78</sup>FO 12/86, Foreign Office Memorandum, 16 Disember 1841

<sup>79</sup>FO 12/86, Lord Clancarty, No. 113, bertarikh 16 Disember 1823.

<sup>80</sup>Perjanjian 1824 ini dimaktubkan sebagai “Perjanjian antara Duli Yang Maha Mulia Baginda King United Kingdom Great Britain dengan Raja Negeri Belanda berkaitan dengan Wilayah dan Perdagangan di Hindia Timur” (*Treaty between His Britannick Majesty and the King of the Netherlands, Respecting Territory and Commerce in the East Indies*). Lihat Perjanjian Belanda 1824 dlm. *Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia, 2008, hlm. 20-24. Lihat juga Harry J. Marks, *The first contest for Singapore 1819-1924*, 'S. Gravenhage: Maritinus Nijhoff, 1959, hlm. 252 dan G. W. Maxwell & W. S. Gibson (eds.), *Treaties and engagements...*, hlm. 8. Perjanjian ini, pada hakikatnya seperti yang dizahirkan oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda King United Kingdom Great Britain dan Ireland, dan Duli Yang Maha Mulia Baginda Raja Negeri Belanda berhasrat untuk seperti berikut:

mewujudkan suasana saling memanfaatkan berkaitan dengan dengan Tanah Jajahan dan Perdagangan rakyat masing-masing di Hindia Timur, supaya kesejahteraan dan kemakmuran kedua-dua negara boleh digalakkan sepanjang waktu pada masa hadapan,

peruntukan komersial dan wilayah Perjanjian Perkara XII iaitu apabila British bersetuju “...bahawa tiada apa-apa Pertapakan British akan didirikan di Pulau Karimon, atau di Pulau Batam, Bintang, Lingin, atau di mana-mana pulau lain di selatan Selat Singapura, dan tiada apa-apa Persetiaan akan diikat oleh Pihak Berkuasa British dengan para Pembesar pulau-pulau itu”<sup>81</sup> dan kesannya kepada Empayar Johor-Riau sebagaimana kata R. O. Winstedt, Empayar Johor-Riau terbahagi kepada dua sfera pengaruh iaitu Johor moden di bawah British dan Kesultanan baru Riau (Johor lama)<sup>82</sup> pula di bawah Belanda<sup>83</sup> dengan Selat Melaka

---

tanpa apa-apa perbezaan dan rasa cemburu pada masa lampau telah menggugat keharmonian yang sepatutnya wujud antara mereka; dan dengan harapan segala kejadian salah faham antara Wakil masing-masing boleh, sedapat mungkin dihalang; dan dengan tujuan membuat keputusan tentang sesetengah persoalan yang telah timbul dalam penyempurnaan Konvensyen yang dibuat di London pada 13 hari bulan Ogos 1814.

Lihat Perjanjian Belanda 1824 dlm. *Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia...*, hlm. 20-24. Lihat juga Harry J. Marks, *The first contest for Singapore...*, hlm. 252 dan G. W. Maxwell & W. S. Gibson (eds.), *Treaties and engagements...*, hlm. 8. Duli Yang Maha Mulia Baginda King United Kingdom Great Britain dan Ireland melantik Yang Amat Arif George Canning, seorang Ahli Majlis Privi Yang Amat Mulia Duli Yang Maha Mulia Baginda King, Ahli Parlimen, dan Ketua Setiausaha Negara bagi Hal-Ehwal Duli Yang Maha Mulia Baginda King; dan Yang Amat Arif Charles Watkin Williams Wynn, seorang Ahli Majlis Privi Yang Amat Mulia Duli Yang Maha Mulia Baginda King, Ahli Parlimen, Leftenan Kolonel Pemerintah Rejimen Askar Berkuda Yeomanry di Montgomeryshire, dan Presiden Lembaga Pesuruhjaya Duli Yang Maha Mulia Baginda King bagi Hal-Ehwal India manakala Duli Yang Maha Mulia Baginda Raja Negeri Belanda pula melantik Baron Henry Fagel, Ahli Kor Askar Berkuda Wilayah Holland, Konsul Negara, *Knight Grand Cross of the Royal Order of the Belgic Lion*, dan *Royal Guelphic Order*, dan Duta Besar Khas dan Wakil Penuh Duli Yang Maha Mulia Raja Belanda (di negeri) Duli Yang Maha Mulia Baginda King Great Britain; dan Anton Reinhard Falck, *Commander of the Royal Order of the Belgic Lion*, dan Menteri Jabatan Arahkan Awam, Perindustrian Negara, dan Tanah Jajahan Duli Yang Maha Mulia Baginda King. Lihat Perjanjian Belanda 1824 dlm. *Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia...*, hlm. 20-21, G. W. Maxwell & W. S. Gibson (eds.), *Treaties and engagements...*, hlm. 8-9 dan Harry J. Marks, *The first contest for Singapore*, hlm. 252-253.

<sup>81</sup>Versi bahasa Inggeris ialah “...no British establishment shall be made on the Carimon Isles, or on the Islands of Battam, Bintang, Lingin, or on any of the other islands south of the Straits of Singapore, nor any Treaty concluded by British authority with the Chiefs of those islands.” Lihat G. W. Maxwell & W. S. Gibson (eds.), *Treaties and engagements...*, hlm. 11.

<sup>82</sup>Untuk maklumat lanjut tentang persempadanan Johor moden dan Johor lama, lihat C. A. Trocki, *Prince of Pirates: The Temenggongs and the Development of Johor and Singapore, 1784-1885* (edisi ke-2), Singapore: Singapore University Press, 2007, hlm. 1.

<sup>83</sup>R. O. Winstedt, *A history of Johore (1365-1941)*, (M.B.R.A.S. Reprints, 6.) Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1992, hlm. 95. Lihat juga L. Y. Andaya, *The kingdom of Johore*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1978 dan D. J. M. Tate, *The making of*

menjadi garis sempadan antara kedua-dua kuasa ini: British di sebelah utara Singapura yang mencakupi Singapura, Melaka dan negeri-negeri lain di Tanah Melayu manakala kawasan di sebelah selatan Singapura pula adalah menjadi milik Belanda. George Canning dan Watkin Williams Wynn, dan Baron Henry Fagel dan Anton Reinhard Falck yang masing-masing dilantik mewakili kerajaan British dan Belanda telah bersetuju dengan kesemua 17 Perkara tersebut.<sup>84</sup> Tarling yang merujuk kepada sumber Belanda mencatatkan bahawa Belanda mengakui iaitu British dan Belanda “*stand to the rest of the world as an exclusive lords of the East is on more reasons for terminating our relatives as soon as we can*”<sup>85</sup> manakala dalam kenyataan yang lain pula Tarling menegaskan Perjanjian 1824 adalah satu penegasan umum prinsip-prinsip asas dasar British di rantau ini.<sup>86</sup>




---

*modern South-East Asia* (vol. 1, (The European Conquest), rev. edit.), Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1977, hlm. 101.

<sup>84</sup>Versi bahasa Melayu adalah terjemahan daripada versi bahasa Inggeris yang terdapat dalam G. W. Maxwell & W. S. Gibson (eds.), *Treaties and engagements...*, hlm. 9-12. Versi bahasa Melayu ini telah diterjemahkan oleh Institut Terjemahan Negara Malaysia dan diterbitkan dalam *Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia...*, hlm. 21-24.

<sup>85</sup>N. Tarling, *British policy in the Malay Peninsula and Archipelago 1824-1871*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1969, hlm. 128.

<sup>86</sup>N. Tarling, *Piracy and Politics in The Malay World: A Study of British Imperialism in Nineteenth-Century South-East Asia*, New Zealand: Kraus –Thomson, 1978, hlm. 19.



Rajah 2.3. Peta pembahagian kawasan dan pangkalan antara British-Belanda berdasar Perjanjian 1824.<sup>87</sup>

Melihat kepada butir-butir Perjanjian 1824<sup>88</sup> di atas ternyata syarat-syarat perjanjian ini terbahagi kepada aspek wilayah dan perdagangan.<sup>89</sup> Aspek-aspek wilayah ini dapat dikesan apabila Belanda menyerahkan semua pertapakannya di Benua India,<sup>90</sup> bandar dan Kota Melaka serta wilayah tanggungannya diserahkan kepada British dan

<sup>87</sup>Rajah 2.3. Peta Pembahagian kawasan dan pangkalan antara British-Belanda berdasar Perjanjian 1824 diubah suai dari peta “The islands referred to in Article XII of the 1824 Anglo-Dutch Treaty and 19<sup>th</sup> correspondence”. Lihat Reply of Malaysia, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty over Pedra Branca/Pulau Batu Puteh, Middle Rock & South Ledge, vol. 1, 25 November 2005, hlm. 37.

<sup>88</sup>Walau bagaimanapun, apabila 17 Mac 1824, Perjanjian itu ditandatangani, pasukan risikan Belanda telah menerima hasil risikan yang telah dibuat pada Februari 1824. Hasil Risikan ini memaklumkan bahawa British di Jawa telah menaikkan duti ke atas barang buatan bulu dan kapas sehingga 25 peratus manakala barangan Belanda yang sama jenis dikekalkan duti ke atas barangan tersebut. Menyedari hasil risikan ini Horsley Palmer, Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan India Timur (*Chairman of the East Indian Trade Committee*), dengan segera membuat bantahan kepada Lembaga India (India Board) dan membuat aduan bahawa tindakan British ini adalah sebagai satu pelanggaran Perjanjian 1824 yang telah ditandatangani itu. Bermula daripada sinilah Belanda berutus surat. Surat-surat ini mendedahkan bahawa pelanggaran itu adalah satu yang amat perit. FO 12/86, Foreign Office Memorandum, bertarikh 16 Disember 1841.

<sup>89</sup>FO 12/86, “Hertalet’s Treaties, vol. iii, hlm. 284, dlm. FO 12/86. E. Hertslet, “Borneo – Memorandum on the political, strategical, and commercial advantages to Great Britain of the Northern Part of Borneo; as well as on the Right of Holland, under the Treaty of 1824, to oppose the Occupation of any portion of that Territory by Great Britain” bertarikh 4 November, 1879, hlm. 10.

<sup>90</sup>Perkara VIII dlm. G. W. Maxwell & W. S. Gibson (eds.), *Treaties and engagements...* hlm. 10 dan *Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia...*, hlm. 22.

tidak akan mendirikan apa-apa pertapakan di mana-mana bahagian Semenanjung Melaka, atau mengikat apa-apa persetujuan dengan mana-mana raja, pembesar atau negeri peribumi di sana<sup>91</sup> manakala Belanda pula menarik balik bantahan yang dibuat berhubungnya dengan pendudukan Pulau Singapura oleh British.<sup>92</sup>

Sementara itu pihak British pula telah menyerahkan kilang-kilang di Kota Marlborough dan semua tanah jajahan British di Pulau Sumatera kepada Belanda.<sup>93</sup> Mereka juga telah menarik balik bantahan yang dibuat berhubung dengan pendudukan Pulau Belitong dan wilayah tanggungannya.<sup>94</sup> Selain dari itu British berjanji bahawa tiada apa-apa pertapakan mereka ke atas Pulau Karimon atau di Pulau Batam, Bintang, Lingin, atau di mana-mana pulau lain di selatan Selat Singapura, dan tiada sebarang persetujuan akan diikat dengan para pembesar pulau-pulau itu.<sup>95</sup> Dalam pada itu, kedua-dua pihak bersetuju bahawa pegawai dan wakil mereka di Timur supaya tidak mendirikan apa-apa petempatan baru di mana-mana

---

<sup>91</sup>Perkara X dlm. G. W. Maxwell & W. S. Gibson (eds.), *Treaties and engagements...*, hlm. 10 dan *Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia...*, hlm. 22.

<sup>92</sup>FO 12/86, "Hertalet's Treaties, vol. iii, hlm. 284, dlm. FO 12/86. E. Hertslet, "Borneo – Memorandum on the political, strategical, and commercial advantages to Great Britain of the Northern Part of Borneo; as well as on the Right of Holland, under the Treaty of 1824, to oppose the Occupation of any portion of that Territory by Great Britain" bertarikh 4 November, 1879, hlm. 10 dan Perkara XII dlm. G. W. Maxwell & W. S. Gibson (eds.), *Treaties and engagements...* hlm. 11 dan *Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia...*, hlm. 23.

<sup>93</sup>Perkara IX dlm. G. W. Maxwell & W. S. Gibson (eds.), *Treaties and engagements...*, hlm. 10 dan *Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia...*, hlm. 23.

<sup>94</sup>Perkara XI dlm. Ibid., hlm. 11 dan *Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia...*,

<sup>95</sup>FO 12/86, "Hertalet's Treaties, vol. iii, hlm. 284, dlm. FO 12/86. E. Hertslet, "Borneo – Memorandum on the political, strategical, and commercial advantages to Great Britain of the Northern Part of Borneo; as well as on the Right of Holland, under the Treaty of 1824, to oppose the Occupation of any portion of that Territory by Great Britain" bertarikh 4 November, 1879, hlm. 10 dan Perkara XII dlm. W. Maxwell & W. S. Gibson (eds.), *Treaties and engagements affecting...*, hlm. 23.



pulau di Laut Timur, tanpa terlebih dahulu memperoleh kebenaran daripada kerajaan masing-masing di Eropah.<sup>96</sup>

Ketetapan yang berkaitan dengan perdagangan dalam Perjanjian 1824 ialah Pihak Penjanji Tertinggi (*the Contracting Parties*) memberi kebenaran dan keutamaan kepada rakyat tempatan untuk berdagang sesama mereka. Perjanjian ini juga menetapkan bahawa duti juga dikenakan ke atas rakyat tempatan dan kapal dagang yang berdagang dengan rakyat tempatan mengikut kadar yang ditetapkan iaitu tidak melebihi enam peratus.<sup>97</sup> Perjanjian ini juga menetapkan bahawa selepas perjanjian ini, British dan Belanda tidak dibenarkan membuat sebarang perjanjian mana-mana pemerintah tempatan di Laut Timur. Larangan ini juga menetapkan British dan Belanda tidak boleh dihalang untuk membuat perdagangan atau secara menetapkan duti dengan pemerintah tempatan termasuklah pelabuhan-pelabuhan yang dimiliki oleh pemerintah tempatan tersebut.<sup>98</sup> British dan Belanda pula bebaskan untuk berdagang dengan rakyat tempatan dan di mana-mana pelabuhan di Kepulauan Timur.<sup>99</sup>

---

<sup>96</sup>FO 12/86, "Hertale's Treaties, vol. iii, hlm. 284 dlm. FO 12/86. E. Hertslet, "Borneo – Memorandum on the political, strategical, and commercial advantages to Great Britain of the Northern Part of Borneo; as well as on the Right of Holland, under the Treaty of 1824...", dan Perkara VI dlm. G. W. Maxwell & W. S. Gibson (eds.), *Treaties and engagements affecting the Malay states and Borneo...*, hlm. 10 dan *Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia...*, hlm. 22.

<sup>97</sup>Perkara II dlm. G. W. Maxwell & W. S. Gibson (eds.), *Treaties and engagements affecting the Malay states and Borneo...*, *Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia...*,

<sup>98</sup>Perkara III dlm. G. W. Maxwell & W. S. Gibson (eds.), *Treaties and engagements...*, hlm. 9 dan *Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia...*, 2008, hlm. 21.

<sup>99</sup>FO 12/86, "Hertale's Treaties, vol. iii, hlm. 284 dlm. FO 12/86. E. Hertslet, "Borneo – Memorandum on the political, strategical, and commercial advantages to Great Britain of the Northern Part of Borneo; as well as on the Right of Holland, under the Treaty of 1824...", dan Perkara IV dlm. G. W. Maxwell & W. S. Gibson (eds.), *Treaties and engagements...*, hlm. 10 dan *Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia...*, hlm. 22.

Walau bagaimanapun seperti yang terdapat dalam Perkara 1, II, III dan IV Perjanjian 1824, kuasa monopoli rempah ratus Belanda hanya terhad di Pulau Maluku dan Belanda bersetuju melepaskan kuasa monopoli ini apabila tiba masa yang sesuai.<sup>100</sup> Sebenarnya kedudukan Kepulauan Maluku ini telah menimbulkan beberapa perbezaan pendapat yang memerlukan pertimbangan dan pihak British telah membuat catatan nota penerangan Perjanjian 1824 seperti berikut:

*Aware of the difficulty of adapting, at once, to a long established system of monopoly, the principles of commercial policy which are now laid down, the Undersigned have been authorised to consent to the exception of the Molucca Islands from the general Stipulation for the freedom of Trade, contained in the Treaty. They trust, however, that, as the necessity for this exception is occasioned solely by the difficulty of abrogating, at the present moment, the monopoly of Spices, its operation will be strictly limited by that necessity.*

*The British Plenipotentiaries understand the term Moluccas, as applicable to that cluster of Islands, which has Celebes to westward, New Guinea to the eastward, and Timor to the southward, but that these three islands were not comprehended in the exception; but that these three islands were not comprehended in the exception: nor would it have included Ceram if the situation of that Island, in reference to the two principal Spice Isles, Amboyna and Banda, had not required a prohibition of intercourse with it, so long as the monopoly of Spices be maintained.<sup>101</sup>*

Catatan nota penerangan British tentang Kepulauan Maluku yang meminta pertimbangan daripada Belanda telah menarik perhatian Belanda dan Belanda

---

<sup>100</sup>Perkara VII dlm. G. W. Maxwell & W. S. Gibson (eds.), *Treaties and engagements...*, dan *Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia...*,

<sup>101</sup>“Note addressed by the British Plenipotentiaries to the Plenipotentiaries of the Netherlands” dlm. *The Treaty of Great Britain and Netherland* (signed at London March 17, 1824 by G. Canning & C. W. W. Wynn) dlm. FO 12/86, “Hertalet’s Treaties, vol. iii, hlm. 284 dlm. FO 12/86. E. Hertslet, “Borneo – Memorandum on the political, strategical, and commercial advantages to Great Britain of the Northern Part of Borneo; as well as on the Right of Holland, under the Treaty of 1824, to oppose the Occupation of any portion of that Territory by Great Britain” bertarikh 4 November, 1879, hlm. 10.

membuat penjelasan tentang Perkara VII yang ditimbulkan oleh British seperti berikut:

*The 7th Article contains an exception to the general principle of liberty of commerce. The necessity of that exception, already admitted by England in the Conference of 1820, rests upon the existence of the systems which respects the exclusive. Trade in spice should the determinations of the Government of the Netherlands lead to the abandonment of that system, the rights of free trade will be immediately restored, and the whole of that Archipelago, which has been very justly described as comprised between Celebes, Timor and New Guinea, will be open to all speculations, on the footing to be established by local Ordinances, and, so far as particularly concerns the Subjects of His Britannick Majesty, in conformity with the grounds sanctioned by the Treaty for all Asiatic possessions of the Two Contracting Powers.*

*On the other hand, so long so the exception in question remains in force, the ships which traverse the Maluccas must from touching at any Ports but those whereof the description has been officially communicated to the Maritime Powers some years back; except in cases of distress, in which it is superfluous to add, that they will find in all places, where flags of the Netherlands may be flying, those good offices and succours which are due to suffering humanity .<sup>102</sup>*

Pada hakikatnya Perkara VII ini yang mengesahkan Maluku sebagai hak Belanda sebenarnya tidak memberi faedah kepada Belanda kerana perniagaan rempah tidak

---

<sup>102</sup>“Reply of the Netherlands Plenipotentiaries to the Note of the Plenipotentiaries of the Great Britain” (yang ditandatangani oleh H. Fagel dan A. R. Falck pada 17 Mac 1824 di London) dlm. The Treaty of Great Britain and Netherland (signed at London March 17, 1824) dlm. Memorial, (vol. 2), submitted by the Government of the Republic of Indonesia International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), vol. 1, 2 Januari 1999, yang ditandai sebagai Annex 21, hlm. 31. Lihat juga FO 12/86, “Hertalet’s Treaties, vol. iii, hlm. 284, dlm. FO 12/86. E. Hertslet, “Borneo – Memorandum on the political, strategical, and commercial advantages to Great Britain of the Northern Part of Borneo; as well as on the Right of Holland, under the Treaty of 1824, to oppose the Occupation of any portion of that Territory by Great Britain” bertarikh 4 November, 1879, hlm. 10.

lagi menguntungkan.<sup>103</sup> Ini disebabkan gangguan daripada lanun di perairan Kepulauan Melayu. Berdasarkan jawapan balas dan penjelasan oleh Belanda seperti yang dinyatakan di atas, British dengan berhati-hati menangani bahagiannya seperti yang tercatat dalam perjanjian ini iaitu mengenai duti yang berpatutan dan menghalang daripada persaingan yang boleh mencetuskan pergaduhan dengan Belanda di kawasan perdagangan sekitar Kepulauan Hindia.<sup>104</sup> Tetapi Belanda meneruskannya walaupun tanpa apa-apa perjanjian yang dibuat dengan Jambi dan pembesar-pembesar peribumi. Ini menjadi cabaran kepada British menyebabkan British telah beberapa kali mengancam untuk membalas balik (*retaliatory measures*) tindakan Belanda itu.<sup>105</sup> Pada pandangan Britain, tujuan utama perjanjian ini adalah untuk mentakrifkan keadaan bidang kuasa masing-masing pihak-pihak di kawasan itu dan untuk mewujudkan kesaksamaan layanan khususnya dari segi kepentingan antara mereka.<sup>106</sup>

Kepentingan Perjanjian ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Trocki<sup>107</sup> adalah untuk mengabsahkan kawalan British ke atas Singapura, dan juga untuk menyelesaikan isu-isu tertunggak antara British dan Belanda selepas Perang Napoleon. Perjanjian ini juga adalah sesuatu yang penting kerana ianya membuka jalan kepada Belanda dan British untuk memperluaskan kuasa ekonomi dan politik

---

<sup>103</sup>Lihat juga hlm. 388 dan I. Brown (ed), *The territories of Indonesia*, London: Routledge, 2009. hlm. 170.

<sup>104</sup>Kepulauan Hindia ialah Indonesia.

<sup>105</sup>FO 12/86, Foreign Office Memorandum, 16 Disember 1841.

<sup>106</sup>Memorial, (vol. 1), submitted by the Government of the Republic of Indonesia International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), vol. 1, 2 Januari 1999, yang ditandai sebagai Annex 21, hlm. 12.

<sup>107</sup>C. A. Trocki, *Prince of pirates: The Temenggongs and the development of Johor and Singapore, 1784-1885* (edisi ke-2), Singapore: Singapore University Press, 2007, hlm. 5 dan C. A. Trocki, "Borders and the mapping of the Malay world". Kertas kerja yang dibentang semasa The Association of Asian Studies Annual Meeting, San Diego, California, 9-12 Mac 2000.

mereka di Asia Tenggara tanpa gangguan, perasaan curiga antara British-Belanda dan juga daripada mana-mana kuasa besar kerana sempadan pengaruh untuk British dan Belanda telah ditentukan sejelas-jelasnya dalam Perjanjian tersebut. Kedua-dua pihak akur dengan perjanjian sebagaimana berikut:

*Both the Dutch and the British respected the 1824 Treaty as established the dividing line between their respective spheres of influence. The Dutch never asserted any claim to the islands within or near the Strait of Singapore, while the British persuaded the rulers of Johor to observe the new division of spheres of influence as to locations and islands futher away (e.g Bengkulen and the Carimon Islands).<sup>108</sup>*

Bermula daripada sinilah Kepulauan Melayu terpisah kepada dua bahagian iaitu kawasan di bawah pengaruh British dan Belanda.<sup>109</sup> Sejarahwan-sejarawan tempatan<sup>110</sup> dan sejarawan-sejarawan luar negara<sup>111</sup> turut memberi pandangan yang

---

<sup>108</sup>Reply of Malaysia, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pedra Branca/Pulau Batu Puteh, Middle Rock & South Ledge, vol. 1, 25 Novemer 2005, hlm. 36. Lihat juga, K. S. Sandhu, "Indian settlement in Melaka" dlm. K. S. Sandhu & P. Wheatley (eds.), *Melaka: The transformation of a Malay Capital c. 1400-1980*, (vol. 2), Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1983, hlm. 186.

<sup>109</sup>C. A. Trocki, *Prince of Pirates: The Temenggongs and the Ddevelopment of Johor and Singapore, 1784-1885* (edisi. ke-2), Singapore: Singapore University Press, 2007, hlm. 5 dan C. A. Trocki, "Borders and the mapping of the Malay world". Kertas kerja yang dibenteng semasa The Association of Asian Studies Annual Meeting, San Diego, California, 9-12 Mac 2000.

<sup>110</sup>Antaranya ialah Nik Anuar Nik Mahmud, *Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan...*, hlm. 12-19; Zainal Abidin Abdul Wahid, "Kesultanan Melaka dalam hubungan antarabangsa" dlm. Ismail Hussin, A. Aziz Deraman & Abd. Rahman Al-Ahmadi (penyelenggara), *Tamaddun Melayu*, Jilid 3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm. 945; Ooi Keat Gin, "Kerajaan-Kerajaan di Borneo sekitar tahun 1850-1941" dlm. Abdul Rahman Haji Ismail (Penyelenggara), *Malaysia: Sejarah kenegaraan dan politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, hlm. 201; Sivachandralingam Sundara Raja, *Sejarah perdagangan bebas*, Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 2005, hlm. 123; Leong Yee Fong, "Zaman Penjajahan dan munculnya susunan politik baharu di Tanah Melayu" dlm. Abdul Rahman Haji Ismail (Penyelenggara), *Malaysia: Sejarah kenegaraan dan politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, hlm. 235; G. Khoo & D. Lo, *Asian Transformation: A History of South-East, South and East Asia*, Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books, 1977, hlm. 45 dan 44 dan Mardiana Nordin, "Perpecahan kerajaan Johor-Riau, 1819-1824" dlm. *Polimik sejarah Malaysia*, (Jilid 2), Kuala Lumpur: Kementerian Penerangan, Komuniskasi dan Kebudayaan Malaysia, dan Arkib Negara Malaysia, 2009. hlm. 138.

<sup>111</sup>Antaranya G. Irwin, *Nineteenth Century Borneo: A Study in Diplomatic Rivalry*, Singapore: Donald Moore Press, 1952, hlm. 62-64 dan G. Irwin, *Borneo Abad Kesembilan Belas...*, hlm. 80; J.

sama atau mirip dengan pandangan Trocki. Ulasan dan pandangan ini kesemuanya berdasarkan kepada kesemua 17 artikel dalam perjanjian. Dengan perjanjian ini juga, khususnya dari segi penentuan wilayah, British dan Belanda yang menemui titik penemuan iaitu berjaya menyelesaikan pertikaian wilayah ini untuk selama-lamanya (*once for all*).

Persoalannya di sini, bagaimana pula dengan kedudukan Borneo Utara dan Borneo secara am dalam Perjanjian 1824? Adakah 17 perkara dalam Perjanjian 1824 itu turut melibatkan Borneo Utara dan Borneo iaitu British dan Belanda yang menemui titik penemuan dan berjaya menyelesaikan pertikaian wilayah di Sabah dan Borneo untuk selama-lamanya juga?

---

Bastin & R. W. Winks (comp.), *Malaysia: Selected Historical Reading*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1966, hlm. 134; K. G. Tregonning, *A History of Modern Sabah...*, hlm. 23; B. W. & L. Y. Andaya, *Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Macmillan Publishers (M) Sdn. Bhd., 1983, hlm. 144; F. F. B. C. Rolfe, *Hadrian the VII*, Hertfordshire: Wordsworth Edition Ltd., 1993, hlm. 337; N. Tarling *British Policy in the Malay Peninsula and Archipelago 1824-1871*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1969; N. Tarling, "British policy in Malayan waters in the nineteenth century" dlm. K. G. Tregonning (ed.) "Papers on Malayan history", *Journal South-East Asia history*, Singapore, 1962, hlm. 78-79 dan N. Tarling, 1978. *Sulu and Sabah: A Study of British Policy towards the Philippines and North Borneo from the Late Eighteenth Century*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1978, hlm. 42; S. L. Van Der Wal, "The Netherlands as an imperial power in South-East Asia in the nineteenth century and after" dlm. J. S. Bromley & E. H. Kossmann (eds.), *Britain and the Netherlands in Europe and Asia*, London: Macmillan, 1968, hlm. 193; Wong Lin Ken, "The strategic significance of Singapore in modern history" dlm. Earnest C. T. Chew & Edwin Lee, *A history of Singapore*, Singapore: Oxford University Press, 1991, hlm. 30-31; H. F. Paerson, *Singapore: A Popular History*, Singapore: Times Books International, 1961, hlm. 21; J. Kennedy, *A History of Malaya*, Kuala Lumpur: A. Abdul Majeed & Co., 1993, hlm. 99; C. Crisswell, "Disputes between the colonial powers arising from the establishment of the North Borneo Chartered Company 881-1905" dlm. V. T. King & A. V. M., *From Buckfast to Borneo*, (Sarawak Literary Society), Kuala Lumpur: Ampang Press, 1995, hlm. 452; H. J. Marks, *The First Contest for Singapore...*, hlm. 235; H. F. Paerson, *Singapore: A Popular History*, Singapore: Times Books International, 1961, hlm. 21; L. A. Mills, *British Malaya, 1824-67*, (MBRAS reprint 22), Selangor: Academe Art & Printing, 2003, hlm. 87-88; J. Baker, *Crossroads: a popular history of Malaysia and Singapore*, Singapore: Times Books International, 2009, hlm. 96 dan 134; Harold W. V. Temperley, *The foreign policy of canning 1822-1827*, London: G. Bell & Sons Ltd., 1925, hlm. 41; D. J. M. Tate, *The making of modern South-East Asia* (vol. 1, (The European Conquest), rev. edi.), Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1977, hlm. 101; C. M. Turnbull, "Melaka under British colonial rule" dlm. K. S. Sandhu & P. Wheatley (eds.), *Melaka: The transformation of a Malay capital c. 1400-1980*, (vol. 1), Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1983, hlm. 248 dan C.M Turnbull, *A Short History of Malaysia, Singapore and Brunei*, Singapore: Graham Brash, 1980, hlm. 98.

Meneliti nama-nama tempat Kepulauan Melayu dalam kesemua 17 perkara Perjanjian 1824 itu, tempat-tempat yang dinyatakan ialah Kepulauan Timur (Perkara I dan Perkara IV), Laut Timur (Perkara II dan Perkara III) Kepulauan Maluku, khususnya Ambon, Banda, Ternate (Perkara VII), Pulau Sumatera (Perkara IX), Kota Melaka dan Melaka (Perkara X), Pulau Belitong (Perkara XI), Pulau Singapura, Pulau Karimon, Palau Batam, Bintang, Lingin, Selat Singapura (Perkara XI) dan Jawa (Perkara XVI). Selain menyebut nama-nama ini, dinyatakan juga istilah tanah jajahan, wilayah tanggungan yang memberi makna ada perkaitan yang jelas dengan nama tempat atau lokasi yang dimaksudkan contohnya, "...berjanji membenarkan rakyat satu sama lain berdagang antara Tanah Jajahan masing-masing di Kepulauan Timur" (Perkara I) dan "Bandar dan Kota Melaka serta Wilayah Tanggungannya..." (Perkara X).

Berdasarkan Artikel 12 Perjanjian 1824 ini, masa depan Pulau Borneo menjadi begitu penting dalam pertikaian diplomasi antarabangsa, sebagaimana kata G. Irwin "Setakat yang berkaitan dengan Singapura, artikel ini adalah cukup jelas bagi keabsahan pendudukan Inggeris di sana. Akan tetapi yang penting ialah tentang masa depan Borneo. Sebabnya apakah maksud pernyataan "atau mana-mana pulau yang terletak di selatan Selat Singapura".<sup>112</sup> Walau bagaimanapun, secara jelas Perjanjian 1824 ini tidak langsung menyebut Borneo<sup>113</sup> dan dengan demikian

---

<sup>112</sup>G. Irwin, *Borneo abad kesembilan belas...*, hlm. 79.

<sup>113</sup>FO12/90: Foreign Office Political and Other Department – General Correspondence before 1906, Borneo, British North Borneo Company, "Borneo Boundary Convention", FO 12/86. E. Hertslet, "Borneo – Memorandum on the political, strategical, and commercial advantages to Great Britain of the Northern Part of Borneo; as well as on the Right of Holland, under the Treaty of 1824, to oppose the Occupation of any portion of that Territory by Great Britain" bertarikh 4 November, 1879, hlm. 177. Lihat juga *The British North Borneo Herald*, "The North Borneo Question", 1 Julai 1888, hlm. 444. Dalam surat khabar ini menyebut, "*That documents defined the limits of British and Dutch influence within the Indian Archipelago. But the terms of the treaty happen to be so loosely worded that Borneo is not once mentioned in the documents*".

membiarkan hubungannya dengan lingkungan pengaruh Belanda dan British agak samar-samar.<sup>114</sup> Kesamaran ini sememangnya tidak memperlihatkan penyelesaian pertikaian di Borneo. Oleh itu perjanjian-perjanjian baharu dibuat untuk menjelaskan kedudukan British dan Belanda di Borneo.

Kesamaran Perjanjian 1824 ini dapat dikesan seperti yang terdapat dalam Perkara XII yang menyebut "...bahawa tiada apa-apa pertapakan British akan didirikan di Pulau Karimon, atau di Pulau Batam, Bintang, Lingin, atau di mana-mana pulau lain di selatan Selat Singapura..." Atas kesamaran inilah, pada hakikatnya British mengambil kesempatan untuk terus membuat aktiviti penempatan dan perdagangan khususnya di Borneo Utara.



---

<sup>114</sup>B. W. & L. Y. Andaya, *Sejarah Malaysia...*, hlm. 144.



## 2.5 Hubungan Belanda dengan Sultan Bulungan pada tahun 1850 dan 1878 melalui *Contract of Vassalage*

Sejarah pendudukan Belanda di Borneo di pantai timur Borneo termasuklah wilayah Berau<sup>115</sup> dan tanah jajahannya<sup>116</sup> sejak 1787 lagi.<sup>117</sup> Pada era ini iaitu sebelum 1800, wilayah Berau yang seluas 22,500 kilometer persegi (86,900 batu persegi)<sup>118</sup> adalah sebuah kerajaan besar. Ia merangkumi beberapa wilayah termasuklah Bulungan, Sambuliung, Gunung Tabur dan Tidung.<sup>119</sup> Sekitar 1800-an kerajaan dan wilayah Berau berpecah kepada dua, iaitu Berau dan Bulungan. Kawasan Tidung adalah termasuk dalam wilayah Bulungan manakala Sambuliung, Gunung Tabur kekal dalam wilayah Berau. Istana kerajaan Bulungan terletak di tebing Sungai Seilor.

---

<sup>115</sup>Kadang-kadang dieja Berou dan Barrau dan juga Berouw. Untuk maklumat lanjut, lihat *Contract between the Sultan of Banjarmasin and the Government of the Netherlands East Indies*, 3 January 1817, dlm. *Memorial, Submitted by the Government of the Republic of Indonesia*, vol. 2, (Annexes 1 to 56), 2 Januari 1999, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia).

<sup>116</sup>Untuk maklumat lanjut, lihat David Pickell, *Indonesia, Borneo and Kalimantan*, Singapura, Periplus Editions, 1922, hlm. 75.

<sup>117</sup>Lihat Rajah 2.4. Kedudukan Bulungan dalam Wilayah Berau pada sekitar Tahun 1800-an.

<sup>118</sup>David Pickell, *Indonesia, Borneo and Kalimantan*, Singapura, Periplus Editions, 1922, hlm. 75.

<sup>119</sup>Surat dari Sandakan bertarikh 8 September 1887 dlm. CO 874/191: Correspondence regarding the Dutch Boundary: British North Borneo Company – Papers. Miscellanea, 1846-1889. Lihat juga FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission appointed by the British and Netherland Governments for considering the question of the Boundary between the Netherland Indian Possessions on the Island of Borneo and the Territory belonging to the British North Borneo Company, First Meeting, held at Foreign Office, 16 July 1889 dan Vincent J. H. Houben, “The Regional History of Northern Borneo in the Nineteenth Century with Special Reference to Bulungan” dlm. *Counter-Memorial of Malaysia*, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), vol. 2, 2000, Appendix 1, hlm. 10. Semua wilayah ini pada satu ketika iaitu sekitar abad ke-15 berada dalam kerajaan iaitu Kesultanan Kutai. Kesultanan Kutai ini berada dalam pemerintahan tua (the old kingdom) di Kalimantan Timur. Untuk maklumat lanjut tentang Kesultanan Kutai, lihat Burhan Djabier Magenda, *East Kalimantan: The Decline of a Commercial Aristocracy*, Singapore: Equinox, 2010, hlm. 12-17. Lihat juga Ian Black, “The “Lastposten”: Eastern Kalimantan and the Dutch in the Nineteenth and Early Twentieth Centuries, dlm. *Journal of Southeast Asian Studies*, vol. 16, no. 2 (Sept. 1985), hlm. 286.



Rajah 2.4. Kedudukan Bulungan dalam Wilayah Berau pada sekitar Tahun 1800-an<sup>120</sup>

Pada tahun 1849, kerajaan Bulungan mempunyai penduduk sekitar 2,000 hingga 3,000 orang yang terdiri dari kaum Melayu, Dayak, Taosug (suku kaum Sulu dari Kepulauan Sulu) dan Bugis dari yang berasal dari selatan Sulawesi.<sup>121</sup> Belanda

<sup>120</sup>Irwin, G., *Nineteenth Century Borneo: A Study in Diplomatic Rivalry*. Singapore: Donald Moore Press, 1952, Lampiran 2 dan Irwin, G., *Borneo abad kesembilan belas: Kajian mengenai persaingan diplomatik*. Terj. Mohd. Nor Ghani & Noraini Ismail. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1955, Lampiran 2. Lihat juga Reply of Malaysia, 2 March 2001, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), hlm. 24.

<sup>121</sup>Bernard Sellato, *Forest, Resources and People in Bulungan*, Center for International Forestry Research, Bogor Barat, Indonesia, 2001, hlm. 17.

menduduki wilayah Bulungan hampir 100 tahun.<sup>122</sup> Keberadaan Belanda di wilayah ini adalah atas kepentingan perdagangan.

Kesultanan Bulungan, bagi Belanda, adalah sangat penting berbanding dengan Kesultanan Berau. Ini disebabkan wilayah Bulungan ini menjadi tempat pertembungan (*melting pot*) bagi tiga suku kaum, iaitu Bugis, Dayak dan Taosug dan Taosug. Selain itu Bulungan juga menjadi tempat perlindungan antara suku kaum Bugis dan Taosug dengan lanun.<sup>123</sup> Dari segi ekonomi pula wilayah Bulungan juga ditemui sumber minyak<sup>124</sup> dan kayu balak.<sup>125</sup> Kegiatan ekonomi dan kekayaan Bulungan dinyatakan oleh Sellato, sebagaimana berikut:

*Bulungan, like other sultanates in Borneo, built its wealth on trade and duties levied on trade goods, taking advantage of its position between the non-timber flux from upstream and the maritime trade. Its agricultural orientation began late and was linked to the availability of slave labour. During the the early Dutch times, the Sultan was granted monopolies in trade in salt and opium; later, he received royalties, dwindling in percentage through time, from exploitation of petroleum and coal.*<sup>126</sup>

Pada tahun-tahun 1850-an, Belanda telah mula mencampuri urusan hal ehwal tempatan dengan alasan untuk menghapuskan kegiatan lanun dan juga perniagaan

---

<sup>122</sup>Reply of Malaysia, 2 March 2001, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), hlm. 35.

<sup>123</sup>Burhan Djabier Magenda, *East Kalimantan:...*, hlm. 41.

<sup>124</sup>Ibid., hlm. 40.

<sup>125</sup>FO 12/90: Foreign Office Political and Other Department – General Correspondence before 1906, Borneo, British North Borneo Company, “Borneo Boundary Convention”.

<sup>126</sup>Bernard Sellato, *Forest, Resources...*, hlm. 17.

hamba yang menjadi tradisi dalam Kesultanan Kutai lagi.<sup>127</sup> Seperti yang dinyatakan di atas tadi, wilayah Berau telah berpecah. Bermula dari sinilah kesultanan-kesultanan ini menjadi naungan Belanda. Pada tahun 1844 Bulungan muncul sebagai entiti bebas politik, diperintah oleh Sultan sendiri.<sup>128</sup> Atas kapasiti inilah Belanda menandatangani *Contract of Vassalage 1850* dengan Kesultanan Bulungan.

### **2.5.1 *Contract of Vassalage 1850***

Pada tahun 1834, Belanda telah menakluki Berau dan sepuluh tahun kemudian, iaitu pada 1848 Kesultanan Kutai<sup>129</sup> pula mengiktiraf Belanda.<sup>130</sup> Apabila Belanda menakluki Berau, Sultan Bulungan, iaitu Mahammed Khahar-Oedien telah menyerahkan Bulungan miliknya kepada Belanda. Penyerahan Bulungan ini berdasarkan Akta bertarikh 27 September 1834.<sup>131</sup> Berdasarkan penyerahan melalui Akta 27 September 1834 ini jugalah wilayah Bulungan diisytiharkan milik Belanda.<sup>132</sup> Akta 27 September 1834 juga mengenai pasti wilayah milik Belanda dengan jelas iaitu, “*as boundary with the Solok possessions on the sea, the angle*

---

<sup>127</sup>Bernard Sellato, *Forest, Resources and People in Bulungan*, Center for International Forestry Research, Bogor Barat, Indonesia, 2001, hlm. 17.

<sup>128</sup>Reply of Malaysia, 2 March 2001, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), hlm. 25. Lihat juga <http://www.bunyoro-kitara.org/73.html>, dimuat turun pada 22 Oktober 2016.

<sup>129</sup>Kesultanan Kutai ini berada dalam pemerintahan tua (the old kingdom) di Kalimantan Timur. Untuk maklumat lanjut tentang Kesultanan Kutai, lihat Burhan Djabier Magenda, *East Kalimantan...*, hlm. 12-17.

<sup>130</sup>Bernard Sellato, *Forest, Resources and People in Bulungan...*, hlm. 18.

<sup>131</sup>Contract between the Netherlands and the Sultan of Boeloengan, 12 November 1850, “Article 1”, dlm. Memorial of Malaysia, vol. 2, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Submitted by the Government of Malaysia, 2 November 1999, hlm. 5.

<sup>132</sup>Ibid.

*called Batoe Tinagat, and further, the River Tauwan, including certain islands which were specially named.*”<sup>133</sup>

Apabila Bulungan menjadi milik Belanda, dari segi struktur kuasa dan pentadbiran Gabenor Jeneral Belanda menjadi wakil Maharaja Belanda dan diberi taraf suzerain,<sup>134</sup> iaitu yang raja yang menguasai dasar luar negara lain tetapi membenarkannya memerintah hal ehwal dalam negerinya sendiri.<sup>135</sup>

Berdasarkan pengalaman pentadbiran Belanda di wilayah-wilayah Sambas, Pontianak dan Banjarmasin,<sup>136</sup> Menteri Tanah Jajahan (*Minister of Colonies*) Belanda, J. C. Baud, pada tahun 1943 mengatakan bahawa Belanda telah mengambil keputusan untuk campur tangan secara langsung dengan wilayah Bulungan yang telah diisytiharkan milik Belanda.<sup>137</sup> Maka pada 12 November 1850 kerajaan Belanda telah menandatangani kontrak dengan Kesultanan Bulungan, iaitu *Contract of Vassalage 1850*.<sup>138</sup> Penandatanganan kontrak ini adalah antara H. Van de Wall,

---

<sup>133</sup>FO 874/191, Salisbury kepada Rumbold bertarikh 5 Februari 1889.

<sup>134</sup>Contract between the Netherlands and the Sultan of Boeloengan, 12 November 1850, “Article 1”, dlm. Memorial of Malaysia, vol. 2...., Dalam konteks ini, Article 1, Contract between the Netherlands and the Sultan of Boeloengan, 12 November 1850 memeterai “*The territory of Boeloengan is declared to belong to Netherland India, and His Majesty the King of the Netherlands, represented by the Governor-Geberal of Netherlands, is acknowledged as Suzerain*”.

<sup>135</sup>A. S. Hornby, *Oxford Fajar Dictionary*, (penterjemah dan editor umum Asmah Haji Omar), Kuala Lumpur: Penerbit Fajar, 2000, hlm. 1930.

<sup>136</sup>Untuk maklumat lanjut tentang pengalaman Belanda di ketiga-tiga wilayah ini khususnya Banjarmasin, lihat G. Irwin, *Borneo Abad Kesembilan Belas...*, hlm. 218-219.

<sup>137</sup>Vincent J. H. Houben, “The Regional History of Northern Borneo in the Nineteenth Century with Special Reference to Bulungan” dlm. Counter-Memorial of Malaysia, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), vol. 2, 2000, Appendix 1, hlm. 4-5.

<sup>138</sup>FO 12/86, Agreement concluded between Dutch and Boeloengan. FO 12/86: Papers and maps relating to the question of the boundary of the Netherlands possessions in Borneo including: the Dutch encroachments in North Borneo and the Spanish encroachments through their claims over Sulu islands; a UK-German initiative to restrict Spanish claims and a UK-German-Spanish Treaty;

Pengarah Awam Bahagian Timur Borneo (*The Civil Director of the Eastern Division of Borneo*) sebagai mewakili kerajaan Belanda dengan Sultan Bulungan, iaitu Mahammed Khahar-Oedien (1817-1861).<sup>139</sup>

Kepentingan Belanda terhadap Bulungan ialah dengan melihat wilayah Bulungan ini kaya dengan sumber ekonomi dan keberadaannya bersama-sama dengan Kutai dalam kerajaan pesisir Kesultanan Kalimantan seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Kepentingan Belanda ini lebih mendalam apabila melihat keadaan politik Bulungan tidak stabil dan pemerintahannya juga lemah.<sup>140</sup> Dari wilayahnya pula Bulungan adalah kecil.<sup>141</sup> Atas ketidakstabilan politik dan kelemahan pentadbiran Kesultanan Bulungan inilah, kontrak ini memihak kepada Belanda.

Kontrak ini mengandungi 17 artikel<sup>142</sup> yang boleh dikelompokkan dalam aspek persempadanan,<sup>143</sup> politik dan pentadbiran wilayah,<sup>144</sup> perdagangan<sup>145</sup> dan

---

problems of granting charter to the British North Borneo Company in view of conflicting jurisdictional claims in North Borneo. Includes survey maps of the North Borneo coastline, 1761-1891, "Convention for and on behalf of the Government of Netherland India, concluded by Jacobus Gerardus Arnoldus Gallois, Acting Resident for the Southern and Eastern Divisions of Borneo, with Mohammed Khahar-Oedien, Sultan of Boeloengan"; CO 847/191, "Convention for and on behalf of the Government of Netherland India, concluded by Jacobus Gerardus Arnoldus Gallois, Acting Resident for the Southern and Eastern Divisions of Borneo, with Mohammed Khahar-Oedien, Sultan of Boeloengan". Lihat juga Contract between the Netherlands and the Sultan of Boeloengan, November 12, 1850 dlm. *Memorial of Malaysia*, vol. 2..., hlm. 5-7.

<sup>139</sup>Tahun 1817-1861 untuk Sultan Mahammed Khahar-Oedien ini diperoleh daripada [https://id.wikipedia.org/wiki/Kesultanan\\_Bulungan](https://id.wikipedia.org/wiki/Kesultanan_Bulungan), dimuat turun pada 24 Oktober 2016.

<sup>140</sup>Untuk maklumat lanjut, lihat Vincent J. H. Houben, "The Regional History of Northern Borneo in the Nineteenth Century with Special Reference to Bulungan" dlm. *Counter-Memorial of Malaysia, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia)*, vol. 2, 2000, Appendix 1, hlm. 9-10.

<sup>141</sup>J. F., Warren, *The Sulu zone, 1768-1898*. Singapore: Singapore University Press, 1981, hlm. 10. Lihat juga Vincent J. H. Houben, "The Regional History of Northern Borneo in the Nineteenth Century with Special Reference to Bulungan" dlm. *Counter-Memorial of Malaysia, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia)*, vol. 2, 2000, Appendix 1, hlm. 8-9.

<sup>142</sup>Penulis tidak akan membincangkan kesemua artikel ini. Penulis hanya membincang artikel-artikel yang berkaitan dengan mauduk kajian.

keselamatan.<sup>146</sup> Artikel I menyebut bahawa wilayah takluk Bulungan diisytiharkan kepunyaan Belanda dan perincian pemilikan ini diperhalusi lagi dalam Artikel II yang menetapkan pembahagian kawasan-kawasan milik Sultan Bulungan. Lingkungan wilayah takluk Bulungan adalah:

*“Towards Goenoeng-Teboer: from the sea-shore inland, the River Karanliegan from its mouth and to its source beyond the Batoe-Bevekkier and the Palpakh Mountain.  
Toward the Zulu possessions on the sea-shore, the cape called Batoe Tinagat and beyond the River Tanwan.  
The following islands shall belong to Boeloengan, namely, Terakkan, Nenoekkan, and Sebittikh, together with the small islands belonging to them.”*<sup>147</sup>

Klausa dalam Artikel II telah menunjukkan bahawa Sultan Bulungan telah menyerahkan tiga pulau besar, iaitu Tarakan, Nunukan dan Sebatik, dan termasuk juga pulau-pulau kecil yang berada dalam lingkungan 9 batu nautika dari tiga pulau

---

<sup>143</sup>FO 12/86: Papers and maps relating to the question of the boundary of the Netherlands possessions in Borneo including...“Convention for and on behalf of the Government of Netherland India...” Artikel-artikel yang berkaitan dengan aspek persempadanan ialah Artikel I, II, III dan XVI. Lihat juga Artikel I, II, III dan XVI Contract between the Netherlands and the Sultan of Boeloengan, November 12, 1850 dlm. *Memorial of Malaysia*, vol. 2..., hlm. 5-7.

<sup>144</sup>FO 12/86: Papers and maps relating to the question of the boundary of the Netherlands possessions in Borneo including...“Convention for and on behalf of the Government of Netherland India...” Artikel-artikel yang berkaitan dengan aspek politik dan pentadbiran wilayah ialah Artikel IV, V, XIII, XIV dan XVII. Lihat juga Artikel Artikel IV, V, XIII, XIV dan XVII dlm. Contract between the Netherlands and the Sultan of Boeloengan, November 12, 1850 dlm. *Memorial of Malaysia*, vol. 2..., hlm. 5-7.

<sup>145</sup>FO 12/86: Papers and maps relating to the question of the boundary of the Netherlands possessions in Borneo including...“Convention for and on behalf of the Government of Netherland India...” Artikel-artikel yang berkaitan dengan aspek perdagangan ialah Artikel VII, X, XVI, XIV dan XV. Lihat juga Artikel VII, X, XVI, XIV dan XV dlm Contract between the Netherlands and the Sultan of Boeloengan, November 12, 1850 dlm. *Memorial of Malaysia*, vol. 2..., hlm. 5-7.

<sup>146</sup>FO 12/86: Papers and maps relating to the question of the boundary of the Netherlands possessions in Borneo including...“Convention for and on behalf of the Government of Netherland India...” Artikel-artikel yang berkaitan dengan aspek keselamatan ialah Artikel XI dan XII. Lihat juga Artikel Artikel XI dan XII dlm. Contract between the Netherlands and the Sultan of Boeloengan, November 12, 1850 dlm. *Memorial of Malaysia*, vol. 2..., hlm. 5-7.

<sup>147</sup>FO 12/86: Papers and maps relating to the question of the boundary of the Netherlands possessions in Borneo including...“Convention for and on behalf of the Government of Netherland India...” Artikel-artikel yang berkaitan dengan aspek persempadanan ialah Artikel I, II, III dan XVI. Lihat juga Artikel I, II, III dan XVI dlm. Contract between the Netherlands and the Sultan of Boeloengan, November 12, 1850 dlm. *Memorial of Malaysia*, vol. 2..., hlm. 5-7.

besar ini.<sup>148</sup> Walau apapun keadaan penentuan sempadan adalah dianggap sebagai sementara. Belanda memanipulasikan klausa dalam Artikel II dengan menetapkan bahawa penentuan sempadan adalah dianggap sebagai sementara. Persempadanan boleh dikaji semula secara terperinci dan menetakannya semula.<sup>149</sup> Artikel ini menunjukkan bahawa kawasan tumpuan pertikaian ialah Batu Tinagat dan kawasan di seberang Sungai Tawau.<sup>150</sup>

Selain dari itu, merujuk kepada *Contract of Vassalage 1850* ini, khususnya dalam soal pemilikan tanah, kedudukan Sultan dalam ini sekali gus menunjukkan penurunan taraf dan hak baginda sebagai pemerintah di negeri sendiri. Ia berlaku apabila *Contract of Vassalage 1850* yang telah ditandatangani Sultan Bulungan diberi hak sebagai pemegang tanah adat (*a fief*) sahaja. Ini jelas tercatat dalam Artikel III, iaitu “*The territory of Boeloengan is given to the Sultan Muhammed Vihahar-Oeddien a fief.*”<sup>151</sup> Dengan adanya Artikel ini, Sultan Bulungan pula telah diarahkan supaya menjalankan urusan pentadbiran berdasarkan undang-undang dan tanah adat yang telah disediakan. Sebarang keputusan yang dibuat Sultan Bulungan

---

<sup>148</sup>Ibid. Lihat juga Ranjit Singh, D. S., *Boundary delineation in the Sabah-Indonesia-Philippine region and the Sipadan and Ligitan case in the ICJ, (Inaugural Lecture)*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2004, hlm. 11.

<sup>149</sup>FO 12/86: Papers and maps relating to the question of the boundary of the Netherlands possessions in Borneo including...“Convention for and on behalf of the Government of Netherland India...,” Artikel-artikel yang berkaitan dengan aspek persempadanan ialah Artikel I, II, III dan XVI. Lihat juga Artikel I, II, III dan XVI dlm. *Contract between the Netherlands and the Sultan of Boeloengan*, November 12, 1850 dlm. *Memorial of Malaysia*, vol. 2..., hlm. 5.

<sup>150</sup>FO 12/86, surat R. Alcock kepada Earl Granville, 20 Disember 1883. Lihat juga Peta “Insert 1: North Borneo Coast, Sulu Archipelago, 1878 Sulu Grant and Territorial Dispute with Netherlands” dlm. *Reply of Malaysia*, ...hlm. 6 (sisipan). Dalam Artikel II *Contract of Vassalage 1850* Sungai Tawau disebut *River Tanwan*.

<sup>151</sup>FO 12/86: Papers and maps relating to the question of the boundary of the Netherlands possessions in Borneo including...“Convention for and on behalf of the Government of Netherland India...,” Artikel-artikel yang berkaitan dengan aspek persempadanan ialah Artikel I, II, III dan XVI. Lihat juga Artikel Artikel I, II, III dan XVI dlm. *Contract between the Netherlands and the Sultan of Boeloengan*, November 12, 1850 dlm. *Memorial of Malaysia*, vol. 2..., hlm. 5.



pula melalui perundingan dan mendapat persetujuan daripada para pegawai kerajaan Belanda yang berada di Borneo. Sikap Belanda telah menurunkan taraf Sultan.

Dalam hal yang sama, Belanda bukan sahaja merendahkan martabat Sultan Bulungan dalam soal pemilikan tanah dan undang-undang serta tanah adat tetapi Belanda turut mencampur urusan pelantikan bakal Sultan yang akan menaiki takhta. Bakal Sultan Bulungan hendaklah dikemukakan kepada Belanda untuk kelulusan dan pelantikannya diiktiraf oleh Belanda.<sup>152</sup>

Sehubungan dengan itu, Kesultanan Bulungan rasa kesal membuat kontrak dengan Belanda. Ini kerana dalam banyak perkara pihak Bulungan mengalami kerugian, khususnya dari aspek ekonomi. Melihat kepada situasi ini, para pemimpin tradisional Bulungan menyatakan bahawa adalah lebih baik sekiranya perjanjian seperti ini dibuat dengan pihak British.<sup>153</sup>

Apapun oleh sebab keadaan politik Bulungan tidak stabil, pemerintahannya juga lemah dan ditambah lagi wilayahnya kecil, Belanda telah mengambil kesempatan ke atas Sultan Bulungan melalui *Contract of Vassalage 1850*. Sultan Bulungan silih berganti dan *Contract of Vassalage 1850* tidak terhenti setakat itu sahaja. Apabila kerajaan Bulungan mendapat Sultan yang baharu, iaitu Molana Mohamad Kahar Oedin (1878-1889),<sup>154</sup> Belanda telah memperkemaskan *Contract of Vassalage 1850* dan menggantikan dengan *Contract of Vassalage 1878*.<sup>155</sup>

---

<sup>152</sup>Ibid.

<sup>153</sup>B. D. Magenda, B. D.. *East Kalimantan: The Decline of a Commercial Aristocracy*, Singapore: Equinox, 2010, hlm. 23.

<sup>154</sup><http://www.bunyoro-kitara.org/73.html>, dimuat turun pada 22 Oktober 2016.

### 2.5.2 *Contract of Vassalage 1878*

*Contract of Vassalage 1878* ini telah ditandatangani oleh Sultan Bulungan Molana Mohamad Kahar Oedin di hadapan Joseph Meijer, Residen Bahagian Selatan dan Timur Borneo dengan disaksikan oleh pembesar-pembesar Kesultanan Bulungan iaitu Raja Muda, Dato Marbahar, Pangeran Bandahara, Dato Alam dan Moekamat.<sup>156</sup> Kontrak ini telah ditandatangani pada 2 Jun 1878<sup>157</sup> dan kemudiannya diluluskan dan disahkan oleh Gabenor Jeneral Belanda pada 1 September 1878. Walau bagaimanapun kontrak ini sampai secara rasmi kepada kerajaan British pada 17 Januari 1880.<sup>158</sup>

Sebenarnya *Contract of Vassalage 1878* ini tidak ada apa-apa yang baharu melainkan kerajaan Belanda meminta Sultan Bulungan Molana Mohamad Kahar Oedin mengesahkan perjanjian yang terdahulu, iaitu *Contract of Vassalage 1850* dengan menandatangani *Contract of Vassalage 1878*. Ini jelas kerana dalam *Contract of Vassalage 1878*, Sultan Bulungan Molana Mohamad Kahar Oedin mengakui dengan suci hati bahawa akan benar-benar mematuhi perjanjian yang telah dibuat oleh nenek moyang baginda dengan kerajaan Belanda. Selain dari itu, baginda juga mengakui memberi taat setia yang tidak berbelah bagi kepada kerajaan Belanda dan menerima status bahawa beliau sebagai pemegang tanah adat. Atas

---

<sup>155</sup>*Contract of Vassalage between the Netherlands and the Sultan of Boeloengan, June 2, 1878* dlm. Memorial of Malaysia, vol. 2..., Annex 11, hlm. 39-41. Selepas ini *Contract of Vassalage between the Netherlands and the Sultan of Boeloengan, June 2, 1878* disebut sebagai *Contract of Vassalage 1878*.

<sup>156</sup>*Contract of Vassalage between the Netherlands and the Sultan of Boeloengan, June 2, 1878* dlm. Memorial of Malaysia, vol. 2..., Annex 11, hlm. 39.

<sup>157</sup>FO 12/86, 1878 – 2 Jun, a new Agreement concluded between Dutch and Boeloengan. Fail ABBA, vol. 1, hlm. 89.

<sup>158</sup>FO 874/191, Salisbury kepada Rumbold bertarikh 5 Februari 1889.

sifat kesamaan *Contract of Vassalage 1850* dan *Contract of Vassalage 1878* yang semacam inilah, *Contract of Vassalage 1878* disifatkan sebagai “*as the ‘new’ Contract, but it was not so called in the Contract itself, nor was any allusion made therein to the signature of any earlier Contract.*”<sup>159</sup> Dalam satu memorandum Count de Bylandt kepada Earl Granville pada 6 April 1883, Bylandt menyatakan bahawa *Contract of Vassalage 1878* adalah semata-mata pembaharuan yang hanya membuat pengesahan *Contract of Vassalage 1850*, iaitu pengulangan, dan dalam bentuk lain adalah kenyataan yang serupa.<sup>160</sup>

*Contract of Vassalage 1878* ini juga memperlihatkan keluasan wilayah seperti dalam Artikel II *Contract of Vassalage 1850*, iaitu:

“Towards Goenoeng-Teboer: from the sea-shore inland, the River Karanliegan from its mouth and to its source beyond the Batoe-Bevekkier and the Palpakh Mountain.  
Toward the Zulu possessions on the sea-shore, the cape called Batoe Tinagat and beyond the River Tanwan.  
The following islands shall belong to Boeloengan, namely, Terakkan, Nenoekkan, and Sebittikh, together with the small islands belonging to them.”<sup>161</sup>

kepada:

“Next Goenoeng Taboer from the sea strand inland the River Karantiegan, from its mounth to its sources; then the Batoe Beoekkier and the mountain Palpakh.  
Next the Solokh Posessions on sea the angle called Batoe Tinagat, and then the River Tawan.”<sup>162</sup>

---

<sup>159</sup>FO 874/191, Salisbury kepada Rumbold bertarikh 5 Februari 1889.

<sup>160</sup>FO 874/191, Salisbury kepada Rumbold bertarikh 5 Februari 1889.

<sup>161</sup>FO 12/86: Papers and maps relating to the question of the boundary of the Netherlands possessions in Borneo including...“Convention for and on behalf of the Government of Netherland India...” Artikel-artikel yang berkaitan dengan aspek persempadanan ialah Artikel I, II, III dan XVI. Lihat juga Artikel I, II, III dan XVI dlm. Contract between the Netherlands and the Sultan of Boeloengan, November 12, 1850 dlm. *Memorial of Malaysia*, vol. 2..., hlm. 5-7.

<sup>162</sup>Ibid.

Walau bagaimanapun tiga pulau besar, iaitu Tarakan, Nunukan dan Sebatik, dan termasuk juga pulau-pulau kecil yang berada dalam lingkungan 9 batu nautika dari tiga pulau besar ini masih dikekalkan *Contract of Vassalage 1878* ini. Dengan keluasan wilayah Kesultanan Bulungan dalam *Contract of Vassalage 1878* ini bererti luaslah juga kawasan wilayah Belanda kerana wilayah Bulungan ini “*is declared to belong to Netherland*”.<sup>163</sup>

Selain tumpuan kepada wilayah, *Contract of Vassalage 1878* juga menyentuh soal perdagangan khususnya tentang sarang burung, teripang dan kulit kura-kura dan menetapkan duti sebanyak 5 peratus terhadap semua barang import dan eksport, yang tidak disebut dalam Artikel XIV *Contract of Vassalage 1850*.

Kelainan *Contract of Vassalage 1878* dengan *Contract of Vassalage 1850* ialah *Contract of Vassalage 1878* tidak mempunyai sebarang artikel, tidak seperti *Contract of Vassalage 1850* yang mempunyai tujuh belas artikel yang memberi tumpuan kepada persempadanan, politik dan pentadbiran wilayah, perdagangan dan keselamatan. *Contract of Vassalage 1878* lebih kepada ulangan pengesahan Sulu Bulungan kepada Belanda. *Contract of Vassalage 1850* dan diikuti dengan *Contract of Vassalage 1878* adalah lebih kepada pengukuhan kuasa Belanda di Borneo baik dari segi politik mahupun ekonomi.<sup>164</sup>


---

<sup>163</sup>FO 12/86: Papers and maps relating to the question of the boundary of the Netherlands possessions in Borneo including...“Convention for and on behalf of the Government of Netherland India...” Artikel-artikel yang berkaitan dengan aspek persempadanan ialah I, II, III dan XVI. Lihat juga Artikel I, II, III dan XVI dlm. *Contract between the Netherlands and the Sultan of Boeloengan*, November 12, 1850 dlm. *Memorial of Malaysia*, vol. 2..., hlm. 5.

<sup>164</sup>Lihat juga Vincent J. H. Houben, “The Regional History of Northern Borneo in the Nineteenth Century with Special Reference to Bulungan” dlm. *Counter-Memorial of Malaysia*, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), vol. 2, 2000, Appendix 1, hlm. 11.

## 2.6 Rumusan

Sejarah pendudukan Belanda di Borneo di pantai timur Borneo termasuklah wilayah Berau dan tanah jajahannya sejak 1787 lagi. Sekitar 1800-an kerajaan dan wilayah Berau berpecah kepada dua, iaitu Berau dan Bulungan. Pada tahun 1844 Bulungan muncul sebagai entiti bebas politik, diperintah oleh Sultan sendiri. Belanda mempunyai kepentingan ke atas Bulungan. Pada tahun 1850 dan 1878 Belanda menandatangani *Contract of Vassalage 1850* dan *Contract of Vassalage 1878* dengan Kesultanan Bulungan. Kedua-dua kontrak ini berat sebelah. Kedua-dua kontrak ini juga sebenarnya pengukuhan pemilikan wilayah Belanda di Pantai Timur Borneo Utara oleh Kesultanan Bulungan dan menjadi asas pertikaian sempadan antara British dan Belanda di Pantai Timur Borneo Utara pada tahun 1879 yang akan dibincangkan dalam Bab 3.



UUM  
Universiti Utara Malaysia

# BAB TIGA

## PERTIKAIAN SEMPADAN DI PANTAI TIMUR BORNEO UTARA ANTARA BRITISH-BELANDA DARI TAHUN 1879 HINGGA 1889

### 3.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan penyerahan wilayah Kesultanan Sulu kepada pihak British, iaitu Persatuan Overbeck dan Dent (POD)<sup>1</sup> yang kemudiannya bertukar nama dan status kepada Syarikat Borneo Utara British (SBUB). Penyerahan itu tidak disenangi oleh pihak Belanda kerana bagi Belanda penyerahan itu melanggar Perjanjian British-Brunei 1847<sup>2</sup> terdahulu, yakni melalui Surat Penyerahan 1878. Bagi pihak Belanda, Perjanjian British-Brunei 1847 jelas menyebut Brunei tidak membenarkan sebarang pajakan kawasan naungan kepada mana-mana kuasa tanpa kebenaran Mahkota British seperti yang termaktub dalam Artikel X Perjanjian tersebut “... *His Highness the Sultan engages not to make any similar cession, either of an island or of any settlement on the mainland, in any dominions, to any other nation, or to the subjects or citizens thereof, without the consent of Her Britannic Majesty*”.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup>Persatuan Overbeck dan Dent (*Overbeck-Dent Association*) [POD] ditubuhkan pada 27 Mac 1877 oleh Baron von Overbeck dan Alfred Dent. Tujuannya ialah untuk memperoleh penyerahan wilayah di Borneo. POD kemudiannya menjadi pemilik kepada wilayah yang diberi oleh pihak berkuasa Brunei pada Disember 1877. Sebelumnya, pada bulan Mac 1877, POD telah melantik W. H. Treacher, iaitu Gabenor Borneo Utara British yang pertama untuk mentadbir harta benda yang diserahkan kepada POD dan British. Untuk maklumat lanjut tentang Persatuan Overbeck dan Dent, lihat D. S. Ranjit Singh, *The making of Sabah, 1865-1941*, Kuala Lumpur, University of Malaya Press, 2000, hlm. 4 dan 115-129.

<sup>2</sup>Untuk maklumat lanjut, lihat N. Tarling, *Britain, the Brookes and Brunei*. Kuala Lumpur, Oxford, 1971, hlm. 65-74.

<sup>3</sup>British-Brunei Treaty of 27 May, 1847, dlm. J. de V. Allen, A. J Stockwell & L. R Wright, *A collection of treaties and others documents affecting the States of Malaysia, 1761-1963*, vol. II, London, 1981, hlm. 404 dan G. W. Maxwell & W. S. Gibson (pnyt.), *Treaties and engagements affecting the Malay states and Borneo*, Sufflok Lane: Jas. Truscott & Son Ltd, 1924, hlm. 146. Lihat juga Ooi Keat Gin, “Kerajaan-Kerajaan di Borneo sekitar tahun 1850-1941” dlm. Abdul Rahman Haji Ismail (pngr), *Malaysia: Sejarah kenegaraan dan politik*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2005, hlm. 197, G. Irwin, *Nineteenth Century Borneo: A Study in Diplomatic Rivalry*. Singapore:

Walaupun Belanda berpegang kepada Perjanjian British-Brunei 1847, hakikatnya tidak ada apa-apa peruntukan yang dapat menghalang Kesultanan Brunei menyerahkan wilayahnya kepada kerajaan British. Ini dinyatakan oleh G. Irwin sebagaimana berikut.

Sesungguhnya sejak tahun 1847 lagi baginda Sultan Brunei telah dua kali menyerahkan bahagian-bahagian dominannya yang besar kepada seorang rakyat British (Sir James Brooke), dan dalam kedua-dua penyerahan itu tiada kelulusan diperolehi terlebih dahulu daripada Pejabat Luar Negeri. Malahan apabila penyerahan tersebut dilaporkan kemudiannya kepada Kerajaan British tiada apa-apa bantahan dibangkitkan.<sup>4</sup>

Isu penyerahan wilayah ini kemudiannya timbul semula pada tahun 1865. Pada tahun 1865 Sultan Brunei juga memajakkan seluruh kawasan Borneo Utara kepada *American Trading Company of Borneo* yang dikuasai oleh Charles le Moses dan Joseph William Torrey dengan bayaran £9,500 setahun.<sup>5</sup> Pada Januari 1875, iaitu sekembalinya Overbeck dari Eropah ke Hong Kong, Moses dan Torrey mengambil keputusan untuk menjual hak mereka kepada Overbeck dan Dent,<sup>6</sup> kerana Charles le Moses dan Joseph William Torrey menghadapi masalah kewangan. Overbeck dan Dent mendapat sokongan kuat daripada William Treacher yang menjadi Pemangku

---

Donald Moore Press, 1952, hlm. 192 dan G. Irwin, *Borneo abad kesembilan belas: Kajian mengenai persaingan diplomatik* (terj. Mohd. Nor Ghani dan Noraini Ismail), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1986, hlm. 241.

<sup>4</sup>G. Irwin, *Nineteenth Century Borneo...*, hlm. 194 dan G. Irwin, *Borneo abad kesembilan belas...*, hlm. 243.

<sup>5</sup>FO 371/169980/XC6996, Part 2: History of Borneo. Lihat juga C. Crisswell, "Disputes between the colonial powers arising from the establishment of the North Borneo Chartered Company 1881-1905" in King, V. T. & Horton, A. V. M. *From Buxfast to Borneo*, Sarawak Literary Society, Ampang Press, 1995, pg. 452-453; Md. Saffie Abdul Rahim, *Jepun di Borneo Utara: Mingrasi dan kegiatan ekonomi 1884-1941*, Kota Kinabalu, Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2007, hlm. 5.

<sup>6</sup>Lihat juga G. Irwin, *Nineteenth Century Borneo...*, hlm. 199 dan G. Irwin, *Borneo abad kesembilan belas...*, hlm. 250.

Konsul Jeneral di Labuan ketika itu.<sup>7</sup> Dua tahun kemudian, Overbeck pergi semula ke Brunei untuk membuat perundingan bagi mencapai penyelesaian yang berpanjangan dengan Sultan Brunei.<sup>8</sup> Hasil daripada perundingan itu, pada 29 Disember 1877, Sultan Brunei menyerahkan wilayah-wilayahnya kepada Persatuan Overbeck dan Dent (POD) yang dimiliki oleh Overbeck dan Dent.

### **3.2 Penyerahan Wilayah pada 29 Disember 1877**

Seperti yang dinyatakan di atas, perundingan telah dibuat antara Sultan Brunei dengan Overbeck dan Dent. Hasilnya pada 29 Disember 1877, termeterailah penyerahan wilayah oleh Sultan Brunei, Sultan Abdul Mu'min ibn Al-Marhum Seri Paduka Maulana Abdul Wahab kepada Overbeck dan Dent. Pada tarikh itu, Sultan Abdul Mu'min ibn Al-Marhum Seri Paduka Maulana Abdul Wahab telah menandatangani tiga Surat Penyerahan dengan Overbeck dan Dent untuk pajakan kepada tiga kawasan, iaitu:

(1) Grant by Sultan of Brunei of Territory Comprising Gaya Bay and Sepanggar Bay, December 29, 1877<sup>9</sup>

(2) Grant by Sultan of Brunei of Territories from Paitan to Sibuku River, December 29, 1877,<sup>10</sup> dan

---

<sup>7</sup>Letter from Acting Consul-General Treacher to the Earl of Derby, dated Januari 2, 1878, dlm. *Memorial of Malaysia* vol. 3, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), 2 November 1999, Submitted by the Government of Malaysia, Annex MM35. See also K. G. Tregonning, *A history of modern Sabah...*, hlm. 13; K. G. Tregonning, *Under Chartered Company Rule: North Borneo 1881-1946*, 2007 (reprinted), hlm. 17; B. W. & L. Y Andaya, *Sejarah Malaysia*, Macmillan, Petaling Jaya, 1983, hlm. 215.

<sup>8</sup>G. Irwin, *Nineteenth Century Borneo...*, hlm. 199 dan G. Irwin, *Borneo abad kesembilan belas...*, hlm. 250.

<sup>9</sup>Grant by Sultan of Brunei of Territory Comprising Gaya Bay and Sepanggar Bay, December 29, 1877 dlm. *Memorial of Malaysia*, vol. 2, Annex 6, hlm. 18. Lihat juga Cheah Boon Keng, *Papers relating to Brunei...*, 1998, hlm. vi. Surat penyerahan ini ditandatangani oleh Sultan Brunei, iaitu Sultan Abdulmu'min ibn Al-Marhum Seri Paduka Maulana Abdul Wahab.

<sup>10</sup>Grant by Sultan of Brunei of Territories from Paitan to Sibuku River, December 29, 1877 dlm. *Memorial of Malaysia*, vol. 2, Annex 7, hlm. 22. Lihat Cheah Boon Keng, *Papers relating to Brunei*



(3) Grant by Sultan of Brunei of Territories from Sulaman River to River Paitan, December 29, 1877 yang kesemuanya dimeterai pada 29 Disember 1877.<sup>11</sup>

Ketiga-tiga wilayah ini telah dikenakan kadar pajakan yang berbeza-beza setiap tahun, iaitu \$4,000.00,<sup>12</sup> \$2,000.00<sup>13</sup> dan \$6,000.00.<sup>14</sup> Perbezaan kadar pajakan itu didasarkan kepada keluasan tanah dan jumlah hasil yang diperolehi daripada kawasan-kawasan tersebut.

Dengan penyerahan wilayah-wilayah itu, I. D. Black, dalam artikel bertajuk “The Ending of Brunei Rule in Sabah, 1878-1902”, menyatakan seperti berikut:

*On 29<sup>th</sup> December 1877 in Brunei a business transaction was concluded between Sultan Mumin, one of his chief ministers the Pengiran Temenggong, and an Austrian businessman from Hong Kong, Baron Von Overbeck. Overbeck was backed financially by Alfred and Edward Dents, heads of the prominent British firm in the Far Eastern trade of Dent Bros. The negotiations were assisted at, and supervised by the acting Governor in the British colony of Labuan, and acting Consul-General for Borneo, William Treacher. As a result of the transaction, Overbeck and the Dent brothers became, in title, rulers with full sovereign rights of some sections of Sabah, the land to the North-east of the Brunei capital.*<sup>15</sup>

---

..., hlm. vi. Surat penyerahan ini ditandatangani oleh Sultan Brunei, iaitu Sultan Abdulmu'min ibn Al-Marhum Seri Paduka Maulana Abdul Wahab dan Pensurat penyerahan Temenggong Hashim ibn al-marhum Maulana Sultan Omar Ali Saifuddi.

<sup>11</sup>Grant by Sultan of Brunei of Territories from Sulaman River to River Paitan, December 29, 1877 dlm. FO 371/169980/XC 6996 “Part 2: A History of Borneo”, dan Memorial of Malaysia, vol. 2, Annex MM6, Annex MM7 dan Annex MM8, hlm. 15-28. Surat penyerahan ini ditandatangani oleh Sultan Brunei, iaitu Sultan Abdulmu'min ibn Al-Marhum Seri Paduka Maulana Abdul Wahab.

<sup>12</sup>Grant by Sultan of Brunei of Territory Comprising Gaya Bay and Sepanggar...

<sup>13</sup>Grant by Sultan of Brunei of Territories from Paitan to Sibuku River...

<sup>14</sup>Grant by Sultan of Brunei of Territories from Sulaman River to River Paitan...

<sup>15</sup>I. D. Black, “The ending of Brunei Rule in Sabah, 1878-1902” dlm. Cheah Boon Keng, *Papers relating to Brunei*, MBRAS, no. 18, Kuala Lumpur, The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1998, hlm. 142.

Meneliti ketiga-tiga dokumen penyerahan wilayah yang dinyatakan di atas, ada beberapa perkara yang menarik perhatian. Pertama, mengapakah penyerahan wilayah yang dibuat pada 29 Disember 1877 itu dibuat oleh Sultan Brunei, yakni Sultan Abdul Mu'min ibn Al-Marhum Seri Paduka Maulana Abdul Wahab. Persoalan ini menarik kerana kawasan itu adalah di bawah daerah takluk Sultan Sulu yang diserahkan oleh Kesultanan Brunei pada tahun 1704. Daerah itu diserahkan kepada Sulu sebagai menghargai jasa Sultan Sulu menyelesaikan perang saudara di Brunei.<sup>16</sup> Surat penyerahan tersebut menggunakan cop mohor dan tanpa tandatangan Sultan Abdul Mu'min ibn Al-Marhum Seri Paduka Maulana Abdul Wahab atau pihak kedua, iaitu Overbeck dan Dent.<sup>17</sup> Pemberian itu hanya mengandungi catatan berikut, "*Térmaktub surat pérjanjian ini dalam négéri Bérunei di-lépau Bawah Duli Yang-di-pértuan Sultan Bérunei kapada 23 hari bulan Zulhijjah sanat 1294 ya-itu kapada 29 hari bulan December tahun masehi 1877*". Persoalannya, bagaimanakah ketiga-tiga surat penyerahan itu disebut perjanjian, sedangkan tidak terdapat sebarang tandatangan daripada pihak pertama, hanya sekadar penggunaan cop mohor sahaja. Tanpa tandatangan pihak kedua, muncul persoalan kedua, mengapa perlunya tiga surat penyerahan dikeluarkan oleh Sultan Abdul Mu'min ibn Al-Marhum Seri Paduka Maulana Abdul Wahab kepada pihak kedua, iaitu Overbeck dan Dent pada tarikh sama, dengan pernyataan kawasan-kawasan yang mempunyai sedikit perbezaan. Penyerahan wilayah itu telah mendapat perhatian daripada kerajaan

---

<sup>16</sup>Untuk maklumat lanjut tentang perang saudara ini, lihat D. S. Ranjit Singh, *The making of Sabah...*, hlm. 3-4 dan P. L. Amin Sweeney, "Silsilah Raja-Raja Berunei"..., hlm. 106-110.

<sup>17</sup>Pada perenggan terakhir ketiga-tiga dokumen tersebut tertulis, "*Térmaktub surat pérjanjian ini dalam négéri Bérunei di-lépau Bawah Duli Yang-di-pértuan Sultan Bérunei kapada 23 hari bulan Zulhijjah sanat 1294 ya-itu kapada 29 hari bulan December tahun masehi sanat 1877*".

Belanda. Ketika itu pula, pihak British pula memantau kegiatan lanun dengan meletak kapal di perairan Berau, Bulungan dan Sessajap, yakni wilayah yang diisytiharkan sebagai hak milik Belanda yang terletak di kawasan pantai timur Borneo Utara.<sup>18</sup>

Hakikat sebenarnya adalah Sultan Abdul Mu'min ibn Al-Marhum Seri Paduka Maulana Abdul Wahab memahami bahawa beliau tidak mempunyai hak mutlak terhadap kawasan-kawasan tersebut, kerana kawasan-kawasan itu sebenarnya berada dalam milik dan kedaulatan Kesultanan Sulu dan tanpa tandatangan, ketiga-tiga surat penyerahan tersebut hanya sekadar pemakluman yang tidak mempunyai implikasi undang-undang.<sup>19</sup>

Overbeck mulai sedar tentang pemilikan dan kedaulatan Kesultanan Sulu ke atas wilayah yang diserahkan melalui tiga Surat Penyerahan tersebut. Kawasan-kawasan yang diserahkan oleh Sultan Brunei ini seluas 28,000 batu persegi<sup>20</sup> dengan kawasan pesisir sepanjang 850 batu<sup>21</sup> menjadi milik sebenar (*actual possession*) Sultan Sulu.<sup>22</sup>

Atas kesedaran dan kefahaman itu, maka Overbeck melawat Sultan Sulu untuk

---

<sup>18</sup>CO 874/191, Salisbury kepada Rambold bertarikh 5 Februari 1889.

<sup>19</sup>C. A. Majul pula memberi bahawa pandangan bahawa Overbeck gagal menyedari bahawa Sultan Brunei telah tidak mempunyai kawalan lagi ke atas kawasan-kawasan ini hampir dua abad lama kerana kawasan ini telahpun diserahkan oleh moyang Sultan Abdul Mu'min ibn Al-Marhum Seri Paduka Maulana Abdul Wahab kepada Sulu. Apabila Overbeck sedar beliau telah pergi ke Sulu dengan ditemani oleh Treacher dan hasilnya telah membuahkan Perjanjian Surat penyerahan 22 Januari 1878. Lihat C. A. Majul, *Islam di Filipina...*, hlm. 432-434.

<sup>20</sup>Despatch from Acting Consul-General Treacher to the Earl of Derby, with inclosure, dated 2 January 1878, hlm. 101-103.

<sup>21</sup>G. Irwin, *Nineteenth Century Borneo...*, hlm. 201 dan G. Irwin, *Borneo abad kesembilan belas...*, hlm. 252.

<sup>22</sup>CO1030/ 952 /7074, "Foreign Office Confidential Print No. 4053 dated January 1880, p. 107, Surat W. H. Treacher, Pemangku Konsul Jeneral kepada Earl of Derby, bertarikh 22 Januari 1878. Syarikat Borneo Utara British (SBUB) dalam bahasa Inggeris ialah British North Borneo Company (BNBC).

mendapatkan penyerahan kali kedua. Penyerahan ini bertujuan untuk memperkuat penyerahan pertama yang telah dibuat pada 29 Desember 1877, selain untuk mengelakkan sebarang keraguan daripada mana-mana pihak. Penyerahan kali kedua dibuat pada 22 Januari 1878.<sup>23</sup> Overbeck memilih untuk menerima Surat Penyerahan daripada Sultan Sulu untuk mengelak daripada sesuatu yang buruk kemungkinan berlaku nanti.<sup>24</sup>

### 3.3 Penyerahan Wilayah pada 22 Januari 1878

Tiga pemberian wilayah yang dinyatakan sebelum itu disusuli pula dengan pemberian wilayah dan tanah-tanah di tanah besar Pulau Borneo oleh Sultan Sulu (*Grant by Sultan of Sulu of Territories and Lands on the Mainlands of the Island of Borneo*),<sup>25</sup> dan Penyerahan Tugas Sultan Sulu yang melantik Baron de Overbeck sebagai Dato' Bendahara dan Raja Sandakan (*Commission from the Sultan of Sulu appointing Baron de Overbeck, Dato' Bendahara and Rajah of Sandakan*)<sup>26</sup> yang kedua-duanya dibuat oleh Seri Paduka Maulana as-Sultan Muhammad Jamaluladzam ibn Seri al-Marhum as-Sultan Muhammad Fadzalun<sup>27</sup> dengan Overbeck dan Dent.

---

<sup>23</sup>Lihat juga G. Irwin, *Nineteenth Century Borneo...*, hlm. 201 dan G. Irwin, *Borneo abad kesembilan belas...*, hlm. 252.

<sup>24</sup>CO1030/ 952 /7074, "Foreign Office Confidential Print No. 4053 dated January 1880, p. 107, Surat W. H. Treacher, Pemangku Konsul Jeneral kepada Earl of Derby, bertarikh 22 Januari 1878. Syarikat Borneo Utara British (SBUB) dalam bahasa Inggeris ialah British North Borneo Company (BNBC).

<sup>25</sup>CO 1030/356, Grant by Sultan of Sulu of Territories and Lands on the Mainlands of the Island of Borneo, 22 January 1878; "Grant by Sultan of Sulu of Territories and Lands on the Mainlands of the Island of Borneo" dlm. Memorial of Malaysia, vol. 2, Annex 9, hlm. 29-34. Untuk melihat kawasan-kawasan yang disebut dalam penyerahan kawasan ini, lihat Memorial of Malaysia, *Atlas*, vol. 5, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Submitted by the Government of Malaysia, Peta no. 4, hlm. 4.

<sup>26</sup>"Commission from the Sultan of Sulu appointing Baron de Overbeck, Dato' Bendahara and Rajah of Sandakan, 22 January 1878" dlm. Memorial of Malaysia, vol. 2.

<sup>27</sup>Lihat juga Ranjit Singh, "Its Time to Close the Chapter", dlm. *The Sunday Star*, 10 Mac 2013, hlm. 23.

Upacara penandatanganan Surat Penyerahan itu disaksikan oleh W. H. Treacher, Pemangku Konsul Jeneral di Borneo. Bagi pihak British, surat penyerahan itu dikenali sebagai *Baron's Commission* kerana menghargai beliau yang mengetuai Syarikat Borneo Utara British (SBUB).<sup>28</sup>

Dalam surat penyerahan itu, Sultan Muhammad Jamaluladzam dengan redha dan secara suka rela memberi pajakan kepada Gustavus Baron de Overbeck dan Alfred Dent yang menjadi wakil kepada SBUB di kawasan-kawasan berikut:

*...di-tanah bêsar Pulau Bêrunai dari Sungai Pandasan di-sêbêlah barat sampai sa-panjang sêmua tanah-tanah di-sabêlah barat sampai sa-panjang tanah-tanah di-pantai sabêlah timor sa-jauh Sungai Sibuku di- sêbêlah sêlatan yang têrmasok sakalian jajahan-jajahan di-pantai Sungai Pandasan dan pêsisir Paitan dan Sugut dan Bonggaya dan Labok dan Sandakan dan Chinabatangan dan Mumiang sêrta sakalian lain-lain jajahan-jajahan dan pêsisir-pêsisir di-sabêlah sêlatan-nya itu di-pantai Têlok Darvel sampai Sungai Sibuku bêsama-sama sakalian pulau-pulau yang têrmasok dalam-nya itu sa-jauh sêmbilan mile dari têpi laut.*

Kawasan-kawasan yang dinyatakan itu seperti mana yang ditunjukkan dalam peta "Map 4: Places Named in Sulu Grant of 1878 & Confirmation of 1903".<sup>29</sup> Kawasan yang diserahkan kepada SBUB ini sebenarnya pada tafsiran Sultan Sulu sebagai kawasan yang jarang didiami dan sebahagian besarnya dipenuhi hutan rimba.<sup>30</sup> Walau bagaimanapun, bagi British pula kawasan ini adalah sumber kayu balak dan kawasan hutan rimba di Pedalaman adalah kawasan yang subur dan mempunyai

---

<sup>28</sup>CO1030/ 952 /7074, "Foreign Office Confidential Print No. 4053 dated January 1880, p. 107, Surat W. H. Treacher, Pemangku Konsul Jeneral kepada Earl of Derby, bertarikh 22 Januari 1878. Syarikat Borneo Utara British (SBUB) dalam bahasa Inggeris ialah British North Borneo Company (BNBC).

<sup>29</sup>"Map 4: Places Named in Sulu Grant of 1878 & Confirmation of 1903" dlm. Memorial of Malaysia, Atlas, vol. 5, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Submitted by the Government of Malaysia.

<sup>30</sup>CO1030/ 952 /7074, "Foreign Office Confidential Print No. 4053 dated January 1880, p. 107, Surat W. H. Treacher, Pemangku Konsul Jeneral kepada Earl of Derby, bertarikh 22 Januari 1878.

banyak logam berharga, sarang burung layang-layang, rotan, kapur barus dan mutiara.<sup>31</sup> Kawasan-kawasan ini diberi pajak dengan syarat-syarat berikut:

1. SBUB membuat pembayaran \$5,000.00<sup>32</sup> ringgit setiap tahun kepada Sultan Sulu dan waris-waris dan juga pengganti-pengganti beliau,
2. Kawasan-kawasan tersebut dipajakkan kepada Gustavus Baron de Overbeck dan Alfred Dent dan juga waris-waris, rakan kongsi, pengganti mereka dan wakil-wakil (wali) mereka seberapa lama mereka suka dan memerlukan kawasan-kawasan tersebut,
3. Pajak ini tidak dibenarkan diberi atau dipindah milik kepada orang lain atau syarikat daripada bangsa lain, dan sekiranya pajak ini hendak diberi atau dipindah milik juga, hendaklah mendapat kebenaran daripada “Bawah Duli Queen” terlebih dahulu,
4. Sekiranya terdapat bantahan dan atau perselisihan antara Sultan, waris-waris dan juga pengganti-pengganti dengan Gustavus Baron de Overbeck dan Alfred Dent dan juga waris-waris, rakan kongsi, pengganti mereka dan wakil-wakil (wali), Konsul Jeneral yang berpejabat di Brunei akan menjadi orang tengah, dan
5. Sekiranya Sultan, waris-waris dan juga pengganti-pengganti berhadapan dengan kesusahan kemudian hari, Gustavus Baron de Overbeck dan Alfred Dent hendaklah berjanji akan menolong memberi nasihat dan memberi tunjuk ajar.

Lanjutan dan tidak cukup dengan pajakan serta syarat-syarat yang dinyatakan dalam surat penyerahan tersebut Sultan Muhammad Jamaluladzam pula menyerah dan

---

<sup>31</sup>Ibid.

<sup>32</sup>Sebenarnya sebelum menetapkan bayaran \$5,000.00 ini ada tawar menawar. Pada awalnya Sultan memohon bayaran sebanyak \$8,000.00 manakala Overbeck pula menawar \$3,000.00. Walau bagaimanapun, kedua-dua pihak bersetuju dengan bayaran sebanyak \$5,000.00. Lihat N. Tarling, *Sulu and Sabah: a study of British policy towards the Philippines and North Borneo from the late eighteenth century*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1978, hlm. 197.

memberi kuasa eksekutif kepada Gustavus Baron de Overbeck sebagai Dato' Bendahara dan Raja Sandakan<sup>33</sup> yang hakikatnya merupakan surat penyerahan kedua yang ditandatangani pada hari yang sama, iaitu 22 Januari 1878. Dalam surat cara penyerahan kuasa eksekutif itu antaranya menyebut:

*...adalah kita Sêri Paduka Maulana as-Sultan Muhammad Jamalauladzam ibn al-marhum Sêri Paduka as-Sultan Muhammad Fadzalun Sultan dalam nêgêri Sulok têlah mênjadikan dan mênêntukan Tuan Gustavus Varon de Overbeck yang têrsêbut itu Dato' Bêndahara dan Raja Sandakan dêngan sa-pênoh-pênohnya kuasa hidup dan mati di-atas sêgala orang isi nêgêri-nêgêri itu sêrta di-atas sêgala pêrkara-pêrkara yang kita punya dan di-atas hasil nêgêri-nêgêri itu dan ada bêrkuasa akan mênâyêwakan tanah-tanah itu dan lagi atas bênda -bênda yang dalam tanah dan atas tumbohan-tumbohan dan binatang-binatang sêrta boleh pula mêngadakan hokum-hukum dan mêmbuat wang dan mêmbuat dan mênaroh soldadu dan kapal-kapal pêrang dan mêngadakan chukai atas cadangan dalam nêgêri itu dan atas dagangan lain-lain bangsa asing dan lain-lain chukai dan kê atas orang-orang nêgêri itu sêpêrti yang di-fikirkan-nya patut dan harus bêrsama-sama dêngan sakalian kuasa yang bêrpatutan yang dilakukan oleh sakalian raja-raja yang mêmêrentah. Maka kita sudah anugêrahi dan sêrahkan sêmua-nya itu dêngan suka rêdza kita sêndiri maka inilah kita mênayakan kapada bangsa kita asing-asing yang têlah kita mêngadakan pêrjanjian sahabat bêrsahabat dêngan pêrhubongan dan kita êmpunya titah kepada sakalian Dato'-dato' dan orang bêsar-bêsar dan pêmêrentah-pêmêrentah dan pégawai-pégawai yang ada mëndapat kuasa daripada kita dalam pêsisir-pêsisir yang têrsêbut itu hêndak-lah ia mênêrima Dato' Bêndahara itu sapêrti pênghulu pêmêrintah atas kêrajaan yang têrsêbut itu dan mênurut pêmêntah-nya sapêrti kita sêndiri maka jikalau datang sa-suatu masha' Allah ka-atas-nya dan ia bêrhênti daripada pêkêrjaan-nya mênjadi Dato' Bêndahara maka Company di-atas jajahan-jajahan itu boleh dêngan sa-patut-nya dalam jawatan itu mênêntukan Governor akan mênjadi ganti-nya ya-itu Dato' Bêndahara dan Raja Sandakan sêrta mêmêgang sakalian kuasa yang*

---

<sup>33</sup>“Commission from the Sultan of Sulu appointing Baron de Overbeck, Dato' Bendahara and Rajah of Sandakan, 22 January 1878” dlm. Memorial of Malaysia, vol. 2.

*têrsebut di-atas ini yang t lah di-ada-kan itu d mikian-lah  
ada-nya.*<sup>34</sup>

Melihat kepada Surat Penyerahan Kuasa (*Commission*) itu, maka Overbeck sangat berkuasa ke atas Borneo Utara dan kekuasaan ini merangkumi aspek politik, ekonomi, sosial dan keselamatan. Dapat dirumuskan, iaitu dari segi politik, Seri Paduka Maulana as-Sultan Muhammad Jamaluladzam ibn al-marhum Seri Paduka as-Sultan Muhammad Fadzalun Sultan membuat pengisytiharan bahawa telah menyerahkan dan menganugerahkan jajahan takluk kepada Overbeck secara suka rela. Baginda juga memerintah supaya semua Datuk, orang besar, pemerintah dan pegawai Sultan yang mempunyai kuasa ke atas kawasan-kawasan tertentu yang diberikan oleh Sultan kepada mereka sebelum ini supaya patuh dengan penyerahan dan penganugerahan jajahan takluk Sultan Sulu. Sultan Sulu juga mengesahkan bahawa Overbeck adalah sebagai Dato' B ndahara dan Raja Sandakan yang mutlak dan berkuasa penuh terhadap jajahan takluk Kesultanan Sulu termasuklah rakyat jelata dan juga hasil-hasil yang ada di kawasan tersebut. Sekiranya Overbeck berhenti daripada jawatan yang beliau pegang ini, Gabenor diberi kuasa untuk melantik orang lain untuk mengisi jawatan tersebut.

Dari segi ekonomi pula, Overbeck diberi kuasa mengadakan undang-undang untuk menjana sumber kewangan seperti dengan memberi sewa tanah, tumbuhan dan juga binatang di samping mengenakan cukai untuk perdagangan dalam dan luar negeri. Dari segi keselamatan pula, Overbeck dibenarkan mengadakan dan meletakkan

---

<sup>34</sup>Memorial of Malaysia, vol. 2, hlm. 37-38.



tentera dan kapal-kapal perang dan ini bersesuaian dengan keadaan di sekitar kawasan tersebut yang diancam oleh kegiatan pelanunan.<sup>35</sup>

Berbeza daripada tiga surat penyerahan yang ditandatangani pada 29 Disember 1877, iaitu selang 24 hari daripada tiga surat penyerahan yang ditandatangani oleh Sultan Abdul Mu'min ibn Al-Marhum Seri Paduka Maulana Abdul Wahab. Klausula yang berbunyi “jikalau di-dalam tiga tahun ia tiada mêm bayar hasil pêsisir dan pulau-pulau yang di-pajak-nya itu, maka pëcahlah përanjian ini dan Bawah Duli Yang-di-përtuan bolih ambil balek pêsisir dan pulau-pulau yang tërsëbut di-atas ini ada-nya” dalam ketiga-tiga surat penyerahan itu tidak menguntungkan British, dan ini menyebabkan pihak British enggan menandatangani ketiga-tiga surat penyerahan itu, dan konteks itu berlainan dengan kedua-dua peristiwa penting yang berlaku pada 22 Januari 1878, yakni dokumen-dokumen berkenaan mempunyai cop mohor kedua-dua pihak dengan disaksi dan ditandatangani oleh W. H Treacher, Pemangku Jeneral Konsul di Borneo.<sup>36</sup> Tambahan pula, dalam kedua-dua dokumen itu, pihak British diberi tempat yang tinggi dalam pemerintahan Kesultanan Sulu apabila Sultan Muhammad Jamaluladzam mencatatkan klausula berikut:

*...të tapi tiada-lah boleh sëkali-kali kuasa dan përentah yang di-këredzai dalam pajakan ini di-bëri atau ditukarkan kapada bangsa lain atau Company daripada bangsa asing kalau tiada dëngan këredzaan përentah Bawah Duli Queen tëlëbeh dahulu. Sa-bagai lagi jikalau ada bërbangkit këmudian hari apa-apa përbantahan atau përsëlisehan antara kita dan warith-warith dan pëngganti-pëngganti kita dëngan Tuan Gustavus Baron atau kapada*

---

<sup>35</sup>Sixto Y. Orosa, *The Sulu Archipelago...*, hlm. 63-64 dan *The British North Borneo Herald*, 1 Julai 1883.

<sup>36</sup>FO 371/169980 /XC6996, “Part 2: History of Borneo”.... Lihat juga Najeeb M. Saleeby, *The History of Sulu...*, hlm. 118.

*Company-nya maka kami antara kedua pihak akan menyêrahkan pêrkaranya itu kepada ikhtiar dan pikiran Bawah Duli Queen punya Consul General di-nêgêri Bêrunai.*

Pemberian kuasa eksekutif kepada pemerintah utama British, iaitu Queen dan Konsul Jeneral seperti kuasa untuk menyelesaikan pertikaian antara pihak pertama dan kedua sekiranya berlaku pertikaian. Pelantikan sebagai penasihat dalam pentadbiran dan pemerintahan Sultan Sulu memenuhi cita rasa British, dan ia adalah amalan biasa yang diperoleh oleh British sewaktu memerintah Tanah Melayu.<sup>37</sup> Dalam kes dua dokumen yang ditandatangani pada 29 Januari 1878 antara Sultan Muhammad Jamaluladzam, Sultan Sulu dan W. H Treacher, Pemangku Jeneral Konsul di Borneo dengan cop mohor kedua-dua pihak dengan disaksi dan ditandatangani oleh W. H Treacher, Pemangku Jeneral Konsul di Borneo,<sup>38</sup> mengibaratkan peristiwa itu seumpama tikus jatuh ke guni beras apabila Queen dan W. H. Treacher diberi keistimewaan dalam membuat keputusan berhubung dengan pemerintahan Sultan Sulu di jajahan takluk yang telah diserahkan kepada Overbeck dan Dent.<sup>39</sup>

Persoalannya, mengapakah pemberian wilayah, tanah-tanah di pulau Borneo oleh Sultan Sulu (*Grant by Sultan of Sulu of Territories and Lands on the Mainlands of the Island of Borneo*), dan Penyerahan Tugas Sultan Sulu yang melantik Baron de

---

<sup>37</sup>CO 874/942, "Sulu Sultanate & Claims for Cession Money" - surat Hugh Clifford kepada Neill Malcom, Pengerusi Syarikat Borneo Utara British, bertarikh 10 Jun 1927. Untuk maklumat lanjut tentang British di Tanah Melayu, antaranya, lihat Nicholas Tarling, *British Policy in the Malay Peninsula and Archipelago, 1824-1871*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1969; L. A. Mills, *British Malaya, 1824-67*, Malayan Branch of the Royal Asiatic Society no.22 (reprint), Kuala Lumpur, 2003; John G. Butcher, *The British in Malaya 1880-1941; The Social History of a European Community in Colonial South-East Asia*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1979; J. Kennedy, *A History of Malaya* (3<sup>rd</sup> edition - Malaysia), S. Abdul Majeed & Co., Kuala Lumpur, 1993; Adrew Barber, *Malaya The Making of a Nation, 1510-1957* (Bab 3), United Y1 Printer, Kuala Lumpur, 2008.

<sup>38</sup>FO 371/169980/XC6996, "Part 2: History of Borneo", (tanpa tarikh).

<sup>39</sup>Sejak penyerahan pada 1878 ini, kawasan ini ditadbir oleh POD kemudiannya SBUB dan kerajaan British. Pentadbiran ini dibantah oleh Belanda. Lihat Memorial of Malaysia, vol. 1, hlm. 29.

Overbeck sebagai Dato' Bendahara dan Raja Sandakan (*Commission from the Sultan of Sulu appointing Baron de Overbeck, Dato' Bendahara and Rajah of Sandakan*) ini memihak kepada British? Sebenarnya sebelum kedua-dua dokumen itu dibuat, Sultan Muhammad Jamaluladzam terlebih dahulu menghubungi Treacher untuk memohon pandangan beliau tentang apa yang harus ada dalam perjanjian tersebut. Ini diakui oleh Treacher dalam dokumen *Foreign Office Confidential Print no. 4053 of January 1880* sebagaimana berikut:

*His Highness also consulted me, in a very intelligent manner, on several other points, such as the amount he should ask, etc., and in the advice I ventured to I endeavoured, so far as possible, not to lose sight of His Highness's own interest while not opposing those of the proposed British Company, which already holds from Brunei a concession of the territories I question.*<sup>40</sup>

Dengan pelantikan Overbeck sebagai Dato' Bendahara dan Raja Sandakan, Sultan Sulu tidak ada hak lagi untuk menyerahkan kawasan-kawasan itu kepada negara lain atau individu lain dari negara lain tanpa persetujuan kerajaan British.<sup>41</sup> Ini menunjukkan kelicikan British, khususnya Treacher apabila beliau berurusan dengan pemerintah ataupun Sultan Sulu. Treacher sebenarnya mengambil peluang dan kesempatan hasil persahabatan yang telah beliau bina bersama-sama dengan Sultan Muhammad Jamaluladzam.<sup>42</sup>

---

<sup>40</sup>CO 1030/ 952 /7074, "Foreign Office Confidential Print No. 4053 dated January 1880, p. 107, Surat W. H. Treacher, Pemangku Konsul Jeneral kepada Earl of Derby, bertarikh 22 Januari 1878.

<sup>41</sup>C 1030/ 952 /7074, "Foreign Office Confidential Print No. 4053, p. 229 (Appendix III {O}), Surat Alfred Dent dan Overbeck kepada Lord bertarikh 12 Februari 1879.

<sup>42</sup>CO 1030/ 952 /7074, "Foreign Office Confidential Print No. 4053 dated January 1880, p. 107, Surat W. H. Treacher, Pemangku Konsul Jeneral kepada Earl of Derby, bertarikh 22 Januari 1878.

Penyerahan wilayah pada 22 Januari 1878 itu dibantah oleh pihak Belanda.<sup>43</sup> sebagaimana kata Ian Black, “*In 1878 cession of territory in Sabah to commercial interests, which led in 1881 to the creation of British North Borneo, caused new Dutch fears.*”<sup>44</sup> Ternyata bahwa *Contract of Vassalage* yang ditandatangani pada 1850 dan 1878, Surat Penyerahan Wilayah 29 Disember 1877, kemudiannya bertukar menjadi Surat Penyerahan Wilayah 22 Januari 1878 menjadi asas pertikaian wilayah British-Belanda di Pantai Timur Borneo Utara. Kemelut pertikaian itu menjadi lebih nyata apabila usaha Dent dan Overbeck mendapatkan penyerahan wilayah melalui Surat Penyerahan Wilayah 29 Disember 1877, dan Surat Penyerahan Wilayah 22 Januari 1878 tidak mendapat sokongan kerajaan Austria. Akhirnya, Dent dan Overbeck telah menarik diri dalam urusan perusahaan mereka di Borneo Utara pada awal tahun 1879.<sup>45</sup>

Apabila Dent dan Overbeck mengambil keputusan menarik diri dalam urusan perusahaan di wilayah yang diserahkan kepada mereka, bererti satu kuasa baharu akan mengambil alih urusan di wilayah ini. G. Irwin mencatatkan perkara berikut:

Memandangkan Alfred Dent dan sekutunya di London, iaitu Overbeck, gagal mendapat sokongan Kerajaan Austria berkait dengan penyerahan kedua-dua hak itu maka, mereka telah menarik diri daripada perusahaan di Borneo Utara pada awal tahun 1879, dan seterusnya menjadi tuan punya kepada sebuah wilayah yang jumlah

---

<sup>43</sup>Lihat Memorial of Malaysia, vol. 1, hlm. 29.

<sup>44</sup>Ian Black, “The “Lastposten”: Eastern Kalimantan and the Dutch in the Nineteenth and Early Twentieth Centuries, *Journal of Southeast Asian Studies*, vol. 16, no. 2 (Sept. 1985), hlm. 287.

<sup>45</sup>G. Irwin, *Nineteenth Century Borneo...*, hlm. 201 dan G. Irwin, *Borneo abad kesembilan belas...*, hlm. 252.

keluasannya lebih 30,000 batu persegi selain dengan kawasan pantai sepanjang 850 batu.<sup>46</sup>

Kehadiran Overbeck dan Dent sebagai wakil British dilihat sebagai satu kuasa besar baharu di Kepulauan Hindia. Kuasa-kuasa besar yang sedia ada dan berjiran dengan kawasan yang diduduki oleh British melalui Surat Penyerahan Wilayah 29 Disember 1877 dan Surat Penyerahan Wilayah 22 Januari 1878, iaitu kerajaan Sepanyol-Filipina yang terletak di timur laut, dan Kerajaan Hindia Belanda dan Sarawak di selatan tidak menyambut baik kehadiran British. Kehadiran British di Kepulauan Hindia itu menambah satu lagi kuasa besar kepada kuasa-kuasa berdaulat yang sedia ada di kepulauan Hindia tersebut,<sup>47</sup> dan British dianggap sebagai pesaing kepada kuasa besar yang sedia ada. Kuasa-kuasa besar yang berada di kepulauan Hindia itu juga berminat dengan wilayah yang dipertikaikan dan turut memberi perhatian.<sup>48</sup>

Pada tahun 1885 Sepanyol telah mengiktiraf secara jelas tentang hak SBUB seperti yang termaktub dalam Surat Penyerahan Wilayah 22 Januari 1878. Pengiktirafan ini sebagai balasan pengiktirafan British terhadap kedaulatan Sepanyol di Kepulauan Sulu.<sup>49</sup> Pengiktirafan ini jelas dinyatakan dalam Artikel II dan Artikel III *Protocol between Britain, Germany and Spain* yang ditandatangani di Madrid pada 7 Mac 1885.

---

<sup>46</sup>Ibid.

<sup>47</sup>G. Irwin, *Nineteenth Century Borneo...*, hlm. 202 dan G. Irwin, *Borneo abad kesembilan belas...*, hlm. 254.

<sup>48</sup>Surat Benjn. Torin Kindersley kepada Secretary of the Royal Geographical Society, bertarikh 30 Julai 1888, dlm. *Proceedings of the Royal Geographical Society and Monthly Record of Geography*, vol. 10, no. 9 (Sept., 1888), hlm. 594-595. Untuk maklumat lanjut, lihat juga G. Irwin, *Nineteenth Century Borneo...*, hlm. 201-202 dan G. Irwin, *Borneo abad kesembilan belas...*, hlm. 253-254.

<sup>49</sup>Protocol between Britain, Germany and Spain, March, 7 1885, dlm. *Memorial of Malaysia*, vol. 2, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), 2 November 1999, Submitted by the Government of Malaysia, Annex MM15.

Artikel II *Protocol between Britain, Germany and Spain* menyebut perkara berikut:

*The Archipelago of Sulu (Jolo), conformably to the definition contained in Article I of the treaty signed September 23<sup>rd</sup>, 1836, between Spanish Government and the Sultan of Sulu (Jolo), comprises all the islands which are found between the western extremity of the islands of Mindanao on the one side, and the continent of Borneo and the Island of Paragua on the other side, with the exception of those are indicated in Article III. It is understood that the Islands of Balabac and Cagayan-Jolo form part of Archipelago.*<sup>50</sup>

Kenyataan dalam Artikel II dalam *Protocol between Britain, Germany and Spain* ini sebenarnya dengan nyata mengiktiraf pentadbiran SBUB dan tuntutan kedaulatan British ke atas wilayah seperti yang disebut dalam Surat Penyerahan Wilayah 22 Januari 1878. British pula mengiktiraf kedaulatan Sepanyol terhadap semua pulau yang dianggap terletak antara Mindanao dan Borneo, kecuali pulau-pulau yang telah disebut dalam Surat Penyerahan Wilayah 22 Januari 1878. Pada Ogos 1880, Baron de Leyden, Menteri Luar Belanda telah mengakui bahawa Sultan Sulu dan Brunei mempunyai kebebasan dan kerajaan Belanda tidak membuat sebarang tuntutan dan tidak ada kedaulatan ke atas pulau tersebut.<sup>51</sup> Pengiktirafan kedua-dua pihak itu merupakan pengiktirafan menang-menang kepada kuasa besar, iaitu British dan Sepanyol.

---

<sup>50</sup>Artikel II Protocol between Britain, Germany and Spain, March, 7 1885...

<sup>51</sup>FO 12/86: Papers and maps relating to the question of the boundary of the Netherlands possessions in Borneo including: the Dutch encroachments in North Borneo and the Spanish encroachments through their claims over Sulu islands; a UK-German initiative to restrict Spanish claims and a UK-German-Spanish Treaty; problems of granting charter to the British North Borneo Company in view of conflicting jurisdictional claims in North Borneo. Includes survey maps of the North Borneo coastline, 1761-1891.

Berkaitan dengan Artikel 1, *Treaty between Spanish and Sulu of 1836*<sup>52</sup> yang disebut Artikel II *Protocol between Britain, Germany and Spain* sebenarnya adalah perjanjian yang ditandatangani di Istana Sulu pada 23 September 1836 oleh Sultan Mohamad Diamul-Quiran bagi pihak Kesultanan Sulu dengan Don José Maria Halcon, *Commander-in-chief*, Pasukan Tentera Laut mewakili kerajaan Sepanyol dan Don Pedro Antonio Salazar, Gabenor Filipina. Perjanjian itu adalah satu Penyerahan yang berkaitan dengan keamanan, perlindungan dan perdagangan antara Sepanyol dengan Kesultanan Sulu.<sup>53</sup> Atas sifat penyerahan yang didasarkan kepada keamanan, perlindungan dan perdagangan antara Sepanyol dengan Kesultanan Sulu, Sepanyol bersikap tidak memberi perhatian terhadap wilayah, iaitu sama ada di dalam atau di luar talian 9 batu nautika seperti yang disebut dalam Surat Penyerahan Wilayah 22 Januari 1878 itu.

---

<sup>52</sup>*Treaty between Spanish and Sulu of 1836*, dlm. *Memorial of Malaysia*, vol. 2..., Annex MM1.

<sup>53</sup>*Ibid.*

Artikel 1, *Treaty between Spanish and Sulu of 1836* menyebut perkara berikut:

*The Most Illustrious Senior the Captain-General Governor of the Philippine Islands, on the part of Her Catholic Majesty, doth assure to the Most Excellent Sultan and the Dattos of Sulu, for now and for ever, the most solid peace on the part of the Spaniards, and of the natives of the all islands subject to the Crown of Spain, with the tributaries in the lands subject to the Sultan and the Dattos; and he offers the protection of the protection of the his Government and naval and military assistance, for any way that he Sultan may be under to subject the towns which may revolt in any of the islands situated within the limits of the Spanish jurisdiction, and which extend from the western point of Mindanao (Magindanao) to Borneo and the Paragua (Palawan), with the exception of Sandakan and the other countries tributary to the Sultan on the continent of Borneo.*

*The Sultan of Sulu, on his part, accepts the friendship and protection of the Spanish Government, and engages also to preserve peace with all the subjects of Her Catholic Majesty, and to consider as enemies all those who may henceforward be such to the Spanish nation, and to concur with armed forces for the wars which may arise, in the same manner as if they were Spaniards. In case of this aid being rendered, the provisions for the subsistence of the Suluans are to be at the expense of Her Catholic Majesty, the same as for the other soldiers and individuals of the army and navy.*

Sikap Sepanyol itu telah dijelaskan oleh Richard B. Martin, Pengerusi SBBUB kepada Pejabat Hal Ehwal Luar Negara British pada 13 Julai 1903, sebagaimana berikut:

*And at no time, since the occupation of the islands by us, did the Spanish authorities ever to our occupation and control them; nor, so far as the Court are aware, have the American authorities, previous to the action of which we have complained, ever questioned our right of possession.*

*I may here remark that it is only reasonable to suppose the action of the Spanish Government in not interfering with our control of the islands in question was based on the belief that, under Article 1 of the 1836 Treaty and Article III of the 1885 Protocol, they formed a portion of "the territories of the Continent of Borneo," over which they had renounced all claims of sovereignty; and which, at the date of the Protocol, formed "part of the territories administered by the Company," and which, as a matter of fact, had been in our possession for about seven years to the date.<sup>54</sup>*

Sikap Sepanyol ini dinyatakan juga dalam Memorandum Pejabat Hal Ehwal Luar Negara British pada 10 Mac 1905 sebagaimana berikut, "*The fact that Spaniards did not interfere with the Company's control over a few small islands lying within the limits of their possessions does not seem to need much explanation*".<sup>55</sup>

Pihak British juga memperkukuhkan sikap Sepanyol yang tidak memberi perhatian terhadap wilayah, iaitu sama ada di dalam atau di luar talian 9 batu nautika seperti yang disebut dalam Surat Penyerahan Wilayah 22 Januari 1878 itu dengan

---

<sup>54</sup>Letter from the Chairman of the British North Borneo Company to the Foreign Office, July 13, 1903 (lihat Artikel 11 dan 15), Dlm. Memorial of Malaysia, vol. 3, Annex 59, hlm. 132.

<sup>55</sup>CO 874/1002, Foreign Office Memorandum, entitled "The claim of the British North Borneo Company to certain islands laying off the coast of Borneo which were formally taken possession of by the America warship Quiros in 1903, dated 10 March 1905" dlm. Memorial of Indonesia, vol. 3, Annex 109, hlm. 420.



memaktubkannya dalam Artikel III *Protocol between Britain, Germany and Spain* menyatakan perkara berikut:

*The Spanish Government renounces, as far as regards the British Government, all claims of sovereignty over the territories of the continent of the Borneo, which belong, or which have belonged in the past to the Sultans of Sulu (Jolo), and which comprise the neighbouring of Balambangan, Banguey, and Malawali, as well as those comprised within a zone of three maritime leagues from the coast, and which form part of the territories administered by the company styled the "British North Borneo Company".<sup>56</sup>*

Klausa-klausa yang dinyatakan dalam *Treaty between Spanish and Sulu of 1836* dan *Protocol between Britain, Germany and Spain* menunjukkan bahawa Sepanyol sebagai salah satu kuasa besar di wilayah ini telah mengiktirafkan bahawa British mempunyai hak ke atas wilayah yang diserahkan oleh Sultan Sulu berdasarkan Surat Penyerahan Wilayah 22 Januari 1878.

#### **3.4 Pertikaian British-Belanda di Pantai Timur dari Tahun 1879 hingga 1889**

Seperti yang dinyatakan sebelumnya bahawa Surat Penyerahan Wilayah 22 Januari 1878 adalah titik mula kepada pertikaian wilayah di Pantai Timur Borneo Utara antara British dan Belanda <sup>57</sup> dari tahun 1879 hingga 1889. Pertikaian bagi tempoh

---

<sup>56</sup>Artikel III Protocol between Britain, Germany and Spain, March, 7 1885...

<sup>57</sup>Dalam tahun-tahun 1880-an, terdapat rekod-rekod yang menunjukkan perbincangan tentang pertikaian British-Belanda di Pantai Timur dari tahun 1879 hingga 1889. Rekod-rekod ini menunjukkan bahawa pertikaian British-Belanda di wilayah ini berlaku lebih awal lagi. Sebagai contoh, rekod-rekod ini kebanyakannya dalam CO 874/191: Correspondence regarding the Dutch Boundary: British North Borneo Company – Papers. Miscellanea, 1846-1889.

itu banyak dibincangkan dalam urusan surat menyurat,<sup>58</sup> memorandum<sup>59</sup> dan dikri Belanda.<sup>60</sup>

Pada 22 Januari 1878, Overbeck telah dilantik "sebagai Datu Bendahara dan Raja Sandakan" melalui *Commission from the Sultan of Sulu appointing Baron de Overbeck, Dato' Bendahara and Rajah of Sandakan* oleh Sultan Sulu bersekali dengan Surat Penyerahan Wilayah 22 Januari 1878. Pelantikan Overbeck menjadikan beliau sebagai pemerintah "tertinggi bebas" di wilayah-wilayah yang diserahkan dengan kuasa yang sama luasnya dengan kuasa yang telah pun dikurniakan oleh Sultan Brunei.<sup>61</sup> Dengan pelantikan ini juga, Sandakan ditubuhkan sebagai sebuah Residensi pada tahun 1878.<sup>62</sup>



---

<sup>58</sup>Sebagai contoh, lihat Surat Benjn. Torin Kindersley kepada Secretary of the Royal Geographical Society, bertarikh 30 Julai 1888, dlm. *Proceedings of the Royal Geographical Society and Monthly Record of Geography*, vol. 10, no. 9 (Sept., 1888), hlm. 594-595 dan CO 874/191, Correspondence Respecting the Question of the Limits of the Netherlands Territory of the North-East Coast of Borneo, 1882-1884, R. Alcock to Earl Granville, 1 Julai 1882.

<sup>59</sup>Sebagai contoh, lihat CO 874/191, Correspondence Respecting the Question of the Limits of the Netherlands Territory of the North-East Coast of Borneo, 1882-1884, "Inclosure 1 in No. 2 - Memorandum on the North Borneo Cession", bertarikh 28 Mei 1881" dan FO 572/22, E. Hertslet, "Further Memorandum on the Disputed Boundary between the North Borneo Company and the the Dutch Possessions on the North-East Coast of the Island", 9 January 1889.

<sup>60</sup>Sebagai contoh, lihat Dikri 28 Februari 1846 (*Decree of the 28<sup>th</sup> February, 1846*) dlm. FO 12/86, Resolution of the Governor-General of Netherlands India regardings the Dutch Possessions in Borneo. 28 February, 1846.

<sup>61</sup>Lihat juga G. Irwin, *Nineteenth Century Borneo...*, hlm. 201 dan G. Irwin, *Borneo abad kesembilan belas...*, hlm. 252.

<sup>62</sup>Surat Benjn. Torin Kindersley kepada Secretary of the Royal Geographical Society, bertarikh 30 Julai 1888, dlm. *Proceedings of the Royal Geographical Society and Monthly Record of Geography*, vol. 10, no. 9 (Sept., 1888), hlm. 594-595.

Penyerahan wilayah yang telah dibuat melalui Surat Penyerahan Wilayah 22 Januari 1878 adalah sehingga ke bahagian selatan di Pantai Timur dan itu ditetapkan di Sungai Sibuko,<sup>63</sup> seperti yang disebut dalam Surat Penyerahan itu:

*...di-tanah bêsar Pulau Bêrunai dari Sungai Pandasan di-sêbêlah barat sampai sa-panjang sêmua tanah-tanah di-sabêlah barat sampai sa-panjang tanah-tanah di-pantai sa-bêlah timor sa-jauh Sungai Sibuku di- sêbêlah sêlatan yang têrmasok sakalian jajahan-jajahan di-pantai Sungai Pandasan dan pêsisir Paitan dan Sugut dan Bonggaya dan Labok dan Sandakan dan Chinabatangan dan Mumiang sêrta sakalian lain-lain jajahan-jajahan dan pêsisir-pêsisir di-sabêlah sêlatan-nya itu di-pantai Têlok Darvel sampai Sungai Sibuku bêrsama-sama sakalian pulau-pulau yang têrmasok dalam-nya itu sa-jauh sêmbilan mile dari têpi laut.<sup>64</sup>*

Dalam Surat Penyerahan Wilayah 22 Januari 1878 di atas itu ditetapkan wilayah Kesultanan Sulu yang diserahkan kepada British. Kedudukan Sungai Pandasan dari segi arah mata angin, iaitu latitud 6° 30' utara ke arah Sungai Sibuko.<sup>65</sup> Belanda pula mentafsir bahawa Sungai Sibuko ini terus ke Sessajap.<sup>66</sup> Ini dapat dibuktikan dalam surat R. Alcock to Earl Granville yang menyatakan perkara berikut:

*The announcement, therefore, made in the Colonial Report for 1880, of the Netherlands boundary having extended not only to the Sibuco River (the southern limit of the Company's territory), but beyond it to the north, and within its border as far as Tawan (sic: Tawau), in about 4° 19' north latitude, where the Netherlands flag has been hoisted and an armed boat stationed, "to insure the*

---

<sup>63</sup>Untuk melihat kedudukan Sungai Sibuko, lihat Rajah 3. 2. Kedudukan Sungai Atas (warna merah), Sungai Sibuko (warna biru) dan Sungai Tawau (warna hijau).

<sup>64</sup>CO 1030/356, Grant by Sultan of Sulu of Territories and Lands on the Mainlands of the Island of Borneo, 22 January 1878; "Grant by Sultan of Sulu of Territories and Lands on the Mainlands of the Island of Borneo" dlm. Memorial of Malaysia, vol. 2, Annex 9, hlm. 29-34.

<sup>65</sup>CO 874/191, Correspondence Respecting the Question of the Limits of the Netherlands Territory of the North-East Coast of Borneo, 1882-1884, "Inclosure 1 in No. 2 – Memorandum on the North Borneo Cessions, 28 May 1881".

<sup>66</sup>CO 874/191, Correspondence Respecting the Question of the Limits of the Netherlands Territory of the North-East Coast of Borneo, 1882-1884, R. Alcock to Earl Granville, 1 Julai 1882.

*observance of the demarcation thus drawn,” comes as a surprise, and is wholly inconsistent with all the previous official acts. The “Dagblad,” in commenting on that on what it calls the “inexcusably imprudent statement” in the Colonial Report of 1877, that Sessajap was the most northern Dutch boundary in north-east Borneo, declares “that the Netherlands Government deserved to be taken at its word by the North Borneo Company annexing the districts south of the Sibuco to Sessajap.”<sup>67</sup>*

Sehubungan itu, SBBUB mengambil sikap mahu membuat tuntutan terhadap kawasan yang berada di luar garis sempadan Sungai Sibuko. Pihak SBBUB mengambil sikap sedemikian kerana memahami adat istiadat Melayu bahawa apabila disebut sungai, maka termasuklah kedua-dua tebing sungai tersebut. Tebing-tebing sungai ini adalah dalam kawalan sungai tersebut seperti yang ditetapkan oleh Sultan Brunei dan Sultan Sulu dalam kedua-dua Surat Penyerahan yang bertarikh 29 Disember 1877 dan 22 Januari 1878.<sup>68</sup>

Bagi pihak Belanda pula, pada masa itu sempadan Belanda dianggap bermula di Sungai Atas<sup>69</sup> yang berkedudukan pada lebih kurang latitud 3° 20'<sup>70</sup> utara sehinggalah ke Sungai Sibuko.<sup>71</sup> Sebenarnya, pertikaian sempadan yang merujuk kepada Sungai Atas telah bermula seawal tahun 1800-an. Pada tahun 1849, takrifan tentang wilayah British di Borneo didasarkan kepada Dikri 28 Februari 1846 (*Decree*

---

<sup>67</sup>Ibid.

<sup>68</sup>Ibid.

<sup>69</sup>Sungai Atas juga disebut sebagai Kampung Atas. Lihat CO 874/191, Memorandum respecting the Boundary between the Netherland and Soloh Possessions on the North-east Coast of Borneo – (Communicated to Earl Granville by Count Bylandt, April 6, 1883). Penulis mengguna kedua-dua nama ini sepanjang tulisan ini.

<sup>70</sup>CO 874/191, surat W. Stuart kepada M. Rochussen, bertarikh 14 Mac 1883 dan Surat Benjn. Torin Kindersley kepada Secretary of the Royal Geographical Society, bertarikh 30 Julai 1888....

<sup>71</sup>CO 874/191, Memo: re-visit to Bulungan, Sandakan, 8 September 1887.

of the 28<sup>th</sup> February, 1846),<sup>72</sup> iaitu Resolusi Jeneral Gabenor Belanda,<sup>73</sup> yang disiarkan "Java Courant" pada 7 Mac 1846.<sup>74</sup> Takrifan itu didasarkan kepada hipotesis berikut:

*In the said Decree the boundary on the north east was then indicated so far as the Kampong Atas, forming the boundary of the country of Boelongan under the jurisdiction of Beron, together with the Tidoeng lands, and situated in about 3° 20' north latitude. It is further stated in the Decree, the kingdoms under the jurisdiction of the departments south and east coast are: Beron, consisting of Boelongan, Goenong-taboer and Tandgong-koetei.<sup>75</sup>*

Perbincangan takrifan tentang wilayah British di Borneo didasarkan kepada Dikri 28 Februari 1846 itu juga telah dilaporkan dengan panjang lebar dalam akhbar Belanda "Dagblad" bertarikh 7 Januari 1846. Akhbar "Dagblad" melaporkan perkara berikut:

*In the 1846 M. Rochussen, then Governor-General of Netherlands of India, by resolution published in the official "Java Courant" of the 26<sup>th</sup> February in that year, provisionally fixed the boundary-line of Netherlands territory in the north-east Borneo at the parallel of 3° 20' north latitude, that being frontier of the vassal state of Bulongan . But at the same time he expressly reserved any claims the Netherlands might lay to districts beyond the boundary thus fixed.<sup>76</sup>*

---

<sup>72</sup>FO 12/86, Resolution of the Governor-General of Netherlands India regarding the Dutch Possessions in Borneo. 28 February, 1846.

<sup>73</sup>CO 874/191, Correspondence Respecting the Question of the Limits of the Netherlands Territory of the North-East Coast of Borneo, 1882-1884, R. Alcock to Earl Granville, 1 Julai 1882.

<sup>74</sup>CO 874/191, Memorandum respecting the Boundary between the Netherland and Soloh Possessions on the North-east Coast of Borneo. (Communicated to Earl Granville by Count Byland, April 6, 1883).

<sup>75</sup>Ibid.

<sup>76</sup>Ibid., dan CO 874/191, Correspondence Respecting the Question of the Limits of the Netherlands Territory of the North-East Coast of Borneo, 1882-1884, "Inclosure 2 in No. 2 - Extract from an Article published in the "Java Bode" in February 1882, and republished in "Singapore Straits Times" of February 9, 1882".

Perbincangan takrifan tentang wilayah British di Borneo yang didasarkan kepada Dikri 28 Februari 1846 tidak ada perbincangan lanjut sehinggalah tahun 1877. Pada tahun 1877, *Colonial Report*<sup>77</sup> telah dibentangkan di hadapan Menteri Jajahan.<sup>78</sup> Kenyataan laporan berkenaan “*To check piracy it is extended, in the next fair season, to station cruizers in the waters of Beron Bulongan and Sessajap (the northernmost boundary of our possessions on the east coast).*”<sup>79</sup> Kenyataan itu menunjukkan bahawa Sessajap sebagaimana tercatat dalam Resolusi Jeneral Gabenor Belanda yang dibentangkan oleh M. Rochussen.

Walau bagaimanapun, setelah Kesultanan Sulu membuat penyerahan wilayahnya kepada Overbeck dan Dent pada 22 Januari 1878. Kenyataan itu telah dilaporkan dalam *Colonial Report* tahun 1880 sebagai persempadanan Belanda bukan sahaja setakat Sungai Sibuko malah, telah dilanjutkan sehingga ke utara. Pelanjutan persempadanan ini disebut sebagaimana berikut:

*In May 1879 the Assistant Resident of Cotie visited the districts beyond the frontier as it then stood, and inquired of the inhabitants whether they owned allegiance to Bulongan or Sulu. The people inhabiting the districts up to the Sibuco River having been found to own allegiance to Bulongan, which State had been included in the Netherlands dominions since 1846, the said districts were declared to the Netherlands territory. But, unfortunately the inhabitants of one village therein, who were emigrants from the country to the north of the Sibuco, declared that*

---

<sup>77</sup>Dalam CO 874/191, Correspondence Respecting the Question of the Limits of the Netherlands Territory of the North-East Coast of Bornoe, 1882-1884, “Inclosure 2 in No. 2 - Extract from an Article published in the “Java Bode”...., nama pembentang laporan ini tidak dinyatakan.

<sup>78</sup>Ibid. Nama Menteri Jajahan tidak dinyatakan dalam dokumen ini.

<sup>79</sup>Ibid.

*when they dwelt in their previous Settlements beyond that river they considered themselves as subjects of Bulongan, whereupon the boundary-line was extended into Dent Concession as far as Tarran River, where the Netherlands flag was permanently hoisted, and an armed boat afterwards stationed to ensure the demarcation thus drawn. The debatable land between the Sibuco and Tarran River is described as being inhabited. Such being the facts, the "Dagblad" regrets that the frontier was not fixed in 1879 at the Sibuco, the natural boundary river up to which to which the people south of the same had fully acknowledged allegiance to the State of Bulongan, instead of being extended into territory claimed by the North Borneo Company, for the sake of including a strip of land destitute of inhabitants, where there was hence not a single native who desired Netherlands sovereignty.<sup>80</sup>*

Berdasarkan artikel yang disiarkan dalam akhbar "*Java Bode*" pada Februari 1882 dan diulang cetak pada 9 Februari 1882 oleh "*Singapore Straits Times*", Resolusi Jeneral Gabenor Belanda yang dibentang oleh M. Rochussen, tidak disenangi oleh Alfred Dent, terutamanya tentang garis sempadan latitude 3° 20' utara.<sup>81</sup> Sikap ketidaksenangan Alfred Dent terhadap sempadan Belanda di Sungai Atas ini ada asasnya, kerana beliau merupakan salah seorang yang terlibat dalam penyerahan wilayah Sulu melalui Surat Penyerahan Wilayah 22 Januari 1878, Dent berpegang kepada inti pati surat penyerahan tersebut.

Pandangan Alfred Dent dalam "*Inclosure 2 in No. 2 - Extract from an Article published in the "Java Bode" in February 1882, and republished in "Singapore Straits Times" of February 9, 1882*"<sup>82</sup> ini disebut dalam *Memorandum on the North*

---

<sup>80</sup>Ibid.

<sup>81</sup>Ibid.

<sup>82</sup>Ibid.

*Borneo Cession*, bertarikh 28 Mei 1881.<sup>83</sup> Memorandum ini mengulangi wilayah yang diserahkan melalui Surat Penyerahan Wilayah 29 Disember 1877 dan Surat Penyerahan Wilayah 22 Januari 1878 sebagaimana berikut:

*The Brunei grants (those obtained from the Sultan of Brunei and the Pangerang Tumonggong, his Prime Minister and Heir Apparent) comprise the territory from the Kimanis River (about latitude 5° 35' north) on the north-west coast to Sibuco River (about latitude 4° north) on the north east coast, with the exception of several small and comparatively unimportant districts on the west coast, the control of which can no doubt be obtained when desired. The Sultan's commission delegates his authorities to the representative of the Company over the whole of the territory referred to in the grants.*

*The grant to the Company from the Sultan of Sulu comprises the territory from the Pandassan River (about latitude 6° 30' north) to the Sibuco, and is thus contained in the Brunei documents. When in 1763 he ceded his possessions in North Borneo to the East India Company, the cession was described as extending from Kimanis River to Cape Kaniongan, or about latitude 1° north.*<sup>84</sup>

Memorandum di atas menjelaskan bahawa kedua-dua Sultan itu telah menunjukkan hak kedaulatan ke atas wilayah yang diserahkan itu kepada POD. Bagi British pengambilalihan wilayah dari Teluk Marudu ke Pantai Timur oleh POD kemudiannya kepada SBUB adalah atas kesediaan dan kerelaan Sultan Brunei dan Sulu termasuklah para pembesar dan rakyat jelatanya.<sup>85</sup> Perkara itu menunjukkan bahawa persempadanan di sebelah pantai barat jelas di Sungai Kimanis yang kedudukannya pada latitud 5° 35' utara. Secara tidak langsung, ia difahami bahawa penyerahan itu termasuk juga kawalan ke atas sungai tersebut. Atas kefahaman itu

---

<sup>83</sup>CO 874/191, Correspondence Respecting the Question of the Limits of the Netherlands Territory of the North-East Coast of Borneo, 1882-1884, "Inclousure 1 in No. 2 - Memorandum on the North Borneo Cession", bertarikh 28 Mei 1881.

<sup>84</sup>Ibid.

<sup>85</sup>Ibid.



dan didasarkan kepada adat masyarakat Melayu bahawa wilayah-wilayah yang diserahkan oleh Sultan Brunei dan Sulu di kawasan pantai timur serta sungai-sungai termasuklah tebing-tebingnya yang disebut dalam kedua-dua Surat Penyerahan itu juga dikhaskan kepada pihak British.<sup>86</sup>

*Memorandum on the North Borneo Cession*, bertarikh 28 Mei 1881 itu mengandungi 16 perkara. Perkara-perkara yang dibincangkan dalam Memorandum itu berkaitan dengan pendudukan dan pemilikan British dan Belanda di Borneo Utara khususnya, di Pantai Timur. Perbincangan dalam Memorandum itu didasarkan kepada Surat Penyerahan Wilayah 29 Disember 1877, Surat Penyerahan Wilayah 22 Januari 1878 serta peta-peta<sup>87</sup> yang digunakan oleh British dan Belanda dalam menentukan pendudukan dan pemilikan kedua-dua kuasa besar ini.

Setelah dibincangkan pendudukan dan pemilikan British di Borneo Utara khususnya, di Pantai Timur, Memorandum itu juga menyatakan pendudukan dan pemilikan Belanda di Borneo Utara khususnya, di Pantai Timur. Dalam Memorandum ini juga menyebut bahawa persempadanan adalah di Sungai Atas<sup>88</sup> sebagaimana berikut:

*The Dutch boundary was considered to be at the (so-called) Atas River (about latitude 3° 20' north), as defined in their official Decree of 1846, and as subsequently confirmed and recorded in their official Map of 1857. In*

---

<sup>86</sup>Ibid.

<sup>87</sup>List of Maps of North Borneo, FO 12/86: Papers and maps relating to the question of the boundary of the Netherlands possessions in Borneo including: the Dutch encroachments in North Borneo and the Spanish encroachments through their claims over Sulu islands; a UK-German initiative to restrict Spanish claims and a UK-German-Spanish Treaty; problems of granting charter to the British North Borneo Company in view of conflicting jurisdictional claims in North Borneo. Includes survey maps of the North Borneo coastline, 1761-1891. Sebanyak enam peta telah disediakan. Peta ini dihimpun oleh G. T Baron von Derfelden wan Hinterstein, Chamberlain His Majesty.

<sup>88</sup>Untuk melihat kedudukan Sungai Atas, lihat Rajah 3. 2. Kedudukan Sungai Atas (warna merah), Sungai Sibuko (warna biru) dan Sungai Tawau (warna hijau).

*this map the territory north of the Atas River is stated to belong to the Sultan of Sulu; it was thus supposed that a zone of independent native territory - some 40 miles - was left open between the Company's territory and the Dutch boundary as last official declared.*<sup>89</sup>

Penetapan sempadan Belanda di Sungai Atas seperti yang disahkan dan dicatatkan dalam peta rasmi Belanda tahun 1857<sup>90</sup> tidak mendapat tentangan daripada British, Sepanyol dan negara-negara kuasa besar lain. Sikap negara-negara kuasa besar ini menunjukkan bahawa mereka bersetuju dengan penetapan persempadan Belanda itu. Lebih-lebih lagi penetapan persempadanan ini telahpun diterima sebagai rasmi dalam Dikri 1846. Perkara itu dinyatakan dalam *Memorandum on the North Borneo Cession*, bertarikh 28 Mei 1881:

*There has not been, as far as it is possible to ascertain, any official notice to Great Britain, Spain, or any foreign power, of any variation of this boundary, though individual Dutch and other geographers have published Maps marking the Dutch boundary in the hap-hazard manner, a degree, more or less, to the northward of the Atas River.*<sup>91</sup>

---

<sup>89</sup>CO 874/191, Correspondence Respecting the Question of the Limits of the Netherlands Territory of the North-East Coast of Borneo, 1882-1884, "Inclosure 1 in No. 2 - Memorandum on the North Borneo Cession", bertarikh 28 Mei 1881".


<sup>90</sup>Lihat Rajah 3. 1. Peta Rasmi Belanda Tahun 1857.

<sup>91</sup>CO 874/191, Correspondence Respecting the Question of the Limits of the Netherlands Territory of the North-East Coast of Borneo, 1882-1884, "Inclosure 1 in No. 2 - Memorandum on the North Borneo Cession", bertarikh 28 Mei 1881". hlm. 51.



Rajah 3.1. Peta Rasmi Belanda Tahun 1857<sup>92</sup>

<sup>92</sup>“List of Maps of North Borneo” dlm. FO 12/86: Papers and maps relating to the question of the boundary of the Netherlands possessions in Borneo including: the Dutch encroachments in North Borneo and the Spanish encroachments through their claims over Sulu islands; a UK-German initiative to restrict Spanish claims and a UK-German-Spanish Treaty; problems of granting charter to the British North Borneo Company in view of conflicting jurisdictional claims in North Borneo. Includes survey maps of the North Borneo coastline, 1761-1891. Lihat juga G. Irwin, *Nineteenth Century Borneo*..., hlm. 202 dan G. Irwin, *Borneo abad kesembilan belas*..., hlm. 254.



Rajah 3.2. Kedudukan Sungai Atas (warna merah), Sungai Sibuko (warna biru) dan Sungai Tawau (warna hijau)<sup>93</sup>

Penetapan sempadan Belanda di Sungai Atas seperti yang disahkan dan dicatatkan dalam peta rasmi Belanda tahun 1857 mula dipertikaikan. Pertikaian disebabkan oleh pihak British merujuk kepada satu lagi kontrak baharu yang dibuat oleh Belanda dengan kerajaan Bulungan. Kontrak itu ditandatangani pada 2 Jun 1870 dan disahkan pada 18 Oktober 1878. Kontrak ini juga penting.<sup>94</sup> Dalam kontrak ini tercatat, “*To this contract is added the description of the boundaries of the State with the Soloh possession, namely:- On the sea the angle called Batoe Tinagat, and further the River Tauwan. The island Terakkan, Nanoekkan, and Sebittikh, and the small islands*

<sup>93</sup>“List of Maps of North Borneo” dlm. FO 12/86: Papers and maps relating to the question of the boundary of the Netherlands possessions in Borneo including: the Dutch encroachments in North Borneo and the Spanish encroachments through their claims over Sulu islands...

<sup>94</sup>CO 874/191, Memorandum respecting the Boundary between the Netherland and Soloh Possessions on the North-east Coast of Borneo – (Communicated to Earl Granville by Count Bylandt, April 6, 1883).

*belonging thereto, are also mentioned as dependencies of Boelongan.*”<sup>95</sup> Bertolak daripada kontrak itu, maka Batu Tinagat telah menjadi titik baharu dalam pertikaian British-Belanda di Pantai Timur Borneo Utara.

Sebenarnya, perkara yang terdapat dalam Kontrak 2 Jun 1870 hanya memperkukuhkan perkara yang terkandung dalam *Resolution of the Governor-General of Netherlands India regarding the Dutch Possessions in Borneo* bertarikh 28 Februari 1846.<sup>96</sup>

Resolusi tersebut menjelaskan bahawa “*The parts of Borneo on which the Netherlands does not exercise any influence are:*”

(a) *The States of the Sultan of Bruni or Borneo proper, extending from Tanjong Datu on the west to the River Kemanis on the east, situated on the north-west coast.*

(b) *The State of the Sultan of the Sulu Islands, having for the boundaries on the west the River Kemanis, the north and north-east coasts as far as 3° north latitude, where it is bounded by the River Atas, forming the extreme frontier towards the north with the States of Berou dependent on the Netherlands.*

(c) *All the islands of the northern coasts of Borneo.*<sup>97</sup>

Wilayah-wilayah yang diberi penjelasan dalam *Resolution of the Governor-General of Netherlands India regarding the Dutch Possessions in Borneo* berkait dengan Sultan Brunei dan Sultan Sulu sebenarnya adalah kawasan-kawasan yang disebut

---

<sup>95</sup>Ibid. Untuk melihat kedudukan Sungai Tawau, lihat Rajah 3. 2. Kedudukan Sungai Atas (warna merah), Sungai Sibuko (warna biru) dan Sungai Tawau (warna hijau).

<sup>96</sup>FO 12/86, *Resolution of the Governor-General of Netherlands India regarding the Dutch Possessions in Borneo*, 28 February, 1846.

<sup>97</sup>Ibid.

dalam Surat Penyerahan Wilayah 29 Disember 1877, Surat Penyerahan Wilayah 22 Januari 1878. Ini membuktikan bahawa kedua-dua Surat itu penting dan menjadi rujukan dalam isu penyelesaian dan pemilikan wilayah Pantai Timur antara British dan Belanda.

Berbalik kepada Kontrak 2 Jun 1870 yang disebut di atas, pada 12 November 1879, Kontrak itu telah dihantar kepada Menteri Jajahan Belanda, yang kemudiannya dihantar pula ke Pejabat Hal Ehwal Luar Negara untuk mendapat kelulusan untuk berurusan dengan pihak British.<sup>98</sup>

Sehingga tahun 1878, tidak timbul masalah pertikaian tuntutan sempadan di Pantai Timur. Isu pertikaian British-Belanda di Pantai Timur timbul apabila bendera Belanda dinaikkan di Batu Tinagat pada bulan September 1879.<sup>99</sup> Isu menaikkan bendera itu timbul berikutan tindakan Pryer yang memegang jawatan Residen Sandakan telah menyerahkan kawasan tersebut sehingga pesisir semasa kapal perang Belanda, *Macassar* membuat lawatan pada bulan Oktober 1879. Inilah yang dijelaskan oleh Surat Benjamin Torin Kindersley, Setiausaha Syarikat Borneo Utara British kepada Setiausaha Persatuan diRaja Geografi (*Secretary of the Royal Geographical Society*) sebagaimana berikut:

---

<sup>98</sup>CO 874/191, Memorandum respecting the Boundary between the Netherland and Soloh Possessions on the North-east Coast of Borneo – (Communicated to Earl Granville by Count Bylandt, April 6, 1883).

<sup>99</sup>Surat Benjn. Torin Kindersley kepada Secretary of the Royal Geographical Society, bertarikh 30 Julai 1888, dlm. *Proceedings of the Royal Geographical Society and Monthly Record of Geography*, vol. 10, no. 9 (Sept., 1888), hlm. 594-595.

*The cessions to the English Company were completed in January 1878, and the Sandakan Residency was established in the course of the year; yet no attempt was made to hoist the Dutch at Batu Tinagat until the end of 1879. It was only subsequent to Mr. Pryer's success in establishing in authority of the Company in the ceded territory that Dutch men-of-war went up the coast, and the Netherlands boundary arbitrarily advanced.*<sup>100</sup>

Benjamin Torin Kindersley memperincikan tentang lawatan kapal perang *Macassar*, tindakan Pryer untuk membentaras pencerobohan di kawasan tersebut serta peristiwa menaikkan bendera sebagaimana berikut.

*In October 1879 the Dutch man-of-war Macassar paid a visit to Sandakan Bay, when official visits were exchanged between the captain, Baron Verschner, and the Company's Resident, Mr. W. B. Pryer. The Macassar left Sandakan on 6<sup>th</sup> October, and shortly afterwards it became known to Mr Pryer that the Dutch flag had been hoisted at Batu Tinnaga (sic), a point on the north bank of the Tawau river, erroneously marked on the same charts as the Sibuco river (the mouth of which lies some miles to the southward), and thus within the boundaries of the territory ceded to the Company. Mr. Pryer availed himself of the first of the first opportunity to protest against this encroachment, and on being visited in July 1880 by the Atjeh and Macassar, wrote to the senior, Capt. H. O. Wickers, of the former vessel, respectfully requesting that the should be withdrawn. In his reply, Capt. Wickers stated that he had no authority in the matter, but would forward the protest to the Dutch authorities.*<sup>101</sup>

Kehadiran Belanda di Batu Tinagat itu mendapat tentangan daripada penduduk tempatan. Penentangan itu diketuai oleh Pangeran Belantie dari Omadal dan Haji Mahomed Salih dari Sandakan. Penentangan itu dizahirkan dengan menurunkan

---

<sup>100</sup>Ibid.

<sup>101</sup>Ibid.

bendera Belanda.<sup>102</sup> Penduduk tempatan membuat pernyataan terbuka menerima SBBUB.<sup>103</sup> Sokongan dan penerimaan itu kerana mereka telah menerima kehadiran British di Pantai Timur berdasarkan Surat Penyerahan Wilayah 22 Januari 1878.<sup>104</sup> Penduduk tempatan juga memahami bahawa sempadan Belanda hendaklah berasaskan kepada Dikri 28 Februari 1846 yang menetapkan garisan persempadan terletak pada latitud 3° 20' utara.<sup>105</sup>

Sebenarnya bukanlah mudah untuk menentukan kawasan yang dituntut oleh Belanda. Pihak kerajaan Belanda telah menyediakan beberapa peta umum Pantai Timur Borneo Utara. Peta itu dilukis berdasarkan manuskrip asal yang tersimpan di Pejabat Kolonial di Hague. Penyediaan dan cetakan peta-peta itu mendapat restu dan perintah Raja Belanda.<sup>106</sup> Dokumen *List of Maps North Borneo*<sup>107</sup> dan *Northern Boundary of Dutch Borneo*<sup>108</sup> banyak menunjukkan percanggahan tentang sempadan itu, misalnya pada tahun 1842, di Sungai Sibuko sehinggalah ke wilayah milik Sulu pada latitud 2° 40' utara; tahun 1852-1862 di Sungai Atas; tahun 1870 di Sungai Sibuko; tahun 1869-1872 di Sungai Sibuko termasuklah latitud 4° 10' utara; tahun

---

<sup>102</sup>CO 874/191, Surat W. B. Pryer, Residen Sandakan kepada Jonkheer H. O. Wickers, Captain Netherlands Iron-clad, "Atjeh", 4 Julai 1880.

<sup>103</sup>CO 874/191, Correspondence Respecting the Question of the Limits of the Netherlands Territory of the North-East Coast of Borneo, 1882-1884, "Inclosure 2 in No. 2 - Extract from an Article published in the "Java Bode" in February 1882, and republished in "Singapore Straits Times" of February 9, 1882".

<sup>104</sup>Surat Benjn. Torin Kindersley kepada Secretary of the Royal Geographical Society...

<sup>105</sup>CO 874/191, Surat W. B. Pryer, Residen Sandakan kepada Jonkheer H. O. Wickers, Captain Netherlands Iron-clad, "Atjeh", 4 Julai 1880.

<sup>106</sup>List of Maps of North Borneo, dlm. FO 12/86: Papers and maps relating to the question of the boundary of the Netherlands possessions in Borneo including: the Dutch encroachments in North Borneo and the Spanish encroachments through their claims over Sulu islands...

<sup>107</sup>FO 12/86, List of Maps of North Borneo.

<sup>108</sup>FO 12/86, Northern Boundary of Dutch Borneo.



1872 di Sungai Sibuko; tahun 1876-1877 di Sungai Sibuko; tahun 1883-1885 di kawasan-kawasan beberapa buah sungai di atas Sungai Sibuko dan Batu Tinagat yang berkedudukan pada latitud 4° 14' utara; dan akhirnya pada tahun 1883 di Batu Tinagat.<sup>109</sup>

Selain peta-peta yang dinyatakan di atas, pihak Belanda juga mengeluarkan peta pada tahun 1850-1879.<sup>110</sup> Peta-peta yang menunjukkan percanggahan itu adalah berdasarkan laporan, pakar, pegawai kerajaan, pegawai pelayaran (*naval*) dan pegawai tentera Belanda.<sup>111</sup> Mengikut G. Irwin,<sup>112</sup> para pegawai yang terlibat dalam penyediaan peta itu antaranya ialah J. W. Walter, peta "*Al-gemeena land-en zeekaart van de Nederlandche overzeeche bezittingen*" tahun 1857.<sup>113</sup> Peta itu masih mengekalkan sempadan tahun 1846 yang kawasannya terletak pada kedudukan latitud 3° 20' utara.<sup>114</sup> Pada tahun 1866, Kuijper pula menyediakan peta "*Nederlandsch Oost-Indie*". Peta itu ditandakan dengan tepat sempadannya, iaitu di Sungai Sibuko.<sup>115</sup> Pada tahun 1870 pula, Baron Melvill van Carnbee dan W. F. Versteeg menyedia peta "*Algemeena Atlas van Nederlandsch-Indie*". Peta itu pula

---

<sup>109</sup>FO 12/86, List of Maps of North Borneo dan FO 12/86, Northern Boundary of Dutch Borneo.

<sup>110</sup>G. Irwin, *Nineteenth Century Borneo...*, hlm. 202 dan G. Irwin, *Borneo abad kesembilan belas...*, hlm. 254.

<sup>111</sup>FO 12/86: Papers and maps relating to the question of the boundary of the Netherlands possessions in Borneo including: the Dutch encroachments in North Borneo and the Spanish encroachments through their claims over Sulu islands; a UK-German initiative to restrict Spanish claims...

<sup>112</sup>G. Irwin, *Nineteenth Century Borneo...*, hlm. 203 dan G. Irwin, *Borneo abad kesembilan belas...*, hlm. 254.

<sup>113</sup>Lihat Rajah 3. 1. Peta Rasmi Belanda Tahun 1857 di atas.

<sup>114</sup>G. Irwin, *Nineteenth Century Borneo...*, hlm. 203 dan G. Irwin, *Borneo abad kesembilan belas...*, hlm. 254.

<sup>115</sup>Ibid.

meletakkan persempadanan di utara Pulau Sebatik<sup>116</sup> dan persempadanan Belanda terhenti di Batu Tinagat.<sup>117</sup>

Peta yang menunjukkan kedudukan Batu Tinagat telah dilampirkan dalam urusan surat menyurat.<sup>118</sup> Walaupun terdapat percanggahan persempadanan, pihak Belanda terpaksa akur bahawa garisan sempadan sebenar terhad di Batu Tinagat sahaja. Ini jelas kerana garisan sempadan di Batu Tinagat telahpun termaktub dalam Artikel II *Contract of Vassalage* 1850, iaitu “*Toward the Zulu possessions on the sea-shore, the cape called Batoe Tinagat and beyond the River Tanwan*”. Kenyataan itu juga dikekalkan dalam *Contract of Vassalage* 1878.<sup>119</sup> Kebenaran garisan sempadan di Batu Tinagat sahaja bukan setakat dalam *Contract of Vassalage 1850 dan Contract of Vassalage 1878*, tetapi juga dalam kenyataan rasmi Belanda yang lain umpamanya dalam “*Dutch Note of 22 December 1888*” yang menyatakan “*The same applies to the easternmost point, Batoe Tinagat.*”<sup>120</sup> Memorandum bertarikh 9 Januari 1889 pula diisytiharkan sempadan yang dituntut oleh Belanda seperti berikut:

---

<sup>116</sup>Ibid. Lihat juga Map 3, “Versteeg Map (General Atlas of the Netherlands Indies) (1849), second edition, published in Leiden in 1870. Compiled from official sources and with approval of the Government. Edited by Baron Melvill van Carnbee and W. F. Versteeg, both officers of the government of the Netherlands Indies” dlm. *Memorial of Malaysia, Atlas, vol. 5, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Submitted by the Government of Malaysia.*

<sup>117</sup>Reply of Malaysia, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia). International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia). 2 March 2001, hlm. 15.

<sup>118</sup>CO 874/191, Memorandum respecting the Boundary between the Netherland and Soloh Possessions on the North-east Coast of Borneo – (Communicated to Earl Granville by Count Bylandt, April 6, 1883).

<sup>119</sup>FO 12/86: Papers and maps relating to the question of the boundary of the Netherlands possessions in Borneo including..., “Convention for and on behalf of the Government of Netherland India...,” Artikel-artikel yang berkaitan dengan aspek persempadanan ialah Artikel I, II, III dan XVI. Lihat juga Artikel I, II, III dan XVI dlm. *Contract between the Netherlands and the Sultan of Boeloengan, November 12, 1850* dlm. *Memorial of Malaysia, vol. 2...*, hlm. 5-7.


<sup>120</sup>FO 572/22, M. Hartsen to Count Bylandt, dated 22 December 1888.

*From the western point, Tanjong Datoe, to the asternmost point, Batoe Tinagat, along the range of mountains that forms the ridge separating the waters that follow into Netherlands territory from the waters that flow into the territory of Sarawak, Brunei, and the British North Borneo Company... (and)... The Dutch Government, in their of the 3<sup>rd</sup> instant, claim as their boundary in the interior a chain of mountain and the course of rivers, the exact position of which is totally unknown; and if they would, therefore, be induced to accept as their boundary the line recently drawn on their own official map, a tracing from which accompanied my Memorandum of the 26<sup>th</sup> July, 1866, and would enter into an engagement to declare the River Sibuco, as well as all other rivers to the south of Batoe Tinagat, to be free and open to the whole world, it would be a satisfactory settlement of this long-vexed question.<sup>121</sup>*

Dokumen-dokumen *Contract of Vassalage 1850, Contract of Vassalage 1878, "Dutch Note of 22 December 1888"* dan *"Further Memorandum on the Disputed Boundary between the North Borneo Company and the the Dutch Possessions on the North-East Coast of the Island"*, bertarikh 9 Januari 1889 yang dikeluarkan oleh E. Hertslet menunjukkan persempadanan Belanda terhenti di Batu Tinagat, seperti yang ditunjukkan dalam peta dalam Rajah 3.3 di halaman sebelah.

---

<sup>121</sup>FO 572/22, E. Hertslet, "Further Memorandum on the Disputed Boundary between the North Borneo Company and the the Dutch Possessions on the North-East Coast of the Island", 9 January 1889.



Rajah 3.3. Kedudukan Batu Tinagat<sup>122</sup>

### 3.5 Rumusan

Penyerahan wilayah oleh Sultan Brunei dan Sultan Sulu melalui Surat Penyerahan Wilayah 29 Disember 1877 dan Surat Penyerahan Wilayah 22 Januari 1878 tidak disenangi dan dibantah oleh pihak Belanda dan ia kemudiannya menjadi asas pertikaian British-Belanda di Pantai Timur Borneo Utara dari tahun 1879 hingga 1889.

Pertikaian itu dapat dikesankan apabila Belanda mendakwa pihaknya telah menduduki wilayah Pantai Timur. Walau bagaimanapun, dakwaan itu mengelirukan kerana dakwaan daripada pihak Belanda tidak konsisten. Kekeliruan dapat dilihat apabila terdapat peta-peta yang disediakan pada tahun 1846 hingga 1879. Dokumen *List of Maps North Borneo* dan *Northern Boundary of Dutch Borneo* banyak menunjukkan percanggahan tentang sempadan tersebut antaranya, pada tahun 1842

<sup>122</sup>FO12/90, Foreign Office Political and Other Department – General Correspondence before 1906, Borneo, British North Borneo Company, 1892. Peta ini disediakan oleh Baron Melvill van Carnbee dan W. F. Versteeg pada tahun 1948 yang dinamakan sebagai “*Algemeena Atlas van Nederlandsch-Indie*”. Kemudiannya telah ditambah baik pada tahun 1870. Lihat juga Map 3, “Versteeg Map (General Atlas of the Netherlands Indies) (1849), second edition, published in Leiden in 1870. Compiled from official sources and with approval of the Government. Edited by Baron Melvill van Carnbee and W. F. Versteeg, both officers of the government of the Netherlands Indies” dlm. Memorial of Malaysia, Atlas, vol. 5, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Submitted by the Government of Malaysia dan Map 5 dlm. Memorial, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Submitted by the Government of the Republic of Indonesia, Map Atlas, 2 November, 1999.

di Sungai Sibuko sehinggalah ke wilayah milik Sulu yang pada latitud 2° 40' utara; tahun 1852-1862 di Sungai Atas; tahun 1870 di Sungai Sibuko; tahun 1869-1872 di Sungai Sibuko termasuklah latitud 4° 10' utara; tahun 1872 di Sungai Sibuko; tahun 1876-1877 di Sungai Sibuko; tahun 1883-1885 di kawasan-kawasan beberapa buah sungai di atas Sungai Sibuko dan Batu Tinagat yang berkedudukan pada latitud 4° 14' utara; dan akhirnya pada tahun 1883 di Batu Tinagat.

Pihak British juga berpegang kepada *Contract of Vassalage 1850* dan *Contract of Vassalage 1878*. Dalam kedua-dua kontrak tersebut dinyatakan dengan jelas bahawa garisan sempadan di Batu Tinagat telahpun termaktub dalam Artikel II *Contract of Vassalage 1850*, iaitu “*Toward the Zulu possessions on the sea-shore, the cape called Batoe Tinagat and beyond the River Tanwan*”. Kenyataan ini juga dikekalkan dalam *Contract of Vassalage 1878*. Kebenaran garisan sempadan di Batu Tinagat sahaja bukan sahaja setakat dalam *Contract of Vassalage 1850* dan *Contract of Vassalage 1878* malah, ia turut terkandung dalam kenyataan rasmi Belanda lain umpamanya, dalam “*Dutch Note of 22 December 1888*” yang menyatakan “*The same applies to the easternmost point, Batoe Tinagat.*” Selain pernyataan Batu Tinagat dalam dokumen-dokumen tersebut, Belanda juga terpaksa akur dengan penolakan penduduk tempatan terhadap Belanda di Batu Tinagat.

Isu-isu pertikaian sepanjang tahun 1879-1889 telah diberi perhatian lanjut oleh pihak British dan Belanda. Pertikaian-pertikaian itu cuba diselesaikan dalam “*Proceedings of the Joint Commission appointed by the British and Netherland Governments for considering the question of the Boundary between the Netherland Indian Possessions on the Island of Borneo and the Territory belonging to the British North Borneo*”

*Company*” yang diadakan pada 16 Julai 1889; 19 Julai 1889; dan 27 Julai 1889 dan perkara itu dibincangkan dalam Bab 4 berikutnya.



## BAB EMPAT

### PEMESYUARATAN DALAM PENGURUSAN PERTIKAIAN SEMPADAN BRITISH-BELANDA DI PANTAI TIMUR BORNEO UTARA PADA 1889

#### 4.1 Pengenalan

Hubungan dua hala Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu dengan pihak British dari segi pemberian wilayah<sup>1</sup> dapat dikesan melalui dokumen yang ditandatangani pada 29 Disember 1877 dan 22 Januari 1878. Pada 29 Disember 1877 termeterai dokumen pemberian wilayah oleh Sultan Brunei, Sultan Abdul Mu'min ibn Al-Marhum Seri Paduka Maulana Abdul Wahab kepada Baron Gustavus Von Overbeck dan Alfred Dent Esquire. Ketiga-tiga kawasan ini<sup>2</sup> pernah diberikan kepada C. L. Moses, Konsul Amerika Syarikat bagi Borneo (*United States Consul for Borneo*) pada 1865 oleh Sultan Brunei. Ia kemudiannya diserahkan kepada J. W. Torrey, Pengerusi Syarikat Perdagangan Amerika Syarikat Borneo (*American Trading Company of Borneo*) yang berpangkalan di Hong Kong.<sup>3</sup> Moses menyerahkan ketiga-tiga kawasan ini berikutan dengan perlantikan Torrey sebagai Raja Tertinggi (*Supreme Ruler*) dan Gabenor dengan gelaran Raja Ambong dan Marudu bagi kawasan-kawasan tersebut.<sup>4</sup> Melalui kelima-

---

<sup>1</sup>Istilah pemberian wilayah ini juga disebut sebagai penyerahan wilayah. Dokumen-dokumen ini juga disebut sebagai Surat Pemberian. Lihat Nik Anuar Nik Mahmud, *Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan...*, hlm. 53. Istilah-istilah ini diguna secara silih berganti dalam tesis ini.

<sup>2</sup>Ketiga-tiga kawasan ini ialah wilayah Teluk Gaya dan Teluk Sepanggar, wilayah yang bermula dari Paitan hingga ke Sungai Sibuku dan wilayah dari Sungai Sulaman hingga ke Sungai Paitan.

<sup>3</sup>FO 572/7, Memorandum J. Pauncefote, 7 Mei 1878.

<sup>4</sup>FO 572/7, No. 131, *despatch* dari Treacher, Pemangku Konsul Jeneral kepada Early of Derby, No. 1 – Consular, bertarikh 22 Januari 1878. Lihat H. R. Hughes-Hallett, "A Sketch of the History of Brunei" dlm. *Papers Relating to Brunei* (with an introduction by Cheah Boon Kheng), The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, Reprint no. 18, Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1998, hlm. 41-42. Kawasan-kawasan ini terdapat dalam lima geran ini iaitu tiga yang ditandatangani pada 29 Disember 1877 dan dua pada 22 Januari 1878 telah dibincangkan sebelum ini.

lima dokumen penyerahan wilayah ini, terutamanya *Grant by Sultan of Sulu of Territories and Lands on the Mainlands of the Island of Borneo*,<sup>5</sup> maka telah mula isu pertindihan tuntutan di pantai timur Borneo Utara di antara dua kuasa besar iaitu British dan Belanda.<sup>6</sup>

Bab ini membincang tentang bagaimana British dan Belanda mengurus pertikaian ini iaitu melalui beberapa siri mesyuarat. Mesyuarat-mesyuarat tersebut ialah:

1. “*Proceedings of the Joint Commission appointed by the British and Netherland Governments for considering the question of the Boundary between the Netherland Indian Possessions on the Island of Borneo and the Territory belonging to the British North Borneo Company*” yang diadakan pada 16 Julai 1889, 19 Julai 1889 dan 27 Julai 1889.
2. “*Convention between Great Britain and The Netherlands defining Boundaries in Borneo*” pada 20 Jun 1891 bagi tujuan yang sama.

---

<sup>5</sup>Dalam kajian ini *Grant by Sultan of Sulu of Territories and Lands on the Mainlands of the Island of Borneo* juga disebut sebagai Surat Pemberian 22 Januari 1878.

<sup>6</sup>Lihat Map 2 “Places Named in Sulu Grant of 1878 & Conformation of 1903”, dlm. *Memorial of Malaysia*, vol. 5 (Atlas), Map 4, 2 November 1999, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Submitted by the Government of Malaysia. Kawasan yang bertanda biru ialah sembilan batu nautika (*nine nautical miles*) bersamaan dengan tiga liga laut (*three marine leagues*). Kawasan bertanda kuning ialah nama-nama tempat yang diserahkan melalui Surat Pemberian Wilayah 22 Januari 1878. Untuk maklumat sembilan batu nautika (*nine nautical miles*) bersamaan dengan tiga liga laut (*three marine leagues*) juga, lihat “Map 3.1, Memorial, (vol. 1), submitted by the Government of the Republic of Indonesia International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), vol. 1, 2 Januari 1999, hlm. 14. Untuk kenyataan sembilan batu nautika (*nine nautical miles*) bersamaan dengan tiga liga laut (*three marine leagues*), lihat Memorial, (vol. 1), submitted by the Government of the Republic of Indonesia International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), vol. 1, 2 Januari 1999, hlm. 18.



Kawasan-kawasan yang dinyatakan dalam Surat Pemberian Wilayah 1878 yang dikatakan membawa kepada tuntutan bertindih dan usaha penyelesaiannya telah dijalankan melalui Konvensyen 1891.

#### 4.2. Pertikaian Sempadan di Pantai Timur Borneo Utara

Pertikaian sempadan atau dikenali juga sebagai tuntutan bertindih<sup>7</sup> di kawasan ini berlaku kerana minat beberapa kuasa besar ke atas wilayah Kesultanan Sulu. Ia termasuklah British dan Sepanyol. Pihak Sepanyol telah mendakwa bahawa mereka telah memiliki harta Sultan Sulu melalui perjanjian dengan Sultan Sulu pada tahun 1851.<sup>8</sup> Namun demikian dakwaan ini ditolak oleh pihak British dan menegaskan bahawa tuntutan Sulu itu adalah “*merely a nominal claim over a certain undetermined part of Borneo*”.<sup>9</sup> Penegasan ini telah diterima oleh Sepanyol dan dalam tempoh seterusnya mereka tidak lagi membuat sebarang tuntutan ke atas wilayah ini.<sup>10</sup>

---

<sup>7</sup>Istilah tuntutan bertindih (*overlapping area*) juga telah digunakan oleh Colin Crisswell. Lihat Colin Crisswell, “Disputes between the Colonial Powers Arising from the Establishment of the North Borneo Chartered Company 1881-1905” dlm. V. T. King & A. V. M. Horton, *From Buxfast to Borneo*, Sarawak Literary Society: Ampang Press, 1995, hlm. 451-460.

<sup>8</sup>Memorial, (vol. 1), submitted by the Government of the Republic of Indonesia International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), 2 Januari 1999, hlm. 18.

<sup>9</sup>Memorial, (vol. 1), submitted by the Government of the Republic of Indonesia International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), 2 Januari 1999, hlm. 230, Despatch Lord Granville kepada Her Majesty’s Minister di Madrid bertarikh 7 Disember 1881.

<sup>10</sup>Protocol between Spain and Sulu confirming the Bases of Peace and Capitulation, July 22, 1878, dlm. Memorial of Malaysia, vol. 2, Annex MM 12, hlm. 42-46. Kawasan yang dirujuk dalam wilayah ialah Batu Tinagat yang terletak di Pantai Timur Borneo Utara.

Pertikaian sempadan juga tercetus di antara British dan Belanda yang membawa termeterainya Perjanjian Inggeris-Belanda 1824.<sup>11</sup> Namun urusan dengan Belanda ini selesai apabila isu yang telah ditimbulkan oleh *Committee of the Second Chamber* dalam Parlimen Belanda. Berikutan dengan itu, Menteri Koloni Belanda (*Dutch Minister of Colonies*) telah memberi jawapan yang menyatakan bahawa wilayah tersebut tidak pernah berada di bawah dominasi mereka. Belanda juga tidak pernah mempertikaikan autoriti Sepanyol ke atas wilayah ini.<sup>12</sup> Perlu ditegaskan bahawa jawapan di Parlimen Belanda ini merujuk kepada kedudukan wilayah-wilayah tahun-tahun awal abad ke-19, iaitu bahagian selatan pantai timur Borneo adalah dalam taklukan Sultan Bulungan<sup>13</sup> manakala peta Belanda semasa itu seperti dalam *Map 2: Internal Dutch Map (1891)* dan *Map no.5: Annex to the Explanatory Memorandum to Bill for Ratification of Boundary Treaty of 1891* menunjukkan bahawa pulau-pulau di luar pesisir di Timur Laut Borneo (*the islands offshore of North-east Borneo*) adalah sebahagian daripada milik Sultan Sulu.<sup>14</sup>

---

<sup>11</sup>Lihat Bab 2.

<sup>12</sup>Extract from Answer of the Colonial Minister to Inquiries made by the Committee of the Second Chamber in their Preliminary Report on the Netherlands Indian Budget for 1880.

<sup>13</sup>Kadang-kadang dieja Boeloengan.

<sup>14</sup>Sumber *Memorial of Malaysia*, vol. 1, Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), 2 Januari 1999, hlm. 72. Lihat juga “Map 2: Internal Dutch Map (1891)”. Sumber *Memorial of Malaysia*, vol. 5 (Atlas), Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), 2 Januari 1999 dan “Map no.5: Annex to the Explanatory Memorandum to Bill for Ratification of Boundary Treaty of 1891” dan “Map no.5: Annex to the Explanatory Memorandum to Bill for Ratification of Boundary Treaty of 1891 (enlargement)” Sumber *Memorial* (Map Atlas), submitted by the Government of the Republic of Indonesia International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), 2 Januari 1999.

Ia merujuk kepada kawasan pantai timur Borneo Utara khususnya Tawau dan kawasan-kawasan yang berdekatan iaitu Sungai Sibuku hingga ke Sungai Pandasan.<sup>15</sup> Kawasan pertikaian ini adalah merujuk kepada garisan latitud 4° 10' utara.

---

<sup>15</sup>Colin Crisswell, "Disputes between the Colonial Powers Arising from the Establishment of the North Borneo Chartered Company 1881-1905" dlm. V. T. King & A. V. M. Horton, *From Buxfast to Borneo*, Sarawak Literary Society: Ampang Press, 1995, hlm. 453.

Kawasan pertikaian ini berasaskan kepada kawasan yang bermula dari Sungai Pandasan di Pantai Barat Daya Borneo Utara hingga ke Sungai Sibuku di selatan, termasuklah semua pulau dalam lingkungan sembilan batu nautikal (Lihat peta "Insert 1: North Borneo Coast, Sulu Archipelago, 1878 Sulu Grant and Territorial Dispute with Netherlands" dlm. *Reply of Malaysia*, ...hlm. 6 (sisipan). Lihat Lampiran 4.1: Peta "Places Named in Sulu Grant of 1878 & Conformation of 1903". Sumber *Memorial of Malaysia*, vol. 5 (Atlas), Map 4, 2 November 1999, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Submitted by the Government of Malaysia. Kawasan yang bertanda biru ialah sembilan batu nautika bersamaan dengan tiga liga laut. Kawasan bertanda kuning ialah nama-nama tempat yang diserahkan melalui Surat Pemberian Wilayah 22 Januari 1878. Untuk maklumat sembilan batu nautika bersamaan dengan tiga liga laut juga, lihat "Map 3.1, Memorial, (vol. 1), submitted by the Government of the Republic of Indonesia International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), vol. 1, 2 Januari 1999, hlm. 14. Untuk kenyataan sembilan batu nautika bersamaan dengan tiga liga laut, lihat Memorial, (vol. 1), submitted by the Government of the Republic of Indonesia International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), vol. 1, 2 Januari 1999, hlm. 18). Kawasan tumpuan pertikaian Belanda di kawasan ini ialah Batu Tinagat berdasarkan "Contract of Vassalage" antara Kerajaan Hindia Timur Belanda yang diwakili oleh H. Van de Wall, Pengarah Awam Bahagian Timur Borneo (*The Civil Director of the Eastern Division of Borneo*) (lihat Contract between the Netherlands and the Sultan of Boeloengan, November 12, 1850 dlm. *Memorial of Malaysia*, vol. 2, 2 November 1999, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Submitted by the Government of Malaysia, hlm. 5-7) dengan Mahammed Khahar-Oedien, Sultan Bulungan yang ditandatangani pada 12 November 1850. Kontrak ini mengandungi 17 artikel dan dalam artikel Artikel I menyebut bahawa wilayah takluk Bulungan diisytiharkan kepunyaan Kerajaan Hindia Timur Belandadengan Mahammed Khahar-Oedien, Sultan Bulungan yang ditandatangani pada 12 November 1850. Kontrak ini mengandungi 17 artikel dan dalam artikel Artikel I menyebut bahawa wilayah takluk Bulungan diisytiharkan kepunyaan Kerajaan Hindia Timur Belanda dan kawasan-kawasan milik Sultan Bulungan. Lingkungan wilayah takluk Bulungan adalah:

*"Towards Goenoeng-Teboer: from the sea-shore inland, the River Karanliegan from its mouth and to its source beyond the Batoe-Bevekkier and the Palpakh Mountain. Toward the Zulu possessions on the sea-shore, the cape called Batoe Tinagat and beyond the River Tanwan.*  
*The following islands shall belong to Boeloengan, namely, Terakkan, Nenoekkan, and Sebittikh, together with the small islands belonging to them.*  
*This determination of the frontiers is to be considered as provisional, and they shall be revised in detail and fixed afresh"* (Artikel II, Contract between the Netherlands and the Sultan of Boeloengan, November 12, 1850 dlm. *Memorial of Malaysia*, vol. 2, 2 November 1999).

Apabila Kerajaan Hindia Timur Belanda menerima maklumat tentang penyerahan kawasan oleh Sultan Sulu melalui Surat Pemberian Wilayah 22 Januari 1878 kepada Overbeck dan Dent sehingga ke Sungai Sibuku pada Februari 1878, Belanda telah memulakan penyiasatan mereka.<sup>16</sup> Ini kerana Belanda membuat andaian bahawa penyerahan itu telah melanggar sempadan kawasan Utara atau kawasan pantai timur Borneo. Ia merangkumi kawasan yang termaktub dalam “Contract of Vassalage” yang ditandatangani pada 12 November 1850<sup>17</sup>; iaitu muara sungai Batu Tinagat sehinggalah ke kawasan ke dalam Sungai Tawau.<sup>18</sup>

Hasil penyiasatan yang dijalankan menunjukkan kawasan tersebut telah diserahkan kepada pihak Belanda. Oleh yang demikian, Gabenor Jeneral mengarahkan supaya bendera Belanda dikibarkan mengikut cara istiadat Belanda di Batu Tinagat sebagai tanda bahawa kawasan tersebut milik Belanda. Manakala di Teluk St. Lucia, Belanda telah menempatkan kapal bersenjata untuk kawalan keselamatan dan di muara Sungai

---

<sup>16</sup>Official Parliamentary Reports, The Netherlands, session 1890-1891: 187. “Ratification of the Agreement made in London between the Netherlands and Great Britain and Ireland for the Fixing of the Boundaries between the Possessions of the Netherlands on the Island of Borneo and the States on that Island which are under British Protectorate”. Explanatory Memorandum, no. 3.

<sup>17</sup>Contract between the Netherlands and the Sultan of Boeloengan, November 12, 1850 dlm. *Memorial of Malaysia*, vol. 2, 2 November 1999, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Submitted by the Government of Malaysia, hlm. 5-7.

<sup>18</sup>Official Parliamentary Reports, The Netherlands, session 1890-1891: 187. “Ratification of the Agreement made in London between the Netherlands and Great Britain and Ireland for the Fixing of the Boundaries between the Possessions of the Netherlands on the Island of Borneo and the States on that Island which are under British Protectorate”. Explanatory Memorandum, no. 3. dlm. *Memorial of Malaysia*, (Buku C)vol. 3, 2 November 1999, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Submitted by the Government of Malaysia, Annex 51.

Tawau pula depoh arang batu telah ditubuhkan dan dilengkapi dengan pasukan pengawal sempadan.<sup>19</sup>

Tindakan Belanda ini dibantah oleh pihak SBUB dan pada 4 Julai 1880, W.B. Pryer, Residen Sandakan bagi pihak SBBU telah menulis surat bantahan kepada Kapten H.O. Wickers, Komander Kapal Perang Belanda, *Atjeh*, yang berpangkalan Teluk Sandakan. Beliau telah meminta pihak Belanda menurunkan bendera serta berundur dari Batu Tinagat. Namun bantahan itu tidak dihiraukan oleh pihak Belanda.<sup>20</sup> Ia juga turut dibantah oleh penduduk tempatan dan bertindak membuang bendera tersebut.<sup>21</sup>

Walaupun urusan Pemberian Wilayah 22 Januari 1878 ini berlangsung di antara Sultan Sulu dan SBUB, namun urusan pertindihan wilayah adalah diuruskan oleh British berdasarkan kesimpulan daripada Perjanjian 12 Mei 1888 di antara Kerajaan British dan SBBUB.<sup>22</sup> Perjanjian ini memperakukan bahawa semua wilayah yang pernah dikawal oleh SBBUB menjadi merdeka (*independent state*) dan dipanggil Negeri Borneo Utara

---

<sup>19</sup>Ibid.

<sup>20</sup>Ibid. Lihat juga Nik Anuar Nik Mahmud, *Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan...*, hlm. 24.

<sup>21</sup>Memorandum in Response dated 20 February 1892, Ratification of the Agreement concluded between the Netherlands and the Great Britain/Ireland on 20 June, 1891 and Defining the Boundaries between the Dutch Possessions on the Islands of Borneo and the British Protectorate States on the said Islands, February 20, 1892, dlm. *Memorial of Malaysia*, vol. 3, ..., hlm. 107; Lihat juga G. Irwin, *Borneo abad kesembilan belas: Kajian mengenai persaingan diplomatik* (terj. Mohd. Nor Ghani dan Noraini Ismail), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1986, hlm. 258.

<sup>22</sup>Pada 12 Mei 1888 Borneo Utara diisytiharkan sebagai negeri naungan British. Lihat FO 12/79, Agreement between Her Majesty's Government and the British North Borneo Company (No. 66 North Borneo) dan Papers Relating to North Borneo, Protectorate Agreements (Borneo, no. 1, 1888), Presented to both Houses of Parliament by Command of Her Majesty, December 1888, "Despatch from the Marquis of Salisbury to Her Majesty's Minister at the Hague, inclosing copies of Agreements between Her Majesty's Government and the British North Borneo Company, the Rajah of Sarawak, and the Sultan of Brunei for establishment of a British Protectorate", dlm. *Memorial of Malaysia*, vol. 2, hlm. 67-69. Lihat juga D. S. Ranjit, *The Making...*, hlm. 4-5.

(*the state of North Borneo*) di bawah Kerajaan British.<sup>23</sup> Perjanjian ini meletak syarat seperti dalam Artikel II, iaitu: “*The State of North Borneo shall continue to be governed and administered as an independent State by the Company in conformity with the provisions of the said Charter, under the protection of Great Britain...*”<sup>24</sup>

#### **4.3 Pengurusan Pertikaian Sempadan di Pantai Timur Borneo Utara Melalui *Proceedings Of The Joint Commission Appointed By The British And Netherland Governments For Considering The Question Of The Boundary Between The Netherland Indian Possessions On The Island Of Borneo And The Territory Belonging To The British North Borneo Company***

Seperti yang telah dinyatakan dalam bahagian sebelum ini, kawasan tumpuan pertikaian Belanda di kawasan ini Batu Tinagat berdasarkan “Contract of Vassalage” yang ditandatangani di antara Kerajaan Hindia Timur Belanda dengan Sultan Bulungan.<sup>25</sup>

Sehubungan dengan itu, pihak yang terlibat iaitu British dan Belanda telah mengambil usaha menyelesaikan pertikaian dengan mengadakan mesyuarat secara bersama yang dikenali dengan *Proceedings of the Joint Commission appointed by the British and Netherland Governments for considering the question of the Boundary between the Netherland Indian Possessions on the Island of Borneo and the Territory belonging to*


---

<sup>23</sup>Papers Relating to North Borneo, Protectorate Agreements (Bornoe, no. 1, 1888), Presented to both Houses of Parliament by Command of Her Majesty, December 1888, “Despatch from the Marquis of Salisbury to Her Majesty’s Minister at the Hague, inclosing copies of Agreements between Her Majesty’s Government and the British North Borneo Company, the Rajah of Sarawak, and the Sultan of Brunei for establishment of a British Protectorate”, dlm. *Memorial of Malaysia*, vol. 2, hlm. 67-69. Lihat juga D. S. Ranjit, *The Making...*, hlm. 4-5.

<sup>24</sup>Ibid, Artikel II.

<sup>25</sup>Lihat nota kaki 31. FO 12/86, surat R. Alcock kepada Earl Granville, 20 Disember 1883. Lihat peta “Insert 1: North Borneo Coast, Sulu Archipelago, 1878 Sulu Grant and Territorial Dispute with Netherlands” dlm. *Reply of Malaysia*, hlm. 6 (sisipan).

*the British North Borneo Company* sebanyak tiga kali iaitu pada 16 Julai 1889,<sup>26</sup> 19 Julai 1889<sup>27</sup> dan 27 Julai 1889,<sup>28</sup> dan diadakan di Pejabat Hal Ehwal Luar British. Mesyuarat ini dikendalikan dengan pembentangan dua puluh tujuh hujah oleh British pada mesyuarat pertama. Mesyuarat kedua mempunyai dua fasa. Fasa pertama Belanda menjawab satu persatu sebanyak dua puluh tujuh hujah British itu. Fasa kedua pula, kedua-dua pihak mula berhujah berdasarkan setiap perkara-perkara pokok yang ditimbulkan dalam mesyuarat pertama dan fasa pertama mesyuarat kedua. Mesyuarat ketiga 27 Julai 1889 menumpukan kepada cadangan dan kompromi kedua-dua belah. Kemudiannya kedua-dua belah pihak bersetuju mengadakan konvensyen pada 20 Jun 1891 untuk menentukan persempadanan antara British dan Belanda di Borneo yang dikenali dengan *Convention between Great Britain and The Netherlands defining Boundaries in Borneo*.<sup>29</sup>



UUM  
Universiti Utara Malaysia

---

<sup>26</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission appointed by the British and Netherland Governments for considering the question of the Boundary between the Netherland Indian Possessions on the Island of Borneo and the Territory belonging to the British North Borneo Company, First Meeting, held at Foreign Office, July 16, 1889.

<sup>27</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission appointed by the British and Netherland Governments for considering the question of the Boundary between the Netherland Indian Possessions on the Island of Borneo and the Territory belonging to the British North Borneo Company, Second Meeting, held at Foreign Office, July 19, 1889.

<sup>28</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission appointed by the British and Netherland Governments for considering the question of the Boundary between the Netherland Indian Possessions on the Island of Borneo and the Territory belonging to the British North Borneo Company, Third Meeting, held at Foreign Office, July 27, 1889. Selepas ini ketiga-tiga Proceedings of the Joint Commission appointed by the British and Netherland Governments for considering the question of the Boundary between the Netherland Indian Possessions on the Island of Borneo and the Territory belonging to the British North Borneo Company disebut sebagai Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Persempadanan British-Belanda.

<sup>29</sup>FO 12/86, Convention between Great Britain and The Netherlands defining Boundaries in Borneo, dated 20 June 1891. Selepas ini akan disebut Konvensyen 1891. Konvensyen 1891 dibincangkan dalam Bab 5.

Suruhanjaya Bersama Persempadanan British-Belanda (SBPBB)<sup>30</sup> dibentuk secara persetujuan bersama antara British-Belanda untuk membincang pertikaian sempadan dan persoalan yang berkaitan dengan isu-isu pemilikan kedua-dua belah pihak di pantai timur Pulau Borneo dan wilayah yang dimiliki oleh Syarikat Borneo Utara British.<sup>31</sup> Mesyuarat yang diadakan sebanyak tiga kali ini dengan setiap negara diwakili oleh Sir Philip W. Currie dan Sir Edward Herslet mewakili British dan Count de Bylandt<sup>32</sup> dan M. A. H. Gysbert mewakili Belanda.<sup>33</sup> Selain dua wakil setiap negara ini, setiap negara juga menghantar dua orang lagi wakil sebagai turut hadir dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut. British menghantar Real-Admiral R. C. Mayne dan Alexander Cook manakala wakil Belanda pula ialah M. A. E. Elias dan Captain O. Moreau.<sup>34</sup> Sir Rutherford Alcock, Pengerusi Lembaga Pengarah SBBUB juga pernah turut hadir pada mesyuarat yang pertama bersama-sama Alexander Cook.<sup>35</sup> Perbincangan tentang hujah-hujah adalah berdasarkan ketiga-tiga prosiding yang dikeluarkan sepanjang Mesyuarat tersebut.<sup>36</sup>

---

<sup>30</sup>Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Persempadanan British-Belanda (MSBPBB) ini diadakan tiga kali iaitu pada 16 Julai 1889, 17 Julai 1889 dan 27 Julai 1889.

<sup>31</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., First Meeting, held at Foreign Office, July 16, 1889.

<sup>32</sup>Beliau juga ialah Duta Belanda di Britain. Lihat Nik Anuar Nik Mahmud, *Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan...*, hlm. 44.

<sup>33</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., First Meeting, held at Foreign Office, July 16, 1889; FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., Second Meeting, held at Foreign Office, July 19, 1889 dan FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., Third Meeting, held at Foreign Office, July 27, 1889.

<sup>34</sup>Ibid.

<sup>35</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., First Meeting, held at Foreign Office, July 16, 1889.

<sup>36</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., First Meeting, held at Foreign Office, July 16, 1889; FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., Second Meeting, held at Foreign Office, July 19, 1889 dan FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., Third Meeting, held at Foreign Office, July 27,



Pada Mesyuarat SBPBB pertama<sup>37</sup> ini P. Currie menyatakan bahawa “*This Joint Commission has been appointed by the British and Netherland Governments to take into consideration the question of the disputed boundary between the Netherland Indian possessions on the north-east coast of the Island of Borneo and the territory belonging to the British North Borneo Company*”.<sup>38</sup>

Selanjutnya beliau juga menjelaskan bahawa tujuan Suruhanjaya ini diadakan untuk memenuhi keinginan Belanda supaya mengadakan perbincangan dan penjelasan daripada pihak British. Ia berkait secara langsung dengan pendudukan British di persempadanan di negeri Sarawak, Brunei dan dan di kawasan-kawasan SBUB.<sup>39</sup>

Peranan Suruhanjaya Bersama Persempadanan British-Belanda adalah untuk menentukan perkara berikut iaitu:

1. Adakah Sultan Bulungan mempunyai hak untuk membuat tuntutan ke atas Tidong sebagai negeri jajahannya iaitu di mana terletaknya Batu Tinagat dan Sungai Tawau, yang kawasan ini juga diisytiharkan oleh Belanda untuk berada di situ dan menjadi kawasan perlindungan Belanda.<sup>40</sup>

---

1889. Perkara-perkara yang dibincangkan dalam ketiga-tiga mesyuarat ini dinyatakan dalam perbincangan berikutnya.

<sup>37</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., First Meeting, held at Foreign Office, July 16, 1889.

<sup>38</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., First Meeting, held at Foreign Office, July 16, 1889.

<sup>39</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., First Meeting, held at Foreign Office, July 16, 1889.

<sup>40</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., July 16, 1889 mencatatkan: “*Whether the Sultan of Boelongan had a right to claim, as a dependency of his State, the State of Tidoeng, in which Batu Tinagat*

2. Adakah Sultan Sulu mempunyai hak untuk menuntut wilayah selatan sehingga ke Sungai Sibuko, dan menyerahkannya kepada Dent dan Overbeck<sup>41</sup> yang kemudiannya mereka berdua menyerahkannya kepada SBUB.<sup>42</sup>
3. Apakah kedudukan sebenar Sungai Sibuko, yang dirujuk sebagai kawasan yang diserahkan kepada Dent dan Overbeck.<sup>43</sup>

Berdasarkan kepada perkara di atas, pihak British dan Belanda bersetuju untuk membincang tentang hak Sultan Brunei dan Sultan Sulu yang dirujuk sebagai sulu tempatan terhadap had negeri masing-masing. Pada masa ini kedua-dua Sultan ini telah menyerahkannya kepada Dent dan Overbeck.<sup>44</sup>

Kedua-dua pihak juga bersetuju sekiranya pemahaman yang memuaskan di antara British dan Belanda tercapai terhadap kawasan yang menjadi pertikaian, kedua-dua pihak bersetuju akan menanggungkan kajian untuk menentukan dan membuat penandaan yang menjadi titik pertikaian sempadan. Ia termasuklah garisan persempadanan yang

---

*and the River Tawao are declared by the Dutch to be situated; and to place the same under Dutch protection”.*

<sup>41</sup>Penyerahan ini merujuk kepada Surat Pemberian 22 Januari 1878.

<sup>42</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., July 16, 1889 mencatatkan: “*Whether the Sultan of Sulu had a right to claim territory as far south as the Sibuco River, and to cede the same to Messrs. Dent and Overbeck, who handed over their Concessions to the British North Borneo Company*”.

<sup>43</sup>Ibid., mencatatkan: “*What was the actual position of the Sibuco River, which was alluded to in the Dent and Overbeck Concessions*”.

<sup>44</sup>Ibid.

memisahkan wilayah milik Belanda di Borneo dan wilayah yang dimiliki oleh Sarawak, Brunei dan SBBU.<sup>45</sup>

Dalam pembentangan ini, E. Herslet (ahli kedua MSBPBB bagi pihak British)<sup>46</sup> telah menegaskan bahawa sebelum ini Sultan Sulu telah memiliki wilayah Pantai Timur Borneo. Ia bermula 1° latitud utara iaitu termasuk Berou, Bulungan dan wilayah-wilayah Tidong sejak tahun 1800 lagi.<sup>47</sup> Sebahagian daripada wilayah ini diserahkan oleh Sultan Sulu kepada SHTI pada 1764, iaitu perjanjian ditandatangani pada 28 September 1764<sup>48</sup> dan 1769 melalui “Grant from the Sultan of Sulu, 1769”.<sup>49</sup> Walaupun bagaimanapun kedua-dua perjanjian ini telah tidak diterima pakai lagi. Sultan Sulu juga mendakwa bahawa wilayah Tidong dikatakan telah diserahkan oleh Sultan Bulungan kepada Belanda.<sup>50</sup> Belanda juga telah mengakui seperti yang tercatat dalam dekrinya yang bertarikh 28 Februari 1846<sup>51</sup> bahawa wilayah Sulu yang diberikan pada masa itu

---

<sup>45</sup>Ibid.

<sup>46</sup>Ahli kedua MSBPBB bagi pihak British. Lihat, Counter Memorial of Malaysia, vol. 1, 2 Ogos 2000, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Submitted by the Government of Malaysia, hlm. 18.

<sup>47</sup>FO 12/86, Parliamentary Paper no. 2514, hlm. 118.

<sup>48</sup>FO 12/86, Appendix no. 1, Treaties between The East India Company and Sulu: 1762-69. “Articles of friendship and commerce agreed on and settled between the English and Sulu, by Alexander D. Dalrymple, Esq., on the part of United Company of Merchants of England, trading to the East Indies, and Sultan Mohmund Moh-i-Todin, son of Mohamed Badarodin, for himself and his successors”, bertarikh 28 Januari 1761.

<sup>49</sup>FO 12/86: Grant from the Sultan of Sulu, 1769.

<sup>50</sup>FO 12/86, Parliamentary Paper no. 2514, hlm. 118 dlm. FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission ..., July 16, 1889.

<sup>51</sup>Dekri 28 Februari 1846 adalah dokumen rasmi Belanda yang memberi arahan tentang penduduk Belanda di pantai timur Borneo. Lihat FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., Second Meeting, held at Foreign Office, July 19, 1889. Dekri ialah Resolusi Gabenor Jeneral Belanda mengenai

sejauh ke selatan 3° latitud utara, yang dengan sendirinya termasuk seluruh negara Tidong yang merangkumi Sungai Sibuko.<sup>52</sup> Menurut Belanda lagi, Sultan Sulu telah mengadakan pelbagai usaha untuk membatalkan tuntutan itu.

Hujah E. Hertslet seterusnya ialah bahawa kemerdekaan Sultan Sulu telah diiktirafkan Belanda sendiri pada 17 Ogos dan 19 Ogos 1880.<sup>53</sup> Pada ketika ini wilayah-wilayah yang diiktirafkan oleh Belanda ini telahpun diserahkan kepada Dent dan Overbeck<sup>54</sup> oleh Sultan Sulu<sup>55</sup> melalui persetujuan waris-warisan dan pengganti-pengganti beliau berserta semua datuk dalam negeri Suluk dan daerah-daerah jajahan takluknya.<sup>56</sup> Ini membuktikan bahawa Sultan Sulu mempunyai kuasa yang sempurna (*perfect right*) untuk menyerahkan mana-mana bahagian wilayahnya, seperti negeri Tidong<sup>57</sup>

---

hak wilayah Belanda di Borneo (*Resolution of the Governor-General of Netherlands India regarding the Dutch Possessions in Borneo*).

<sup>52</sup>Ibid. Untuk maklumat lanjut tentang Dekri Belanda, 28 Februari 1846, lihat FO 12/86, Resolution of the Governor-General of Netherlands India regarding the Dutch Possessions in Borneo dated 28 February 1846.

<sup>53</sup>FO 12/86, Parliamentary Paper no. 2515, hlm. 16 dlm. FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission ..., July 16, 1889.

<sup>54</sup>Pemberian Wilayah Kesultanan Sulu, Tanah-Tanah di Tanah Besar Pulau Borneo yang dalam bahasa Inggeris disebut sebagai *Grant by Sultan of Sulu of Territories and Lands on the Mainlands of the Island of Borneo* ditandatangani pada 22 Januari 1878 (bersamaan 19 Muharam 1295H). Lihat CO 874/942, "Sulu Sultanate & Claims for Cession Money". Versi yang ada dalam fail ini ialah versi bahasa Melayu.

<sup>55</sup>Seri Paduka Maulana as-Sultan Muhammad Jamaluladzam ibn Seri al-Marhum as-Sultan Muhammad Fadzalun.

<sup>56</sup>FO 12/86, Parliamentary Paper no. 2515, hlm. 16 dlm. FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission ..., July 16, 1889 Dalam dokumen ini mencatatkan "...that the territory mentioned in the grants made to them was *actually under Sulu rule, and occupied by Sulu Chiefs.*".

<sup>57</sup>Dalam dokumen disebut Tideong district. Lihat FO 12/86, Parliamentary Paper no. 2514, hlm. 117 dan 118 dlm. FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., July 16, 1889.

sehinggalah ke Sungai Sibuko kepada Tetuan Overbeck dan Dent bagi pihak SBUB.<sup>58</sup> Selain dari itu, Kerajaan British juga tidak pernah mengiktiraf hak pihak-pihak lain di pantai timur laut Borneo selain yang terletak di bawah kekuasaan Sultan Sulu dan Brunei.<sup>59</sup> Dengan ini penyerahan yang dibuat oleh Sultan Brunei pada 29 Disember 1877 dan Sultan Sulu pada 22 Januari 1878 adalah meliputi Batu Tinagat, Sungai Tawau (walaupun tempat-tempat ini tidak disebut khas di dalam Penyerahan tersebut), dan semua wilayah di pantai timur, sehingga ke selatan. Ia juga meliputi sehingga ke Sungai Sibuko (walaupun tidak dinyatakan dengan tepat kedudukan sungai ini) serta semua pulau dalam lingkungan 3 batu nautika.<sup>60</sup>

Kemudiannya E. Hertslet membawa hujah pengibar bendera. Kerajaan British membuktikan Belanda tidak pernah mengibar benderanya di mana-mana sungai-sungai di utara Bulungan dan juga di mana-mana dalam bahagian negara Tidong sehinggalah Belanda membuat Perjanjian dengan Sultan Bulungan.<sup>61</sup> Ia adalah selepas penyerahan wilayah yang dibuat oleh Sultan Brunei dan Sultan Sulu kepada Overbeck dan Dent iaitu pada 29 Disember 1877 dan 22 Januari 1878.<sup>62</sup> Hujah E. Hertslet ini diperkukuhkan lagi dengan Laporan Rasmi Kolonial Belanda yang dibentangkan pada tahun 1877. Ia antara lain mengesahkan bahawa Belanda hanya menduduki kawasan

---

<sup>58</sup>FO 12/86, Parliamentary Paper no. 2514, hlm. 117 dan 118 dlm. FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission appointed by the British and Netherland Governments..., July 16, 1889.

<sup>59</sup>FO 12/86, Parliamentary Paper no. 2515, hlm. 11 dlm. FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., July 16, 1889.

<sup>60</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., July 16, 1889.

<sup>61</sup>Dalam dokumen disebut Kontrak. Lihat Surat Mr. Cock, bertarikh 8 September 1887 dlm. FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., First Meeting, July 16, 1889.

<sup>62</sup>Ibid.

Sessajah<sup>63</sup> (terletak dalam kawasan di luar Sibuko yang dipisahkan oleh dua buah sungai), iaitu di persempadanan sebelah utara pantai timur Borneo yang menjadi milik Belanda. Ini juga bermakna Sessajah terkeluar dari Sungai Sibuko, iaitu di latitud 4° 4' utara yang disebut dalam Surat Penyerahan Wilayah 22 Januari 1878 kepada Dent dan Overbeck.<sup>64</sup>

Berkenaan dengan isu pengibaran bendera ini, E. Hertslet juga merujuk kepada rahsia yang terkandung dalam Dekri Belanda yang mengarahkan supaya bendera Belanda dikibarkan pada 31 Julai 1879.<sup>65</sup> Tindakan ini telah dibantah oleh SBUB secara rasmi dan mendesak supaya Belanda tidak mengibar bendera di Sungai Tawau iaitu kawasan yang dalam persempadanan milik SBUB yang diserahkan oleh Sultan Sulu pada 22 Januari 1879.<sup>66</sup>

E. Hertslet selanjutnya menyatakan bahawa Piagam DiRaja telah memberi hak milik wilayah yang diserahkan oleh Sultan Brunei dan Sultan Sulu kepada SBUB pada 1 November 1881. Ini bermakna kerajaan British mengiktirafkan peranan dan tanggungjawab SBUB dalam soal pemilikan wilayah yang diserahkan oleh kedua-dua Sultan pada 29 Disember 1877 dan 22 Januari 1878 itu.<sup>67</sup>

---

<sup>63</sup>Kadang-kadang dieja Sessajap. Lihat FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., Second Meeting, July 16, 1889, dlm. hujah ke-12 pihak Belanda.

<sup>64</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., First Meeting, July 16, 1889.

<sup>65</sup>Ibid.

<sup>66</sup>Ibid.

<sup>67</sup>Ibid.

Bagi membuktikan pengesahan ini dan untuk menunjukkan kedaulatan SBUB, pada 7 September 1883 British telah memacakkan bendera di tebing selatan Sungai Sibuko yang terletak pada garisan  $4^{\circ} 4'$ . Selain itu pihak SBUB juga membuat ukiran secara torehan dengan huruf dan angka "B. N. B. 83" pada pokok bakau untuk membuktikan bahawa kawasan tersebut adalah hak British.<sup>68</sup> Selanjutnya pada 8 November, Treacher telah menghantar makluman secara bertulis kepada kerajaan Belanda<sup>69</sup> juga bantahan secara rasmi kepada Pengawal Belanda kerana Belanda mengibar benderanya di Sungai Tawau.<sup>70</sup>

Isu seterusnya yang dibentangkan oleh E. Hertslet ialah isu peta. Beliau menunjukkan bahawa pada tahun 1842, dengan kebenaran Raja Belanda dan bawah penyeliaan Menteri Kolonial Belanda bahawa peta tersebut telah memasuki wilayah Sulu sehingga ke selatan ke selatan sejauh kira-kira  $2^{\circ} 40'$ .<sup>71</sup> Manakala tahun 1846 pula Leftenan Melvill de Carnbee, iaitu seorang anggota tentera laut Belanda telah menerbitkan peta untuk menjelaskan tentang kedudukan Sungai Atas sebagai sempadan di sebelah utara menjadi milik Belanda.<sup>72</sup> Satu lagi peta peta yang diterbitkan oleh Leftenan Baron Melvill de Carnbee pada tahun 1848 menunjukkan Sungai Atas sekali lagi ditandakan sebagai sempadan di sebelah utara yang menjadi Belanda yang sebagai memisahkan wilayah Tidong dari wilayah Bulungan dan wilayah di sebelah atas sungai dipunyai oleh

---

<sup>68</sup>Ibid.

<sup>69</sup>Ibid.

<sup>70</sup>Ibid.

<sup>71</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., July 16, 1889.

<sup>72</sup>Ibid.

Sultan Sulu.<sup>73</sup> Manakala pada 1851 pula Petermann telah menyediakan satu lagi peta dan peta ini diedarkan kepada para pengunjung *Borneo Church Mission* untuk memaklumkan kepada penduduk sekitar tentang kawasan tersebut adalah dituntut oleh Belanda. Peta ini menunjukkan bahawa wilayah milik Sultan Sulu bermula dari sebelah utara Sungai Atas.<sup>74</sup> Kemudiannya peta yang diterbitkan di Breda pada tahun 1857 pula menunjukkan wilayah Sultan Sulu adalah bermula daripada tebing di sebelah utara tebing Sungai Atas yang seolah-olah sungai itu yang memisahkan wilayah Tidong daripada wilayah Bulungan<sup>75</sup> manakala peta yang dikeluarkan oleh Kuijer pada tahun 1866 pula menunjukkan negeri Tidong terletak di luar kawasan sempadan Belanda.<sup>76</sup>

E. Hertslet juga menyebut bahawa bahagian timur laut Borneo tidak dikaji secara teliti dan akibatnya kedudukan Sungai Sibuko telah disalah lakar oleh pihak British dan juga Belanda. Selanjutnya beliau juga menegaskan bahawa Sultan Bulungan tidak mempunyai kuasa dari segi undang-undang untuk meletakkan negeri Tidong sebagai milik Sultan di bawah perlindungan Belanda.<sup>77</sup>

Sebaik sahaja pembentangan hujah oleh E. Hertslet tamat, pihak British menyerahkan Piagam DiRaja yang telah disahkan pada 1 November 1881 dan juga Perjanjian

---

<sup>73</sup>Ibid.

<sup>74</sup>Ibid.

<sup>75</sup>Ibid.

<sup>76</sup>Ibid.

<sup>77</sup>Ibid.



Kerajaan British dengan SBUB yang dimeterai pada 12 Mei 1888<sup>78</sup> kepada Belanda.<sup>79</sup> Tujuan E. Hertslet berbuat demikian untuk membuktikan kepada Belanda bahawa dalam Piagam DiRaja ini telah memaktubkan tentang Penyerahan Wilayah 29 Disember 1877<sup>80</sup> dan 22 Januari 1878<sup>81</sup> menyerahkan kawasan tersebut kepada Dent manakala dalam Perjanjian Kerajaan British dengan SBUB bahawa Negeri Borneo Utara diperintah dan ditadbir oleh SBUB.<sup>82</sup>

---

<sup>78</sup>FO 12/79, Agreement between Her Majesty's Government and the British North Borneo Company (No. 66 North Borneo) dan Papers Relating to North Borneo, Protectorate Agreements (Bornoe, no. 1, 1888), Presented to both Houses of Parliament by Command of Her Majesty, December 1888, "Despatch from the Marquis of Salisbury to Her Majesty's Minister at the Hague, inclosing copies of Agreements between Her Majesty's Government and the British North Borneo Company, the Rajah of Sarawak, and the Sultan of Brunei for establishment of a British Protectorate", dlm. *Memorial of Malaysia*, vol. 2, hlm. 67-69.

<sup>79</sup>Dalam FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., July 16, 1889, menyebut:  
*"A copy of the Royal Charter of Incorporation of the 1st November, 1881, in which the grants made to Mr. Dent and another are fully described; a copy of the Agreement entered into between Her Britannic Majesty's Government and the British North Borneo Company on the 12th May, 1888; and tracings from the Maps above alluded to, are now placed before the Joint Commission."*

<sup>80</sup>Dalam Piagam ini disebut:  
*"And whereas the said Petition states (among other things) to the effect that on the 29<sup>th</sup> day of December, 1877, the Sultan of Brunei, in the Island of Borneo, made and issued to the Petitioner, Alfred Dent and others, or one of them, three several grants of territories, lands, and islands therein mentioned, and a commission"*.

Lihat Annex MM14, Charter of Incorporation of the British North Borneo Company, November 1, 1881, dlm. *Memorial of Malaysia*, vol. 2...; dan *Datu Paduka Mat Salleh Pahlawan Sabah (1894-1900)*, Arkib Negeri Sabah. Kota Kinabalu, 2007.

<sup>81</sup>Dalam Piagam ini disebut sebagai:  
*"And whereas the said Petition further states that on the 22<sup>nd</sup> day of January, 1878, the Sultan of Sooloo and the dependencies thereof (in the said Petition and in this Our Charter referred to as the Sultan of Sooloo) made and issued to the same two persons, or one of them, a grant of his rights and powers over territories lands states and islands therein mentioned, and a commission"*.

Lihat Annex MM14, Charter of Incorporation of the British North Borneo Company, November 1, 1881, dlm. *Memorial of Malaysia*, vol. 2...;

<sup>82</sup>Dalam Artikel II Perjanjian Kerajaan British dengan SBUB yang dimeterai pada 12 Mei 1888 ini disebut seperti berikut:

*"The State of North Borneo shall continue to be governed and administered as an independent State by the Company in conformity with the provisions of the said Charter, under the protection of Great Britain; but such protection shall confer no right on Her Majesty's Government to interfere with the internal administration of that State further than is provided herein or by the Charter of the Company"*.

Dalam membalas hujah E. Hertslet, wakil Belanda iaitu Count de Bylandt mengemukakan hujah yang menyatakan bahawa peta yang dikeluarkan pada tahun 1842 merupakan peta-peta lama. Beliau mendakwa bahawa Belanda lebih berhasrat untuk memberi tumpuan kepada sempadan yang mereka peroleh pada tahun 1850 melalui Perjanjian dengan Sultan Bulungan.<sup>83</sup> Selain dari itu beliau juga turut mempertikaikan Baron Overbeck yang merupakan individu persendirian, telah tiba di Borneo dan telah mengambil langkah tanpa berunding dengan pihak berkuasa Belanda. Menurut beliau Overbeck telah menetapkan di sempadan Sulu seperti dalam peta Belanda dan namun peta ini tidak dapat dibuktikan kesahihan tarikhnya. Dalam pada itu Count de Bylandt sendiri mengakui bahawa beliau tidak mempunyai maklumat tentang peta tersebut dan cuba berikhtiar bagi mendapat bukti.<sup>84</sup> Hujah yang berkaitan dengan peta ini memihak kepada British.

E. Hertslet mematah hujah Belanda dengan mengaitkan isu bendera dan menegaskan bahawa kerajaan Belanda hanya mengibarkan bendera di Batu Tinagat pada 31 Julai

---

Lihat FO 12/79, Agreement between Her Majesty's Government and the British North Borneo Company (No. 66 North Borneo) dan Papers Relating to North Borneo, Protectorate Agreements (Borneo, no. 1, 1888), Presented to both Houses of Parliament by Command of Her Majesty, December 1888, "Despatch from the Marquis of Salisbury to Her Majesty's Minister at the Hague, inclosing copies of Agreements between Her Majesty's Government and the British North Borneo Company, the Rajah of Sarawak, and the Sultan of Brunei for establishment of a British Protectorate", dlm. *Memorial of Malaysia*, vol. 2, hlm. 67-69.

<sup>83</sup>FO 12/86, Contract between the Sultan of Boeloengan and the Government of the Netherlands East Indies, 12 November 1850. Dalam Perjanjian ini disebut, antara lain menyatakan:

*"The territory of Boeloengan is located within the following boundaries: with Goenoeng-Teboer: from the seashore landwards, the Karangtiegau River from its mouth up to its origin; in addition, the Batoe Beoekkier and Mount Palpakh; with Sulu possessions: at the cape named Batoe Tinagat, as well as the Tawau River. The following islands belong to Boeloengan: Terakkan, Nenoekkan and Sebittikh, with the small islands belonging thereto. This delimitation is established provisionally, and shall be completely examined and determined again."*

<sup>84</sup>Ibid.

1879. Tarikh tersebut adalah selepas Pemberian Wilayah oleh Sultan Brunei dan Sulu kepada Overbeck dan Dent pada 29 Disember 1877 dan 22 Januari 1878. Pengibaran bendera pada 31 Julai 1879 adalah berdasarkan arahan yang ditetapkan oleh Dekri Belanda.<sup>85</sup> Bagi British bahawa fakta bendera Belanda semata-mata telah dikibarkan di tempat yang dimiliki Sulu tidak membolehkan kawasan itu adalah menjadi Belanda. Penjelasan E. Hertslet ini diakui betul pada prinsipnya oleh Count de Bylandt.<sup>86</sup> P. Currie memperkuat hujah yang dibentangkan oleh rakan E. Hertslet dengan menegaskan bahawa soalan sebenar yang menjadi isu untuk mengenal pasti had wilayah Sultan Sulu dan Sultan Bulungan.<sup>87</sup>

Count de Bylandt bersetuju dengan hujah yang dikeluarkan oleh E. Hertslet dan P. Currie. Namun katanya, beliau mempunyai bukti yang jelas yang menunjukkan Tidong bukan milik Sulu kerana penduduknya membayar cukai kepada Sultan Bulungan. Mereka juga telah sering mendakwa mendapat perlindungan daripada pihak berkuasa Belanda dan mereka menafikan bahawa mereka mempunyai hubungan dengan Sulu.<sup>88</sup> Walau bagaimanapun bukti-bukti itu tidak ditunjukkan dalam minit MSBPBB ini.

M. Gysberts yang juga mewakili Belanda dalam MSBPBB yang pertama ini telah menegaskan mengapa isu bendera Belanda yang tidak dikibarkan di Batu Tinagat pada tahun 1879 seperti yang diperkatakan oleh pihak British. Menurut beliau, bendera

---

<sup>85</sup>Ibid.

<sup>86</sup>Ibid.

<sup>87</sup>Ibid.

<sup>88</sup>Ibid.

Belanda sebenarnya telah dikibarkan di seluruh negara Tidong lebih awal lagi iaitu pada 1849. Asas kepada dakwaan beliau ialah surat-surat M. Gallois kepada Gabenor Jeneral Belanda<sup>89</sup> dan M. Von Dewall kepada Residen Pantai Timur dan Selatan Borneo.<sup>90</sup> Kandungan surat-surat ini dibaca dalam mesyuarat tersebut.<sup>91</sup>

Setelah mendengar hujah Belanda itu, E. Hertslet meminta pihak Belanda mengemukakan peta untuk menyokong perdebatan pihak Belanda.<sup>92</sup> Namun begitu Count de Bylandt (wakil Belanda) menyatakan bahawa sememangnya tidak ada bendera rasmi Belanda sehinggalah tahun 1887.<sup>93</sup>

Manakala Kapten Johnson yang menjadi pegawai pemerhati British mencelah bahawa berdasarkan pengalaman beliau yang bertugas di lokasi pertikaian tersebut, peta angkatan tentera laut yang lama itu yang dikemukakan Count de Bylandt merupakan peta yang tidak betul kerana tidak mengambil kira kedudukan Sungai Sibuko.<sup>94</sup>

---

<sup>89</sup>Surat M. Gallois to the Governor-General of Netherland India, Banjermassin, August 24, 1849, dlm. FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission appointed by the British and Netherland Governments..., July 16, 1889.

<sup>90</sup>Surat M. Von Dewall to the Resident of the South and East Coast of Borneo, Berou, May 22, 1849, dlm. FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission., July 16, 1889.

<sup>91</sup>Untuk maklumat lanjut kedua-dua surat ini, lihat Surat M. Gallois to the Governor-General of Netherland India, Banjermassin, August 24, 1849, dlm. FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission appointed by the British and Netherland Governments..., July 16, 1889 dan Surat M. Von Dewall to the Resident of the South and East Coast of Borneo, Berou, May 22, 1849, dlm. FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission., July 16, 1889.

<sup>92</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., July 16, 1889.

<sup>93</sup>Ibid.

<sup>94</sup>Ibid.

Setelah berbincang secara lanjut, Sir P. Currie memberi cadangan kepada pihak Belanda iaitu, pihak Belanda hendaklah menjawab hujah-hujah yang dikeluarkan oleh British secara bertulis dan dikemukakan pada MSBPBB kedua yang diadakan pada jam 12 tengah hari, 19 Julai 1889. Cadangan ini telah dipersetujui oleh Belanda.

Sebagaimana yang dipersetujui dalam MSBPBB pertama, MSBPBB kedua ini adalah merupakan sesi wakil kerajaan Belanda memberikan jawapan kepada persoalan yang dibangkitkan oleh wakil British. Belanda menegaskan bahawa mereka mempunyai hak ke atas Pantai Timur Borneo termasuklah kawasan utama Berou dan jajahan takluknya sejak 1787 lagi. Pemilikan ini merupakan sebahagian daripada ketetapan dan pengesahan yang terkandung dalam Perjanjian 1512 antara Hare selaku Pesuruhjaya British dan Sultan Banjarmasin. Kawasan-kawasan yang diserahkan kepada SHTI ialah Berou, Gassir, Pagattan, dan Pululaut, serta kawasan-kawasan jajahan takluknya termasuk kawasan-kawasan lain di bawah Sultan Bulungan dan kawasan wilayah-wilayah Tidong.<sup>95</sup>

Pihak Belanda mengakui bahawa penegasan mereka ini tidak menetapi hujah yang dikemukakan oleh British dalam mesyuarat pada 16 Julai 1889.<sup>96</sup> Bagi Belanda tidak ada bukti yang menunjukkan “wilayah yang dipertikaian” (*litigious district*) itu telah

---

<sup>95</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission appointed by the British and Netherland Governments..., Second Meeting, held at Foreign Office, July 19, 1889.

<sup>96</sup>Ibid.

diserahkan oleh Sultan Sulu melalui perjanjian yang telah dinyatakan.<sup>97</sup> Bagi Belanda, berdasarkan kenyataan tuntutan Sultan Sulu tidak dapat dibuktikan.

Namun begitu pihak Belanda turut mengakui bahawa kekurangan pengetahuan tentang geografi pantai timur Borneo menyebabkan berlakunya kekeliruan tentang had wilayah mereka di situ. Bagi Belanda, berdasarkan Dekri 28 Februari 1846, kawasan itu merupakan sebagai rizab secara khusus (*expressly reserved*) ke atas semua hak yang mereka.<sup>98</sup> Pihak Belanda juga dimaklumkan oleh ketua-ketua masyarakat tempatan bahawa bahagian Kampung Atas telah terletak di bahagian utara Tidong, iaitu di kawasan yang paling selatan merupakan kawasan yang dimiliki oleh pihak Sulu, iaitu yang terletak di latitud 3° 20' utara.<sup>99</sup>

Selanjutnya pihak Belanda juga mengakui bahawa latitud 3° 20' utara, iaitu Kampung Atas yang disebut Dekri 28 Februari 1846 adalah tidak tepat kerana Kampung Atas ini terletak di utara Tidong dan adalah dalam sempadan wilayah Sulu.<sup>100</sup> Oleh yang demikian, pihak Belanda telah membuat pembetulan tentang perubahan sempadan ini

---

<sup>97</sup>Ibid. Minit Mesyuarat ini mencatatkan, “*Although this assertion does not affect the question, there is no evidence showing that the litigious district had been ceded by the Sultan of Sulu by the above-mentioned Treaties, much less that he would have been justified in doing so.*”

<sup>98</sup>Ibid.

<sup>99</sup>Dekri 28 Februari 1846, dlm FO 12/86, Resolution of the Governor-General of Netherlands India regarding the Dutch Possessions in Borneo dated 28 February 1846, mencatatkan:

*“Until the organization of the east coast shall have been taken place, the States and countries situated in it will remain combined with the south coast, and this division will contain the south and east coast, which also consist of the territories from the west of the River Kutto-waringan (as fixed above the Pontianak), east north-east, and northwards to the Kampung Atas, making the frontier of the realm Bulangan to Berou, with the country of Tidong; and situated nearly in 3° 20' north latitude.”*

<sup>100</sup>Ibid.

dalam Dekri 27 Ogos 1849 (Decree by the Minister of State, Governor-General of the Netherlands Indies, of 27 August 1849, No.8).<sup>101</sup> Dekri ini kemudiannya disiarkan dalam “*Indische Staatsblad*”, No. 40. Usaha yang diambil untuk membuat siaran ialah untuk membuat hebahan bahawa kawasan ini merupakan kawasan yang penting.<sup>102</sup>

Selain itu, pihak Belanda menghujahkan terdapat laporan perhubungan antara Menteri Koloni Belanda dengan Setiausaha Negara British pada tahun 1850. Laporan yang diterbitkan ini menjelaskan tentang tindakan para pembesar Bulungan telah mengadakan penempatan di beberapa tebing sungai sehinggalah ke latitud 4° 20' utara.<sup>103</sup> Bagi Belanda, mereka mendapati Sultan Sulu tidak pernah tinggal di kawasan-kawasan yang dipertikaikan itu. Sungguhpun begitu kerajaan Belanda mengiktiraf kemerdekaan Sultan Sulu di kawasan-kawasan yang dimiliki dan dikuasai oleh Sulu secara sah dari segi undang-undang sahaja.<sup>104</sup>

Setelah mendapat pengesahan daripada kenyataan Kapten O. Moreau yang turut menjadi pemerhati bagi pihak Belanda dalam mesyuarat ke-2 ini, Belanda mengakui dakwaan

---

<sup>101</sup>Untuk maklumat lanjut tentang Dekri 27 Ogos 1849, lihat FO 12/86, Decree by the Minister of State, Governor-General of the Netherlands Indies, of 27 August 1849, No. 8. Dekri ini ialah berkaitan dengan pembahagian pulau Borneo kepada bahagian iaitu bahagian barat dan bahagian tenggara (*western division and south-eastern division*). Tujuan Dekri ini dibuat ialah: (1) to determine that the of Governnor of Borneo and subordinate regions will stay unoccupied, until in time the constitution of country and people will make possible and necessary a central establishment of that functionary on the island of Borneo, (2) to determine that the Netherlands territory on the island of Borneo will be divided in two large sections, under the names of *Western division and South-eastern division*.

<sup>102</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., Second Meeting, held at Foreign Office, July 19, 1889.

<sup>103</sup>Ibid.

<sup>104</sup>Ibid.

Treacher bahawa para pembesar Sulu tidak pernah tinggal di kawasan timur Batu Tinagat. Oleh yang demikian kawasan ini tidak dan ini tidak seharusnya dijadikan kawasan pertikaian.<sup>105</sup> Walau bagaimanapun, bagi Belanda, dakwaan Treacher ini lemah dan tidak dapat mempertahankan hujahnya kerana tidak mempunyai bukti yang cukup.

Hujah Belanda seterusnya ialah tentang Raja-Raja Melayu jarang memilih sungai sebagai sempadan untuk negeri-negeri mereka lebih memilih kawasan takungan air, banjaran gunung dan batu. Belanda memperkuat hujahnya dengan merujuk aktiviti Pangeran Shabandar di tebing sungai Klias dan Padas, seperti yang disiarkan dalam lidah rasmi SBUB iaitu *The British North Borneo Herald and Official Gazette*, 1 November 1888, iaitu:

*It is understood that Pangeran Shabandar intends to again assert his right to the left bank of the Klias and to the rights bank of Padas. But it is no easy to understand what evidence he can adduce in support of a claim which is not only opposed to the well known local usage (which is by the way universally followed in all Malay countries) of determining territorial boundaries by the watershed and to the express terms of the Sultan's deed of cession, but is also negatived by the facts that the Pangeran had never exercised the authority that he now claims over any portion of the Territory in question.”<sup>106</sup>*

Bagi Belanda kenyataan ini, dengan merujuk pula kepada “*Blue Book, Spain (1881), no. I*” sebagai bukti tambahan, membuktikan bahawa Overbeck telah menetapkan Sungai Sibuko sebagai sempadan secara sembarangan (*arbitrarily adopted*). Tegas Belanda,

---

<sup>105</sup> Ibid.

<sup>106</sup> *The British North Borneo Herald and Official Gazette*, 1 November 1888.



sempadan wilayah Belanda tidak boleh diubah secara persempadanan sebelah pihak (*one-sided delimitation*) yang dibuat oleh orang persendirian. Bagi Belanda adalah jelas Overbeck mempunyai niat untuk menetapkan sempadan SBUB hingga ke sempadan Belanda dengan hasrat untuk melanjutkan penyerahan kawasan. Oleh kerana peta yang tidak pasti dan masih menimbulkan perdebatan seperti yang ditimbulkan E. Hertslet, Overbeck telah memasuki wilayah Belanda dan pihak Belanda tidak mempunyai kuasa untuk menyekat tindakan Overbeck ini. Menurut Belanda, tindakan Overbeck ini kerana beliau tidak mempunyai maklumat tentang Perjanjian Belanda dengan Kerajaan Bulungan pada tahun 1850 dan tindakan yang telah dijalankan oleh Belanda sejak tahun 1849.<sup>107</sup> Bagi Belanda, mereka tidak perlu bergantung kepada British untuk mendapat pengiktirafan terhadap kawasan yang sedang dalam pertikaian.<sup>108</sup>

Tentang wilayah Batu Tinagat dan Sungai Sibuko, Belanda menyatakan walaupun kedua-dua ini tidak dinyatakan kedudukannya dalam wilayah mereka, ia harus dimasukkan ke dalam peta tersebut. Oleh yang demikian, bagi Belanda, tidak dapat disangkalkan lagi kedudukan sebenar Sungai Sibuko sebagai wilayah mereka. Ia bertentangan dengan apa yang telah diujahkan oleh British dalam mesyuarat yang pertama pada 16 Julai 1889.<sup>109</sup> Bagi Belanda, hak mereka telah dibuktikan dalam Laporan Rasmi Belanda tentang penempatan di Pantai Timur Borneo yang dikeluarkan

---

<sup>107</sup>Ibid.

<sup>108</sup> Ibid.

<sup>109</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., First Meeting, held at Foreign Office, July 16, 1889. Hujah ke-13 British dalam Mesyuarat pertama pada 16 Julai 1889 ialah “*That the Sibuco River mentioned in the Dent and Overbeck Grants was that situated in about 4° 4’ north latitude, and was not the ‘Sibuco’ incorrectly marked on the Admiralty Chart about that date as being near Tawao River before any survey had been made.*”

pada 22 Mei 1849.<sup>110</sup> Sehubungan dengan itu juga laporan 22 Mei 1849 ini juga telah menolak hujah British bahawa pengibaran bendera Belanda. Bagi Belanda benderanya diagih-agihkan kepada penduduk tempatan dan dikibar di daerah Tidong sejak tahun 1849 lagi. Di samping itu, Perjanjian Belanda-Bulungan pada 2 Jun 1878 yang menetapkan Batu Tinagat dan Sungai Tawau telah ditetapkan sebagai sempadan.<sup>111</sup>

Pihak Belanda juga mendakwa bahawa laporan British tentang pengibaran bendera itu adalah bercanggah. Percanggahan ini dikesan oleh Belanda dalam nota hantaran (*despatch*) yang ditulis Hartsen<sup>112</sup> kepada Count de Bylandt pada 19 Mac 1889.<sup>113</sup> Perkara ini dijelaskan oleh Count de Bylandt kepada Pejabat Luar British pada 27 Mac 1889 apabila beliau berurusan dengan Marquis of Salisbury pada 27 Mac 1889. Bagi Belanda, kandungan nota ini tidak menimbulkan isu dalam menentukan sempadan atau menyelesaikan isu-isu wilayah. Ia hanya untuk menunjukkan bahawa peranan British di kawasan itu untuk membentasi kegiatan lanun. Menurut Belanda, British tidak melaporkan sebarang kegiatan kapal perang dan bentuk komunikasi yang lain selain daripada usaha untuk menyeberangi di laut terbuka terutama yang berada di pantai iaitu daerah Berou yang menjadi sebahagian daripada Bulungan dan Sessajap

---

<sup>110</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commissio..., Second Meeting, held at Foreign Office, July 19, 1889.

<sup>111</sup>Ibid.

<sup>112</sup>Ahli kedua MSBPBB bagi pihak British. Kemudiannya beliau dilantik sebagai Menteri Luar British. Lihat Counter Memorial of Malaysia, vol. 1, 2 Ogos 2000, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Submitted by the Government of Malaysia, hlm. 16 dan 18.

<sup>113</sup>FO 12/81, Hartsen kepada Count de Bylandt bertarikh 19 Mac 1889.

Pada dasarnya wilayah Tidong telah ditadbir oleh pihak Belanda secara *de facto* sejak beberapa tahun. Wakil Belanda juga menunjukkan bahawa pihak Kompeni British Borneo Utara gagal mengemukakan bukti-bukti sahih bagi menyokong dakwaan bahawa Sultan Brunei dan Sulu mempunyai kuasa ke atas wilayah tersebut. Pihak Belanda, sebaliknya telah mengemukakan bukti, seperti laporan oleh pegawai pemerintah Belanda di pantai timur Borneo bertarikh 22 Mei 1849 dan perjanjian yang telah dimeterai antara Belanda dengan Sultan Bulungan pada 1850 dan 1878, bahawa Belanda mempunyai kuasa yang sah ke atas wilayah-wilayah tersebut dan sejak 1849 telah menjadikannya sebagai sebahagian daripada tanah jajahannya.<sup>114</sup>

Dalam menjawab isu ke-13 yang diujahkan oleh British dalam Mesyuarat Pertama, iaitu isu kedudukan Sungai Sibuko di latitud utara 4° 4' yang disebut sebagai kawasan yang termasuk dalam Surat Penyerahan Wilayah 22 Januari 1878 kepada Dent dan Overbeck,<sup>115</sup> pihak Belanda mengaitkan isu ini dengan kerakyatan Overbeck sebagai warganegara Austria. Hujah Belanda ialah Overbeck berkemungkinan besar memilih Sungai Sibuko sebagai sempadan adalah berdasarkan tinjauan yang telah dibuat oleh *frigate*<sup>116</sup> yang bernama "*Erzherzog Friedrich*," yang telah menemui Sungai Sibuko. Ini menunjukkan Sungai Sibuko sebagai sempadan dan diguna pakai dalam peta Angkatan Tentera Laut British.

---

<sup>114</sup>FO 12/81, Hartsen kepada Count de Bylandt bertarikh 19 Mac 1889.

<sup>115</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., First Meeting, July 16, 1889.

<sup>116</sup>*Frigate* ialah kapal pengiring angkatan laut yang kecil dan pantas.

Dalam menjawab hujah ke-14 British, berkaitan dengan isu pengibaran bendera yang merujuk kepada Dekri Belanda,<sup>117</sup> pihak Belanda mendakwa bahawa sebelum isu ini sampai kepada pengetahuan kerajaan Belanda, sebahagian hak Belanda di Pantai Timur telah dicerobah dan British. Dalam pada itu juga mereka menyatakan bahawa British tiada hak untuk membuang bendera Belanda yang telah dikibarkan di garisan sempadan. Atas faktor inilah Belanda tidak mengibarkan benderanya di kawasan yang dipertikaikan iaitu Tanjung Batu. Selain dari itu, Belanda menegaskan untuk mempertahankan wilayah mereka.<sup>118</sup>

Namun begitu E. Hertslet (wakil British), mengukuhkan hujah British dengan menjelaskan bahawa Piagam Diraja telah memberi hak milik wilayah yang diserahkan oleh Sultan Brunei dan Sultan Sulu kepada SBUB pada 1 November 1881. Ini bermakna kerajaan British telah mengiktirafkan peranan dan tanggungjawab SBUB dalam soal pemilikan wilayah yang diserahkan oleh kedua-dua Sultan pada 29 Disember 1877 dan 22 Januari 1878 itu.<sup>119</sup>

Sementara itu bagi Belanda pula keberadaan di kawasan tersebut tidak boleh dimudaratkan dengan Piagam Diraja yang telah memberikan hak milik wilayah yang diserahkan oleh Sultan Brunei dan Sultan Sulu kepada SBUB pada 1 November 1881.<sup>120</sup>

---

<sup>117</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., First Meeting, July 16, 1889.

<sup>118</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., Second Meeting, held at Foreign Office, July 19, 1889.

<sup>119</sup>Ibid.

<sup>120</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commissio..., First Meeting, July 16, 1889.

Hujah Belanda lagi dalam menjawab isu Piagam 1 November 1888 ini adalah dengan berpegang kepada piagam ini bertarikh 7 Mei 187 yang dikeluarkan oleh J. Pauncefote.<sup>121</sup> Sandaran Belanda adalah berdasarkan kepada kenyataan “*As for the “other Powers”, the Dutch are the only people who might pretend to be aggrieved; but they have not complained during Rajah Torrey’s time, nor since the transfer to the Dent-Overbeck Company*”.<sup>122</sup> Hujah ini juga digunakan oleh Belanda untuk menjawab hujah ke-19 British yang berkaitan dengan pengiktirafan Maharaja British ke atas semua wilayah SBUB itu sebagai Negeri Borneo Utara pada 12 Mei 1888. Kesemuanya sebelum ini menjadi milik Piagam yang telah dipegang pada 1 November 1881.<sup>123</sup>

Berkaitan dengan hujah British tentang torehan penandaan kawasan di pokok bakau dan isu bendera di kawasan Sungai Tawau,<sup>124</sup> Belanda menjawab dengan mengatakan “*The Netherland Government lost no time in protesting against this arbitrary action of the British North Borneo Company in a note dated the 8th October, 1883. Besides, the British North Borneo Company – immediately hauled down their flag*”<sup>125</sup> dan jawapan Belanda ini menunjukkan mereka berjauhan hati.

---

<sup>121</sup>FO 572/7, Memorandum J. Pauncefote, bertarikh 7 Mei 1878.

<sup>122</sup>Ibid.

<sup>123</sup>Untuk maklumat lanjut tentang Maharaja British telah mengiktirafkan semua wilayah SBUB itu sebagai Negeri Borneo Utara, lihat D. S. Ranjit Singh, *The Making...*, hlm. 4-6. Untuk maklumat lanjut tentang Piagam DiRaja SBBUB, Lihat Annex MM14, Charter of Incorporation of the British North Borneo Company, November 1, 1881, dlm. Memorial of Malaya, vol. 2...; dan *Datu Paduka Mat Salleh Pahlawan Sabah (1894-1900)*, Arkib Negeri Sabah. Kota Kinabalu, 2007. Lihat FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., Second Meeting, held at Foreign Office, July 19, 1889.

<sup>124</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission appointed by the British and Netherland Governments..., First Meeting, July 16, 1889. Hujah ini adalah hujah yang ke-16, 17 dan 18 pihak British.

Dalam pada itu bagi menjawab isu peta yang diujahkan oleh British sebagai hujah ke-20, Belanda menyatakan bahawa peta yang dikeluarkan pada tahun 1842 adalah dengan kebenaran Raja Belanda dan bawah penyeliaan Menteri Kolonial Belanda. Mereka juga menjelaskan bahawa peta tersebut telah memasuki wilayah Sulu sehingga ke selatan ke selatan sejauh kira-kira 2° 40'.<sup>126</sup> Selain dari itu, Belanda menyatakan bahawa peta ini sebenarnya tidak dikeluarkan di bawah penyeliaan Menteri Kolonial Belanda tetapi atas sifatnya “*during his tenure of office*”, yang bermaksud tanpa kebenaran Raja Belanda dan peta ini adalah peta yang tidak rasmi.<sup>127</sup>

Belanda juga menolak kelima-lima isu peta yang lain yang diujah oleh British dalam mesyuarat pertama. Antara peta itu ialah yang diterbitkan Leftenan Baron Melvill de Carnbee, tentera laut Belanda pada tahun 1846 yang menandakan Sungai Atas sebagai sempadan di sebelah utara menjadi milik Belanda.<sup>128</sup> Selain dari itu peta yang diterbitkan oleh Leftenan Baron Melvill de Carnbee pada tahun 1848 menunjukkan bahawa Sungai Atas sekali lagi ditandakan sebagai sempadan di sebelah utara yang menjadi hak milik Belanda yang memisahkan wilayah Tidong dari wilayah Bulungan dan wilayah di sebelah atas sungai dipunyai oleh Sultan Sulu.<sup>129</sup> Sementara itu Petermann pula telah menyediakan satu lagi peta pada tahun 1851 dan peta ini

---

<sup>125</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., Second Meeting, held at Foreign Office, July 19, 1889.

<sup>126</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., July 16, 1889.

<sup>127</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., Second Meeting, held at Foreign Office, July 19, 1889.

<sup>128</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission appointed by the British and Netherland Governments..., July 16, 1889.

<sup>129</sup>Ibid.

diedarkan pengunjung kepada *Borneo Church Mission*.<sup>130</sup> Dalam pada itu juga terdapat peta yang diterbitkan di Breda pada tahun 1857<sup>131</sup> dan peta yang dikeluarkan oleh Kuijer pada tahun 1866.<sup>132</sup> Bagi Belanda peta-peta tersebut adalah peta yang tidak rasmi, diterbitkan sendiri dan tidak boleh dipercayai.<sup>133</sup> Belanda memperkukuhkan hujahnya ini dengan merujuk kepada nota draf Lord Salisbury kepada H. Rumbold.<sup>134</sup>

Sebagai menjawab hujah terakhir British, iaitu hujah yang ke-27 yang menyatakan bahawa Sultan Bulungan tidak mempunyai kuasa dari segi undang-undang untuk meletakkan negeri Tidong sebagai milik Sultan Sultan di bawah perlindungan Belanda,<sup>135</sup> pihak Belanda membalas hujah tersebut dengan empat alasan:

(1) Kerajaan Belanda, berdasarkan kepada pengisytiharan ketua masyarakat dan penduduk yang mempunyai kuasa *de facto* ke atas wilayah Tidong,<sup>136</sup> telah lama berada di wilayah Tidong dan mereka ini bergantung pada Kerajaan Bulungan. Bagi Belanda, Sultan Sulu tidak pernah menjalankan apa-apa aktiviti di kawasan

---

<sup>130</sup>Ibid. Peta ini menunjukkan bahawa wilayah milik Sultan Sulu bermula dari sebelah utara Sungai Atas.

<sup>131</sup>Ibid. Peta ini menunjukkan wilayah Sultan Sulu adalah bermula daripada tebing di sebelah utara tebing Sungai Atas yang seolah-olah sungai itu yang memisahkan wilayah Tidong daripada wilayah Bulungan

<sup>132</sup>Ibid. Peta ini menunjukkan negeri Tidong terletak di luar kawasan sempadan Belanda.

<sup>133</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., Second Meeting, held at Foreign Office, July 19, 1889.

<sup>134</sup>FO 12/81, nota draf Lord Salisbury kepada H. Rumbold bertarikh 27 Mac 1889.

<sup>135</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commissions..., July 16, 1889. Peta ini menunjukkan negeri Tidong terletak di luar kawasan sempadan Belanda.

<sup>136</sup>Dekri 28 Februari 1846, dlm FO 12/86, Resolution of the Governor-General of Netherlands India regarding the Dutch Possessions in Borneo dated 28 February 1846, mencatatkan:

*“Until the organization of the east coast shall have been taken place, the States and countries situated in it will remain combined with the south coast, and this division will contain the south and east coast, which also consist of the territories from the west of the River Kutto-waringan (as fixed above the Pontianak), east north-east, and northwards to the Kampung Atas, making the frontier of the realm Bulungan to Berou, with the country of Tidong, and situated nearly in 3° 20' north latitude.”*

tersebut kecuali apabila ada pihak sekali sekala meminta daripadanya ketika penduduk di kawasan ini diserbu oleh pihak-pihak tertentu. Apabila kekacauan tersebut diatasi dan masalah masyarakat Tidong selesai, mereka kembali memberi taat setia mereka kepada Sultan Bulungan;

(2) Memorandum Kerajaan British menunjukkan dengan jelas bahawa SBUB memiliki konsesi Sultan Sulu dan Brunei, tetapi SBUB tidak memberikan apa-apa bukti yang menunjukkan bahawa sultan mempunyai hak undang-undang terhadap konsesi ini tersebut;

(3) Sebaliknya pihak Belanda telah membuktikan dengan laporan rasmi mereka tentang kegiatan mereka di Pantai Timur Borneo pada 22 Mei 1849 yang mengandungi pengisytiharan ketua masyarakat dan penduduk tempatan,<sup>137</sup> yang telah diluluskan pada tahun 1850 dan dikenali dengan Perjanjian Sultan Bulungan dengan Kerajaan Belanda<sup>138</sup> dan juga pada tahun 1878.<sup>139</sup> Bagi Belanda dengan dokumen-dokumen ini Belanda adalah ketuanan yang sah di kawasan tersebut dan telah menjadi pemilik sebenar kawasan tersebut sejak tahun 1849; dan

(4) Pegawai Eropah<sup>140</sup> yang pertama yang pernah melawat ke kawasan ini sebelum kawasan ini diserahkan kepada Overbeck

---

<sup>137</sup>Laporan yang dimaksudkan oleh Belanda ini ialah Dekri 27 Ogos 1849. Lihat FO 12/86, Decree by the Minister of State, Governor-General of the Netherlands Indies, of 27 August 1849, No. 8. Dekri ini ialah berkaitan dengan pembahagian pulau Borneo kepada bahagian iaitu bahagian barat dan bahagian tenggara (*western division and south-eastern division*). Tujuan Dekri ini dibuat ialah: (1) to determine that the of Governnor of Borneo and subordinate regions will stay unoccupied, until in time the constitution of country and people will make possible and necessary a central establishment of that functionary on the island of Borneo, (2) to determine that the Netherlands territory on the island of Borneo will be divided in two large sections, under the names of *Western division and South-eastern division*.

<sup>138</sup>FO 12/86, Contract between the Sultan of Boeloengan and the Government of the Netherlands East Indies, 12 November 1850. Dalam Perjanjian ini disebut:

*“The territory of Boeloengan is located within the following boundaries: with Goenoeng-Teboer: from the seashore landwards, the Karangtiegau River from its mouth up to its origin; in addition, the Batoe Beoekkier and Mount Palpakh; with Sulu possessions: at the cape named Batoe Tinagat, as well as the Tawau River. The following islands belong to Boeloengan: Terakkan, Nenoekkan and Sebittikh, with the small islands belonging thereto. This delimitation is established provisionally, and shall be completely examined and determined again.”*

<sup>139</sup>FO 37/644, Ratification of Contract of Vassalage between the Netherlands Indies Government and the Sultan of Boelongan, 2 June 1878.

<sup>140</sup>Nama pegawai ini tidak disebut dalam dokumen yang dikaji.



dan Dent ialah pegawai Eropah yang pernah berkhidmat dengan kerajaan Belanda.<sup>141</sup>

Keempat-empat alasan ini menamatkan hujah Belanda untuk menangkis hujah ke-27 British yang mengatakan bahawa Sultan Bulungan tidak mempunyai kuasa dari segi undang-undang untuk meletakkan negeri Tidong yang sebagai milik Sultan Sultan di bawah perlindungan Belanda. Apabila pihak Belanda tamat membentang hujah balas, pihak British, P. Currie, iaitu wakil British mencadangkan supaya Suruhanjaya Bersama Persempadanan British-Belanda (SBPBB) mengkaji kenyataan kedua-dua belah pihak, termasuklah kesemua 27 hujah yang telah dikemukakan.<sup>142</sup> Cadangan ini dipersetujui oleh wakil Belanda iaitu Count de Bylandt dan dari sinilah bermulanya perbincangan kedua-dua belah pihak.

Perbincangan ini bermula dengan kedua-dua pihak bersetuju bahawa perkara 1<sup>143</sup> dan 2<sup>144</sup> yang dihujahkan oleh pihak British tidak perlu dibincangkan kerana kedua-dua perkara telah lama berlaku. Manakala berhubung dengan perkara 3<sup>145</sup> pula, iaitu yang

---

<sup>141</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission., Second Meeting, held at Foreign Office, July 19, 1889. Dua puluh tujuh hujah yang dibentangkan oleh British dan kemudiannya dijawab oleh Belanda, kebanyakannya pecahan daripada hujah atau isi besar.

<sup>142</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., Second Meeting, held at Foreign Office, July 19, 1889.

<sup>143</sup>Perkara 1 ialah "*That before the year 1800 the Sultan of Sulu owned territory on the north-east coast of Borneo, as far south as the 1<sup>st</sup> degree of north latitude, including Berou, Boelongan, and the Tidoeng territories.*" Lihat FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., July 16, 1889.

<sup>144</sup>Perkara 2 ialah "*That a portion of this territory was ceded by the Sultan of Sulu to the East India Company in 1764 and 1769; although those Treaties have been allowed to lapse.*" Lihat FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., July 16, 1889.

<sup>145</sup>Perkara 3 ialah "*That the Sultan of Sulu claimed the territory of Tidoeng, which is said to have been ceded by the Sultan of Boelongan to the Dutch.*" Lihat FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., July 16, 1889.

berkaitan dengan Sultan Sulu, P. Currie menegaskan bahawa tindakan Sultan Sulu menyerahkan wilayah itu kepada Overbeck dan Dent membuktikan bahawa Sultan Sulu percaya baginda mempunyai hak ke atas wilayah tersebut dan dengan itu mempunyai hak untuk menyerahkannya.

Walau bagaimanapun hujah P. Currie ini dibahaskan oleh Count de Bylandt. Bagi Count de Bylandt fakta penyerahan semata-mata tidak dapat dijadikan bukti yang menunjukkan bahawa Sultan Sulu berhak terhadap wilayah ini. Beliau meminta pihak British memberikan dokumen sebagai membuktikan hak Sultan Sulu ke atas wilayah tersebut. Beliau juga menegaskan bahawa orang yang paling berhak ke atas wilayah ini ialah mereka yang tinggal di kawasan sempadan tersebut (*peuples limitrophes*). Selain dari itu beliau berhujah pada masa itu SBUB hanya menduduki di kawasan yang bersebelahan dengan sempadan itu untuk beberapa bulan sahaja.<sup>146</sup>

Hujah Count de Bylandt ini turut disokong oleh rakannya, M. Gysberts. Menurut beliau, Belanda telah menduduki wilayah tersebut selama 40 tahun yang lepas iaitu sebelum Sultan Sulu menyerahkan wilayah tersebut kepada SBUB.<sup>147</sup> Bagi beliau terdapat bukti yang sedikit sahaja daripada ketua-ketua masyarakat di wilayah tersebut yang membuktikan bahawa Sibuko telah diserahkan kepada SBUB oleh Sultan

---

<sup>146</sup> FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., Second Meeting, held at Foreign Office, July 19, 1889.

<sup>147</sup>Hujah M. Gysberts merujuk kepada Dekri Belanda, 28 Februari 1846, lihat FO 12/86, Resolution of the Governor-General of Netherlands India regarding the Dutch Possessions in Borneo dated 28 February 1846.

Brunei<sup>148</sup> dan Sultan Sulu.<sup>149</sup> Dalam mengukuhkan hujah ke-4 British ini<sup>150</sup> dan membalas hujah G. Gysbert itu, P. Currie menegaskan bahawa Dekri 28 Februari 1846 adalah bukti yang baik bahawa wilayah Boelongan tidak dilanjutkan ke utara dan hanya setakat di garisan latitud 3° 20'. M. Gysberts menjawab hujah P. Currie ini dengan mengingatkan kembali bahawa Dekri 28 Februari 1846 itu bersifat sementara dan telah dipinda pada tahun 1849.<sup>151</sup> Walau bagaimanapun P. Currie tidak dapat menerima dakwaan Belanda bahawa Dekri 27 Ogos 1849, "Decree by the Minister of State, Governor-General of the Netherlands Indies"<sup>152</sup> itu adalah pembetulan terhadap Dekri 28 Februari 1846, "Resolution of the Governor-General of Netherlands India regardings the Dutch Possessions in Borneo"<sup>153</sup> khususnya apabila pembetulan ini adalah berkaitan dengan sempadan Bulungan.<sup>154</sup> Dekri 1849 ini juga hanya menjelaskan tentang sempadan Belanda di Sungai Atas.<sup>155</sup>

---

<sup>148</sup>Hujah M. Gysberts ini merujuk kepada tiga pemberian wilayah yang dibuat pada 29 Disember 1877.

<sup>149</sup>Hujah M. Gysbert ini merujuk kepada Surat Pemberian Wilayah 22 Januari 1878.

<sup>150</sup>Perkara 4 ialah "That the Dutch admitted, in their Decree of the 25th February, 1846, that the Sulu territory extended at that time as far south as the 3rd degree of north latitude, which would include the whole of the Tidoeng country, and, consequently, the Sibuco River." Lihat FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., July 16, 1889.

<sup>151</sup>Hujah M. Gysberts ini merujuk kepada Dekri 27 Ogos 1849. Lihat FO 12/86, Decree by the Minister of State, Governor-General of the Netherlands Indies, of 27 August 1849, No. 8. Dekri ini ialah berkaitan dengan pembahagian pulau Borneo kepada bahagian iaitu bahagian barat dan bahagian tenggara (*western division and south-eastern division*). Tujuan Dekri ini dibuat ialah: (1) *to determine that the of Governnor of Borneo and subordinate regions will stay unoccupied, until in time the constitution of country and people will make possible and necessary a central establishment of that functionary on the island of Borneo*, (2) *to determine that the Netherlands territory on the island of Borneo will be divided in two large sections, under the names of Western division and South-eastern division*.

<sup>152</sup>Untuk maklumat lanjut, lihat FO 12/86, Decree by the Minister of State, Governor-General of the Netherlands Indies, of 27 August 1849, No. 8.

<sup>153</sup>Untuk maklumat lanjut, lihat FO 12/86, Resolution of the Governor-General of Netherlands India regardings the Dutch Possessions in Borneo dated 28 February 1846.

<sup>154</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., Second Meeting, held at Foreign Office, July 19, 1889.

P. Currie menegaskan bahawa tuntutan British adalah berasaskan penyerahan wilayah oleh Sultan Sulu pada 22 Januari 1878 manakala tuntutan Belanda berasaskan kepada penyerahan yang dibuat oleh Sultan Bulungan. Berdasarkan kepada tuntutan Belanda ini kepada had sempadan wilayah Sultan Bulungan, maka adalah munasabah bagi kerajaan British untuk mendakwa sempadan wilayah Bulungan sebagai sempadan wilayah Belanda di Borneo. P. Currie juga menyatakan Perjanjian 1850<sup>156</sup> tidak pernah dimaklumkan kepada kerajaan British. Count de Bylandt selanjutnya menegaskan bahawa pihak Belanda tidak perlu memaklumkan Perjanjian 1850 ini kepada British kerana perjanjian ini adalah sebagai mengesahkan perjanjian yang terdahulu dan dengan Sultan yang sama.

Berhubung dengan hujah ke-5 British,<sup>157</sup> Admiral Mayne yang mewakili British bersama-sama P. Currie dan E. Hertslet menerangkan bahawa apabila SBUB memperoleh pemberian daripada Sultan Sulu, mereka percaya bahawa Sultan Sulu mempunyai hak yang sah ke atas wilayah tersebut sehingga ke Sungai Sibuko tanpa

---

<sup>155</sup>Ibid.

<sup>156</sup>Hujah P. Currie ini merujuk kepada “Contract between the Sultan of Boeloengan and the Government of the Netherlands East Indies, 12 November 1850”. Dalam Perjanjian ini disebut:

*“The territory of Boeloengan is located within the following boundaries: with Goenoeng-Teboer: from the seashore landwards, the Karangtiegau River from its mouth up to its origin; in addition, the Batoe Beoekkier and Mount Palpakh; with Sulu possessions: at the cape named Batoe Tinagat, as well as the Tawau River. The following islands belong to Boeloengan: Terakkan, Nenoekkan and Sebittikh, with the small islands belonging thereto. This delimitation is established provisionally, and shall be completely examined and determined again.”*

dlm. FO 12/86, Contract between the Sultan of Boeloengan and the Government of the Netherlands East Indies, 12 November 1850.

<sup>157</sup>Hujah ke-5 ialah “That the Sulu Sultans have done nothing to forfeit their claim to any portion of this territory.” Lihat FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., July 16, 1889.

menyedari bahawa pihak Belanda juga mempunyai tuntutan yang sama ke atas wilayah tersebut.

Admiral Mayne memperkuat hujahnya dengan merujuk kepada sebuah artikel yang diterbitkan oleh *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia* yang diterbitkan di Singapura pada 1848. Artikel itu menyebut bahawa terdapat tiga bahagian di Borneo yang Belanda tidak menjalankan aktiviti mereka iaitu:

- (1) *The States of the Sultan of Brunei, or Borneo proper, extending from Tanjong Datu on the west to the River Kemánis on the east, situated on the north-west coast;*
- (2) *The State of the Sultan of the Sulu Islands, having for boundaries on the west the River Kemánis, the north and north-east coasts, as far as 3° north latitude, where it is bounded by the River Atas, forming the extreme frontier towards the north with the State of Berou, dependent on the Netherlands; dan*
- (3) *All the islands of the northern coasts of Borneo.*<sup>158</sup>

Count de Bylandt juga telah mengakui bahawa pihak SBUB sememangnya berniat baik dalam soal Pemberian Wilayah pada 22 Januari 1878. Bagi Belanda, Syarikat Perniagaan Amerika (*American Trading Company*) lebih berhati-hati dalam mengurus wilayah ini kerana syarikat telah menerima latitude 5° utara sebagai sempadan Sulu dan dengan demikian meluaskan 1° sebagai sempadan wilayah antara SBUB dan Belanda. Dalam pada itu, P. Currie juga menjelaskan bahawa Dekri 1846,<sup>159</sup> wilayah

---

<sup>158</sup>Ketiga-tiga kenyataan juga terdapat dalam “Resolution of the Governor-General of Netherlands India regarding the Dutch Possessions in Borneo”. Lihat FO 12/86, Resolution of the Governor-General of Netherlands India regarding the Dutch Possessions in Borneo dated 28 February 1846.

<sup>159</sup>Hujah P Currie ini merujuk kepada Resolution of the Governor-General of Netherlands India regarding the Dutch Possessions in Borneo”. Lihat Ibid.

Belanda tidak melampaui garisan sempadan 3°20'. Dengan ini SBUB percaya bahawa yang zon tersebut sebagai garis tandaan di antara wilayah SBUB dengan Belanda.

Admiral Mayne juga menyatakan bahawa Sultan Sulu sendiri pernah memberi jaminan kepada Tuan Cook<sup>160</sup> bahawa Sultan Bulungan ialah khadam (*vassal*) beliau, iaitu beliau menakluki Sultan Bulungan tersebut dan memiliki wilayah tersebut. Walau bagaimanapun apabila merujuk kepada perjanjian lisan antara mereka dan apabila Cook telah bersara, telah menunjukkan bahawa pegawai Belanda yang ada di situ tidak menampakan bahawa mereka mempunyai kuasa ke atas wilayah Bulungan. Persoalan persaraan ini menarik perhatian kedua-dua pihak telah bersetuju tidak dibincangkan lagi kerana perkara ini telah menjadi sejarah purba (*ancient history*).

Apabila membincang perkara ke-7 yang dihujahkan oleh British,<sup>161</sup> Kapten O. Moreau, wakil Belanda menyatakan bahawa beliau pernah bertugas perairan Tidong. Pada satu ketika itu, ketua-ketua masyarakat mengadu kepada beliau bahawa selepas mereka memberikan penghormatan kepada Sultan Bulungan, mereka dituntut untuk membayar cukai kali kedua.

---

<sup>160</sup>Perbincangan tentang Cook ini merujuk kepada Perkara 11 hujah British, iaitu “*That the Dutch flag had never been hoisted in any of the rivers to the north of Boelongan, that is to say, in any part of the Tidoeng country, previous to the date of the Contract with the Sultan of Boelongan of the 2nd June, 1878, which Contract was signed after the date of the Dent and Overbeck Concessions of the 29th December, 1877, and the 22nd January, 1878.*” Lihat FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., July 16, 1889. Perbincangan hujah ini juga berdasar surat Cook bertarikh 8 September 1887.

<sup>161</sup>Hujah ke-7 ialah “*That, at the time of the Dent and Overbeck Concessions, Acting Consul-General Treacher reported that the territory mentioned in the grants made to them was ‘actually under Sulu rule, and occupied by Sulu Chiefs’.*” Lihat FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., July 16, 1889.

Berkaitan dengan hubungan Cook dan Sultan Bulungan itu pula, Count de Bylandt menambah bahawa kenyataan yang dibuat oleh wakil SBUB hanya berasaskan berita angin. sedangkan pihak Belanda pula bersandarkan kepada dokumen rasmi dan dekrei kerajaan.<sup>162</sup> Namun begitu dakwaan ini disangkal oleh P. Currier yang menjelaskan bahawa hujah British adalah berdasarkan kepada Surat Pemberian Wilayah Sultan Sulu 22 Januari 1878. Ia juga turut dengan disokong oleh laporan yang bertanggungjawab daripada para pegawainya dan kenyataan tersebut adalah sah seperti juga kenyataan pihak Belanda. Selanjutnya Admiral Mayne, wakil British menambah sekiranya SBUB mempunyai maklumat atau pengetahuan tentang Perjanjian 1850,<sup>163</sup> sudah pasti mereka akan berusaha untuk mendapatkan maklumat yang lebih lengkap daripada Sultan Sulu tentang had wilayahnya di kawasan tersebut.<sup>164</sup>



---

<sup>162</sup>Hujah Belanda ini merujuk kepada Resolution of the Governor-General of Netherlands India regarding the Dutch Possessions in Borneo; Decree by the Minister of State, Governor-General of the Netherlands Indies; , of 27 August 1849; Resolution of the Governor-General of Netherlands India regarding the Dutch Possessions in Borneo; Contract between the Sultan of Boeloengan and the Government of the Netherlands East Indies dan Ratification of Contract of Vassalage between the Netherlands Indies Government and the Sultan of Boeloengan. Lihat FO 12/86, Resolution of the Governor-General of Netherlands India regarding the Dutch Possessions in Borneo, dated 28 February 1846; FO 12/86, Decree by the Minister of State, Governor-General of the Netherlands Indies, 27 August 1849; FO 12/86, Resolution of the Governor-General of Netherlands India regarding the Dutch Possessions in Borneo dated 28 February 1846; FO 12/86, Contract between the Sultan of Boeloengan and the Government of the Netherlands East Indies, 12 November 1850 dan FO 37/644, Ratification of Contract of Vassalage between the Netherlands Indies Government and the Sultan of Boeloengan, 2 June 1878.

<sup>163</sup>Hujah Admiral Mayne ini merujuk kepada "Contract between the Sultan of Boeloengan and the Government of the Netherlands East Indies". Lihat FO 12/86, Contract between the Sultan of Boeloengan and the Government of the Netherlands East Indies, 12 November 1850.

<sup>164</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., Second Meeting, held at Foreign Office, July 19, 1889.

Perkara selanjutnya yang dibincangkan ialah berkaitan pengibaran bendera di Batu Tinagat.<sup>165</sup> Perbincangan berkisar kepada tarikh pertama pihak Belanda mengibarkan bendera di Batu Tinagat. Perwakilan British mendakwa bahawa Belanda tidak pernah mengibarkan benderanya sehinggalah tarikh penyerahan wilayah diberi kepada SBUB.

Walau bagaimanapun hujah-hujah yang dibawa oleh P. Currie ditolak oleh M. Elias iaitu pemerhati pihak Belanda. Beliau mengemukakan empat dokumen dalam bahasa Belanda. Dokumen-dokumen tersebut ialah:

1. *Resolution of the Governor-General of Netherland India, February 28, 1846,*<sup>166</sup>
2. *Resolution of the Governor-General of Netherland India, August 27, 1849,*<sup>167</sup>
3. *Extract from a communication to the States-General respecting the ultramarine possessions of the Kingdom of the Netherlands made by the Minister for the Colonies in 1850, and which was published in the official Gazette, dan*
4. *Decree of the Governor-General of Netherland India, February 2, 1877.*<sup>168</sup>

---

<sup>165</sup>Isu pengibaran bendera di Batu Tinagat ini merupakan hujah ke-14 British, iaitu “*That the secret Dutch Decree ordering the Dutch flag to be hoisted at Batu Tinagat was not issued until the 31st July, 1879 (after the issue of the Dent and Overbeck Concessions of the 29th December, 1877, and the 22nd January, 1878); and that on the 4th July, 1880, the Resident of the British North Borneo Company formally protested to the Dutch Commodore against the hoisting of the Dutch flag on the Tawao River: that position being within the boundaries of the territory of the Company as ceded to them by the Sultan of Sulu.*” Lihat FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., July 16, 1889.

<sup>166</sup>FO 12/86, Resolution of the Governor-General of Netherlands India regarding the Dutch Possessions in Borneo, dated 28 February 1846. Resolusi ini kemudiannya dipinda pada 27 Ogos 1849.

<sup>167</sup>FO 12/86, Resolution of the Governor-General of Netherlands India regarding the Dutch Possessions in Borneo dated 27 August 1849.

<sup>168</sup>FO 12/86, Decree of the Governor-General of the Netherlands Indies amending the Territorial Subdivision of the Residency Southern and Eastern Division of Borneo, dated 2 February 1877.



Bagi Belanda, berdasarkan keempat-empat dokumen ini membuktikan bahawa kerajaan Belanda tidak mempunyai apa-apa maklumat tentang penyerahan wilayah Sultan Sulu kepada SBUB pada 22 Januari 1878.<sup>169</sup>

Memandangkan dokumen-dokumen yang dibentangkan oleh M. Elias bersangkut paut dengan Sungai Sibuko dan peta Belanda mengenai latitud 4° utara, Encik Cook yang merupakan pemerhati pihak Belanda, menarik perhatian ahli mesyuarat dengan merujuk kepada perkara 10 yang diujahkan oleh British semasa mesyuarat pertama.<sup>170</sup> Cook menjelaskan bahawa masyarakat peribumi tidak lagi ragu-ragu tentang pendudukan orang Eropah di Sungai Sibuko di latitud 4° 10' utara, iaitu kawasan seperti yang ditunjukkan dalam peta Belanda.<sup>171</sup>

Count de Bylandt seterusnya berhujah dengan menarik perhatian kepada ahli dan para pemerhati mesyuarat kepada surat Treacher, Pemangku Konsul Jeneral. Surat ini antara lain menyatakan bahawa wilayah Sultan Sulu bermula dari Kimanis hingga ke Balik Papan.<sup>172</sup> Count de Bylandt mempersoalkan asas kenyataan iaitu bagaimana British boleh membuat tuntutan wilayah sebegitu besar. Wakil British, P. Currie sebaliknya

---

<sup>169</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., Second Meeting, held at Foreign Office, July 19, 1889.

<sup>170</sup>Hujah ke-10 ialah “*That the cessions made by the Sultans of Sulu and Brunei to Messrs. Dent and Overbeck on the 29th December, 1877, and the 22nd January, 1878, included Batu Tinagat, the Tawao River (although those places were not specially mentioned therein), and all the territory on the north-east coast, ‘as far south as the Sibuco River’ (without specifying exactly where that river was situated), as well as all the islands within 3 leagues of the coast belonging thereto.*” Lihat FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., July 16, 1889.

<sup>171</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., Second Meeting, held at Foreign Office, July 19, 1889.

<sup>172</sup>FO 572/7, surat Treacher, Pemangku Konsul Jeneral kepada Early of Derby, bertarikh 22 Januari 1878.

menegaskan tuntutan ini tidak dikemukakan oleh Kerajaan British dan juga tidak menolak bahawa ketika itu wilayah Sultan Sulu sememangnya sejauh ke selatan.<sup>173</sup> Selanjutnya P. Currie menyatakan bahawa pada tahun 1879 Menteri Kolonial Belanda telah memberi jaminan kepada Dewan Belanda (*Dutch Chamber*) penyerahan yang dibuat kepada pihak British bukan merupakan pencerobohan ke atas hak-hak dan keistimewaan yang diberikan kepada Belanda. Ia sekali gus menunjukkan bahawa Kerajaan Belanda tidak mengambil kisah tentang kedudukan Sibuko seperti yang dinyatakan dalam penyerahan kepada Dent.<sup>174</sup>

Dalam membalas dakwaan ini, M. Elias yang merupakan wakil Belanda menjawab bahawa Menteri Kolonial Belanda ketika itu bersikap sedemikian kerana tidak mengetahui Pemberian Wilayah oleh Sultan Brunei<sup>175</sup> dan Pemberian Wilayah Sulu kepada Tetuan Overbeck dan Dent bagi pihak British.<sup>177</sup>

Count de Bylandt menarik perhatian mesyuarat dengan menegaskan dalam soal ini isu yang sebenarnya ialah soal maruah. Adalah mustahil bagi Belanda untuk meninggalkan kawasan ini. Sekiranya Belanda berbuat demikian, maruah Belanda di sisi masyarakat

---

<sup>173</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., Second Meeting, held at Foreign Office, July 19, 1889.

<sup>174</sup>Ibid.

<sup>175</sup>Grant by Sultan of Brunei of Territory Comprising Gaya Bay and Sepanggar Bay, December 29, 1877; Grant by Sultan of Brunei of Territories from Paitan to Sibuku River, December 29, 1877 dan Grant by Sultan of Brunei of Territories from Sulaman River to River Paitan, December 29, 1877.

<sup>176</sup>Grant by Sultan of Sulu of Territories and Lands on the Mainlands of the Island of Borneo, 22 January 1878.

<sup>177</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., Second Meeting, held at Foreign Office, July 19, 1889.

tempat akan menjatuhkan. Namun pada masa yang sama juga Belanda bersedia untuk memberi kebebasan mutlak bagi urusan pelayaran di semua sungai di wilayah yang menjadi pertikaian itu. Ini kerana mereka berpandangan adalah penting untuk memberi kemudahan dalam setiap perkara untuk memudahkan operasi SBUB.<sup>178</sup> M. Gysberts pula menyokong rakannya Count de Bylandt dengan mengemukakan pandangan bahawa adalah mustahil bagi Belanda untuk melepaskan wilayah Pantai Timur Borneo yang telah mereka kuasai buat sekian lama tetapi mereka bersedia berunding untuk menyerahkan kawasan-kawasan khususnya yang di pedalaman.

Perkara ini dibalas oleh P. Currie yang menyatakan bahawa isu yang dibincangkan ialah pesisir. Manakala apa yang diujahkan oleh M. Gysberts penyerahan kawasan-kawasan khususnya yang di pedalaman adalah sesuatu yang bukan hak (*non possumus*).<sup>179</sup> Bagi British, kesediaan M. Gysberts ini menjadi satu pengisytiharan terhadap isu ini. Oleh yang demikian, ia tidak memerlukan pembentukan Suruhanjaya Bersama Persempadanan British-Belanda. Ini kerana Belanda telah memutuskan lebih awal untuk membuat penyerahan wilayah. Perisytiharan akan menjadi berguna untuk British bagi membuat sebarang cadangan bagi menyelesaikan masalah yang sedang berlaku. Ini kerana mereka menyedari bahawa mereka tidak akan mendapat sebarang jaminan dari kerajaan Belanda untuk berkompromi.<sup>180</sup>

---

<sup>178</sup>Ibid.

<sup>179</sup>Ibid.

<sup>180</sup>Ibid.

Selepas perbincangan lanjut, Count de Bylandt bersetuju untuk mengemukakan cadangan kepada kerajaan Belanda dan bersedia sama ada diterima atau ditolak cadangan ini selepas mengambil kira isi kandungannya. Suruhanjaya ini menangguhkan cadangan mereka sementara menunggu jawapan dari The Hague.<sup>181</sup> Lapan hari kemudian kedua-dua pihak mengadakan MSBPBB ketiga yang diadakan pada 27 Julai 1889 untuk membuat rumusan terhadap dua mesyuarat yang terdahulu.

Apabila kedua-dua pihak bertemu semula dalam Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Persempadanan British-Belanda (MSBPBB) kali ke-3 pada 27 Julai 1889, Count de Bylandt memulakan perbincangan dengan menyatakan bahawa kerajaan Belanda bersedia untuk berkompromi dan bersedia untuk mempertimbangkan sebarang cadangan untuk bagi menyelesaikan tuntutan bertindih di Pantai Timur Borneo Utara. Tambah beliaulah pihak Belanda juga berhak untuk menolak cadangan ataupun mengubah suai cadangan tersebut dengan tujuan untuk membuat cadangan balas.<sup>182</sup>

Sebaik sahaja Count de Bylandt menamatkan ucapannya, P. Currie mengenengahkan dua cadangan dari pihak British bagi mendapatkan pertimbangan Belanda, iaitu:

1. Bahawa garisan sempadan di pantai harus bermula dari titik yang dipanggil Broers Hoek, iaitu kira-kira di latitud 4° 10' utara dan harus melepasi antara Kepulauan Sebatik dan di sebelah timur Nunukan,
2. Bahawa pelayaran di semua sungai di wilayah yang dipertikaikan terletak di antara 3° 20' dan 4° 20' hendaklah

---

<sup>181</sup>Ibid.

<sup>182</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission appointed by the British and Netherland Governments..., Third Meeting, held at Foreign Office, July 27, 1889.

diisytiharkan bebas dan kapal-kapal dari kedua-dua belah pihak, termasuklah anak-anak kapal dan kargo yang dibawa seharusnya menerima layanan dalam semua aspek, dan tidak dikenakan duti persinggahan (*transit duties*).<sup>183</sup>

Selain cadangan dua cadangan di atas, P. Currie melanjutkan cadangannya agar peruntukan yang dinyatakan dalam dua cadangan itu diperluaskan kepada semua sungai yang puncanya, iaitu hulu sungai dalam mana-mana negeri yang mengalir masuk atau mengalir keluar melalui wilayah yang lain juga.<sup>184</sup> Bagi Count de Bylandt cadangan P. Currie itu berat sebelah kerana kebanyakan sungai-sungai adalah berhulukan di sebelah utara dan memadai dengan memberi layanan kepada bendera kedua-dua belah pihak sebagaimana yang dituntut oleh SBUB. Walaupun cadangan P. Currie ini berat sebelah, wakil Belanda bersetuju untuk membawa cadangan itu kepada kerajaan mereka.<sup>185</sup>

Dalam pada itu P. Currie bersetuju dengan cadangan Count de Bylandt bahawa ia tidak perlu melampaui wilayah yang dipertikaikan itu.<sup>186</sup> Count de Bylandt pula mencadangkan persoalan persempadanan daratan (*the boundary inland*) perlu mengambil kira pandangan dalam mesyuarat yang sedang berlangsung. Ahli-ahli mesyuarat bersetuju dengan prinsip yang diputuskan bersama dan butiran-butiran lain diselesaikan pada ketika.<sup>187</sup> Walau bagaimanapun M. Gysberts juga mencadangkan

---

<sup>183</sup>Ibid.

<sup>184</sup>Ibid.

<sup>185</sup>Ibid.

<sup>186</sup>Ibid.

<sup>187</sup>Ibid.

persoalan persempadanan daratan juga perlu mengambil kira pandangan penduduk tempatan yang mempunyai pengetahuan tentang persempadanan tersebut.<sup>188</sup>

P. Currie mengingatkan ahli mesyuarat bahawa diperuntukan dalam Perintah Prosiding (*Order of Proceedings*) yang dipersetujui dalam mesyuarat yang pertama antara lain menyatakan bahawa apabila kedua-dua pihak berpuas hati dengan persetujuan tentang sempadan yang dipertikaikan antara kerajaan Belanda dan SBUB di Pantai Timur Borneo Utara yang terletak berdekatan dengan Sungai Sibuko. Kerajaan British dan Belanda hendaklah dengan segera mengukur dan membuat penandaan di tempat tersebut. Penandaan yang diputuskan ini merupakan garisan persempadanan daratan yang memisahkan pemilikan Belanda di Borneo dari wilayah yang dimiliki oleh Sarawak, Brunei dan SBUB.<sup>189</sup>

Selanjutnya Count de Bylandt menyatakan bahawa cadangan wakil British dikemukakan kepada kerajaan Belanda dan selain mendapat pandangan kerajaan Belanda, pandangan ketua masyarakat tempatan, pihak berkuasa tempatan dan persetujuan Sultan Boelongan perlu diambil kira. Bagi beliau juga pihak Belanda tidak apa-apa menghadapi kesukaran dengan ketua masyarakat tempatan kerana Belanda mempunyai pengaruh ke atas mereka. Walau bagaimanapun, beliau akui bahawa pandangan ini perlu mendapat izin

---

<sup>188</sup>Ibid.

<sup>189</sup>Ibid.

daripada British kerana kerajaan Belanda tidak mempunyai kuasa ke atas kawasan tersebut.<sup>190</sup>

P. Currie juga menarik perhatian ahli mesyuarat dengan mengatakan bahawa persempadanan pantai telah diselesaikan, namun persempadanan daratan belum mencapai kata putus lagi. Beliau juga mengemukakan pertanyaan tentang tempoh yang perlu diambil untuk menunggu penyelesaian tersebut.<sup>191</sup> Count de Bylandt menjawab pihak Belanda mengadakan perjumpaan dengan pihak British pada bulan September tetapi menyatakan bahawa adalah mustahil pihak Belanda bersedia untuk membincangkan perkara ini lagi pada perjumpaan tersebut semata-mata untuk menyelesaikan masalah persempadanan tersebut.<sup>192</sup>

Count de Bylandt juga menjelaskan kepada ahli mesyuarat bahawa Suruhanjaya Bersama Persempadanan British-Belanda ini akan dibubarkan. Selanjutnya beliau merujuk kenyataan P. Currie yang dicatatkan dalam minit mesyuarat kedua yang diadakan pada 19 Julai 1889 yang berkaitan dengan kenyataan Menteri Kolonial di The Hague.<sup>193</sup> Dengan tujuan menolak hujah P. Currie ini. Count de Bylandt menegaskan

---

<sup>190</sup>Ibid.

<sup>191</sup>Ibid.

<sup>192</sup>Ibid.

<sup>193</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., Second Meeting, held at Foreign Office, July 19, 1889. Dalam minit Mesyuarat ini dicatat “*He observed that the Minister of the Colonies at the Hague had assured the Dutch Chamber in 1879 that the cessions made to England did not constitute any encroachment on the rights and privileges accorded to Holland, as showing that the Dutch Government did not then take exception to the limits of the Sibuco defined in the Concession made to Mr. Dent.*”

kenyataan Menteri Kolonial ini telah pun diterbitkan dalam halaman 3, *Blue Book* “*Netherlands No. 1 (1882)*, sebagaimana berikut:

*Were our private or commercial interests injured thereby it might be affirmed that the Government should take measures to protect the interests of our country, even in districts which are not under the sway of the Netherlands. But there is, as it appears, little reason to apprehend any such danger from the undertaking in question, and it would be difficult to prove that our interests have been infringed by the Concessions which have been granted. This holds good, at any rate, as regards the Brunei Concession. As far as the Sulu Concession is concerned, it is not quite certain whether the Contracting Parties were well acquainted with the precise frontier-line of the Netherland territory on the east coast of Borneo.*<sup>194</sup>

Beliau menjelaskan lagi kepada ahli Mesyuarat bahawa semasa wilayah yang diserahkan oleh Sultan Sulu kepada SBUB pada 29 Januari 1878,<sup>195</sup> Sultan Sulu tidak sedar tentang syarat-syarat yang terkandung dalam Surat Pemberian Wilayah tersebut. Selain dari itu Sultan Sulu juga tidak menjangkakan bahawa hak Belanda ke atas wilayah tersebut telah dilanggar.<sup>196</sup>

Kenyataan Count de Bylandt ini menjadi penutup kepada MSBPBB kali ke-3. Berikutan dengan itu kedua-dua belah pihak bersetuju Suruhanjaya Bersama Persempadanan British-Belanda dibubarkan.<sup>197</sup> Hujah-hujah yang dibahaskan dalam

---

<sup>194</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., Third Meeting, held at Foreign Office, July 27, 1889.

<sup>195</sup>Grant by Sultan of Sulu of Territories and Lands on the Mainlands of the Island of Borneo, 22 January 1878.

<sup>196</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., Third Meeting, held at Foreign Office, July 27, 1889.

<sup>197</sup>Ibid.



tiga hari ini juga ialah dilihat mempunyai tanggapan undang-undang (*legal notion*) terutamanya tentang penyerahan wilayah yang telah menjadi sejarah khususnya kepada pemerintah tempatan. Penyerahan ini juga yang telah memberi kesan kepada dua kuasa besar di Pantai Timur Borneo Utara ini.

Sebenarnya MSBPBB tidak membawa tidak membuat sebarang keputusan. Ini disebabkan tugas ahli Suruhanjaya yang bermesyuarat tiga hari ini hanya lebih tertumpu kepada isu dan hujah yang menjadi pertikaian sempadan British-Belanda di Borneo Utara. Isu dan hujah dikumpul dan dikemukakan untuk maklumat dan tindakan kedua-dua negara.<sup>198</sup> Ia juga menjadi asas perundingan kedua-dua kerajaan dalam usaha untuk menyelesaikan pertikaian sempadan ini.<sup>199</sup>

Urusan antara kedua-dua kerajaan dan usaha lanjut untuk menyelesaikan masalah pertikaian dapat dikesan apabila meneliti surat-menyurat antara kedua-dua belah pihak. Pada 20 April Count de Bylandt menghantar surat kepada Lord Salisbury, Setiausaha Tanah Jajahan, yang menyatakan kesediaan kerajaan Belanda untuk berkerjasama atas dasar kompromi untuk menyelesaikan masalah ini. Surat ini menyebut antara lain menyatakan:

---

<sup>198</sup>Sebagai contoh, isu pengibaran bendera di Batu Tinagat dibincangkan dalam laporan awal Belanjawan Belanda pada tahun 1880. Lihat "Extract from Answer of the Colonial Minister to Inquiries made by the Committee of the Second Chamber in their Preliminary Report on the Netherlands Indian Budget for 1880".

<sup>199</sup>FO 12/86, surat Count de Bylandt kepada Lord Salisbury, bertarikh 20 April 1890.

*The Netherlands Government remains ready to co-operate, on the basis, in resolving this issue, but on the explicit condition that what will be amde will be a comprehensive delimitation, throughout the extire extent of the island, even if only in general terms, from the point to be established on the east coast as far as Tandjong-Datoe in the west coast.*<sup>200</sup>

Dalam surat tersebut juga Count de Bylandt menyatakan bahawa garis sempadan yang dituntut oleh Belanda sebagaimana berikut:

*That for the delimitation right across Borneo, from Broershoek<sup>201</sup> to the mountains, the watershed line of the Simengaris and Soedong River, marked by red dots on the attached map,<sup>202</sup> shall be adopted; and therefore the watershed line of the rivers that flow in Netherlands and British territory, adopting that line as a limit in general and leaving it to the future to determine and fix on the spot the precise limit, when that is deemed necessary, in such a way that, for the time being, a general delimitation from Broershoek on the east coast to Tandjong-Datoe on the west coast is made. A general delimitation of those areas is the the one that is possible for the time being since the surveying of the terrain and the precise demarcation of the frontier in the centre of Borneo would give rise to a great expense and would be perilous even if it were possible. It should, however, be understood that, immediately after the Convention has been concluded and and approved by the States General, a joint Commission would be charged with establishing and describing the frontier and preparing a map thereof, wherever it passes through territories that are accessible without excessive expenditure or danger.*<sup>203</sup>

---

<sup>200</sup>Ibid.

<sup>201</sup>Kedudukan Broershoek pada latitud 4° 10' utara dan bertemu dengan laut. Lihat FO 12/86, surat Benj. T. Kendersley, Setiausaha SBUB kepada Pejabat Hal Ehwal Luar, bertarikh 22 Julai 1890.

<sup>202</sup>Lihat Map No. 3, "Extract from a Map of British North Borneo, Stanford, E. (for British North Borneo Company), London, 1888" dlm. *Memorial* submitted by the Government of the Republic of Indonesia International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Map Atlas.

<sup>203</sup>FO 12/86, surat Count de Bylandt kepada Lord Salisbury, bertarikh 20 April 1890.

Selain itu Belanda juga mencadangkan empat perkara iaitu: (1) pulau Sebatik harus diserahkan kepadanya, (2) pelayaran di semua sungai yang mengalir ke laut antara Batu Tinagat dan Sungai Sibuko hendaklah bebas, kecuali bagi pengangkutan kelengkapan perang, (3) Broershoek diterima sebagai sempadan yang memisahkan wilayah British dan Belanda, dan (4) penduduk Bulungan harus dibenarkan untuk mengumpul hasil hutan selama lima belas tahun dan tidak dikenakan cukai atau duti.<sup>204</sup>

Berdasarkan cadangan empat perkara ini, pada 20 April 1890, Count de Bylandt telah menghantar surat kepada Benj. T. Kindersley,<sup>205</sup> Setiausaha SBUB. Surat ini memaklumkan kepada British bahawa Belanda bersedia berkerjasama dengan British.

Kesediaan kerajaan Belanda untuk berkerjasama atas dasar kompromi untuk menyelesaikan masalah ini seperti yang dinyatakan oleh Count de Bylandt diterima baik oleh British.<sup>206</sup> Kindersley selaku Setiausaha SBUB menyediakan jawapan surat disampaikan kepada Lord Salisbury. Surat tersebut antara lain menyatakan “*The Court of Directors of the British North Borneo Company recognize the friendly spirit in which His Netherlands Majesty’s Government is prepared to co-operate in the solution of the boundary question by a compromise...*”.<sup>207</sup> Kindersley juga melampirkan peta<sup>208</sup>

---

<sup>204</sup>Ibid.

<sup>205</sup>Selepas ini disebut Kendersley sahaja.

<sup>206</sup>FO 12/86, surat Count de Bylandt kepada Lord Salisbury, bertarikh 20 April 1890.

<sup>207</sup>FO 12/86, Memorandum on the Southern Boundary of the Territory of the British North Borneo Company, bertarikh 22 Julai 1890.

sebagai cadangan balas kepada peta “No. 3, “*Extract from a Map of British North Borneo, Stanford, E. (for British North Borneo Company), London, 1888*”.<sup>209</sup>

Berdasarkan hujah-hujah yang disediakan oleh Kindersley, Lord Salisbury membalas keempat-empat isu yang dibangkitkan oleh Count de Bylandt bertarikh 20 April 1890<sup>210</sup> melalui surat bertarikh 13 Ogos 1890.<sup>211</sup> Dalam jawapan itu Lord Salisbury memberitahu bahawa keempat-empat cadangan itu telah dikemukakan untuk perhatian Ahli Lembaga Pengarah SBUB dan Lord Salisbury memaklumkan bahawa SBUB telah membuat cadangan dan membuat usulan balas.

Berhubung dengan cadangan kedudukan Broershoek pada latitud 4° 10' utara dan bertemu dengan laut itu, pihak British bersedia untuk menerima Broershoek dan melepaskan tuntutan mereka ke atas mana-mana wilayah di Pantai Selatan itu. Walau bagaimanapun, British memberi syarat lain iaitu Kerajaan Belanda hendaklah bersetuju untuk menyerahkan tuntutan British untuk mana-mana wilayah di bahagian utara. Ia

---

<sup>208</sup>FO 12/86, surat Benj. T. Kindersley, Setiausaha SBUB kepada Pejabat Hal Ehwal Luar, bertarikh 22 Julai 1890. Lihat peta sebagai Cadangan Balas kepada Peta “No. 3, “*Extract from a Map of British North Borneo, Stanford, E. (for British North Borneo Company), London, 1888*”.

<sup>209</sup>Lihat Lampiran 4.6: Map No. 3, “*Extract from a Map of British North Borneo, Stanford, E. (for British North Borneo Company), London, 1888*” dlm. *Memorial submitted by the Government of the Republic of Indonesia International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Map Atlas*.

<sup>210</sup>Isu yang dibangkit oleh Count de Bylandt ialah kedudukan Broershoek, kedudukan Pulau Sebatik, pelayaran di semua sungai yang mengalir ke laut antara Batu Tinagat dan Sungai Sibuko dan penduduk Bulongan harus dibenarkan untuk mengumpul hasil hutan selama lima belas tahun dan tidak dikenakan cukai atau duti. Perkara lain yang disentuh dalam isu kedudukan Broershoek ini ialah Sungai Simengarlis dan Sungai Sadong yang Belanda jadikan asas sempadan mereka. Lihat FO 12/86, surat Count de Bylandt kepada Lord Salisbury, bertarikh 20 April 1890.

<sup>211</sup>FO 12/86, Despatch Lord Salisbury kepada Count de Bylandt, bertarikh 13 Ogos 1890.

termasuk Batu Tinagat dan juga tempat-tempat yang British telah duduki di Sungai Tawau, dan juga di bahagian-bahagian lain dalam wilayah tersebut seperti yang telah dicadangkan.<sup>212</sup>

Walau bagaimanapun British membantah untuk menerima garis legeh Sungai Simengaris dan Sadong sebagai sempadan mereka dengan alasan bahawa banjaran gunung tidak dapat menentukan punca legeh tersebut. Beliau juga menyakan bahawa peta yang dilampirkan<sup>213</sup> dalam surat Count de Bylandt kepada Lord Salisbury, bertarikh 20 April 1890<sup>214</sup> adalah peta yang tidak rasmi dan tidak berasaskan kepada mana-mana kajian.<sup>215</sup> Oleh itu British mencadangkan supaya prinsip yang diguna pakai adalah prinsip “negara-negara yang tidak diketahui dan negara-negara yang belum diterokai (*unknown and unexplored countries*)” seperti yang terdapat New Guinea. Manakala kaedah yang dicadangkan ialah menerima garisan selari latitud. Oleh yang demikian kedua-dua pihak mencadangkan bahawa garis sempadan yang akan diguna pakai ialah garis selari dengan latitud 4° 10' utara sehingga ke banjaran gunung yang memisahkan pemilikan Belanda dengan negara Brunei. Bagi SBUB cadangan ini adil kepada kedua-dua belah pihak kerana sungai-sungai yang ada menghala ke laut ke

---

<sup>212</sup>Ibid.

<sup>213</sup>Lihat Lampiran 4.7: Map No. 3, “Extract from a Map of British North Borneo, Stanford, E. (for British North Borneo Company), London, 1888” dlm. *Memorial* submitted by the Government of the Republic of Indonesia International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Map Atlas.

<sup>214</sup>FO 12/86, surat Count de Bylandt kepada Lord Salisbury, bertarikh 20 April 1890.

<sup>215</sup>FO 12/86, Despatch Lord Salisbury kepada Count de Bylandt, bertarikh 13 Ogos 1890.

sebelah utara atau selatan Broershoek yang kedudukan di latitud 4°10' utara.<sup>216</sup> Bagi British juga, sekiranya kerajaan Belanda menerima garisan sempadan ini, kerajaan British bersedia untuk mengiktiraf garisan membahagikan seperti yang terdapat dalam peta rasmi Belanda iaitu yang memisahkan wilayah milik Belanda daripada negeri Brunei dan negeri Sarawak dengan persetujuan bersama antara British dan Belanda.<sup>217</sup>

Berhubung dengan isu Pulau Sebatik, SBUB berasa bimbang kerana pulau perlu diiktiraf supaya berada dalam sempadan milik Belanda atau garisan sempadan itu yang menentukan kedudukan pulau itu sendiri dan Kerajaan Belanda. Tetapi kerajaan British berhasrat untuk menyelesaikan secepat mungkin isu pulau ini yang menjadi persoalan begitu lama. Kerajaan British juga tidak akan memberi tekanan dengan syarat kerajaan Belanda bersedia untuk memajak dengan sewa yang nominal bahagian utara pulau itu kepada SBUB untuk selama-lamanya. Selain dari itu pihak Belanda juga perlu membiarkan SBUB menjalankan aktivitinya tanpa diganggu.<sup>218</sup>

Berbalik kepada isu pelayaran di semua sungai yang mengalir ke laut antara Batu Tinagat dan Sungai Sibuko, ia perlu bebas kecuali bagi pengangkutan kelengkapan perang. Selain dari itu penduduk Bulungan harus dibenarkan untuk mengumpul hasil hutan selama lima belas tahun dan tidak dikenakan cukai atau duti.<sup>219</sup>

---

<sup>216</sup>Ibid.

<sup>217</sup>Ibid.

<sup>218</sup>Ibid.

<sup>219</sup>Ibid.

Cadangan Salisbury kepada Count de Bylandt dipersetujui oleh Belanda. Walau bagaimanapun kerajaan Belanda membuat cadangan balas sebagaimana berikut:

*The new matter contained in the Netherlands boundary proposal under consideration is the deviation of the line westward from Broershoek from the parallel of 4° 10' north latitude to that of 4° 20' north in longitude 117° east; and thence westward along the parallel, in order to give the Netherlands the whole of the the Simengaris River, the mouth of which is assumed to be south of 4° 10' and its course to be generally south of 4° 20'.<sup>220</sup>*

SBUB tidak ada masalah dengan cadangan Belanda ini, tetapi masih memberi syarat iaitu persempadanan ini dilanjutkan kepada puncak Gunung Gura, memandangkan kawasan ini berada dalam kawasan British, sebagaimana yang dinyatakan oleh Kindersley:

*...raise no objection to the boundary being run from the point where the parallel of the 4° 10' north cuts the coast at Broershoek to the meridian of the east in 4° 20', provided that the Netherlands Governments assents to the line westward from the that point being drawn to Gura Peak.<sup>221</sup>*

Bagi British isu pertikaian sempadan yang dikaitkan dengan Pulau Sebatik, Broershoek dan garis sempadan 4° 10' adalah persoalan yang begitu lama yang mengganggu (*long-vexed question*) urusan penyelesaian ini. Sehubungan dengan itu pihak British berhasrat

---

<sup>220</sup>FO 12/86, surat Benj. T. Kendersley, Setiausaha SBUB kepada Pejabat Hal Ehwal Luar, bertarikh 22 Julai 1890.

<sup>221</sup>Ibid.

untuk menyelesaikan dengan secepat mungkin<sup>222</sup> dan melalui tolak ansur kedua-dua pihak yang terlibat dalam soal ini.<sup>223</sup>

Bagi menyelesaikan masalah garis sempadan 4° 10' ini, kapal British *Egeria*<sup>224</sup> telah ditugaskan untuk menyukat (*surveying cruise*) di Pantai Timur Borneo. Pada 29 Disember 1890, Salisbury telah mengarahkan H. Rumbold, Menteri British yang bertugas di Belanda untuk mendapat pandangan Belanda tentang tugas *Egeria* ini.<sup>225</sup> Sehubungan dengan itu M. Harsen, Menteri Luar Belanda memberi pandangan bahawa pihak Belanda bersetuju untuk ikut serta dalam urusan<sup>226</sup> dan cadangan Belanda ini juga dipersetujui oleh Lord Salisbury.<sup>227</sup> Kerja-kerja penyukatan secara bersama-sama oleh kedua-dua pihak telah tamat pada 27 Jun 1892.<sup>228</sup> Hasilnya pihak Belanda membuat cadangan lagi yang membawa kepada kewujudan Konvensyen 1891 di bawah kendalian Lord Salisbury.<sup>229</sup> Salisbury menerima tugas ini dengan mengatakan "*I have the honour to acknowledge the receipt of your note of the 2nd instants making proposal*

---

<sup>222</sup>FO 12/86, Despatch Lord Salisbury kepada Count de Bylandt, bertarikh 13 Ogos 1890.

<sup>223</sup>FO 12/86, surat Benj. T. Kendersley, Setiausaha SBUB kepada Pejabat Hal Ehwal Luar, bertarikh 22 Julai 1890..

<sup>224</sup>*Egeria* telah tiba di Sandakan pada 14 Mac 1891 untuk urusan penyukatan dan ditugaskan kepada Komander A. M. Field untuk mengetuai urusan ini. Lihat *The British North Borneo Herald and Official Gazette*, 1 November 1892, hlm. 378.

<sup>225</sup>FO 12/86, Despatch Lord Salisbury kepada Sir H. Rumbold, bertarikh 19 Disember 1890 dan FO 12/86, Despatch N. Green (*British Charge d'Affaires*) kepada Lord Salisbury, bertarikh 4 Januari 1891.

<sup>226</sup>FO 527/26, Despatch M. Harsen kepada N. Green, bertarikh 20 Januari 1891.

<sup>227</sup>FO 527/26, P. Currie kepada Laksamana, bertarikh 28 Januari 1891.

<sup>228</sup>*The British North Borneo Herald and Official Gazette*, 1 November 1892, hlm. 378.

<sup>229</sup>FO 12/86, Count de Bylandt kepada Lord Salisbury, bertarikh 2 Februari 1891. Konvensyen ini juga dikenali dengan nama dengan nama Perjanjian Sempadan 1891 (*1891 Boundary Treaty*).



*for making the boundary between the Netherlands possessions in Borneo and those of the States of British North Borneo, Sarawak, and Brunei, respectively”.*<sup>230</sup>



---

<sup>230</sup>FO 12/86, Lord Salisbury kepada Count de Bylandt, bertarikh 11 Februari 1891.

Dalam merangka cadangan ini, Salisbury mengambil kira dua cadangan Belanda iaitu:

1. *That the boundary-line should start from 4° 10' on the coast and should follow straight line in a west-north-west direction, between the Rivers Simengaris and Soedang as far as the point where 117° of east longitude crosses the parallel of 4° 20' north latitude, the object being to include the whole of the River Simengaris within Dutch territory; and*

2. *That it should then proceed westward along the parallel of 4° 20' as far as the crest of the central mountains which forms the eastern watershed on the parallel; and thence, in a south-westernly direction, along the summit of that range to Gura Peak.*<sup>231</sup>

Salisbury juga memberikan pandangan beliau tentang cadangan Belanda ini.<sup>232</sup> Beliau kemudiannya menyerahkan cadangan Konvensyen yang mengandungi tujuh perkara<sup>233</sup> kepada pihak Belanda.<sup>234</sup> Sementara menunggu jawapan daripada pihak Belanda, Salisbury meminta para pegawainya menyediakan bukti dan hujah sebagai persediaan jawapan terhadap jawapan balas pihak Belanda nanti.<sup>235</sup>

---

<sup>231</sup>Ibid.

<sup>232</sup>Untuk maklumat lanjut tentang cadangan Salisbury, lihat FO 12/86, Lord Salisbury kepada Count de Bylandt, bertarikh 11 Februari 1891.

<sup>233</sup>Disebut dalam Konvensyen ialah Artikel.

<sup>234</sup>FO 12/86, Lord Salisbury kepada Count de Bylandt, bertarikh 11 Februari 1891. Untuk maklumat lanjut tentang tujuh perkara cadangan Salisbury ini dan lihat juga FO 12/86, "Headings of Draft Agreement between British and Netherlands Governments".

<sup>235</sup>Untuk maklumat lanjut tentang bukti dan hujah yang disediakan oleh pegawai Salisbury, lihat FO 572/26, Despatch Laksamana E. MacGregor kepada Pejabat Hal Ehwal Luar, bertarikh 20 Februari 1891; FO 12/86, surat B. Kindersley, Setiausaha SBUB kepada Pejabat Hal Ehwal Luar, bertarikh 21 Februari 1891; FO 572/26, Despatch Lord Salisbury kepada Sir G. Bonham, bertarikh 22 Februari 1891; FO 572/26, Despatch Laksamana E. MacGregor kepada Pejabat Hal Ehwal Luar, bertarikh 25 Februari 1891; FO 572/26, Despatch Sir G. Bonham kepada Lord Salisbury, bertarikh 27 Februari 1891; FO 572/26, Despatch Sir H. Rumbold kepada Lord Salisbury, bertarikh 8 April 1891; FO 572/26, Despatch Sir P. Currie, Pejabat Hal Ehwal Luar kepada Laksamana, bertarikh 10 April 1891; FO 572/26, Despatch Lord Salisbury kepada Sir C. Smith, bertarikh 17 April 1891; FO 572/26, Despatch Laksamana E. MacGregor kepada Pejabat Hal Ehwal Luar, bertarikh 15 April 1891; FO 572/26, Despatch Lord Salisbury kepada Sir H. Rumbold, bertarikh 17 April 1891 dan FO 572/26, Despatch Lord Salisbury kepada Sir C. Smith, bertarikh 18 April 1891. Bukti dan hujah ini berkisar kepada kepentingan Sungai Simengaris dan puncak gunung Gura, kerja penyukatan oleh kapal *Egeria*, penetapan sempadan Belanda-British di Pantai Timur Borneo Utara, garis sempadan 4° 10' dan kedudukan Broershoek, dan Pulau Sebatik.

Belanda memberi respons terhadap cadangan yang dibuat oleh Salisbury pada 11 Februari 1891<sup>236</sup> dengan memasukkan beberapa item baharu dan beberapa pindaan kecil khususnya pada Artikel 1, 2, 3, 5 dan 7, dan juga mencadangkan satu lagi perkara menjadikannya Artikel 8 iaitu yang berkaitan dengan “*the exchange of ratifications and the entry in force of the Convention*”.<sup>237</sup> Salisbury mengambil masa dua puluh dua hari membuat pindaan dan menyediakan cadangan yang kedua<sup>238</sup> dengan mengambil kira pandangan Count de Bylandt.<sup>239</sup> Namun pihak Belanda masih tidak berpuas hati dengan pindaan dan cadangan kedua yang dibuat oleh Salisbury. Walau bagaimanapun ketidakpuasan hati pihak Belanda hanya terhadap penggunaan istilah, contohnya perkataan “*line*” sepatutnya “*boundary-line*”.<sup>240</sup> Pembetulan kali ketiga telah dibuat oleh pihak British berasaskan kehendak dan cadangan Belanda pada 9 Jun 1891 dan pihak British bersedia untuk menandatangani Konvensyen 1891 yang dikenali juga dengan Perjanjian Sempadan 1891 (*the 1891 Boundary Treaty*). Konvensyen 1891 ini dimeterai pada 20 Jun 1891 dengan ditandatangani oleh Salisbury bagi pihak British dan Count de Bylandt bagi pihak Belanda.

---

<sup>236</sup>FO 12/86, Lord Salisbury kepada Count de Bylandt, bertarikh 11 Februari 1891.

<sup>237</sup>FO 572/26, Despatch Count de Bylandt kepada Salisbury, bertarikh 2 Mei 1891.

<sup>238</sup>FO 572/26, Despatch Salisbury kepada Count de Bylandt, bertarikh 25 Mei 1891. Untuk maklumat lanjut tentang pindaan dan menyediakan cadangan yang kedua Salisbury ini, lihat FO 12/86, “Headings of Draft Agreement between British and Netherlands Governments”.

<sup>239</sup>FO 572/26, Despatch Count de Bylandt kepada Salisbury, bertarikh 2 Mei 1891.

<sup>240</sup>FO 572/26, Despatch Count de Bylandt kepada Salisbury, bertarikh 9 Jun 1891.

#### 4.4 Rumusan

Hasil daripada ketiga-tiga mesyuarat dapat disimpul bahawa perbincangan adalah tertumpu kepada isu peta, laluan masuk ke sungai-sungai di Borneo dan kebebasan pelayaran di sungai-sungai tersebut. Perjalanan perbincangan menunjukkan keadaan yang seimbang kerana British mengemukakan dua puluh tujuh perkara dan pihak Belanda pula menjawab satu persatu hujah ini. Dalam perbincangan ini juga pihak Belanda menafikan telah menguasai mana-mana wilayah. Ternyata peta menjadi elemen penting dan yang menjadi rujukan dalam penyelesaian sempadan. Ini apabila kita lihat bahawa kedua-dua pihak mempertikaikan isu peta seperti peta lama dan peta baharu yang boleh diterima pakai dalam sejarah penyelesaian sempadan di Pantai Timur Borneo Utara ini.

Pihak Belanda juga cuba membangkit isu kerakyatan Overbeck sebagai warganegara Austria. Walau bagaimanapun isu kerakyatan ini adalah isu remeh dan tidak dapat mengatasi isu pentadbiran yang berasaskan perundingan yang lebih diterima pakai. Belanda turut mempersoalkan bahawa Overbeck berkemungkinan besar memilih Sungai Sibuko sebagai sempadan yang kemudiannya dijadikan sebagai sempadan dan digunakan dalam peta Angkatan Tentera Laut British (*British Admiralty Charts*).

Selain itu kedua-dua pihak berjaya menetap titik mula pertikaian di Pantai Timur kemudian menentukan arah sempadan ke sebelah barat Borneo dan ke arah timur Pulau Sebatik. Dalam perbincangan ini hanya disebut pulau Tarakan, Nunukan dan Pulau Sebatik. Pulau-pulau ini sebenarnya terletak bersebelahan dengan pantai Borneo dan

kedudukan pulau-pulau ini sebenarnya telah diambil kira dalam pengurusan pertikaian sempadan di Pantai Timur Borneo Utara. Sementara itu kedua-dua pihak tidak pernah mempersoalkan garisan sempadan dari arah timur ke arah laut yang berhadapan dengan laut terbuka iaitu Laut Sulawesi. Kedua-dua pihak juga bersetuju pada dasarnya bahawa sempadan ini bermula di pantai timur yang dikenali sebagai Broershoek yang berada di garisan latitud 4° 10' utara.

Atas nama *The Joint Commission appointed by the British and Netherland Governments for considering the question of the Boundary between the Netherland Indian Possessions on the Island of Borneo and the Territory belonging to the British North Borneo Company* kedua-dua pihak telah bermesyuarat sebanyak tiga kali iaitu pada 16 Julai 1889,<sup>241</sup> 19 Julai 1889<sup>242</sup> dan 27 Julai 1889<sup>243</sup> yang ketiga-tiganya diadakan di Pejabat Hal Ehwal Luar British.

Keseluruhan perbincangan yang telah berlangsung dalam mesyuarat yang telah diadakan sebenarnya membawa kepada natijah pengiktirafan Belanda terhadap naungan British ke atas wilayah Borneo Utara yang kemudiannya termaktub dalam Konvensyen 1891 yang akan dibincangkan dalam Bab 5 berikutnya.

---

<sup>241</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., First Meeting, held at Foreign Office, July 16, 1889.

<sup>242</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission... Second Meeting, held at Foreign Office, July 19, 1889.

<sup>243</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., Third Meeting, held at Foreign Office, July 27, 1889.

## BAB LIMA

### KONVENSYEN 1891 DALAM PENYELESAIAN PERTIKAIAN SEMPADAN BRITISH-BELANDA DI PANTAI TIMUR BORNEO UTARA

#### 5.1 Pengenalan

Sebagaimana yang dijelaskan dalam bab sebelumnya Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Persempadanan British-Belanda (MSBPBB) yang diadakan sebanyak tiga kali iaitu pada 16 Julai 1889, 19 Julai 1889 dan 27 Julai 1889. Hasil daripada persetujuan yang telah dicapai dalam mesyuarat tersebut, kerajaan British dan Belanda telah menandatangani *Convention between Great Britain and the Netherlands Defining Boundaries in Borneo*<sup>1</sup> pada 20 Jun 1891. Konvensyen juga dipanggil *The 1891 Boundary Treaty* (Perjanjian Sempadan 1891) dan lebih dikenali dengan Konvensyen 1891. Konvensyen yang diwakili oleh Sir Salisbury bagi pihak kerajaan British dan Count de Bylandt pula bagi pihak kerajaan Belanda ini bertujuan menyelesaikan pertikaian di tanah besar dan juga pulau-pulau yang terletak di kawasan pantai timur.<sup>2</sup>

Bab ini akan membincangkan langkah-langkah penyelesaian yang diambil oleh pihak yang terlibat di samping membincangkan latar belakang, inti pati, tafsiran terhadap terma-terma dan isu-isu, dan pelaksanaan dan pengesahan (*ratification*)<sup>3</sup> konvensyen.

Dalam pada itu juga isi kandungan dokumen-dokumen yang digunakan dalam

---

<sup>1</sup>FO 12/88, Convention between Great Britain and the Netherlands Defining Boundaries in Borneo, dated 20 June 1891 (Convention 1891).

<sup>2</sup>Lihat Counter-Memorial of Indonesia, vol. 2, 2 Ogos 2000, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Submitted by the Government of the Republic of Indonesia, hlm. 5.

<sup>3</sup>Penulis menggunakan istilah pengesahan dan ratifikasi secara silih berganti.

pelaksanaan dan ratifikasi Konvensyen juga akan turut dibincangkan. Ia termasuklah *Explanatory Memorandum No. 3 of the Dutch Government submitted to the Dutch Parliament accompanying the 1891 Convention, on July 25, 1891*,<sup>4</sup> dan *Report of Dutch Parliamentary Committee to study the Government Proposal to Ratify the 1891 Boundary Agreement, December 2, 1891*.<sup>5</sup>

## 5.2 Latar belakang Konvensyen 1891

Perlu ditegaskan semula bahawa apabila British membuat pengisytiharan (*proclamation*) terhadap kawasan naungannya (*protectorate*) iaitu Borneo Utara melalui perjanjian antara Kerajaan British (*Her Majesty's Government*) dengan SBUB pada 12 Mei 1888.<sup>6</sup> Bermulalah dari tarikh inilah perundingan antara British dan Belanda untuk menyelesaikan satu-satunya isu yang tertunggak (*the sole remaining issue*) pada garis perempaduan di kawasan masing-masing. Selain itu implikasi Perjanjian 12 Mei 1888

---

<sup>4</sup>*Explanatory Memorandum, No. 3, "Official Parliamentary Reports, The Netherlands, session 1890-1891: 187. "Ratification of the Agreement made in London between the Netherlands and Great Britain and Ireland for the Fixing of the Boundaries between the Possessions of the Netherlands on the Island of Borneo and the States on that Island which are under British Protectorate"* dlm. Memorial of Malaysia, (Buku C) vol. 3, 2 November 1999, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Submitted by the Government of Malaysia, Annex 51, hlm. 89 dan Memorial, vol. 3, submitted by the Government of the Republic of Indonesia International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), vol. 1, 2 November 1999, hlm. 119-126, Annex 77. Memorandum ini ditandatangani dua orang menteri Belanda iaitu Menteri Hal Ehwal Luar Belanda, Hartsen dan Menteri Tanah Jajahan British, Mackay.

<sup>5</sup>*Report of Dutch Parliamentary Committee to study the Government Proposal to Ratify the 1891 Boundary Agreement December 2, 1891, "Session 1891-1982: Ratification of the agreement concluded between the Netherlands and Great Britain/Ireland on 20<sup>th</sup> July 1891 and defining the boundaries between the Dutch Possessions on the islands of Borneo and the British Protectorate States on the said Island"* dlm. Memorial of Malaysia, (Buku C) vol. 3, 2 November 1999, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Submitted by the Government of Malaysia, Annex 52. Dalam tulisan ini, dokumen ini juga disebut dengan singkatan terjemahan Laporan Jawatankuasa Parlimen Belanda.

<sup>6</sup>FO 12/79, Agreement between Her Majesty's Government and the British North Borneo Company, dated 12 May 1888.

juga telah membolehkan Borneo Utara termasuklah juga Brunei dan Sarawak menjadi negeri naungan British (*British protected states*). Ia membawa maksud kerajaan British mempunyai tanggungjawab dalam hal ehwal urusan luar dengan negara-negara luar iaitu termasuklah penyelesaian penentuan garis sempadan.<sup>7</sup>

Konvensyen 1891 telah menamatkan ketidaktentuan sempadan wilayah-wilayah yang wujud sebelum ini. Ia sebagaimana yang dijelaskan dalam mukadimah Konvensyen 1891 tersebut berhasrat untuk menentukan sempadan Belanda di kepulauan Borneo dan kawasan-kawasan yang berada di pulau-pulau yang berada di bawah perlindungan British.<sup>8</sup>

Tuntutan kawasan pertindihan ini yang dikatakan wujudnya tuntutan yang sah oleh Belanda melalui Kesultanan Bulungan<sup>9</sup> dan British melalui Kesultanan Sulu, pada dasarnya adalah tidak relevan. Walau bagaimanapun, British menegaskan bahawa sebelum 1891 Sultan Sulu mempunyai hak ke atas pemilikan dengan semua pulau dalam lingkungan tiga liga laut dari pantai<sup>10</sup> telah menyerahkan kawasan tersebut kepada

---

<sup>7</sup>FO 12/81, Memorandum by Sir J. Pauncefote, dated 23 February 1889. Tanggungjawab ini juga tercatat dalam Klausa 16 (*Questions of Title*) Piagam Syarikat Borneo Utara British (*Charter of the British North Borneo Company*), iaitu:

*If at any time our Secretary of State thinks fit to object to the exercise by the Company of any authority or power within any part of the territories comprised in the several grants aforesaid, or otherwise acquired under this Our Charter, on the ground of there being an adverse claim to that part, the Company shall defer to that objection.*

<sup>8</sup>Surat Count de Bylandt kepada Lord Salisbury bertarikh 2 Februari 1891.

<sup>9</sup>Contract between the Netherlands and the Sultan of Boeloengan, November 12, 1850.

<sup>10</sup>Tiga liga laut (*three marine leagues*) bersama sembilan batu nautika (*nine nautical miles*). Lihat Memorial, (vol. 1), submitted by the Government of the Republic of Indonesia International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), 2 Januari 1999, hlm. 18.



kepada Overbeck dan Dent.<sup>11</sup> Oleh yang demikian, British berpendirian bahawa apa-apa tuntutan yang Sultan Bulungan, seperti yang didakwa oleh Belanda iaitu “ke atas pulau-pulau lingkungan tiga liga laut dari pantai”<sup>12</sup> tidak dapat dikekalkan. Hujah British ini juga berdasarkan pengambilalihan oleh Sepanyol terhadap pemilikan Sultan Sulu.<sup>13</sup>

Seperti yang dibincangkan dalam Bab 4 sebelum ini, kawasan-kawasan yang dipertikaikan kerana wujud pertindihan tuntutan oleh kuasa-kuasa besar merujuk kepada kawasan yang merujuk kepada pantai timur Borneo Utara khususnya Tawau dan kawasan-kawasan yang berdekatan iaitu Sungai Sibuku<sup>14</sup> hingga ke Sungai Pandasan.<sup>15</sup>

---

<sup>11</sup>Sebelum berlakunya penyerahan wilayah ini pun dan sebelum tertubuhnya Syarikat Borneo Utara British (SBUB), pada 27 Mac 1877 Overbeck dan Dent telah berkongsi menubuhkan Persatuan Overbeck-Dent (*Overbeck-Dent Association*). Penubuhan Persatuan ini ialah untuk memperoleh konsesi wilayah di Borneo. Lihat FO 572/7, No. 142, *despatch* dari Treacher, Pemangku Konsul Jeneral kepada Early of Derby, bertarikh 22 Januari 1878, No. 3 - Consular. Kemudiannya Persatuan Overbeck-Dent menjadi pemilik kepada 3 pemberian yang dibuat oleh pihak berkuasa Brunei yang dibuat pada 29 Disember 1877 ini.

<sup>12</sup>Tiga liga laut (*three marine leagues*) bersama sembilan batu nautika (*nine nautical miles*). Lihat Memorial, (vol. 1), submitted by the Government of the Republic of Indonesia International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), vol. 1, 2 Januari 1999, hlm. 18.

<sup>13</sup>FO 12/86, Treaty between Spain and Sulu of 1836: Capitulation of Peace, Protection, and Commerce between the Government of Her Catholic Majesty and the Sultan and Dattos of Sulu.

<sup>14</sup>Sibuku juga dieja Siboeke dan Seboeke. Lihat Lampiran 5.2: “Map no.5: Annex to the Explanatory Memorandum to Bill for Ratification of Boundary Treaty of 1891”. Sumber Memorial (Map Atlas), submitted by the Government of the Republic of Indonesia International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), 2 Januari 1999 dan Colin Crisswell, “Disputes between the Colonial Powers Arising from the Establishment of the North Borneo Chartered Company 1881-1905” dlm. V. T. King & A. V. M. Horton, *From Buxfast to Borneo*, Sarawak Literary Society: Ampang Press, 1995, hlm. 453.

<sup>15</sup>Colin Crisswell, “Disputes between the Colonial Powers Arising from the Establishment of the North Borneo Chartered Company 1881-1905” dlm. V. T. King & A. V. M. Horton, *From Buxfast to Borneo*, Sarawak Literary Society: Ampang Press, 1995, hlm. 453.

### 5.3 Inti Pati Konvensyen 1891

Konvensyen 1891 ini mengandungi lapan artikel<sup>16</sup> yang bertujuan untuk penentuan sempadan di Borneo.<sup>17</sup> Inti pati dalam Konvensyen ini adalah hasil daripada perkara-perkara yang diujah semasa mesyuarat yang dikenali dengan *Proceedings of the Joint Commission appointed by the British and Netherland Governments for considering the question of the Boundary between the Netherland Indian Possessions on the Island of Borneo and the Territory belonging to the British North Borneo Company* sebanyak tiga kali iaitu pada 16 Julai 1889,<sup>18</sup> 19 Julai 1889<sup>19</sup> dan 27 Julai 1889<sup>20</sup> yang ketiga-tiganya diadakan di Pejabat Hal Ehwal Luar British.

Lima daripada lapan artikel dalam Konvensyen 1891<sup>21</sup> ini adalah berkaitan dengan garisan latitud 4° 10' utara di pantai timur Borneo yang diputuskan sebagai sempadan bagi kawasan pemilikan Belanda di Borneo dan British di pulau tersebut.<sup>22</sup>

---

<sup>16</sup>FO 12/88, Convention between Great Britain and the Netherlands Defining Boundaries in Borneo...

<sup>17</sup>Ibid. Lihat juga Letter from Count de Bylandt to Lord Salisbury, February 2, 1891.

<sup>18</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., First Meeting, held at Foreign Office, July 16, 1889.

<sup>19</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., Second Meeting, held at Foreign Office, July 19, 1889.

<sup>20</sup>FO 12/86, Proceedings of the Joint Commission..., Third Meeting, held at Foreign Office, July 27, 1889. Selepas ini ketiga-tiga Proceedings of the Joint Commission appointed by the British and Netherland Governments for considering the question of the Boundary between the Netherland Indian Possessions on the Island of Borneo and the Territory belonging to the British North Borneo Company disebut sebagai Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Persempadanan British-Belanda.

<sup>21</sup>FO 12/88, Convention between Great Britain and the Netherlands Defining Boundaries in Borneo, dated 20 June 1891. Lihat Artikel I hingga V Konvensyen 1891.

<sup>22</sup>Ibid. Lihat Artikel I Konvensyen 1891.

Sementara itu dalam Artikel II Konvesyen 1891 pula dipersetujui garisan latitud 4° 10' utara dijadikan garis sempadan yang diteruskan ke arah utara barat-laut (*north north-west*). Ia terletak di antara Sungai Simengaris dan Sungai Soedang sehinggalah ke titik di mana meridian longtitud 117° timur melintasi selari latitud 4° 20' utara dan Sungai Simengaris. Kawasan ini diputuskan berada dalam wilayah Belanda. Selain dari itu, kedua-dua pihak juga bersetuju garis sempadan hendaklah mengikut arah barat selari dengan latitud 4° 20' utara sehinggalah ke puncak gunung. Ia menjadi kawasan tadahan air yang kedudukannya selari antara sungai-sungai yang mengalir di pantai barat laut ke pantai timur Borneo di mana dalam kawasan ini terdapat Sungai Simengaris atau sungai-sungai lain yang mengalir ke laut yang kedudukannya di bawah latitud 4° 10' utara. Berasaskan kepada mesyuarat yang telah diadakan, kawasan ini dicadangkan sebagai asas kajian bagi membuat cadangan ke atas wilayah dalam lingkungan 5 batu dan kedudukan garis sempadan ini boleh dialih-alihkan supaya bahagian-bahagian kecil atau selekoh sungai dapat dimasukkan ke dalam wilayah Belanda. Konsesi yang sama yang dibuat oleh Kerajaan Belanda dengan mengambil kira mana-mana sungai yang bercantum dalam lingkungan garisan latitud 4° 10' utara dalam wilayah SBUB dengan syarat sungai-sungai tersebut menghala ke selatan.<sup>23</sup>

Selain dari itu Artikel III pula mengambil kira puncak gunung yang disebut dalam Artikel II. Puncak gunung ini menganjur ke Tanjung Datu di pantai barat Borneo yang menjadi garis sempadan. Ia menyusuri legeh sungai-sungai yang mengalir ke barat laut dan pantai barat, utara Tanjung Datu, selatan pantai dan timur pantai yang terletak pada

---

<sup>23</sup>Ibid. Lihat Artikel II Konvensyen 1891.

garisan lintang 4° 10' utara.<sup>24</sup> Sementara itu dalam Artikel IV pula, kedua-dua pihak bersetuju untuk menetapkan garisan lintang 4° 10' utara di pantai timur sebagai garis sempadan sehingga ke arah timur melintasi Pulau Sebatik. Ia merupakan bahagian pulau yang terletak ke sebelah utara yang selari dengan kawasan SBUB dan bahagian selatan yang selari dengan kawasan Belanda.<sup>25</sup> Walau bagaimanapun kedua-dua pihak juga bersetuju bahawa kedudukan sebenar garis sempadan, itu antara lain merujuk juga kepada garisan lintang 4° 10' utara sebagai salah satu daripadanya, akan ditentukan selepas Konvensyen ini ditandatangani.<sup>26</sup>

Dalam pada itu antara persetujuan yang telah dicapai dalam Artikel VI pula, pihak British dan Belanda bersetuju bahawa pelayaran di semua sungai antara Batu Tinagat dan Sungai Sibuko yang mengalir ke laut adalah secara percuma iaitu tidak dikenakan cukai kecuali pelayaran yang membawa bahan peralatan perang. Selain dari itu cukai pengangkutan juga tidak dikenakan ke atas barang-barang lain yang udibawa melalui sungai-sungai tersebut.<sup>27</sup> Kedua-dua kuasa juga bersetuju bahawa penduduk Bulungan dibenarkan untuk mengumpul hasil hutan dalam wilayah antara Sungai Simengaris dan Sungai Tawau. Mereka juga tidak dikenakan sebarang cukai atau duti selama lima belas tahun dari tarikh Konvensyen ini ditandatangani.<sup>28</sup> Dalam bahagian terakhir Konvensyen itu iaitu Artikel VIII, kedua-dua pihak bersetuju Konvensyen ini disahkan

---

<sup>24</sup>Ibid. Lihat Artikel III Konvensyen 1891.

<sup>25</sup>Ibid. Lihat Artikel IV Konvensyen 1891.

<sup>26</sup>Ibid. Lihat Artikel V Konvensyen 1891.

<sup>27</sup>Ibid. Lihat Artikel VI Konvensyen 1891.

<sup>28</sup> Ibid. Lihat Artikel VII Konvensyen 1891.

dan penguatkuasaannya bermula dalam masa tiga bulan atau lebih awal lagi selepas selepas persetujuan dicapai.<sup>29</sup>

Daripada lapan artikel dalam Konvensyen ini, isu garisan latitud 4° 10' utara menjadi fokus perbincangan bagi kedua-dua pihak. Ini kerana garisan latitud 4° 10' u adalah menjadi garisan kepada pertindihan wilayah British dan Belanda. Kesemua Artikel I hingga VII menyentuh tentang garisan ini baik secara tersurat mahupun tersurat kecuali Artikel VIII yang mencatat tentang rumusan Konvensyen. Ia antara lain menyatakan bahawa Konvensyen ini hendaklah disahkandan berkuat kuasa tiga bulan selepas pertukaran pengesahan (*the exchange of the ratifications*). Pertukaran pengesahan perlu dilakukan di London dan mengambil masa paling lewat sekurang-kurangnya satu bulan, selepas ia mendapat kelulusan daripada Menteri Jajahan Belanda (*Netherland States-General*).<sup>30</sup>

#### **5.4 Tafsiran terhadap Terma dan Isu dalam Konvensyen 1891**

Kelapan-lapan artikel Konvensyen 1891 terdapat terma-terma dan isu-isu yang dibangkitkan oleh kedua-dua belah pihak. Antaranya ialah terma “terus ke arah barat” (*continued westward*) yang tercatat dalam Artikel II adalah garisan latitud 4° 10' utara yang selari dengan kedudukan pulau-pulau pada garisan utara. Ia menjadi milik British manakala pulau-pulau di sebelah garisan selatan yang menjadi milik Belanda. Kawasan-kawasan inimenjadi persoalan pokok terutama dari segi pemilikan bagi kedua-dua belah pihak. Selain dari itu, garisan ini juga membahagikan pemilikan sempadan antara

---

<sup>29</sup> Ibid. Lihat Artikel VIII Konvensyen 1891.

<sup>30</sup> Ibid. Lihat Artikel VIII Konvensyen 1891.

British dan Belanda dan juga menghalang persempadanan mengikut kawasan yang telah ditetapkan (*stipulated point*) di tanah besar kawasan Pantai Timur Borneo seperti yang terdapat dalam Konvensyen tersebut. Bagi British garis sempadan latitud 4° 10' utara yang dipersetujui sepatutnya terhenti di pantai timur Sebatik.<sup>31</sup>

Selain terma “terus ke arah barat” (*continued westward*), terma-terma lain yang menjadi isu ialah sempadan (*boundary*) dan garisan sempadan (*boundary-line*). Bagi terma sempadan dan garisan sempadan, terdapat dalam lima daripada lapan artikel dalam Konvensyen tersebut, iaitu yang disebut dalam Artikel I,<sup>32</sup> Artikel II,<sup>33</sup> Artikel III,<sup>34</sup> Artikel IV<sup>35</sup> dan Artikel V.<sup>36</sup>

---

<sup>31</sup>Reply, submitted by the Government of the Republic of Indonesia, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), vol. 1, 2 March 1999, hlm. 33.

<sup>32</sup>FO 12/88, Convention between Great Britain and the Netherlands Defining Boundaries in Borneo, dated 20 June 1891, iaitu Artikel I “*The boundary between the Netherland possessions in Borneo and those of the British protected States in the same island shall start from 4°10' north latitude on the east coast of Borneo*”. Lihat Artikel I Konvensyen 1891.

<sup>33</sup>Ibid., iaitu Artikel II “*The boundary-line shall be continued westward from 4° 10' north latitude, and follow in a west-north-west direction, between the Rivers Simengaris and Soedang, up to a point where the meridian 117° east longitude crosses the parallel 4° 20' north latitude, with the view of including the Simengaris River within Dutch territory. The boundary-line shall then follow westward the parallel 4° 20' north latitude until it reaches the summit of the range of mountains which forms on that parallel the watershed between the rivers running to the north-west coast and those running to the east coast of Borneo, it being understood that, in the event of the Simengaris River or any other river flowing into the sea below 4°10', being on survey to cross the proposed boundary-line within a radius of 5 geographical miles, the line shall be diverted so as to include such small portions or bends of rivers within Dutch territory; a similar concession being made by the Netherland Government with regard to any river debouching about 4° 10' on the territory of the British North Borneo Company, but turning southwards*”.

<sup>34</sup>Ibid., iaitu Artikel III “*From the summit of the range of mountains mentioned in Article II, to Tandjong Datoe on the west coast of Borneo, the boundary-line shall follow the watershed of the rivers running to the north-west and west coasts, north of Tandjong Datoe, the South coast, and the east coast south of 4° 10' north latitude*”. Lihat Artikel III Konvensyen 1891.

<sup>35</sup>Ibid., iaitu Artikel IV “*From 4°10' north latitude on the east coast the boundary-line shall be continued eastward along that parallel, across the Island of Sebatik: that portion of the island situated to the north of that parallel shall belong unreservedly to the British North Borneo Company, and the portion south of that parallel to the Netherlands*”. Lihat Artikel IV Konvensyen 1891.

Ini jelas apabila diteliti beberapa perbincangan antara British dan Belanda, terdapat beberapa tafsiran terhadap frasa dan istilah tertentu dalam lapan-lapan artikel Konvensyen 1891 ini. Kedua-dua pihak mentafsir tentang sempadan dalam Konvensyen 1891 ini adalah berdasarkan kepada peraturan yang diterima pakai Tafsiran Perjanjian (*The Interpretation of the 1891 Boundary Treaty in Accordance with the Applicable Rules of Treaty Interpretation*).<sup>37</sup> Pihak British dan Belanda berhujah tentang beberapa frasa dan istilah, dan kedua-dua memfokuskan kepada Artikel IV yang ditulis dalam satu ayat, iaitu “*From 4’10’ north latitude on the east coast the boundary-line shall be continued eastward along that parallel, across the Island of Sebatik, that portion of the island situated to the north of that parallel shall belong unreservedly to the British North Borneo Company, and the portion south of that parallel to the Netherland*”. Berdasarkan terma-terma yang penting dalam Artikel IV ini menjadikan Artikel V sebagai intipati Konvensyen 1891.

### **5.5 Pelaksanaan dan Pengesahan Konvensyen 1891**

Konvensyen 1891 dibawa ke Parlimen Belanda mengikut ketetapan dalam Perlembagaan negara itu.<sup>38</sup> Sebanyak empat dokumen telah disediakan dan diserahkan kepada Parlimen Belanda iaitu Peta dalaman Belanda (*The Internal Dutch Map*),<sup>39</sup>

---

<sup>36</sup>Ibid., Artikel V “*The exact positions of the boundary-line, as described in the four preceding Articles, shall be determined hereafter by mutual agreement, at such times as the Netherland and the British Government may think fit*”. Lihat Artikel V Konvensyen 1891.

<sup>37</sup>Untuk maklumat lanjut, lihat Memorial of Malaysia, vol. 1..., hlm. 88.

<sup>38</sup>Memorial of Malaysia, vol. 1, 2 November 1999, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Submitted by the Government of Malaysia, hlm. 96.

<sup>39</sup>Ibid.

Memorandum Penerangan Belanda (*The Dutch Explanatory Memorandum*),<sup>40</sup> Statut Belanda (*The Dutch Statute*) yang membolehkan pelaksanaan Konvensyen 1891<sup>41</sup> dan pengubahsuaian persempadan Bulungan untuk mematuhi Konvensyen 1891.<sup>42</sup>

Pihak Belanda telah membuat ratifikasi bagi melaksanakan konvensyen tersebut apabila ia telah ditandatangani pada 20 Jun 1891. Langkah ini bertujuan untuk mengesahkan sebagaimana yang terkandung dalam prosedur perlembagaan Belanda. Kerajaan Belanda juga telah membuat draf *Explanatory Memorandum* pada 25 Julai 1891 yang dilampirkan bersama-sama rang undang-undang ratifikasi (*bill of ratification*).

Apabila Konvensyen 1891 diluluskan oleh *Second Chamber of the Dutch Parliament* pada 8 Mac 1892,<sup>43</sup> pada 20 Mei 1892 Konvensyen 1891 ini disahkan sebagai Statut Belanda. Beberapa langkah juga telah diambil untuk memurnikan Konvensyen 1891 ini. Ini dapat dikesan melalui dokumen-dokumen: *Explanatory Memorandum No. 3 of the Dutch Government submitted to the Dutch Parliament accompanying the 1891 Convention, on July 25, 1891*,<sup>44</sup> dan *Report of Dutch Parliamentary Committee to study*

---

<sup>40</sup>Ibid. Lihat juga Memorial of Malaysia, vol. 3, 2 November 1999, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Submitted by the Government of Malaysia, Annex 51 dan Memorial, vol. 3, submitted by the Government of the Republic of Indonesia International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), vol. 1, 2 November 1999, hlm. 119-126, Annex 77.

<sup>41</sup>Memorial of Malaysia, vol. 1., hlm. 102.

<sup>42</sup>Ibid.

<sup>43</sup>Ibid., hlm. 97.

<sup>44</sup>*Explanatory Memorandum No. 3, ...*



*the Government Proposal to Ratify the 1891 Boundary Agreement, December 2, 1891.*<sup>45</sup>

Apabila *Second Chamber of the Dutch Parliament* telah meluluskan Konvensyen pada 8 Mac 1892,<sup>46</sup> pelaksanaan terhadap Konvensyen ini diteruskan. Pelaksanaan ini tertumpu kepada pengubahsuaian persempadan Bulungan sebagai mematuhi Konvensyen tersebut.<sup>47</sup>

Dokumen yang pertama dibincangkan Parlimen Belanda ialah tentang peta dalaman Belanda (*The Internal Dutch Map*).<sup>48</sup> Peta ini telah dilampirkan kepada kerajaan dalam *Explanatory Memorandum No.3* bertarikh 25 Julai 1891 untuk dibentangkan di Parlimen Belanda semasa pembentangan untuk mengesahkan Konvensyen 1891.<sup>49</sup> Parlimen Belanda mengambil serius perkara ini kerana dokumen peta dalaman Belanda ini tidak dilampirkan dalam Konvensyen 1891.

---

<sup>45</sup>*Report of Dutch Parliamentary Committee to study the Government Proposal to Ratify the 1891 Boundary Agreement December 2, 1891, "Session 1891-1982: Ratification of the agreement concluded between the Netherlands and Great Britain/Ireland on 20<sup>th</sup> July 1891 and defining the boundaries between the Dutch Possessions on the islands of Borneo and the British Protectorate States on the said Island"* dlm. *Memorial of Malaysia*, (Buku C) vol. 3, 2 November 1999, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Submitted by the Government of Malaysia, Annex 52. Dalam tulisan ini, dokumen ini juga disebut dengan singkatan terjemahan Laporan Jawatankuasa Parlimen Belanda.

<sup>46</sup>*Memorial of Malaysia*, vol. 1..., hlm. 97.

<sup>47</sup>*Ibid.*, hlm. 102.

<sup>48</sup>Lihat peta "Internal Dutch Map (1891)" dlm. *Memorial of Malaysia*, vol. 5 (Atlas), Map 2, 2 November 1999, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Submitted by the Government of Malaysia dan peta Map no. 5 dan Map no. 5 (enlargement), "Annex to the Explanatory Memorandum to Bill for Ratification of the Boundary of 1891" dlm. *Memorial*, (Map Atlas), submitted by the Government of the Republic of Indonesia International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), vol. 1, 2 November 1999.

<sup>49</sup>Lihat peta "First Draft of the The Internal Dutch Map" dlm. *Memorial of Malaysia*, vol. 1..., Insert no. 15, hlm. 98.

Sebenarnya *The Internal Dutch Map* telah dijadikan lampiran dengan *The Explanatory Memorandum*.<sup>50</sup> Peta ini mempunyai empat garisan yang diwarnai dengan biru, kuning, hijau dan merah yang masing-masing kawasan tersebut yang bertujuan menunjukkan status atau kedudukan kawasan tersebut iaitu:

- i. kawasan asal yang dituntut oleh Belanda (biru)
- ii. kawasan asal yang dituntut oleh SBUB (kuning)
- iii. kawasan yang dicadangkan oleh British (hijau)
- iv. kawasan yang dinyatakan dalam Konvesyen 1891 ialah diwarnai dengan warna merah.<sup>51</sup>

Garisan merah<sup>52</sup> bermula dari titik di pantai timur Pulau Sebatik dan dipanjangkan sejauh lima puluh batu ke laut terbuka, dari selari dengan garisan latitud 4° 10' utara. Ia tidak menunjukkan pulau-pulau yang terlibat dengan pertikaian ini kecuali Pulau Mabul.

---

<sup>50</sup>*Memorandum in Response dated 20 February 1892, Ratification of the Agreement concluded between the Netherlands and the Great Britain/Ireland on 20 June, 1891 and Defining the Boundaries between the Dutch Possessions on the Island of Borneo and the British Protectorate States on the said Island, February 20, 1892, "Session 1891-1892: Ratification of the Agreement between the Netherlands, Great Britain and Ireland concluded on 20<sup>th</sup> June 1891 in London for the Purpose of establishing the borders Dutch Colonial and possessions on the Island of Borneo and those States on the said Island which are British Protectorates"* dlm. *Memorial of Malaysia*, vol. 3..., Annex 53.

<sup>51</sup>Lihat Lampiran 4.3 dan Lampiran 4.4 masing-masing Map no. 5 dan Map no. 5 (enlargement), "Annex to the Explanatory Memorandum to Bill for Ratification of the Boundary of 1891" dlm. *Memorial*, (Map Atlas), submitted by the Government of the Republic of Indonesia International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), vol. 1..., dan lihat Lampiran 4.2 Peta "Internal Dutch Map (1891)" dlm. *Memorial of Malaysia*, vol. 5 (Atlas), Map 2...,

<sup>52</sup>Garisan ini sebenarnya kurang daripada sepuluh batu berbanding dengan dalam draf yang pertama. Lihat Counter-Memorial of Malaysia, submitted by the Government of Malaysia, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), vol. 1, 2 August 2000, hlm. 37.

Sebenarnya pihak British juga dapat mengesan draf pertama peta telah disediakan dalam bahasa Belanda secara lukisan tangan<sup>53</sup> pada 23 Jun 1891, iaitu tiga hari selepas Konvensyen 1891 ditandatangani. Peta ini tidak pernah diserahkan secara rasmi kepada pihak British untuk dibincangkan dan dipersetujui bersama-sama.

Peta ini juga tidak pernah wujud semasa Konvensyen 1891 ditandatangani pada 20 Jun 1891.<sup>54</sup> Ketiadaan peta ini sebagai lampiran dalam Konvensyen 1891 dapat dibuktikan apabila meneliti Artikel V Konvensyen 1891 yang menyebut “*The exact positions of the boundary-line, as described in the four preceding Articles, shall be determined hereafter by mutual agreement, at such times as the Netherland and the British Government may think fit*”<sup>55</sup> iaitu tidak langsung menyebut kewujudan peta dalam dokumen Konvensyen 1891 ini.

Frasa “*four preceding Articles*” ini sebenarnya merujuk kepada Artikel IV Konvensyen 1891 yang memuktubkan kenyataan berikut:

*From 4'10' north latitude on the east coast the boundary-line shall be continued eastward along that parallel, across the Island of Sebattik, that portion of the island situated to the north of that parallel shall belong unreservedly to the British North Borneo Company, and the portion south of that parallel to the Netherland.*

---

<sup>53</sup>Lampiran 5.2.

<sup>54</sup>Memorial of Malaysia, vol. 1..., hlm. 97-98.

<sup>55</sup>FO 12/88, Convention between Great Britain and the Netherlands Defining Boundaries in Borneo, dated 20 June 1891.

Frasa “*The exact positions of the boundary-line, as described in the four preceding Articles, shall be determined hereafter by mutual agreement, at such times as the Netherland and the British Government may think fit.*”<sup>56</sup> Isu lain yang ditimbulkan dalam peta ini ialah berkaitan dengan garisan latitud 4° 10’ utara yang berwarna biru iaitu kawasan asal yang dituntut oleh Belanda. Garisan ini dilukis dengan jarak yang pendek sahaja ke arah laut iaitu sekadar melepasi lokasi Batu Tinagat. Batu Tinagat ini, seperti yang dibincangkan terdahulu adalah kawasan terakhir yang dituntut oleh Belanda. Dalam erti kata lain, versi asalnya garisan itu seperti yang ditunjukkan dalam “Insert 15” (*First Draft of the Internal Dutch Map*)<sup>57</sup> berbeza kerana garisan itu lebih pendek dan ini ditunjukkan dengan garisan merah iaitu kawasan yang dinyatakan dalam Konvensyen 1891 sebagai versi bercetak.<sup>58</sup> Sebenarnya Belanda tidak ada alasan untuk menjelaskan garisan merah yang dilanjutkan dalam versi bercetak itu sedangkan garisan yang terdapat dalam versi lukisan tangan pun pihak Belanda tidak mempunyai bukti bahawa pihak British telah bersetuju atau sebaliknya dengan peta versi lukisan tangan itu. Bagi British, Konvensyen ini ialah perjanjian sempadan darat (*boundary treaty*) dan bukan perjanjian peruntukan (*allocation treaty*),<sup>59</sup> manakala Belanda pula mendakwa

---

<sup>56</sup>Dalam Artikel V itu adalah apabila merujuk kepada Artikel IV, iaitu terdapatnya penegasan terhadap frasa “*across the Island of Sebattik*” yang menjadi bukti kepada kedudukan sebenar garis sempadan ditetapkan dalam artikel tersebut.

<sup>57</sup>Untuk maklumat lanjut tentang draf peta yang dilukis tangan, lihat Lampiran 5.2: Insert 15 (*First Draft of the Internal Dutch Map*).

<sup>58</sup>Untuk maklumat lanjut versi peta bercetak ini, lihat Lampiran 5.2, 5.3 dan 5.5.

<sup>59</sup>Perjanjian Peruntukan (*allocation treaty*) perjanjian yang merujuk kepada yang berasaskan kawasan air. Untuk maklumat lanjut, lihat Jesse H. Hamner and Aaron T. Wolf, “Patterns in International Water Resource Treaties: The Transboundary Freshwater Dispute Database” dlm. *Colorado Journal of International Environmental Law and Policy*, 1997 Yearbook, 1998; Robert Speed, Li Yuanyuan, Tom Le Quesne, Guy Pegram and Zhou Zhiwei, *Basin Water Allocation Planning: Principles, Procedures and Approaches*, Asian Development Bank, GIWP, UNESCO, and WWF-UK, Paris, 2013. Memorial of Malaysia, submitted by the Government of Malaysia, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), vol. 1, 2 November

sebaliknya iaitu tentang kawasan yang tersebut dalam Perjanjian 22 Januari 1878, termasuklah pulau-pulau yang tersebut dalam perjanjian tersebut.<sup>60</sup> Percanggahan hujah tentang garisan-garisan tentang peta ini telah menyebabkan menyebabkan isu peta ini ditarik balik daripada *Explanatory Memorandum No. 3* tersebut.

*Explanatory Memorandum No.3* bertarikh 25 Julai 1891 menjelaskan bahawa peta ini penting kerana ia menunjukkan garisan-garisan latitud 1°, 2° dan 3° sebagai kompromi yang dituntut oleh Belanda dan British. Namun akhirnya mesyuarat memutuskan garisan latitud 4° yang ditunjukkan dalam Konvensyen iaitu:

*The result of the negotiations about the boundary through the disputed area on the east coast is, that with the point of 4° 10' Northern latitude at the coast at Broershoek as starting point proposed by the British Government, the boundary is much favourable for the Dutch than the British desired".<sup>61</sup>*

Dalam pada itu *Explanatory Memorandum No. 3* bertarikh 25 Julai 1891 ini pula menyebut dengan jelas kepentingan peta ini sebagaimana berikut:

*This can be seen from the map attached to this Memorandum, on which are drawn: 1° the borderline, with Batoe Tinagat as starting point at the Eastern Coast, as advocated by the Dutch Government; 2° the borderline advocated by the British Government and the British North Borneo Company; 3° the*

---

1999, hlm. 89 pula menjelaskan seperti berikut: "An allocation treaty described a line of division on the sea, not for the purpose of dividing maritime areas, but for the purpose of allocating to one or the other State sovereignty over islands on one or other side of the line."

<sup>60</sup>Counter-Memorial of Malaysia, submitted by the Government of Malaysia, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), vol. 1, 2 August 2000, hlm. 31.

<sup>61</sup>*Explanatory Memorandum No. 3, ...*

*borderline proposed by the British Government as compromised;  
and 4° the borberline as described in the convention.*<sup>62</sup>

Peta ini telah dilukis dengan empat garisan dan garisan yang berwarna merah yang memanjang ke arah timur arah ke laut untuk jarak kira-kira sejauh 50 batu titik (*point*) di pantai timur Sebatik yang dicapai melalui garisan selari 4° 10' utara.<sup>63</sup> Garisan berwarna merah pada peta tersebut yang menunjukkan garisan sempadan yang telah ditetapkan dalam Konvensyen 1891 tersebut. Dalam perbincangan dua hala antara Belanda dan British, pihak Belanda sememangnya tergantung kepada peta ini kerana peta ini ditafsirkan menunjukkan hasrat kedua-dua pihak untuk meletakkan semua pulau yang terdapat di selatan garisan Hindia Timur Belanda, iaitu Indonesia.

Sebenarnya tafsiran terhadap garisan dalam peta ini tidaklah boleh dibuat sewenang-wenangnya khususnya oleh pihak Belanda memandangkan peta ini tidak dilampirkan bersama-sama Konvensyen tersebut dan tidak dirujuk sama ada dalam Konvensyen itu sendiri atau semasa kerja-kerja pengukuran dahulu. Pada dasarnya peta ini disediakan oleh satu pihak sahaja iaitu Belanda sebagai satu dokumen yang bertujuan ilustrasi dalam sesi pembentangan semasa persidangan Parlimen Belanda.

Peta yang ditunjukkan dan dibentangkan dalam persidangan Parlimen Belanda ini disediakan tiga hari iaitu pada 23 Jun 1891, iaitu selepas Konvensyen 1891

---

<sup>62</sup>Ibid.

<sup>63</sup>Lampiran 5.2.

ditandatangani adalah merupakan peta lukisan tangan pertama.<sup>64</sup> Peta ini tidak dipersetujui dan tidak pernah dibincangkan oleh British dan Belanda dan, juga tidak pernah diserahkan secara rasmi kepada British untuk perundingan bersama malah peta ini tidak pernah ada semasa Konvensyen 1891 ditandatangani pada 20 Jun 1891.

Apa yang menarik di sini, walaupun tidak ada peta yang dilampirkan semasa Konvensyen 1891 ditandatangani pada 20 Jun 1891, kedua-dua pihak dengan jelas dapat menjangkakan kedudukan sebenar garis sempadan ditentukan oleh kedua-dua pihak dan ini telah ditetapkan dalam Artikel V Konvensyen 1891, iaitu “*The exact positions of the boundary line, as described in the four preceding Articles, shall be determined hereafter by mutual agreement, at such times as the Netherland and the British Government may think fit.*”

Peta ini juga tidak menunjukkan pulau-pulau yang menjadi rebutan kedua-dua pihak manakala frasa “*four preceding Articles*” itu sebenarnya meliputi Artikel IV iaitu berkaitan dengan garisan ke Pulau Sebatik. Ini membuktikan juga bahawa frasa “*the exact position*” telah menetapkan garisan sempadan dalam Perkara V untuk membuat penentuan. Manakala garis sempadan latitud 4° 10’ utara yang berwarna biru dalam peta lampiran 5.2 adalah garisan yang pendek menghala ke laut yang hanya melepasi Batu Tinagat, iaitu titik terakhir di pesisir yang dituntut oleh Belanda.

---

<sup>64</sup>Untuk maklumat lanjut tentang draf peta yang dilukis tangan, lihat 6.2: Insert 15 (First Draft of the Internal Dutch Map).

Selain perbincangan yang berkaitan dengan peta, Memorandum Penerangan Belanda Bilangan 3 (*The Dutch Explanatory Memorandum No.3*)<sup>65</sup> juga telah diserahkan kepada Parlimen Belanda pada 25 Julai<sup>66</sup> bersama-sama dengan dokumen Konvensyen 1891 yang ditandatangani pada 20 Jun 1891.

Dokumen *The Explanatory Memorandum* banyak memberi penjelasan tentang pengesahan Konvensyen 1891 yang dibuat antara Belanda dan British pada 20 Jun 1891 dan penentuan sempadan antara kawasan milik Belanda di Pulau Borneo dan kawasan naungan British.<sup>67</sup> Ia juga merupakan laporan rasmi yang ketiga Parlimen Belanda bagi sesi 1890-1891: 187.

Meneliti *The Dutch Explanatory Memorandum* ini juga dapat dikesan pihak Belanda telah mengakui kelemahannya dalam hal ehwal membuat tuntutan di kawasan yang bertindih itu. Pengakuan Belanda adalah berikut:

*A local inspection carried out by the deputy assistant resident of Koetei revealed that the Bajaus who live on the islands located at the North-Eastern coast of Borneo, which belong to the sultanate of Solok, are still continuously collecting forest poroduct in the disputed area without being concerned about the Sultan of Boeloengan whatsoever. Because of this and also because of the absence of any documents between the sultanates of Boeloengan and Solok, it was considered very difficult indeed to determine the extent of the area of Boeloengan.*<sup>68</sup>

---

<sup>65</sup>*Explanatory Memorandum, No. 3,...*

<sup>66</sup>Ibid.

<sup>67</sup>Ibid.

<sup>68</sup>Ibid.



Pihak Belanda juga mengakui bahawa sempadan Belanda adalah "*according to the contract made with the Sultan of Bulungan at the coast is formed by the Batoe Tinagat and further inland by the Tawao River*" sahaja.<sup>69</sup> Dengan ini jelas menunjukkan bahawa *The Dutch Explanatory Memorandum* memberi penjelasan tentang kawasan pertikaian iaitu merujuk kepada kawasan sebagai "kawasan pertikaian di antara Tawau dan Sungai Sibuku".<sup>70</sup> Memorandum ini juga menjelaskan bahawa pertikaian ini secara eksklusifnya merujuk kepada pertikaian di kawasan sempadan daratan (*land boundary dispute*) . Ia bertujuan untuk memperoleh hak pengurusan persempadanan oleh pihak Belanda yang berhasrat untuk mendapatkan kawasan di Borneo Utara bermula dari kawasan pantai timur hinggalah ke kawasan pantai barat.<sup>71</sup>

Pihak Belanda menyedari bahawa kaum Bajau memungut hasil hutan di kawasan pantai timur Borneo Utara yang dalam kawasan Sulu (iaitu kawasan yang dituntut oleh British) dan usaha kaum Bajau ini tidak ditentang oleh pihak Belanda yang mendakwa kawasan tersebut adalah dalam pemilikan Sultan Bulungan. Pihak Belanda juga tidak boleh mengambil apa-apa tindakan kerana tidak ada apa-apa dokumen untuk menyokong kawasan ini kawasan Belanda berbanding pihak British mempunyai Surat Pemberian Sultan Sulu yang ditandatangani pada 22 Januari 1878.<sup>72</sup> Ketiadaan dokumen ini sangat sukar bagi pihak Belanda untuk menentukan kawasan milik Sultan Bulungan itu.

---

<sup>69</sup>Ibid.

<sup>70</sup>Ibid.

<sup>71</sup>Ibid., hlm. 100.

<sup>72</sup>*Grant by Sultan of Sulu of Territories and Lands on the Mainlands of the Island of Borneo* pada 22 Januari 1878.

Pihak Belanda juga seterusnya mengakui kelemahan ini dengan merujuk kepada garisan-garisan yang berbeza yang dikemukakan pada peta dalaman Belanda (*Internal Dutch Map*) itu. Pihak Belanda memahami bahawa:

*If a comparison of these different lines appears to give the impression that the Dutch have given up a part of its territory, we should not forget that before there was a dispute about the boundary, the Dutch Government has never paid much attention to her territory at the Eastern coast of Borneo which was unknown to her or moreover totally uninhabited; that the rights of the Sultan Boelongan on the disputed area cannot be called indisputable and finally that instead of a highly uncertain boundary through a stretch of mostly inaccessible land which was unknown, there is now accepted a quite correctly described borderline which makes an end to all difficulties in the future, not only concerning the part of Borneo which was connected with the dispute but also concerning the whole island.<sup>73</sup>*

Sesuatu yang menarik dari pengakuan kelemahan pihak Belanda ini ialah berdasarkan peta dalaman Belanda (*Internal Dutch Map*),<sup>74</sup> iaitu dengan garis-garis sempadan yang dilakar itu telah menimbulkan perbandingan<sup>75</sup> dan pihak Belanda sendiri tidak pernah memberi perhatian terhadap wilayah Pantai Timur Borneo ini yang dikatakan dimiliki Sultan Bulungan itu. Bagi Belanda garisan-garisan yang dilakar ini menimbulkan kesukaran bukan sahaja pada masa pertikaian yang sedang dihadapi tetapi juga pada

---

<sup>73</sup>*Explanatory Memorandum No. 3, ...*, hlm. 101.

<sup>74</sup>Lihat Lampiran 5.2 dan Lampiran 5.4.

<sup>75</sup>*Report of Dutch Parliamentary Committee to study the Government Proposal to Ratify the 1891 Boundary Agreement, December 2, 1891, "Session 1891-1982: Ratification of the agreement concluded between the Netherlands and Great Britain/Ireland on 20<sup>th</sup> July 1891 and defining the boundaries between the Dutch Possessions on the islands of Borneo and the British Protectorate States on the said Island"* dlm. *Memorial of Malaysia*, (Buku C) vol. 3, 2 November 1999, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Submitted by the Government of Malaysia, Annex 52.

masa hadapan. Bagi Belanda kekeliruan ini bukan pada kawasan Pantai Timur Borneo Utara sahaja tetapi seluruh Pulau Borneo.<sup>76</sup>

Berhubungan dengan garisan yang melepasi daratan dan menghala ke Pulau Sebatik, Memorandum tersebut tidak pula mengandungi sebarang catatan tentang peruntukan luar pesisir dan ini dikesan dalam memorandum tersebut yang antara lain mencatat sebagaimana berikut:

*Therefore from this side there is the preference to have the island which is totally uninhabited parted in two with parallel of 4° 10' as the boundary between the two parts: because of this partition the Dutch and the British North Borneo Company would have that part of the island which consists of the bank of the fairway along which either of them has to reach the coastal area they possess; this is fair and rational.*<sup>77</sup>

Ini dapat dirumuskan bahawa Memorandum Penerangan Belanda Bilangan 3 (*The Dutch Explanatory Memorandum No. 3*) tidak membincangkan soal garisan di luar pesisir. Memorandum hanya membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan penentuan kawasan pertikaian sempadan di Borneo dan Pulau Sebatik iaitu sebagai kawasan pertikaian di Pantai Timur Borneo Utara.

Berikut dengan pembentangan Memorandum Penerangan Belanda (*The Dutch Explanatory Memorandum No. 3*), satu jawatankuasa yang terdiri daripada lima ahli Parlimen<sup>78</sup> telah ditugaskan untuk meneliti isu-isu yang berkaitan dengan pertikaian

---

<sup>76</sup>*Explanatory Memorandum No. 3*, ..., hlm. 101.

<sup>77</sup>Ibid.

<sup>78</sup>Nama-nama ahli Parlimen ini tidak disebut dalam dokumen yang dikaji.

sempadan ini dengan memberi tumpuan kepada Pulau Sebatik.<sup>79</sup> Pembahagian Pulau Sebatik seperti yang ditunjukkan melalui dalam Peta Dalaman Belanda itu telah menimbulkan keraguan dalam kalangan jawatankuasa ini. Mereka khawatir akan timbul masalah pertikaian sempadan yang baharu. Walau bagaimanapun, keraguan ini disangkal oleh ahli yang lain. Mereka berpendapat bahawa sebahagian daripada Pulau Sebatik, iaitu di muara sungai di hujung pulau itu boleh dijadikan untuk pintu masuk untuk perdagangan dan ketenteraan.<sup>80</sup>

Selain laporan jawatankuasa yang terdiri daripada lima ahli Parlimen yang memberi laporan mereka dalam *The Dutch Explanatory Memorandum*, melalui *Memorandum in Response* bertarikh pada 20 Februari 1892,<sup>81</sup> dua orang menteri iaitu Sir Salisbury bagi mewakili pihak kerajaan British dan Count de Bylandt bagi mewakili pihak kerajaan Belanda telah memberi pandangan mereka tentang fungsi garisan yang merentasi Pulau Sebatik ini hanya sebagai pembahagian pulau tersebut sahaja. Kedua-dua menteri ini

---

<sup>79</sup>Lihat Memorial of Malaysia, vol. 1..., hlm. 101.

<sup>80</sup>*Report of Dutch Parliamentary Committee to study the Government Proposal to Ratify the 1891 Boundary Agreement, December 2, 1891,...*

<sup>81</sup>*Memorandum in Response dated 20 February 1892, Ratification of the Agreement concluded between the Netherlands and the Great Britain/Ireland on 20 June, 1891 and Defining the Boundaries between the Dutch Possessions on the Island of Borneo and the British Protectorate States on the said Island, February 20, 1892, "Session 1891-1892: Ratification of the Agreement between the Netherlands, Great Britain and Ireland concluded on 20<sup>th</sup> June 1891 in London for the Purpose of establishing the borders Dutch Colonial and possessions on the Island of Borneo and those States on the said Island which are British Protectorates"* dlm. *Memorial of Malaysia*, (Buku C) vol. 3, 2 November 1999, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Submitted by the Government of Malaysia, Annex 53.

memberi pandangan penting mereka secara khusus mengenai Artikel V Konvensyen 1891,<sup>82</sup> mereka secara khusus mengemukakan pandangan berikut:

*During the above-mentioned survey conducted on the east coast of Borneo by Dutch and British marine officers, the border points at Broershoek and on both shores of the island of Sebittik were indicated on the territory of poles.<sup>83</sup> Report of Dutch Parliamentary Committee to study the Government Proposal to Ratify the 1891 Boundary Agreement, December 2, 1891* pula adalah laporan jawatankuasa ahli parlimen Belanda dan tindak balas mereka terhadap isu-isu yang ditimbulkan dalam *Explanatory Memorandum No. 3 of the Dutch Government submitted to the Dutch Parliament accompanying the 1891 Convention, on July 25, 1891.*

*Report of Dutch Parliamentary Committee to study the Government Proposal to Ratify the 1891 Boundary Agreement, December 2, 1891* yang ditandatangani oleh Van Tienhoven, Menteri Hal Ehwal Luar Belanda dan Van Dedem, Menteri Tanah Jajahan mengakui bahawa kelebihan utama Konvensyen ini telah dapat menghapuskan semua ketidaktentuan yang berkaitan dengan pemilikan Belanda di Borneo.<sup>84</sup> Pihak Belanda juga membuat pengakuan mereka akan menghalang mana-mana yang menentang ratifikasi ini dengan menyatakan “*The fact that the above acknowledgement came from all quarters enables us to cherish the expectation that, generally speaking, there is a willingness to step over any obstacles which might exist in the minds of those opposed to*

---

<sup>82</sup>Artikel V Konvensyen 1891 ialah “*The exact positions of the boundary-line, as described in the four preceding Articles, shall be determined hereafter by mutual agreement, at such times as the Netherland and the British Government may think fit.*” Lihat FO 12/88, Convention between Great Britain and the Netherlands Defining Boundaries in Borneo, dated 20 June 1891. Lihat Artikel I hingga V Konvensyen 1891.

<sup>83</sup>*Memorandum in Response dated 20 February 1892, ...*

<sup>84</sup>*Report of Dutch Parliamentary Committee to study the Government Proposal to Ratify the 1891 Boundary Agreement December 2, 1891, ...*

*the ratification of this agreement.”<sup>85</sup> Kedua-dua menteri ini juga mendesak supaya mereka dibenarkan untuk turut sama berunding dalam penentuan pemilikan Belanda di Borneo dan mengemukakan pandangan berikut: “it should be remembered here that the negotiations on the definition of the boundary for the entire island did not take all that long, and the questions here is whether the advantage to the Netherlands included in this would have been obtained if the Dutch Government had not awaited the correct moment.”<sup>86</sup>*

Pasukan penyedia laporan ini selanjutnya berpandangan bahawa Batu Tinagat menjadi titik penyelesaian pertikaian ini. Pandangan ini dizahirkan dalam laporan berikut:

*It is difficult to endorse that which was reported as being the opinion of the several member with regard to the viewpoint assumed by ourselves right from the beginning during the entire negotiations. Our rights to the entire islands of Borneo were never brought forward during these negotiations, simply because our rights have been extended over the entire islands. With regard to the issue of the east coast border, the Dutch assumed that our territorial rights extend as far as Batu Tinagat.<sup>87</sup>*

Pasukan ini selanjutnya mengemukakan laporan tentang satu insiden polis tentera SBUB di kawasan yang dipertikaikan, iaitu:

*The remark that if the attack carried out by military police of the British North Borneo Company, which reported in Provisional Account and which took place on the disputed Dutch territory, really had taken place, the Dutch Government should be satisfied which a mere expression of regret, is considered by the undersigned to be entirely justified.<sup>88</sup>*

---

<sup>85</sup>Ibid.

<sup>86</sup>Ibid.

<sup>87</sup>Ibid. hlm. 98.

<sup>88</sup>Ibid. Mengikuti Memorandum in Response dated 20 February, laporan insiden polis tentera ini tidak ada dalam keterangan *Explanatory Memorandum No. 3 of the Dutch Government submitted to the Dutch Parliament accompanying the 1891 Convention, on July 25, 1891*. Insiden ini ialah satu penemuan

Dalam insiden ini, polis tentera SBUB telah menyerang suku kaum Sematalun Dayak dalam kawasan pertikaian British-Belanda.<sup>89</sup> Apabila peristiwa ini berlaku dalam kawasan pertikaian kedua-dua pihak menyemak semula kawasan yang sekian lama dipertikaian ini adalah berdasarkan salah faham sempadan. Permulaan salah faham ini (*the origin of the misunderstanding*) disebabkan tafsiran yang berbeza terhadap peta terdahulu yang menandakan kawasan timur Batu Tinagat sebagai Sungai Sibuku.<sup>90</sup> Oleh yang demikian, berikutan dengan peristiwa serangan ini, perundingan terhadap kawasan ini telah dibuka semula.

Seterusnya *Report of Dutch Parliamentary Committee to study the Government Proposal to Ratify the 1891 Boundary Agreement, December 2, 1891* juga membincangkan perkara-perkara dan isu-isu yang dijelaskan dalam *Explanatory Memorandum No. 3 of the Dutch Government submitted to the Dutch Parliament accompanying the 1891 Convention, on July 25, 1891* iaitu mengenai peta khususnya tentang garisan biru dalam peta tersebut, penyelesaian pertikaian di Batu Tinagat, pembahagian garisan di Pulau Sebatik dan Perjanjian 1824.<sup>91</sup>

---

yang dilaporkan oleh Van Tienhoven, Menteri Hal Ehwat Luar Belanda dan Van Dedem, Menteri Tanah Jajahan. Walau bagaimanapun insiden ini dijelaskan oleh Suruhanjaya Wartawan dalam *Memorandum in Response dated 20 February 1892, Ratification of the Agreement concluded between the Netherlands and the Great Britain/Ireland on 20 June, 1891 and Defining the Boundaries between the Dutch Possessions on the Island of Borneo and the British Protectorate States on the said Island, February 20, 1892.*

<sup>89</sup>Peristiwa ini asalnya dilaporkan dalam *Colonial Report of the Dutch East Indies for 1891*, perenggan ke-2, halaman 15. Lihat Ibid.

<sup>90</sup>Peta yang disebut sebagai peta terdahulu yang menandakan kawasan timur Batu Tinagat sebagai Sungai Sibuku telah ditunjukkan oleh Mr. Versteeg, Pengerusi *Geological Society*. Lihat Ibid.

<sup>91</sup>*Report of Dutch Parliamentary Committee to study the Government Proposal to Ratify the 1891 Boundary Agreement December 2, 1891, ...*

Berkaitan dengan isu peta, Laporan Jawatankuasa Parlimen Belanda menyatakan bahawa British telah mencabar peta yang dikemukakan oleh Belanda. Bagi Belanda, peta ini mendefinisikan bahawa sempadan Belanda adalah sejauh ke selatan menghala ke Sungai Sibuku. Merujuk kepada garisan biru dalam peta itu pula, Belanda menuntut supaya garisan biru ini menjadi asas dalam perbincangan penyelesaian sempadan dan dijadikan sempadan dalam penyelesaian sempadan di Pantai Timur Borneo Utara.<sup>92</sup>

Berkaitan dengan isu Batu Tinagat pula, aporan ini berpendapat Batu Tinagat menjadi titik penyelesaian pertikaian ini, iaitu dengan menyatakan “*With regard to the issue of the east coast border, the Dutch assumed that our territorial rights extend as far as Batu Tinagat*”.<sup>93</sup>

Berhubungan dengan pembahagian sempadan di Pulau Sebatik pula, isu pertikaian sempadan yang melibatkan pulau ini, pihak yang bertanggungjawab (*the undersigned*) menyediakan aporan ini merasakan bahawa ianya tidak mendatangkan apa-apa yang berbahaya kerana bagi mereka ia jelas mengikut garisan lurus 4° 10” utara yang telah dipersetujui.<sup>94</sup>

---

<sup>92</sup>Ibid.

<sup>93</sup>Ibid.

<sup>94</sup>Ibid., hlm. 100.



Isu pembahagian sempadan di Pulau Sebatik sebenarnya telah ditimbulkan dalam *Provisional Account*.<sup>95</sup> Perkara ini timbul apabila pihak yang bertanggungjawab merujuk kepada Laporan Kolonial 1884 (*1884 Colonial Report*)<sup>96</sup> yang terdapat dalam *Provisional Account*. Dalam Laporan Kolonial 1884 terdapat kenyataan yang mengatakan bahawa Pulau Sebatik dan keseluruhan Borneo telah diberi pajak oleh Sultan Bulungan kepada seorang warganegara Banjarmasin. Walau bagaimanapun tiada bukti selain daripada kenyataan dalam Laporan Kolonial 1884 yang menunjukkan bahawa warganegara Banjarmasin itu berurusan dengan pihak Kesultanan Bulungan dan Belanda dalam hal ehwal pemajakan Pulau Sebatik dan Borneo ini.<sup>97</sup> Akhirnya dalam *Report of Dutch Parliamentary Committee to study the Government Proposal to Ratify the 1891 Boundary Agreement December 2, 1891*, “*Session 1891-1892: Ratification of the agreement concluded between the Netherlands and Great Britain/Ireland on 20<sup>th</sup> July 1891 and defining the boundaries between the Dutch Possessions on the islands of Borneo and the British Protectorate States on the said Island*” pihak Belanda memutuskan bahawa:

*Government is notified as soon as possible of all contracts with the native sovereigns throughout the East Indies Archipelago, as well as all declarations made by the said sovereigns concerning the acknowledgement of Dutch supremacy, in accordance with Article 3, para 2 of the 1824 Treaty.*<sup>98</sup>

---

<sup>95</sup>Untuk maklumat lanjut tentang *Provisional Account*, lihat *ibid.*, hlm. 100.

<sup>96</sup>Untuk lanjut tentang Laporan Kolonial 1882 (*1884 Colonial Report*), lihat *ibid.*, hlm. 100.

<sup>97</sup>*Ibid.*

<sup>98</sup>*Ibid.* Para 2 Artikel III Perjanjian 1824 berbunyi:

Maka adalah difahami bahawa sebelum pengikatan Persetiaan ini, perhubungan telah dibuat oleh setiap Pihak Penjanji dengan pihak yang satu lagi tentang segala Persetiaan atau Perjanjian yang wujud antara setiap mereka dengan mana-mana Kuasa Peribumi di Laut Timur dan bahawa perhubungan

Bagi isu Perjanjian 1824 pula, terdapat pandangan beberapa ahli supaya pihak Belanda membuat ketetapan bahawa Perjanjian 1824 ini tidak terpakai kepada Borneo.

Pandangan ini adalah merujuk kepada Artikel XV Perjanjian 1824<sup>99</sup> iaitu;

*The High Contracting Parties agree that none of the Territories of Establishments mentioned in Articles VIII, IX, X, XI, and XII shall be, at any time, transferred to any other power. In case of any of the said Possessions being abandoned by one of the present Contracting Parties, the right of occupation thereof shall immediately pass to other.*<sup>100</sup>

Sebenarnya pandangan beberapa ahli ini bercanggah dengan Artikel XII Perjanjian 1824 yang menyebut "...atau di mana-mana pulau lain di selatan Selat Singapura, dan tiada apa-apa Persetiaan akan diikat oleh Pihak Berkuasa British dengan para Pembesar pulau-pulau itu."<sup>101</sup> Frasa ini sebenarnya mengesahkan British telah berada di Borneo.<sup>102</sup> Melalui Perjanjian 1824 juga kedua-dua pihak telah membuat kesimpulan bahawa:

---

itu hendaklah dibuat berkaitan dengan segala Persetiaan yang diikat oleh mereka masing-masing selepas sini.

Lihat *Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia, 2008, hlm. 21-24. Perjanjian 1824 versi bahasa Melayu adalah terjemahan daripada versi bahasa Inggeris yang terdapat dalam G. W. Maxwell & W. S. Gibson (eds.), *Treaties and engagements affecting the Malay states and Borneo*, Sufflok Lane: Jas. Truscott & Son Ltd., 1924, hlm. 9-12.

<sup>99</sup>*Report of Dutch Parliamentary Committee to study the Government Proposal to Ratify the 1891 Boundary Agreement December 2, 1891, ...*, hlm. 99.

<sup>100</sup>G. W. Maxwell & W. S. Gibson (eds.), *Treaties and engagements affecting the Malay states and Borneo*, Sufflok Lane: Jas. Truscott & Son Ltd., 1924, hlm. 11.

<sup>101</sup>*Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia...*, hlm. 9-12.

<sup>102</sup>FO 12/86. E. Hertslet, "Borneo – Memorandum on the political, strategical, and commercial advantages to Great Britain of the Northern Part of Borneo; as well as on the Right of Holland, under the Treaty of 1824, to oppose the Occupation of any portion of that Territory by Great Britain" bertarikh 4 November, 1879, hlm. 177. Lihat juga *The British North Borneo Herald*, "The North Borneo Question", 1 Julai 1888, hlm. 444. Dalam surat khabar ini menyebut, "That documents defined the limits of British and Dutch influence within the Indian Archipelago. But the terms of the treaty happen to be so laesely worded that

*“...respecting territories and commercial in the East Indies, in which it was agreed that no Treaty there after made by either country with any native power in the Eastern Sea should contain any article tending either expressly, or by the imposition of unequal duties to exclude the trade of the other party from the profits of such native Power, and that the officers and agents of the two governments should form no settlements “on any of the islands in the Eastern Seas” without the previous authority of their Government in Europe.*<sup>103</sup>

Sememangnya Perjanjian 1824 ini tidak menyebut secara khusus nama Borneo. Tetapi frasa “atau di mana-mana pulau lain di selatan Selat Singapura”<sup>104</sup> adalah ditafsirkan dan merujuk kepada Borneo. Ketidadaan nama Sabah atau Borneo dalam Perjanjian 1824 dan diakui tidak dimasukkan dalam Perjanjian tersebut<sup>105</sup> dan ini sebenarnya telah menimbulkan perdebatan seperti yang ditunjukkan dalam memorandum yang dikeluarkan oleh British tentang kelebihan dari segi perdagangan, strategik dan politik bahagian utara Borneo serta hak Belanda mengikut Perjanjian 1824 yang untuk

---

*Borneo is not once mentioned in the documents”*. Lihat juga G. Irwin, *Borneo abad kesembilan belas: Kajian mengenai persaingan diplomatik* (terj. Mohd. Nor Ghani dan Noraini Ismail), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1986, hlm. 79 dan B. W. & L. Y. Andaya, *Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Macmillan Publishers (M) Sdn. Bhd., 1983, hlm. 144.

<sup>103</sup>FO 12/86. E. Hertslet, “Borneo – Memorandum on the political, strategical, and commercial advantages to Great Britain of the Northern Part of Borneo; as well as on the Right of Holland, under the Treaty of 1824, to oppose the Occupation of any portion of that Territory by Great Britain” bertarikh 4 November, 1879, hlm. 33.

<sup>104</sup>Artikel XII Perjanjian 1824 dlm. *Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia*, ..., hlm. 21-24. Perjanjian 1824 versi bahasa Melayu adalah terjemahan daripada versi bahasa Inggeris yang terdapat dalam G. W. Maxwell & W. S. Gibson (eds.), *Treaties and engagements...*, hlm. 9-12.

<sup>105</sup>FO 12/86. E. Hertslet, “Borneo – Memorandum on the political, strategical, and commercial advantages to Great Britain of the Northern Part of Borneo; as well as on the Right of Holland, under the Treaty of 1824, to oppose the Occupation of any portion of that Territory by Great Britain” bertarikh 4 November, 1879, hlm. 33. Pada 17 Mac 1824, Perjanjian 1824 telah membuat kesimpulan bahawa kedua-dua pihak “...respecting territories and commercial in the East Indies, in which it was agreed that no Treaty there after made by either country with any native power in the Eastern Sea should contain any article tending either expressly, or by the imposition of unequal duties to exclude the trade of the other party from the profits of such native Power, and that the officers and agents of the two governments should form no settlements “on any of the islands in the Eastern Seas” without the previous authority of their Government in Europe”.

menentang pendudukan mana-mana bahagian wilayah tersebut oleh British.<sup>106</sup> Apabila Perjanjian 1824 ini tidak langsung menyebut Borneo secara jelas dan tersurat,<sup>107</sup> British dan Belanda masing-masing tidak ada pengaruh dan yurisdiksi dan dengan demikian hubungannya pengaruh Belanda dan British adalah samar-samar.<sup>108</sup> Ini juga dapat dilihat pengakuan British dalam akhbar rasminya *The British North Borneo Herald* di Borneo Utara yang bertajuk “The North Borneo Question”. Akhbar ini menyebut, “*That documents defined the limits of British and Dutch influence within the Indian Archipelago. But the terms of the treaty happen to be so loosely worded that Borneo is not once mentioned in the documents*”.<sup>109</sup> Apa-apapun, sesuatu yang menarik, dokumen *Report of Dutch Parliamentary Committee to study the Government Proposal to Ratify the 1891 Boundary Agreement, December 2, 1891* ini melaporkan bahawa kedua-dua pihak bersetuju untuk menyelesaikan masalah pertikaian ini secara baik.<sup>110</sup>

*Memorandum in Response dated 20 February 1892, Ratification of the Agreement concluded between the Netherlands and the Great Britain/Ireland on 20 June, 1891 and*

---

<sup>106</sup>FO 12/86, Foreign Office Memorandum, 16 Disember 1841 dan FO 12/86: E. Hertslet, 4 November, 1879: Borneo – Memorandum on the political, strategical, and commercial advantages to Great Britain of the north part of Borneo; as well as on the right of Holland, under the Treaty of 1824; to oppose the occupation of any portion of that territory by Great Britain, bertarikh 4 November 1879. hlm. 145-182.

<sup>107</sup>FO 12/86. E. Hertslet, “Borneo – Memorandum on the political, strategical, and commercial advantages to Great Britain of the Northern Part of Borneo; as well as on the Right of Holland, under the Treaty of 1824, to oppose the Occupation of any portion of that Territory by Great Britain” bertarikh 4 November, 1879, hlm. 177.

<sup>108</sup>B. W. & L. Y. Andaya, *Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Macmillan Publishers (M) Sdn. Bhd., 1983, hlm. 144.

<sup>109</sup>*The British North Borneo Herald*, “The North Borneo Question”, 1 Julai 1888, hlm. 444.

<sup>110</sup>*Report of Dutch Parliamentary Committee to study the Government Proposal to Ratify the 1891 Boundary Agreement December 2, 1891, ..., hlm. 99.*

*Defining the Boundaries between the Dutch Possessions on the Island of Borneo and the British Protectorate States on the saids Island, February 20, 1892* ialah merupakan dokumen jawapan dan bertindak balas terhadap perkara-perkara dan isu-isu yang ditimbulkan dalam *Explanatory Memorandum No. 3 of the Dutch Government submitted to the Dutch Parliament accompanying the 1891 Convention, on July 25, 1891* dan *Report of Dutch Parliamentary Committee to study the Government Proposal to Ratify the 1891 Boundary Agreement, December 2, 1891*.

*Memorandum in Response dated 20 February 1892* juga menghasilkan penemuan yang dibuat secara pemerhatian terhadap penyiasatan terhadap rang undang-undang (*bill*) yang dikemukakan oleh jabatan-jabatan dalam dewan parlimen Belanda.<sup>111</sup> Penemuan awal dalam penyiasatan ini ialah bahawa jabatan-jabatan kerajaan Belanda menganggap dan juga ahli jawatankuasa yang terlibat dalam menyediakan Memorandum ini berpandangan bahawa Konvensyen ini boleh menyelesaikan masalah pemilikan Belanda di Borneo yang telah berlarutan sekian lama. Ini dapatlah diteliti isi kandungan Memorandum ini iaitu:

*All departments considered it to be an advantage that this treaty would put an end to the alleged uncertainty concerning the borders of the Dutch possessions in Borneo. However, a great many people did not wish this recognition of the said borders to be viewed as lengthy duration of the negotiations was deplored. In proof of the facts that it is most desirable that this question of the borders be settled once for all... (and)... Many members were of the opinion that arbitration should only be resorted to on condition that a settlement cannot be reached through amicable agreement, which was not the case in this instance, according to the agreement, put forward for ratification. The fact that a concession on our part had to be made was due to the nature of*

---

<sup>111</sup>*Memorandum in Response dated 20 February 1892*,..., hlm. 105.

*the affair. Any amicable agreement entails a partial sacrifice of presumed rights from both side.*<sup>112</sup>

Isi kandungan *Memorandum in Response* bertarikh 20 Februari 1892, selain yang dinyatakan di atas, ia juga melaporkan tentang semangat Perjanjian 1824 yang dipatuhi sebagaimana berikut:

*The question of how far Britain was justified in accepting protectorate of the northern part of Borneo arose in the majority of departments; some members bemoaned the fact that our Government did not lodge a protest against this on the grounds of the Treaty of London, dated 17th March 1824. In their opinion, infringement had been made, if not of the letter, of the spirit of this treaty, the tenor of which was to exclude any possibility of joint ownership, whilst the mainland should come under British rule and the islands under the Dutch rule. It is true that this agreement could no longer be referred to, but the said members nevertheless attached importance to the expression of their conviction regarding the interpretation of the 1824 Treaty, especially now that the Government still supports our own viewpoint on the matter in the Informative Memorandum added to the submittance of this Bill. Other members, on the other hand, were unable to agree with this opinion, and, like the Government, maintained that the 1824 Treaty does not apply to Borneo. Referring to the terms of the treaty, which they had in their hands they considered that it would be scarcely anything in favour...(and)... All the more since it has been decided once and for all that lies south of the new border should be recognised by the Great Britain as: "the Netherland possessions in the Islands of Borneo", although this recognition should have been expressed more clearly in the treaty. In this regard, therefore, it was felt to be desirable that the Government should make a declaration on the matter.*<sup>113</sup>

Selain empat perkara yang dilaporkan dalam *Memorandum in Response* bertarikh 20 Februari 1892 yang dinyatakan di atas, Memorandum ini juga menyentuh dua perkara

---

<sup>112</sup>Ibid.

<sup>113</sup>Ibid.

lagi iaitu tentang status kerajaan Bulungan dan hubungannya dengan Belanda serta status Batu Tinagat<sup>114</sup> dan kedudukan Pulau Sebatik.

Lima orang ahli Parlimen Belanda<sup>115</sup> iaitu Monsieur De Beaufort<sup>116</sup> Monsieur Veegues,<sup>117</sup> Monsieur Bool,<sup>118</sup> Van Tienhoven<sup>119</sup> dan Van Dedem<sup>120</sup> melaporkan dalam Memorandum ini bahawa mereka menolak sekeras-kerasnya pembahagian sempadan seperti yang terdapat dalam Konvensyen 1891), khususnya kawasan Tidong dan Pulau Sebatik yang dahulunya adalah dalam naungan kerajaan Bulungan. Hujah Belanda

---

<sup>114</sup>Catatan tentang Batu Tinagat ini adalah juga berdasarkan kenyataan dari *East Indies Statute Book 1849, no.14*. Lihat Ibid.

<sup>115</sup>Perdebatan ahli-ahli parlimen ini dibincangkan dalam Bab 6.

<sup>116</sup>FO 12/90, Foreign Office Political and Other Department – General Correspondence before 1906, Borneo, British North Borneo Company, 1892, “Surat H. Rumbold kepada Lord Salisbury, bertarikh 9 Mac 1892”.

<sup>117</sup>FO 12/90, Foreign Office Political and Other Department – General Correspondence before 1906, Borneo, British North Borneo Company, 1892, “Ratification of the Convention concluded in London on the 20<sup>th</sup> June 1891 between the Netherlands and Great Britain and Ireland for fixing the boundaries between the Netherlands Possessions in the Island of Borneo and the States in that Islands which are under the protection of Great Britain”.

<sup>118</sup>FO 12/90, Foreign Office Political and Other Department – General Correspondence before 1906, Borneo, British North Borneo Company, 1892, “Ratification of the Convention concluded in London on the 20<sup>th</sup> June 1891 between the Netherlands and Great Britain and Ireland for fixing the boundaries between the Netherlands Possessions in the Island of Borneo and the States in that Islands which are under the protection of Great Britain”.

<sup>119</sup>Counter-Memorial of Malaysia. International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), vol. 1, 2 August 2000, hlm. 18 dan Final Report of the Committee of Rapporteurs on the Bill to ratify the Agreement concluded between the Netherlands and Great Britain and Ireland to fix the boundaries between the possessions of the Netherlands on the island of Borneo and the States on that islands which are under British protection, adopted on 31 March 1892, dlm. Memorial, Submitted by the Government of the Republic of Indonesia, vol. 3, (Annexes 57 to 118), 2 Januari 1999, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Annex 85, hlm. 211.

<sup>120</sup>FO 12/90, Foreign Office Political and Other Department – General Correspondence before 1906, Borneo, British North Borneo Company, 1892, “Ratification of the Convention concluded in London on the 20<sup>th</sup> June 1891 between the Netherlands and Great Britain and Ireland for fixing the boundaries between the Netherlands Possessions in the Island of Borneo and the States in that Islands which are under the protection of Great Britain”.

kerana kawasan ini sebenarnya telah didaftar sebagai kawasan Belanda. Kawasan ini ditanda dengan garisan biru dalam peta yang disebut sebagai “Internal Dutch Map (1891).<sup>121</sup> Ahli-ahli ini membidas tentang penyerahan Batu Tinagat. Bagi mereka penyerahan ini tidak sepatutnya berlaku kerana:

- (1) pihak Belanda sudah memiliki kawasan selama 40 tahun,
- (2) bendera Belanda telah dinaikkan dalam kawasan ini sebagai tanda kedaulatan,
- (3) kawasan ini mempunyai arang batu,
- (4) sebuah kapal tentera ditempatkan di kawasan ini, dan
- (5) seorang pegawai Kerajaan Belanda telahpun ditempatkan.<sup>122</sup>

Berdasarkan alasan-alasan ini kawasan memang sah milik Belanda dan tidak sepatutnya diserahkan pihak British.

Walaupun dengan alasan ini, sebenarnya tidak dapat memastikan dan membuktikan status Batu Tinagat itu Belanda mempunyai hak sepenuhnya. Dalam keadaan beginipun ahli-ahli ini berkeras supaya Britain mengiktiraf status Batu Tinagat ini. Bagi mereka apabila keadaan seumpama ini berlaku mereka terpaksa menerima bahawa Batu Tinagat ini bukan milik Belanda lagi dan menerima hakikat bahawa Batu Tinagat tidak akan hilang dalam ingatan mereka. Bagi mereka dengan adanya persoalan pemilikan Batu Tinagat ini, wujudlah konvensyen ini. Ini menunjukkan bahawa Batu Tinagat ini

---

<sup>121</sup>Lihat Lampiran 4.2.

<sup>122</sup>*Memorandum in Response dated 20 February 1892,...*



mempunyai implikasi besar terhadap konvesyen dan hubungan dua hala British-Belanda.

Persoalan penyerahan Batu Tinagat ini juga diibaratkan sebagai sesuatu yang harus dibayar dengan harga yang tinggi. Ini kerana Batu Tinagat ini sangat strategik dengan kedudukan atas bukit dan menghadap ke Pulau Sebatik.<sup>123</sup> Walau bagaimanapun, dalam kalangan ahli tersebut telah memberi jawapan supaya Belanda terpaksa menyerah Batu Tinagat atas dasar pihak Belanda gagal membuktikan bahawa Batu Tinagat ini adalah dalam wilayah Kesultanan Bulungan pada satu ketika dahulu.<sup>124</sup> Secara sinis ahli ini memberi pandangan, sekiranya Batu Tinagat ini adalah sebuah padang pasir, semestinya Batu Tinagat ini tidak menarik minat British. Walau bagaimanapun usaha menyerahkan Batu Tinagat ini adalah dilihat satu usaha yang baik dan dapat menyelesaikan pertikaian British-Belanda yang telah memakan masa sekian lama, iaitu melebihi 40 tahun.<sup>125</sup>

Dalam perbincangan ini terdapat pertanyaan daripada para pegawai Belanda tentang keadaan sebenar di Batu Tinagat dan Tawau. Para pegawai ini juga ragu tentang pemisahan kedua-dua wilayah ini daripada Pulau Sebatik. Bagi mereka sekiranya perkara ini berterusan, akan menimbulkan komplikasi terhadap isu persempadan British-Belanda ini.<sup>126</sup> Keraguan ini mendapat tentangan daripada ahli-ahli lain, dan ahli-ahli yang menolak keraguan ini tidak berkongsi kebimbangan dalam isu yang dikatakan

---

<sup>123</sup>Lihat Lampiran 5.3.

<sup>124</sup>Perkara ini dinyatakan dalam *Informative Memorandum*. Lihat Ibid.

<sup>125</sup>Ibid.

<sup>126</sup>Ibid.

pemisahan kedua-dua wilayah ini daripada Pulau Sebatik menimbulkan komplikasi terhadap isu persempadan British-Belanda ini. Kumpulan yang menolak keraguan ini bahawa pemisahan kedua-dua wilayah ini daripada Pulau Sebatik adalah satu idea yang baik. Idea ini sekurang-kurangnya Belanda dapat kekal pemilikannya di sebahagian di Pulau Sebatik itu dan dengan keadaan ini Belanda dapat mengawal jalan masuk (*access*) ke tanah besar iaitu Batu Tinagat dan Tawau.<sup>127</sup>

Satu lagi persoalan yang diungkitkan oleh seorang ahli ialah tentang sama ada keseluruhan Pulau Sebatik sememangnya telah dipajak kepada Belanda yang tinggal di Banjarmasin. Soalan ini sebenarnya memberi jawapan tersendiri yang menyebabkan Belanda menyerahkan sebahagian daripada Pulau Sebatik kepada British.<sup>128</sup>

Kemudiannya *Ratification of the Agreement concluded between the Netherlands and Great Britain/Ireland on 20 June, 1891 and Defining the Boundaries between the Dutch Possessions on the Island of Borneo and the British Protectorate States on the said Island, February 20, 1892*, “*Session 1891-1892: Ratification of the Agreement between the Netherlands, Great Britain and Ireland concluded on 20<sup>th</sup> June 1891 in London for the Purpose of establishing the borders Dutch Colonial and possessions on the Island of Borneo and those States on the said Island which are British Protectorates*”<sup>129</sup> dikemukakan kepada *Second Chamber of the States-General* dan seterusnya pada 2

---

<sup>127</sup>Ibid.

<sup>128</sup>Ibid.

<sup>129</sup>Ibid.

Disember 1891 Suruhanjaya Wartawan (*Commission of Reporters*) membuat laporan kepada *Second Chamber of the States-General*.<sup>130</sup> Antara isi kandungan ialah:

*All departments considered it to be an advantage that this treaty would put an end to the alleged uncertainty concerning the borders of the Dutch possessions in Borneo. However, a great many people did not wish this recognition of the said borders to be viewed as lengthy duration of the negotiations was deplored. In proof of the facts that it is most desirable that this question of the borders be settled once for all... (and)... Many members were of the opinion that arbitration should only be resorted to on condition that a settlement cannot be reached through amicable agreement, which was not the case in this instance, according to the agreement, put forward for ratification. The fact that a concession on our part had to be made was due to the nature of the affair. Any amicable agreement entails a partial sacrifice of presumed rights from both side.*<sup>131</sup>

Pada 20 Mei 1892, pihak Belanda mengesahkan Konvensyen 1891 sebagai Statut Belanda. Statut Belanda 20 Mei 1892 ini telah memberi takrifan dan penerangan Artikel 1 Konvensyen 1891 iaitu "*The boundary between the Netherland possessions in Borneo and those of the British protected States in the same island shall start from 4'10' north latitude on the east coast of Borneo*" bahawa Belanda tidak pernah menuntut kawasan ini dan tidak pernah wujud pertikaian di kawasan ini.<sup>132</sup>

Seperti yang dinyatakan di atas tadi walaupun Konvensyen 1891 diluluskan oleh *Second Chamber of the Dutch Parliament* pada 8 Mac 1892,<sup>133</sup> kemudiannya pihak Belanda pula mengesahkan Konvensyen 1891 ini sebagai Statut Belanda pada 20 Mei

---

<sup>130</sup>Ibid.

<sup>131</sup>Ibid.

<sup>132</sup>Memorial of Malaysia, vol. 1, ..., hlm. 102.

<sup>133</sup>Ibid., hlm. 97.

1892, namun Belanda masih lagi mengambil inisiatif untuk memurnikan Konvensyen 1891 sebagai usaha dalam pelaksanaan Konvensyen 1891. Ini dapat dilihat adanya pengubahsuaian sempadan yang dituntut oleh Kesultanan Bulungan. Usaha ini supaya garisan tuntutan bersesuaian dengan apa yang terdapat dalam Konvensyen 1891 dan ini dilaksanakan dengan satu penerangan rasmi yang baharu tentang persempadanan yang ditandatangani pada 19 Jun 1893 dan dikenali sebagai *Description of th Boundaries of the Territory of Boelengan and List of the Islands*.<sup>134</sup> Dokumen ini menunjukkan penyerahan kawasan milik Kesultanan Bulungan iaitu oleh Mohamad Mimoedin Pangeran Mangkoe Sahoedin, Sultan Bulungan kepada Joekes, Residen Selatan dan Timur Borneo (*the Resident of the Southern and Eastern Division of Borneo*) yang menyebut secara khusus kawasan-kawasan dalam wilayah Bulungan ini, iaitu:

*The Islands of Tarakan and Nanoekan and that portion of the Islands of Sebitik situated to the south of the above boundary-line, described in the 'Indisch Staatsblad' of 1892, no.114, belong to to Boeloengan, as well as the small islands belonging to the above islands. So far as they are situated to the south of the boundary-line last mentioned.*<sup>135</sup>

Frasa "*the small islands belonging to the above islands*"<sup>136</sup> itu sebenarnya mencerminkan perkataan yang sama yang terdapat dalam "*Contract between the Netherlands and the Sultan of Boeloengan*" yang dibuat pada 1850 antara Kerajaan Hindia Timur Belanda yang diwakili oleh H. Van de Wall, Pengarah Awam Bahagian

---

<sup>134</sup>Description of th Boundaries of the Territory of Boelengan and List of the Islands Belonging Thereto Signed between Mohamad Mimoedin Pangeran Mangkoe Sahoedin and the Resident of the Southern and Eastern Division of Borneo, June 19, 1893 dlm. Memorial of Malaysia, vol. 3, ..., Annex 54.

<sup>135</sup>Ibid.

<sup>136</sup>Untuk maklumat lanjut tentang pulau-pulau kecil ini, lihat Peta Lampiran 5.4, Insert 7 "North-East Coast of Borneo". Lihat Memorial of Malaysia, vol. 1, ..., hlm. 32.

Timur Borneo (*The Civil Director of the Eastern Division of Borneo*)<sup>137</sup> dengan Mahammed Khahar-Oedien, Sultan Bulungan yang ditandatangani pada 12 November 1850. Artikel 2 perjanjian ini menyebut “*The following islands shall belong to Boeloengan, namely, Terakkan, Nenvoekkan, and Sebittikh, together with the small belonging to them*”.<sup>138</sup>

Dokumen berikutnya yang berkaitan dengan *Description of th Boundaries of the Territory of Boelengan and List of the Islands* ialah memorandum pemindahan yang dibuat oleh Meijer, Residen Selatan dan Timur Borneo (*the Resident of the Southern and Eastern Division of Borneo*) pada 2 Mac 1880.<sup>139</sup> Dalam memorandum Meijer membuat laporan bahawa “...*in the northern dominion, such as Berouw and Boeloengan where the the trade with the inhabitants of the Sulu archipelago consists mainly of exchanging goods for kidnapping people, who are sold in our territory slaves*.” Laporan ini menunjukkan bahawa terdapatnya hubungan perdagangan antara Kepulauan Sulu dan kawasan jajahannya di Borneo serta Bulungan tetapi tidak terdapat kawalan politik di kawasan Bulungan itu oleh pihak Belanda. Kontrak dan memorandum ini juga menunjukkan bahawa Konvensyen 1891 tidak memperuntukkan pulau-pulau itu kepada pihak Belanda atau Kesultanan Bulungan.

---

<sup>137</sup>Contract between the Netherlands and the Sultan of Boeloengan, November 12, 1850. Kontrak ini juga dikenal sebagai “Contract of Vassalage”.

<sup>138</sup>Ibid.

<sup>139</sup>Memorandum of Tranfer, Resident Meijer of the Resident of the Southern and Eastern Division of Borneo, March 2, 1880.

Setelah tiga dokumen ini *Explanatory Memorandum No. 3 of the Dutch Government submitted to the Dutch Parliament accompanying the 1891 Convention, on July 25, 1891*,<sup>140</sup> *Report of Dutch Parliamentary Committee to study the Government Proposal to Ratify the 1891 Boundary Agreement, December 2, 1891*<sup>141</sup> dan *Memorandum in Response dated 20 February 1892, Ratification of the Agreement concluded between the Netherlands and the Great Britain/Ireland on 20 June, 1891 and Defining the Boundaries between the Dutch Possessions on the Island of Borneo and the British Protectorate States on the saids Island, February 20, 1892*<sup>142</sup> diteliti, pada 8 Mac 1892, *Second Chamber of the Dutch Parliament* telah meluluskan Konvensyen 1891 manakala kedua-dua telah membuat pengesahan pada 11 Mei 1892.<sup>143</sup> Kelulusan dan pengesahan Konvensyen 1891 dibuat setelah pihak Belanda mendengar penerangan daripada Majlis Perundangan Negara (*the Council of State*) dan perbincangan dengan pihak British, Belanda menggazetkan Konvensyen 1891 sebagai dokumen tunggal (*sole article*) sebagaimana berikut:

*In this manner, We, having heard the Council of State, and after joint discussions with the States General, have approved and comprehended, as We approve and comprehend the following:*

*Sole article.*

*The agreement printed next to this law, concluded between the Netherlands and Great Britain/Ireland on 20<sup>th</sup> June 1891 in London and defining the borders separating Dutch possessions*

---

<sup>140</sup>*Explanatory Memorandum No. 3, ...*

<sup>141</sup>*Report of Dutch Parliamentary Committee to study the Government Proposal to Ratify the 1891 Boundary Agreement December 2, 1891, ...*

<sup>142</sup>*Memorandum in Response dated 20 February 1892, Ratification of the Agreement concluded between the Netherlands and the Great Britain/Ireland on 20 June, 189,...*

<sup>143</sup>*Memorial of Malaysia, vol. 1, ..., hlm. 97.*

*on the island of Borneo and the British Protectorate States on the said island, shall be approved.*<sup>144</sup>

## 5.6 Rumusan

Konvensyen 1891 yang ditandatangani oleh Sir Salisbury bagi mewakili pihak kerajaan British dan Count de Bylandt bagi mewakili pihak kerajaan Belanda di London pada 20 Jun 1891 akhirnya diluluskan oleh *Second Chamber of the Dutch Parliament* pada 8 Mac 1892 dan kedua-dua pihak telah membuat pengesahannya pada 11 Mei 1892. Dengan termeterainya Konvensyen itu, pertikaian sempadan atau lebih tepat lagi isu tuntutan bertindih antara British Borneo dengan Belanda Borneo di Pantai Timur Borneo yang melibatkan sempadan darat,<sup>145</sup> telah dapat diselesaikan dengan baik melalui rundingan berasaskan prinsip kompromi.

Setelah melalui beberapa prosedur, jelas menunjukkan bahawa Konvensyen 1891 telah menepati proses perundingan antara British dan Belanda. Dalam Konvensyen 1891 melalui Artikel I, ia menentukan titik permulaan persempadanan di pantai timur Borneo manakala Artikel II dan III menggambarkan arah (*course*) sempadan ke arah barat yang merentas tanah besar Borneo. Artikel IV Konvensyen 1891 pula menerangkan arah sempadan ke arah timur iaitu di Pulau Sebatik sebagai titik yang muktamad dan titik terakhir dalam urusan tuntutan pertindihan sempadan kedua-dua pihak, British-Belanda.<sup>146</sup>

---

<sup>144</sup>Dutch Decree of Ratification of the Anglo-Dutch Convention of 20 May 1892.

<sup>145</sup>*Explanatory Memorandum, No. 3...*

<sup>146</sup>Counter-Memorial of Malaysia, vol. 1, ..., 2 August 2000, hlm. 31. Apa sahaja kekaburan mungkin timbul daripada keterangan terhadap Artikel ini, telah terhapus dengan penerangan yang lebih tepat iaitu melalui perjanjian yang diadakan berikutnya pada 28 September 1915 yang menjelaskan titik permulaan adalah di pantai timur Pulau Sebatik dan garis sempadan barat di seluruh tanah besar Borneo. Untuk

Kedua-dua pihak pada keseluruhannya telah berpuas hati dengan penerangan seperti yang terdapat dokumen *Explanatory Memorandum No. 3 of the Dutch Government submitted to the Dutch Parliament accompanying the 1891 Convention, on July 25, 1891*,<sup>147</sup> dan laporan yang disediakan dalam *Report of Dutch Parliamentary Committee to study the Government Proposal to Ratify the 1891 Boundary Agreement, December 2, 1891*<sup>148</sup> serta kenyataan-kenyataan maklum balas yang terdapat dalam *Memorandum in Response dated 20 February 1892, Ratification of the Agreement concluded between the Netherlands and the Great Britain/Ireland on 20 June, 1891 and Defining the Boundaries between the Dutch Possessions on the Island of Borneo and the British Protectorate States on the saids Island, February 20, 1892*.

Ketiga-tiga dokumen ini membincangkan tentang Kesultanan Bulungan dan Sultan Sulu iaitu merujuk kepada “*Contract between the Netherlands and the Sultan of Boeloengan*” yang dibuat pada 1850 antara Kerajaan Hindia Timur Belanda yang diwakili oleh H. Van de Wall, Pengarah Awam Bahagian Timur Borneo (*The Civil Director of the Eastern Division of Borneo*)<sup>149</sup> dengan Mahammed Khahar-Oedien, Sultan Bulungan yang ditandatangani pada 12 November 1850 dan Surat Pemberian Sultan Sulu (1878)

---

maklumat lanjut, lihat FO 12/88, “Agreement between the United Kingdom and the Netherlands relating to the Boundary the State of North Borneo and the Netherlands Possessions in Borneo”, September 28, 1915.

<sup>147</sup>*Explanatory Memorandum No. 3, ...*

<sup>148</sup>*Report of Dutch Parliamentary Committee to study the Government Proposal to Ratify the 1891 Boundary Agreement December 2, 1891, ...*

<sup>149</sup>Contract between the Netherlands and the Sultan of Boeloengan, November 12, 1850. Kontrak ini juga dikenal sebagai “Contract of Vassalage”.



yang menjelaskan tentang SBUB hanya diberi hak untuk memperoleh pulau-pulau yang terletak dalam lingkungan tiga batu nautika sahaja,<sup>150</sup> isu peta, khususnya garisan biru dalam peta tersebut, penyelesaian pertikaian di Batu Tinagat, pembahagian garisan di Pulau Sebatik dan Perjanjian 1824.<sup>151</sup> Berdasarkan perkara-perkara yang dibincangkan dalam ketiga-tiga dokumen ini, khususnya apabila merujuk kepada Perjanjian 1824, “*Contract between the Netherlands and the Sultan of Boeloengan*” yang dibuat pada 1850 dan Surat Pemberian Sultan Sulu (1878) memperlihatkan bahawa Konvensyen 1891 ini mengambil kira elemen dan persoalan sejarah yang menjadi tunggak dan inti pati dalam Konvensyen ini.

Melihat kepada perbincangan melalui ketiga-tiga dokumen ini, ternyata Parlimen Belanda telah meneliti sebelum Konvensyen 1891 disahkan. Keinginan kedua-dua pihak untuk menyelesaikan ketidaktentuan sempadan melalui Konvensyen 1891 yang disahkan di Parlimen Belanda pada 11 Mei 1892 adalah untuk mengelak pertikaian pada masa hadapan. Dalam tahun 1892 banyak berlaku peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah pengurusan diplomasi hal ehwal pertikaian sempadan di Pantai Timur Borneo Utara pada tahun 1878 hingga 1915. Peristiwa-peristiwa ini sehingga termeterai Persetujuan 1915 yang menamatkan pertikaian sempadan di Pantai Timur Borneo Utara dibincangkan dalam Bab 6 berikutnya.

---

<sup>150</sup>*Grant by Sultan of Sulu of Territories and Lands on the Mainlands of the Island of Borneo* pada 22 Januari 1878.

<sup>151</sup>*Report of Dutch Parliamentary Committee to study the Government Proposal to Ratify the 1891 Boundary Agreement December 2, 1891,...*

## BAB ENAM

### PROSES PERSEMPADANAN WILAYAH PANTAI TIMUR ANTARA BRITISH DAN BELANDA PADA TAHUN 1892 HINGGA 1915

#### 6.1 Pengenalan

Tahun 1892 adalah antara tahun yang penting dalam sejarah persempadanan wilayah Pantai Timur antara British dan Belanda.<sup>1</sup> Tahun-tahun menunjukkan siri-siri perundingan seperti pada tahun 1889 telah diadakan “*Proceedings of the Joint Commission appointed by the British and Netherland Governments for considering the question of the Boundary between the Netherland Indian Possessions on the Island of Borneo and the Territory belonging to the British North Borneo Company*” pada 16 Julai, 19 Julai 1889 dan 27 Julai 1889.<sup>2</sup> British dan Belanda juga telah menandatangani *Convention between Great Britain and the Netherlands Defining Boundaries in Borneo* pada 20 Jun 1891. Konvensyen ini lebih dikenali sebagai Konvensyen 1891.<sup>3</sup> Peristiwa-peristiwa yang berlaku pada tahun 1889 dan 1891 tidak menemui penamatnya pada tahun-tahun tersebut. Oleh yang demikian, perbincangan pada tahun 1889 dibawa dalam Konvensyen 1891. Hatta Konvensyen 1891 pun dibawa ke tahun 1892 untuk diluluskan oleh *Second dan First Chamber of the Dutch Parliament* pada 8 Mac dan 1 April.<sup>4</sup> Tahun 1892 dan tahun-tahun berikutnya banyak memberi tumpuan kepada penilaian semula Konvensyen 1891

---

<sup>1</sup>Banyak rekod dan surat menyurat pada tahun ini terdapat dalam fail yang didaftarkan atas nama FO12/90: Foreign Office Political and Other Department – General Correspondence before 1906, Borneo, British North Borneo Company, 1892.

<sup>2</sup>Seperti yang telah dibincangkan dalam Bab 4.

<sup>3</sup>Seperti yang telah dibincangkan dalam Bab 5.

<sup>4</sup>Memorial of Malaysia, vol. 1., hlm. 97.

diikuti dengan kerja-kerja pengukuran sempadan dan berakhir dengan Persetujuan 1915 (*Agreement 1915*).

Bab ini membincangkan peristiwa-peristiwa yang berlaku sepanjang tempoh 1892 hingga 1915 seperti perdebatan di *Second* dan *First Chamber of the Dutch Parliament* pada 8 Mac dan 1 April, kerja-kerja pengukuran dan penandaan sempadan oleh Suruhajaya Persempadanan Belanda yang menjalankan Ekspedisi Persempadan Belanda (*Dutch Boundary Expedition*) selama 7 bulan 23 hari dan Persetujuan 1915 yang menamatkan pertikaian sempadan antara British-Belanda di Pantai Timur Borneo Utara.

## **6.2 Pembentangan Konvensyen 1891 di Dewan Parlimen Belanda**

Konvensyen takrifan sempadan di Borneo di antara Great Britain dan Netherlands atau *Convention between Great Britain and the Netherlands Defining Boundaries in Borneo* yang lebih dikenali sebagai Konvensyen 1891 telah ditandatangani oleh British dan Belanda pada 20 Jun 1891. Walaupun Konvensyen 1891 telah ditandatangani, ia tidak dapat dilaksanakan tanpa mendapat kelulusan daripada Dewan-Dewan Parlimen Belanda, iaitu *First Chamber* dan *Second Chamber of the Dutch Parliament*.<sup>5</sup> Kedua-dua pihak bersetuju mengadakan Konvensyen Persempadanan Borneo (*Borneo Boundary Convention*) yang tertangguh kerana pernah ditentang dan Jawatankuasa Perwakilan (*The Committee of the House*) ditugaskan mengambil peranan mengadakan Konvensyen ini dan seterusnya juga ditugaskan membuat laporan.<sup>6</sup> Atas kepentingan inilah pembentangan dan perbahasan tentang Konvensyen Persempadanan Borneo telah dipersetujui untuk

---

<sup>5</sup>CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, “Surat Pejabat Hal Ehwal Luar kepada Setiausaha SBUB, bertarikh 23 Jun 1891”.

<sup>6</sup>FO 12/90, Foreign Office Political and Other Department – General Correspondence before 1906, Borneo, British North Borneo Company, 1892, “Surat H. Rumbold kepada Lord Salisbury, bertarikh 23 Februari 1892”.

dibawa ke di *Second Chamber* pada 8 Mac 1892.<sup>7</sup> Konvensyen Persempadanan Borneo ini adalah juga atas keperluan untuk memenuhi syarat Konvensyen 1891 iaitu perlu dibentangkan dan dibahaskan di *Second Chamber* pada 8 Mac 1892<sup>8</sup> untuk membolehkan Konvensyen 1891 dilaksanakan. Ia kemudiannya dibawa ke *First Chamber* pada 1 April 1892 untuk kelulusan.<sup>9</sup>

Sementara itu Perbahasan di *Second Chamber of the Dutch Parliament* pada 8 Mac 1892 telah didokumenkan sebagai *Ratification of the Convention concluded in London on the 20<sup>th</sup> June 1891 between the Netherlands and Great Britain and Ireland for fixing the boundaries between the Netherlands Possessions in the Island of Borneo and the States in that Islands which are under the protection of Great Britain*.<sup>10</sup> Perbahasan ini telah disertai oleh Monsieur De Beaufort, Timbalan Parti Presiden Parti Liberal, Amsterdam,<sup>11</sup> Monsieur Veegues,<sup>12</sup> Monsieur Bool,<sup>13</sup> Van Tienhoven, Menteri Hal Ehwal Luar Belanda<sup>14</sup> dan Van Dedem, Menteri Jajahan.<sup>15</sup>

---

<sup>7</sup>FO 12/90, Foreign Office Political and Other Department – General Correspondence before 1906, Borneo, British North Borneo Company, 1892, “Surat H. Rumbold kepada Lord Salisbury, bertarikh 18 Mac 1892”.

<sup>8</sup>FO 12/90, Foreign Office Political and Other Department – General Correspondence before 1906, Borneo, British North Borneo Company, 1892, “Surat H. Rumbold kepada Lord Salisbury, bertarikh 18 Mac 1892”.

<sup>9</sup>Lihat Proceedings of the First Chamber of the States General, 1891-1892, 15<sup>th</sup> Meeting, 1 April 1891, Agenda item 43. II. Ratification of the Agreement concluded in London on 20 June 1891 between the Netherlands and Great Britain and Ireland to Fix of the Boundaries between the Possessions of the Netherlands in the Island of Borneo and the States on that Island which are under British Protectorate (4), dlm. Memorial (1999) . International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Submitted by the Government of the Republic of Indonesia. Vol. 3, (Annexes 57 to 118), 2 January.

<sup>10</sup>FO 12/90, Foreign Office Political and Other Department – General Correspondence before 1906, Borneo, British North Borneo Company, 1892, “Ratification of the Convention concluded in London on the 20<sup>th</sup> June 1891 between the Netherlands and Great Britain and Ireland for fixing the boundaries between the Netherlands Possessions in the Island of Borneo and the States in that Islands which are under the protection of Great Britain”.

<sup>11</sup>Monsieur De Beaufort dikenali sebagai seorang ahli politik yang terkemuka dan bersikap sederhana. FO 12/90, Foreign Office Political and Other Department – General Correspondence before 1906, Borneo, British North Borneo Company, 1892, “Surat H. Rumbold kepada Lord Salisbury, bertarikh 9 Mac 1892”.

Untuk perbahasan ini pihak British juga telah menyertakan dua buah peta untuk dibincangkan semasa di *Second Chamber*. Peta ini menunjukkan garisan sempadan yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak manakala satu peta lagi ialah cadangan persempadan.


---

<sup>12</sup>Dalam “Surat H. Rumbold kepada Lord Salisbury, bertarikh 9 Mac 1892”, FO 12/90, Foreign Office Political and Other Department – General Correspondence before 1906, Borneo, British North Borneo Company, 1892, “Ratification of the Convention concluded in London on the 20<sup>th</sup> June 1891 between the Netherlands and Great Britain and Ireland for fixing the boundaries between the Netherlands Possessions in the Island of Borneo and the States in that Islands which are under the protection of Great Britain”, jawatan Monsieur Veegues dicatat sebagai Menteri Hal Ehwal Luar. Bagi penulis, catatan ini salah kerana dalam Counter-Memorial of Malaysia. International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), vol. 1, 2 August 2000, hlm. 18, mencatatkan Van Tienhoven sebagai Menteri Hal Ehwal Luar Belanda.


<sup>13</sup>Jawatannya tidak dinyatakan dokumen FO 12/90, Foreign Office Political and Other Department – General Correspondence before 1906, Borneo, British North Borneo Company, 1892, “Ratification of the Convention concluded in London on the 20<sup>th</sup> June 1891 between the Netherlands and Great Britain and Ireland for fixing the boundaries between the Netherlands Possessions in the Island of Borneo and the States in that Islands which are under the protection of Great Britain”.

<sup>14</sup>Counter-Memorial of Malaysia. International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), vol. 1, 2 August 2000, hlm. 18 dan Final Report of the Committee of Rapporteurs on the Bill to ratify the Agreement concluded between the Netherlands and Great Britain and Ireland to fix the boundaries between the possessions of the Netherlands on the island of Borneo and the States on that islands which are under British protection, adopted on 31 March 1892, dlm. Memorial, Submitted by the Government of the Republic of Indonesia, vol. 3, (Annexes 57 to 118), 2 Januari 1999, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Annex 85, hlm. 211.

<sup>15</sup>FO 12/90, Foreign Office Political and Other Department – General Correspondence before 1906, Borneo, British North Borneo Company, 1892, “Ratification of the Convention concluded in London on the 20<sup>th</sup> June 1891 between the Netherlands and Great Britain and Ireland for fixing the boundaries between the Netherlands Possessions in the Island of Borneo and the States in that Islands which are under the protection of Great Britain”.




Rajah 6.1. Peta menunjukkan garisan sempadan yang telah dipersetujui British dan Belanda.<sup>16</sup>



**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

<sup>16</sup>FO 12/90, Foreign Office Political and Other Department – General Correspondence before 1906, Borneo, British North Borneo Company, 1892, “Surat H. Rumbold kepada Lord Salisbury, bertarikh 26 January 1892”. Kedua-dua peta ini juga telah diterbitkan dalam jurnal rasmi namun nama jurnal ini tidak dinyatakan.



Rajah 6.2. Peta menunjukkan cadangan persempadanan.<sup>17</sup>

Kedua-dua peta yang dilampirkan itu merupakan dokumen yang menarik sebagaimana yang dicatatkan oleh Rumbold, Menteri British (yang bertugas di Hague, Belanda)<sup>18</sup> dalam suratnya iaitu “... *seems to be the only interesting feature of a document which does not otherwise call for special comment.*”<sup>19</sup>

Seperti yang dinyatakan terdahulu seramai lima orang ahli *Second Chamber* yang mengambil bahagian dalam perbahasan ini, iaitu Monsieur De Beaufort, Monsieur Veegues, Monsieur Bool, Van Tienhoven dan Van Dedem. Monsieur De Beaufort

<sup>17</sup>FO 12/90, Foreign Office Political and Other Department – General Correspondence before 1906, Borneo, British North Borneo Company, 1892, “Surat H. Rumbold kepada Lord Salisbury, bertarikh 26 January 1892”.

<sup>18</sup>Counter-Memorial of Malaysia. International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), vol. 1, 2 August 2000, hlm. 22.

<sup>19</sup>FO 12/90, Foreign Office Political and Other Department – General Correspondence before 1906, Borneo, British North Borneo Company, 1892, “Surat H. Rumbold kepada Lord Salisbury, bertarikh 26 January 1892”.

mendahului dan banyak mengambil dalam perbahasan ini. Beliau juga merujuk kepada perjanjian dan dokumen-dokumen rasmi sebagai sumber penting dan dijadikan rujukan untuk perbahasan dalam Dewan. Beliau mengingatkan bahawa “*I must remind the Chamber that not a single protocol or official document makes any mention of this information of all.*”<sup>20</sup>

Monsieur De Beaufort juga dikatakan “*was the only member who spoke on the subject at any length, dwelt very strongly on the advantages which must accrue from the final settlement of what might have become a troublesome question. In the course of his remarks he paid a graceful tribute to the part taken in the arrangement by the Netherlands Envoy in London.*”<sup>21</sup> Hujah dan sikap beliau ini menyenangkan hati pihak British dan merupakan pengukuhan dan kekuatan kepada pihak British ke atas pemilikan wilayah di Pantai Timur Borneo Utara.

Empat orang pembahas yang kemudian lagi itu mengupas, menokok tambah dan ucapan perbahasan Monsieur De Beaufort. Rata-rata ucapan mereka menyentuh tentang Kesultanan Bulungan dan Banjarmasin – khususnya perjanjian-perjanjian yang berkaitan dengan British dan Belanda seperti *Contract of Vassalage 1850*, Perjanjian British-Belanda 1824, Surat Penyerahan Wilayah 29 Disember 1877 dan

---

<sup>20</sup>FO 12/90, Foreign Office Political and Other Department – General Correspondence before 1906, Borneo, British North Borneo Company, 1892, “*Ratification of the Convention concluded in London on the 20<sup>th</sup> June 1891 between the Netherlands and Great Britain and Ireland for fixing the boundaries between the Netherlands Possessions in the Island of Borneo and the States in that Islands which are under the protection of Great Britain*”.

<sup>21</sup> FO 12/90, Foreign Office Political and Other Department – General Correspondence before 1906, Borneo, British North Borneo Company, 1892, “Surat H. Rumbold kepada Lord Salisbury, bertarikh 9 Mac 1892”.



22 Januari 1878, Konvensyen 1891, khususnya Artikel II dan peta yang dilampirkan.<sup>22</sup>

Dalam kebanyakan perkara ini, Konvensyen 1891, khususnya Artikel II lebih menjadi tumpuan para pembahas. Ini kerana antara kelapan-lapan artikel Konvensyen 1891, Artikel II menjadi inti kepada kepada Konvensyen ini. Lagipun pembentangan dan perbahasan di *Second* dan *First Chamber* adalah sememangnya untuk memberi pengesahan supaya Konvensyen 1891 ini dapat dilaksanakan oleh kedua-dua pihak. Sebagai contoh tumpuan ahli pembahas tentang Artikel II Konvensyen ini, Monsieur Veegues meminta pihak British menjelaskan kedudukan Simengaris.<sup>23</sup> Dalam hal ini, keesokan harinya iaitu pada 9 Mac, pihak British telah memberi penjelasan secara terperinci.<sup>24</sup> Oleh sebab berpuas hati dengan perbahasan oleh kelima-lima pembahas ini, ahli-ahli *Second Chamber* yang hadir pada pada 8 Mac 1892 menerima sebulat suara tanpa dibuka untuk undian.<sup>25</sup>

Hasil pembentangan dan perbahasan di *Second Chamber* pada 8 Mac 1892 ini, ahli jawatankuasa pelaporan Konvensyen Persempadanan Borneo yang terdiri daripada enam orang, iaitu Melvil Van Lynden, Van Lier, Six, Van Welderen Rengers dan

---

<sup>22</sup>FO 12/90, Foreign Office Political and Other Department – General Correspondence before 1906, Borneo, British North Borneo Company, 1892, “*Ratification of the Convention concluded in London on the 20<sup>th</sup> June 1891 between the Netherlands and Great Britain and Ireland for fixing the boundaries between the Netherlands Possessions in the Island of Borneo and the States in that Islands which are under the protection of Great Britain*”.

<sup>23</sup>Ibid.

<sup>24</sup>FO 12/90, Foreign Office Political and Other Department – General Correspondence before 1906, Borneo, British North Borneo Company, 1892, “Surat H. Rumbold kepada Lord Salisbury, bertarikh 9 Mac 1892”.

<sup>25</sup>Ibid.

Van Gennepe<sup>26</sup> telah mengeluarkan laporan akhir. Laporan akhir ini telah dijadikan rang undang-undang<sup>27</sup> untuk dibahaskan di *First Chamber* pada 1 April 1892. Sebagaimana biasa dalam kebanyakan laporan, laporan akhir ini adalah rumusan daripada pembentangan dan perbahasan yang dibuat oleh lima orang pembahas tersebut. Walau bagaimana sesuatu yang menarik dengan laporan apabila terdapatnya “*another observation was added in this connection*” sebagai perenggan terakhir laporan ini, yang menyebut bahawa:

*The intention of the Agreement is evidently that everything to the north of the boundary belongs to the British protectorate and everything to the south of that line is recognised as the possession of the Netherlands. It is assumed that the respective Government will ensure that within the area to which each is entitled the rights in relations to the native rulers, both on Borneo itself as on the neighbouring smaller islands, will be sufficiently regulated, so that difficulties with other Powers with respect to the respective claims, need never be feared.*<sup>28</sup>

Perenggan ini telah memberi pernyataan yang jelas tentang kawasan-kawasan yang di bawah kerajaan British dan Belanda.

Perbahasan di *First Chamber of the Dutch Parliament* pada 1 April 1892 juga menyentuh laporan akhir telah didokumenkan sebagai *Final Report of the Committee of Rapporteurs on the Bill to ratify the Agreement concluded between the*

---

<sup>26</sup>Final Report of the Committee of Rapporteurs on the Bill to ratify the Agreement concluded between the Netherlands and Great Britain and Ireland to fix the boundaries between the possessions of the Netherlands on the island of Borneo and the States on that islands which are under British protection, adopted on 31 March 1892, dlm. Memorial, Submitted by the Government of the Republic of Indonesia, vol. 3, (Annexes 57 to 118), 2 Januari 1999, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Annex 85, hlm. 211.

<sup>27</sup>Untuk makluman lagi tentang laporan akhir ini yang dijadikan rang undang-undang, lihat Ibid.

<sup>28</sup>FO 12/88, Foreign Office: Political and Other Departments: General Correspondence before 1906, Borneo, British North Borneo Company, “Convention between Great Britain and the Netherlands Defining Boundaries in Borneo, dated 20 June 1891”.

*Netherlands and Great Britain and Ireland to fix the boundaries between the possessions of the Netherlands on the island of Borneo and the States on that islands which are under British protection.*<sup>29</sup> Perbahasan ini telah disertai oleh Van Tienhoven, Menteri Hal Ehwal Luar Belanda,<sup>30</sup> Van Dedem,<sup>31</sup> Menteri Jajahan dan Franssen van de Putte.<sup>32</sup>

Perbahasan di *First Chamber* ini mengulang balik hujah-hujah yang telah disentuh semasa pembentangan dan perbahasan di *Second Chamber*, iaitu tentang Kesultanan Bulungan dan Banjarmasin – khususnya perjanjian-perjanjian yang berkaitan dengan British dan Belanda seperti *Contract of Vassalage 1850*, Perjanjian British-Belanda 1824, Surat Penyerahan Wilayah 29 Disember 1877 dan 22 Januari 1878 dan Konvensyen 1891, khususnya Artikel II. Cuma perbezaannya, selain perkara-perkara yang disebut ini, ketiga-tiga pembahas memberi perhatian, mengupas dan berhujah isi kandungan laporan akhir yang disediakan oleh Jawatankuasa Pelaporan. Ketiga-tiga pembahas tertumpu kepada ayat terakhir laporan tersebut, iaitu “...the

---

<sup>29</sup>Final Report of the Committee of Rapporteurs on the Bill to ratify the Agreement concluded between the Netherlands and Great Britain and Ireland to fix the boundaries between the possessions of the Netherlands on the island of Borneo and the States on that islands which are under British protection, adopted on 31 March 1892, dlm. Memorial, Submitted by the Government of the Republic of Indonesia, vol. 3, (Annexes 57 to 118), 2 Januari 1999, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Annex 85, hlm. 211.

<sup>30</sup>Counter-Memorial of Malaysia. International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), vol. 1, 2 August 2000, hlm. 18 dan Final Report of the Committee of Rapporteurs...

<sup>31</sup>FO 12/90, Foreign Office Political and Other Department – General Correspondence before 1906, Borneo, British North Borneo Company, 1892, “Ratification of the Convention concluded in London on the 20<sup>th</sup> June 1891 between the Netherlands and Great Britain and Ireland for fixing the boundaries between the Netherlands Possessions in the Island of Borneo and the States in that Islands which are under the protection of Great Britain”.

<sup>32</sup>Jawatannya tidak dinyatakan dalam Proceeding of the First Chamber of the States General, 1891-1892, 15<sup>th</sup> meeting, 1 April 1892, dlm. Memorial, Submitted by the Government of the Republic of Indonesia, vol. 3, (Annexes 57 to 118), 2 Januari 1999, International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), hlm. 215.

*rights in relations to the native rulers, both on Borneo itself as on the neighbouring smaller islands, will be sufficiently regulated, so that difficulties with other Powers with respect to the respective claims, need never be feared.*<sup>33</sup> Dalam perbincangan ini Van Tienhoven telah berhujah sebanyak dua kali. Dalam ucapan beliau kali pertama, menyentuh perkara-perkara yang telah disebut tadi. Kemudian ahli-ahli yang lain iaitu Van Dedem dan Fransen va de Putte pula berhujah menyokong beliau dan juga menyokong rang undang-undang. manakala Hujah kali kedua Van Tienhoven adalah penggulungan perbincangan ini. Kemudiannya perbincangan ini ditutup dan rang undang-undang diluluskan tanpa undian.

Dengan kelulusan di kedua-dua Dewan Parlimen Belanda ini dan mendapat perkenan daripada Emma, Dowager Queen selaku Pemangku Raja Belanda, kerajaan Belanda mengeluarkan rang undang-undang yang sah (*legal bill*) dan pada 20 Mei 1891 dan digazetkan sebagai *Dutch Statute*.<sup>34</sup> Kemudiannya pada 22 Mei 1892, *Dutch Statute* ini dibawa pula ke London untuk mendapat pengesahan daripada pihak British.<sup>35</sup> Pengesahan di London ini dimaklumkan kepada Ahli

---

<sup>33</sup>Lihat Proceedings of the First Chamber of the States General, 1891-1892, 15<sup>th</sup> Meeting, 1 April 1891, Agenda item 43. II. Ratification of the Agreement concluded in London on 20 June 1891 between the Netherlands and Great Britain and Ireland to Fix of the Boundaries between the Possessions of the Netherlands in the Island of Borneo and the States on that Island which are under British Protectorate (43), dlm. Memorial (1999) . International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Submitted by the Government of the Republic of Indonesia. Vol. 3, (Annexes 57 to 118), 2 January.

<sup>34</sup>Legal Bill: Ratification of the Agreement concluded between the Netherlands and Great Britain on 20 June 1891 in London, defining the borders between Dutch Possessions on the island of Borneo and the British Protectorate States on the said island, dlm. Memorial. International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Submitted by the Government of the Republic of Indonesia, vol. 3, (Annexes 57 to 118), 2 January 1999, hlm. 225.

<sup>35</sup>Memorial. International Court of Justice: Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia), Submitted by the Government of the Republic of Indonesia, vol. 3, (Annexes 57 to 118), 2 January 1999, hlm. 86 dan Counter-Memorial of Malaysia. International Court of Justice: *Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan & Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia)*, vol. 1, 2 Ogos 2000, hlm 37.

Jemaah Pengarah (*The Court of Directors*) Syarikat Berpiagam Borneo Utara British<sup>36</sup> tentang bahawa Konvensyen 1891 telah boleh dilaksanakan.<sup>37</sup>

Walaupun *First Chamber of the Dutch Parliament* telah meluluskan Konvensyen 1891 dan digazetkan sebagai *Dutch Statute* dan Konvensyen 1891 dapat dilaksanakan. Tetapi realitinya tidak semudah itu apabila kedua-dua pihak, British dan Belanda masing-masing bercanggah pendapat dan mereka memberi tafsiran yang berbeza tentang Artikel II Konvensyen 1891.

### 6.3 Pencanggahan Pendapat Tentang Artikel II Konvensyen 1891

Setelah Konvensyen ini disahkan, kajian persempadanan di Teluk Sibuko dan Batu Tinagat telah diadakan. Van Harderbroek, Leftenan Komander tentera Belanda yang diarahkan oleh Hakim Mahkamah Tawau untuk membuat laporan telah melaporkan bahawa dua terdapat *chart*<sup>38</sup> iaitu *North Western of Sibuko Bay (Admiralty Chart No. 2099)* dan *Coast of Borneo van Batoe Tinagat tot Tarakan Batavia 1883 (No. 131)*.<sup>39</sup> Laporan ini menunjukkan, iaitu:

---

<sup>36</sup>Sekitar Jun 1897, Ahli Jemaah Pengarah (*The Court of Directors*) Syarikat Berpiagam Borneo Utara British disandang oleh R. B. Martin (Pengerusi), Charles Jessel (Naib Pengerusi), W. C. Cowie (Pengarah Urusan) manakala ahli-ahlinya pula terdiri daripada Henry Keppel, Andrew Clarke, Edward Dent, J. A. Maitland dan F. C. Stoop. Lihat Johan M. Padasian, *Sejarah Sabah dalam Gambar (1881-1981)*, Jawatankuasa Penerbitan Perayaan Sabah 100 Tahun, Kuala Lumpur, 1981, hlm. 10.

<sup>37</sup>CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, “Surat Pejabat Hal Ehwal Luar kepada Setiausaha SBUB, bertarikh 23 Jun 1891”.

<sup>38</sup>*Chart* ialah peta terperinci yang digunakan untuk membantu pelayaran di laut, menunjukkan pantai, batuan, kedalaman laut dan sebagainya. Lihat maklumat lanjut, lihat *The Encyclopedia Americana* (International edition), Jld. 20, Danbury: Grolier, 1972, hlm. 24-25.

<sup>39</sup>CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, “Surat G. C. D. van Harderbroek, Leftenan Komander kepada Hakim Mahkamah Tawau, bertarikh 25 Mac 1903”..

*...show much difference especially in the out line map. Now there is printed on the British Chart that Simengaris river is surveyed by H. M. S. Rattler in 1891, and there for we taken the beacon at the North side of the river as point of starting.*<sup>40</sup>

Dalam laporan beliau kepada Ketua Daerah Tawau pada 1 April 1903 pula, telah melaporkan sebagaimana berikut, iaitu:

*The point marked 0 opposite the Simadya is situated on a Latitude of 4° 13' 52" North and Longitude 117° 15' 58" 8 East. I met here the surveying vessel "Macassar" and the Commander told me that indeed the place of the beacon on the British Chart 2099 has been duly surveyed by H. M. S. Rattler and H. N. M Banda.*<sup>41</sup>

Ini adalah antara beberapa perbezaan yang terdapat dalam laporan yang telah membawa percanggahan pendapat antara British dan Belanda.

Percanggahan pendapat adalah berkisar kepada Artikel II Konvensyen 1891. Paksi pertikaian sempadan antara dua kuasa besar ini adalah dalam Artikel II. Artikel ini menyentuh kedudukan garisan latitud, longitud, kedudukan sungai dan gunung yang menentukan garis sempadan British dan Belanda.<sup>42</sup> Ini dapat dilihat inti Artikel II sebagaimana berikut:

*The boundary-lines shall be continued westward from 4° 10' north latitude, and follow in a west-north-west direction, between the Rivers of Simengaris and Soedang, up to the where the meridian 117° east longitude crosses the parallel 4° 20' north latitude, with the view including the Simengaris River within Dutch territory. The boundary-lines shall then*

---

<sup>40</sup>CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, "Surat G. C. D. van Harderbroek, Leftenan Komander kepada Hakim Mahkamah Tawau, bertarikh 25 Mac 1903.

<sup>41</sup>CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, "Surat G. C. D. van Harderbroek, Leftenan Komander kepada Ketua Daerah Tawau, bertarikh 1 April 1905.

<sup>42</sup>Lihat CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, "Surat Fraser, Officer Administration the Government kepada Pengerusi SBUB, bertarikh 10 Ogos 1905"; CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, "Telegram dari Fraser, bertarikh 8 Ogos 1905".

*follow westward the parallel 4° 20' north latitude, until it reaches the summit of the range of mountains which forms on the parallel the watersheds between the rivers running to the north-west coast and those running to the east coast of Borne, it being understood that, in the event of the Simengaris River or any other river flowing into the sea below 4° 10', being found on survey to cross the proposed boundary-line within a radius of 5 geographical miles, the line shall be diverted so as to include such small portions or bends of rivers within the Dutch territory: a similar concession being made by the Netherlands with regard to any river debouching above 4° 10' on the territory of the British North Borneo Company, but turning southwards.<sup>43</sup>*

Ini jelas apabila pihak Belanda dilihat membangkitkan soal garisan permulaan yang menentukan persempadanan. Isu ini telah dimaklumkan oleh Pejabat Hal Ehwal Luar British kepada Setiausaha SBUB sebagaimana berikut:

*The point raised is apparently whether the line starting from Broershoek at 4° 20' North latitude should have a West North-Western direction from the actual point of departure to the point where the meridian of 117° Longitude cuts the parallel 4° 20' North Latitude, or whether, according to the view of the British local authorities it should follow the parallel 4° 20' north latitude for a certain distance from the point of departure on the coast before taking a West North-Western direction up to the above mentioned point of intersection.<sup>44</sup>*

Isu yang dibangkit oleh Belanda ini tidak dapat diterima oleh pihak British.<sup>45</sup>

Daripada siri percanggahan pendapat ini<sup>46</sup> dan dalam usaha menyelesaikan

---


<sup>43</sup>FO 12/88, Foreign Office: Political and Other Departments: General Correspondence before 1906, Borneo, British North Borneo Company, "Convention between Great Britain and the Netherlands Defining Boundaries in Borneo, dated 20 June 1891".

<sup>44</sup>CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, "Surat Pejabat Hal Ehwal Luar British kepada Setiausaha SBUB, bertarikh 24 Mac 1905" dan CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, "Surat Thomas Sanderson, Jabatan Hal Ehwal Luar kepada Setiausaha SBUB, bertarikh 3 Oktober 1905".

<sup>45</sup>CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, "Surat Pejabat Hal Ehwal Luar British kepada Setiausaha SBUB, bertarikh 3 Oktober 1905"; CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, "Surat W. C. Cowie, Pengarah Urusan kepada E. P. Gueritz, Gabenor Labuan dan Borneo Utara British, bertarikh 7 April 1905" dan CO 874/499: Demarcation of

percanggahan pendapat ini, kedua-dua pihak telah bersetuju mengeluarkan *Memorandum of the Interpretation of Article II of the Anglo-Dutch Convention of June 20<sup>th</sup> 1891, defining boundaries in Borneo*.<sup>47</sup> Kandungan memorandum ini antaranya memberi tumpuan kepada permulaan garisan persempadanan, kedudukan garisan latitud 4° 20', longitud 117°, perkataan-perkataan “*eastward*”, “*westward*” dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun bagi British percanggahan pendapat terutamanya tentang takrifan-takrifan dalam Konvensyen 1891, dari segi maknanya tidak mempunyai perbezaan yang banyak (*identical in meaning*).<sup>48</sup> Selain itu istilah “*radius*” dan “*geographical mile*” juga menarik perhatian kedua-dua belah pihak.<sup>49</sup>

Bagi menamat percanggahan pendapat ini, Van Dedem, Menteri Jajahan Belanda, telah mencadangkan supaya menyejajarkan penentuan sempadan ini di lapangan



---

the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, “Surat W. C. Cowie, Pengarah Urusan kepada E. P. Gueritz, Gabenor Labuan dan Borneo Utara British, bertarikh 6 Oktober 1905”.

<sup>46</sup>Lihat juga CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, “Surat W. P. Flynn, Penolong Setiausaha kepada Eldon Gorat, Pejabat Hal Ehwal Luar British, bertarikh 30 Ogos 1905”.

<sup>47</sup>CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, “Surat Thomas Sanderson, Jabatan Hal Ehwal Luar kepada Setiausaha SBUB, bertarikh 3 Oktober 1905”.

<sup>48</sup>CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, “Surat Thomas Sanderson, Jabatan Hal Ehwal Luar kepada Setiausaha SBUB, bertarikh 3 Oktober 1905”; CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, “Memorandum of the Interpretation of Article II of the Anglo-Dutch Convention of June 20<sup>th</sup> 1891, defining boundaries in Borneo”.

<sup>49</sup>CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, “Surat Penolong Setiausaha, bertarikh 5 Jun 1912”; CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, “Surat W. Langley kepada The Under Secretary of the State, bertarikh 14 Oktober 1912”; CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, “Surat The Under Secretary of the State kepada Setiausaha SBUB, bertarikh 14 Oktober 1912”. dan CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, “Telegram dari Bunbury, bertarikh 22 Julai 1912”.



untuk menentu persempadanan antara Borneo Utara British dengan Belanda seperti yang termaktub dalam Konvensyen 1891.<sup>50</sup>

#### **6.4 Pengukuran dan Penandaan Sempadan**

Sejak cadangan Van Dedem itu, surat menyurat ini pihak British kepada Menteri Hal Ehwal Luar Belanda,<sup>51</sup> setelah mendapat persetujuan dan kelulusan daripada Ahli Jemaah Pengarah SBBUB, pihak British bersetuju dengan hasrat untuk memulakan penandaan sempadan.<sup>52</sup> Bagi British juga pengukuran dan penandaan sempadan tidak boleh ditangguhkan lagi memandangkan pertikaian persempadanan telah memakan masa begitu lama.<sup>53</sup> Cadangan ini juga dimaklumkan kepada Pejabat Kolonial.<sup>54</sup> Namun begitu bagi British pengukuran dan penandaan sempadan adalah lebih kepada memenuhi kehendak pihak Belanda kerana urusan ini adalah cadangan pihak Belanda. Ini kerana sikap Belanda tidak berpuas pendudukan British di Pantai Timur Borneo Utara sejak awal abad ke-19 lagi.<sup>55</sup> Atas dasar inilah pihak British mengemukakan soalan kepada pihak Belanda sama ada Belanda bersedia membiayai

---

<sup>50</sup>CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, “Surat kepada Setiausaha SBUB, bertarikh 22 Ogos 1912”.

<sup>51</sup>Nama Menteri Hal Ehwal Luar Belanda tidak dinyatakan dalam CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, “Surat Gabenor kepada Pengerusi SBUB, bertarikh 6 Disember 1912”.

<sup>52</sup>CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, “Surat Setiausaha kepada The Under Secretary of the State, bertarikh 10 Disember 1912” dan CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, “Surat Penolong Setiausaha kepada F. R. Ellis, Gabenor Borneo Utara British, bertarikh 21 Jun 1912”.

<sup>53</sup>CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, “Surat A. C. Pearson Pemangku kepada Gabenor kepada Pengerusi SBUB, bertarikh 25 April 1911”.

<sup>54</sup>CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, “Surat Setiausaha kepada The Under Secretary of the State, bertarikh 13 Februari 1911”.

<sup>55</sup>CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, “Surat kepada Setiausaha SBUB, bertarikh 13 Januari 1911”; CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, “Surat Harington G. Forbes, Setiausaha kepada The Under Secretary of the State bertarikh 19 Januari 1911” dan CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, “Surat Jabatan Hal Ehwal Luar, bertarikh 13 Januari 1911”.

apa jua bayaran yang berkaitan kerja-kerja pengukuran dan penandaan sempadan, dan penyediaan peta.<sup>56</sup>

Untuk merealisasikan urusan pengukuran dan penandaan sempadan, kedua-dua pihak membincangkan tentang perkara-perkara yang diperlukan, iaitu (1) pelantikan juruukur oleh British dan Belanda, (2) persetujuan daripada penduduk tempatan untuk diambil sebagai buruh bagi membantu dari segi memotong pokok-pokok dan pengangkutan, (3) pengiring bersenjata (*an armed escort*), (4) bekalan barang-barang keperluan, (5) satu atau dua pegawai perubatan, dan (6) kaedah kerja-kerja persempadanan ini dibuat.<sup>57</sup> Kedua-dua pihak juga telah mencapai persetujuan supaya pengukuran dan penandaan sempadan dibuat di kawasan-kawasan yang disebut (*on the spot*) dalam Konvensyen 1891.<sup>58</sup>

Bagi menjalankan dan menjayakan kerja-kerja pengukuran dan penandaan sempadan ini kedua pihak telah melantik para pegawai masing-masing untuk menyertai pasukan pengukuran dan penandaan sempadan yang dikenali Ekspedisi Persempadan Belanda (*Dutch Boundary Expedition*).<sup>59</sup> Pihak British, iaitu Gabenor Borneo Utara British melantik H. W. I. Bunbury, pegawai Kelas Pertama, Borneo Utara British (*officer of the First Class, British North Borneo of Service*) dan G. St.

---

<sup>56</sup>CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, “Surat Harington G. Forbes, Setiausaha kepada The Under Secretary of the State bertarikh 23 Disember 1910”.

<sup>57</sup>CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, “Surat Harington G. Forbes, Setiausaha kepada The Under Secretary of the State bertarikh 19 Januari 1911” dan CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, “Surat Jabatan Hal Ehwal Luar, bertarikh 13 Januari 1911”.

<sup>58</sup>CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, “Surat Jabatan Hal Ehwal Luar Negara, bertarikh 2 Februari 1911” dan CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, “Surat kepada Setiausaha Setiausaha SBUB, bertarikh 9 Februari 1911”.

<sup>59</sup>CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, “Surat Gabenor kepada Pengerusi SBUB, bertarikh 6 Disember 1912”.

V. Keddell, juruukur.<sup>60</sup> Kedua-dua mereka ini mewakili kerajaan Borneo Utara British dan mereka masing-masing diberi tugas sebagai Pesuruhjaya Awam (*Civil Commissioner*) dan juruukur.<sup>61</sup> Selain itu, Bunbury dan Keddell rombongan Suruhanjaya Persempadanan British turut disertai 6 orang polis: seorang berpangkat sarjan, seorang berpangkat korporal dan 4 orang berpangkat konstable.<sup>62</sup>

Perincian tugas yang diberikan kepada Bunbury selaku Pesuruhjaya Awam dan ketua rombongan Suruhanjaya Persempadanan British ialah (1) diberi kuasa untuk mengadakan pertemuan dengan Suruhanjaya Persempadanan Belanda dan (2) menyediakan buku catatan kerja harian dan menghantar laporan, proses kerja dengan terperinci yang berkaitan sebarang kejadian, kerja-kerja saintifik, kerja-kerja yang berkaitan dengan geografi atau kepentingan umum.<sup>63</sup>

Sepanjang tempoh Bunbury dilantik sebagai Pesuruhjaya Awam dan ketua rombongan Suruhanjaya Persempadanan British ini, beliau dibayar gaji sebanyak \$550.00 sebulan, elaun kerja lapangan sebanyak \$2.00 dan elaun instrument

---

<sup>60</sup>Cadangan awal untuk menyertai pasukan ini ialah Pevitt, seorang juruukur yang sedang dalam perkhidmatan. Beliau diganti oleh Keddell, pesara juruukur. Alasan pertukaran ini ialah bayaran kepada Keddell lebih murah. Lihat CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, “Surat F. R. Ellies, Gabenor kepada Pengerusi SBUB, bertarikh 5 Jun 1912”.

<sup>61</sup>CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, “Surat W. W Smith, Penolong Setiausaha kepada Vincent Keddell, bertarikh 3 Mei 1912”, CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, “Surat Setiausaha kepada F. W. Fraser, Pemangku Gabenor Borneo Utara British, bertarikh 10 Julai 1912”, dan CO 874/503: British North Borneo Company: Papers. Correspondence. Anglo-Dutch Boundary Agreement, 1915, “Agreement between The United Kingdom and The Netherlands Relating to the Boundary between The State of North Borneo and The Netherland Possessions in Borneo, Agreement 1915”.

<sup>62</sup>CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, “Surat F. R. Ellies, Gabenor kepada Pengerusi SBUB, bertarikh 4 Mei 1912”.

<sup>63</sup>CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, “Surat W. W Smith, Penolong Setiausaha kepada Vincent Keddell, bertarikh 3 Mei 1912”.

sebanyak \$10.00 sebulan. Bayaran gaji bulanan dibayar bermula dari tarikh beliau bertolak ke lokasi sehingga beliau balik setelah tamat kerja-kerja sebaik pengukuran dan penandaan sempadan.<sup>64</sup> Bunbury telah membuat laporan pertama beliau pada 8 Jun 1912.<sup>65</sup> Beliau melaporkan bahawa beliau dan Keddell telah bertolak dari Sandakan pada 6 Jun 1912<sup>66</sup> dengan menaiki kapal S. Y. Hazenwind dan tiba di Tarakan pada jam 11 pagi, 7 Jun 1912. Kemudiannya mereka menyambung perjalanan dengan menaiki kapal S. L. Sophie dan tiba di Sembakong pada jam 3 pagi, 8 Jun 1912. Perjalanan ke Sembakong bersama-sama dengan Kapten van Genderon Stort, ketua Suruhanjaya Persempadanan Belanda.<sup>67</sup>

Peta yang rasmi dilampirkan bersama-sama Persetujuan 1915 ini (yang disediakan oleh J. H. G. Schepers, E. A. Vreede, H. W. L. Bunbury dan G. St. V. Keddell) dan dilampirkan juga dalam Protokol 1913 merupakan satu-satunya peta rasmi berkaitan dengan usaha untuk menamatkan pertikaian persempadan British-Belanda di Pantai Timur Borneo Utara. Peta ini menunjukkan garis penamatnya ialah di Pulau Sebatik.


Persetujuan 1915 adalah menjerut Konvensyen 1891 dan Protokol 1913. Harapan dalam Konvensyen 1891 menjadi kenyataan apabila adanya Persetujuan 1915. Perundingan British-Belanda begitu lama terhadap wilayah yang dipertikaikan, akhirnya dengan termeterainya Persetujuan 1915, Belanda mengiktiraf pendudukan British di wilayah tersebut.

## **6.6 Rumusan**

Tahun 1892 penting dalam konteks kajian ini yang berfokuskan kepada pengurusan pertikaian sempadan di Pantai Timur Borneo Utara kerana pada tahun inilah Konvensyen 1891 telah dibawa ke Parlimen Belanda untuk kelulusan. Dengan kelulusan inilah Konvensyen 1891 itu dapat dilaksanakan. Ini adalah satu proses yang telah dijadikan syarat oleh kerajaan Belanda.

Seterusnya British dan Belanda telah menubuhkan Suruhanjaya Persempadaan Belanda. Suruhanjaya ini telah membuat ekspedisi ke Pantai Timur Borneo Utara khususnya kawasan yang menjadi pertikaian antara British dan Belanda. Ahli Suruhanjaya ini membuat pengukuran dan penandaan sempadan yang eksklusif. Hasil daripada ekspidisi mereka dapat menyedia perjanjian, iaitu *Boundary Delimitation between The Netherland Possessions and The State of British North*

*Borneo* yang ditandatangani di Tawau pada 17 Februari 1913. Perjanjian ini telah diterima pakai oleh kerajaan British dan Belanda. Ia ini diubah suai dan dibuat penambahan pada bahagian pengenalan dan akhiran, dan tanpa mengubah isi kandungan *Boundary Delimitation between The Netherland Possessions and The State of British North Borneo*. Ia kemudiannya dijenamakan sebagai *Agreement between The United Kingdom and The Netherlands Relating to the Boundary between The State of North Borneo and The Netherland Possessions in Borneo*, ditandatangani di London pada 28 September 1915. Perjanjian 1915 akhirnya berjaya menamatkan pertikaian sempadan antara British-Belanda di Pantai Timur Borneo Utara yang telah berlangsung begitu lama. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa rentetan dari tahun 1892 hingga 1915 memperlihatkan usaha-usaha atau proses untuk menyelesaikan masalah persempadanan wilayah di Pantai Timur Borneo Utara antara British dan Belanda.



UUM  
Universiti Utara Malaysia



## KESIMPULAN

Hubungan Borneo Utara dengan kuasa-kuasa besar dapat dikesan sejak sejak abad ke-17 lagi. Hubungan ini dapat dilihat melalui sekurang-kurangnya 28 siri perjanjian, iaitu Perjanjian 1646 (Sepanyol-Sulu), Perjanjian 1667 (Sepanyol-British), Perjanjian 1725 (Sepanyol-Sulu), Perjanjian 1737 (Sepanyol-Sulu), Perjanjian 1761 (British-Sulu), Perjanjian 1763 (British-Sepanyol), Perjanjian 1763 (British-Sepanyol), *Grant from the Sultan of Sulu 1764*, *Grant from the Sultan of Sulu 1769*, Perjanjian 1814 (British-Belanda), Perjanjian 1824 (British-Belanda), Perjanjian 1836-1837 (Sepanyol-Sulu), Perjanjian 1847 (British-Brunei), Perjanjian 1849 (British-Sulu), Perjanjian 1850 (Amerika Syarikat-Brunei), Perjanjian 1851 (Sepanyol-Sulu), Perjanjian 1871 (British-Belanda), Perjanjian 1871 (Sepanyol-Sulu), Surat Pemberian 1877 (Brunei-British), Surat Pemberian 1877 (Brunei-British), Surat Pemberian 1878 (Sulu-British), Protokol 1877, Protokol 1885, Konvensyen 1891 (British-Belanda), Perjanjian 1899 (Amerika Syarikat-Sulu), Protokol 1913 (British-Belanda) dan Persetujuan 1915 (British-Belanda).

Hubungan melalui perjanjian-perjanjian ini menunjukkan kuasa-kuasa besar berminat dengan Borneo Utara. Dari segi keselamatan, Borneo Utara ialah sebuah negeri yang strategik. Faktor ini menarik minat kuasa-kuasa besar untuk memenuhi keperluan dasar imperialisme mereka ataupun atas kepentingan keselamatan negara-negara mereka.

Walaupun menampakkan perjanjian antara kuasa-kuasa besar, sebenarnya perjanjian-perjanjian ini baik secara tersurat mahupun tersirat menyentuh tentang Borneo Utara. Dengan siri perjanjian ini juga menunjukkan bahawa Borneo Utara

telah pun mendapat perhatian kuasa-kuasa besar seawal abad ke-17 lagi. Secara keseluruhannya, perjanjian-perjanjian ini bersangkutan paut dengan aspek perniagaan, perdagangan, ikatan persahabatan dan sebagai persekutuan apabila untuk menghadapi persaingan antara dua pihak.

Borneo turut disebut dalam Perjanjian 1824 seperti yang ditafsirkan melalui klausa dalam Perkara VII Perjanjian 1824 yang berbunyi, “mana-mana pulau yang terletak di selatan Selat Singapura”. Klausa tersebut merujuk kepada Borneo. Walaupun klausa dalam Perkara VII Perjanjian 1824 yang berbunyi, “mana-mana pulau yang terletak di selatan Selat Singapura” ini ditafsirkan merujuk kepada Borneo, perjanjian ini tidak memberi kesan ke atas konflik sempadan British-Belanda di Borneo. Sememangnya klausa ini diberi tumpuan juga oleh pihak British-Belanda. Sebagai contoh, klausa ini turut dibincangkan menerusi *“Proceedings of the Joint Commission appointed by the British and Netherland Governments for considering the question of the Boundary between the Netherland Indian Possessions on the Island of Borneo and the Territory belonging to the British North Borneo Company”* yang diadakan pada 16 Julai 1889, 19 Julai 1889 dan 27 Julai 1889 dibahas oleh Ahli Parlimen Belanda semasa perdebatan di *Second* dan *First Chamber* pada 8 Mac dan 1 April 1892 dan turut disebut dalam beberapa memorandum dan surat-menyurat antara pegawai kedua-dua kerajaan.

Perjanjian 1824 ini hanya memberi kesan yang amat besar kepada alam Melayu. Perjanjian 1824 yang melibat British-Belanda yang termeterai pada 17 Mac 1824 adalah satu usaha menamatkan ketegangan dan pertelingkahan antara dua kuasa besar, iaitu antara Belanda di Sumatera dan Jawa, dan British di Tanah Melayu.

Penyelesaiannya berdasarkan 17 Perkara dalam perjanjian tersebut. Dengan Perjanjian 1824, Kepulauan Melayu yang juga dikenali sebagai dunia Melayu dikotak-katikkan. Kesan yang lebih jelas adalah kepada Empayar Johor-Riau. Empayar Johor-Riau terbahagi kepada dua blok pengaruh, iaitu Johor moden di bawah British dan Johor lama (Kesultanan baharu Riau) pula di bawah Belanda. Selat Melaka menjadi garis sempadan antara kedua-dua kuasa ini, iaitu British di sebelah utara Singapura yang mencakupi Singapura, Melaka dan negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Sementara itu, kawasan di sebelah selatan Singapura pula menjadi milik Belanda.

Pada hakikatnya perjanjian 1824 telah menyelesaikan masalah sempadan politik British-Belanda di alam Melayu ini. Natijahnya, Kedua-dua kuasa besar ini mengungguli kuasa Eropah di Asia Tenggara sebagaimana yang diakui oleh Tarling yang antara lain menyatakan bahawa British dan Belanda adalah *“stand to the rest of the world as an exclusive lords of the East is on more reasons for terminating our relatives as soon as we can”*. Walau bagaimanapun dengan Surat Pemberian Wilayah 22 Januari 1878 British dan Belanda berkonflik semula dan mereka berusaha menyelesaikannya secara diplomasi.

Perjanjian 1824 juga merupakan langkah pertama membahagikan kawasan pengaruh dan persempadanan kuasa British dan Belanda tetapi ini tidak lengkap dan samar-samar. Ketidaklengkapan dan kesamaran ini diikuti dengan perjanjian-perjanjian dari 1878 hingga 1915. Perjanjian-perjanjian dari 1878 hingga 1915, khususnya Persetujuan 1915, akhirnya telah memperjelaskan pembahagian kawasan pengaruh dan persempadanan kuasa British dan Belanda di Pantai Timur Borneo Utara ini. Ini

adalah hasil kerja-kerja pengukuran oleh Suruhanjaya Persempadanan Suruhahjaya Belanda yang menjalankan Ekspedisi Persempadanan Belanda (*Dutch Boundary Expedition*) selama 7 bulan 23 hari dan Persetujuan 1915 yang menamatkan pertikaian sempadan antara British-Belanda di Pantai Timur Borneo Utara. Dengan ini Perjanjian 1824 yang penuh dengan kesamaran telah dapat diatasi dengan adanya Protokol 1913 dan Persetujuan 1915.

Apabila berlaku konflik sempadan Belanda-Kesultanan Bulungan di wilayah Bulungan seperti Berau, Tarakan, Nunukan, Sebatik dan Batu Tinagat termasuk juga pulau-pulau kecil yang berada dalam lingkungan 9 batu nautika dari tiga pulau besar, maka pada 12 November 1850 Kerajaan Belanda telah menandatangani kontrak dengan Kesultanan Bulungan, iaitu *Contract of Vassalage 1850*. Penandatanganan kontrak ini adalah antara H. Van de Wall, Pengarah Awam Bahagian Timur Borneo (*The Civil Director of the Eastern Division of Borneo*) sebagai mewakili Kerajaan Belanda dengan Sultan Bulungan, iaitu Mahammed Khahar-Oedien (1817–1861). Kemudiannya pada 2 Jun 1878, *Contract of Vassalage 1878* telah ditandatangani oleh Sultan Bulungan Molana Mohamad Kahar Oedin disaksikan oleh Joseph Meijer, Residen Bahagian Selatan dan Timur Borneo dan pembesar-pembesar Kesultanan Bulungan iaitu Raja Muda, Dato Marbahar, Pangeran Bandahara, Dato Alam dan Moekamat. Kontrak ini dilulus dan disahkan oleh Gabenor Jeneral Belanda pada 1 September 1878 dan secara rasminya sampai kepada Kerajaan British pada 17 Januari 1880.

Bagi urusan penyelesaian berkenaan sempadan di wilayah Kesultanan Bulungan ini, pihak British berpegang kepada *Contract of Vassalage 1850* dan *Contract of*

*Vassalage 1878*. Dalam kedua-dua kontrak ini dinyatakan dengan jelas bahawa garisan sempadan di Batu Tinagat telah pun termaktub dalam Artikel II *Contract of Vassalage 1850*, iaitu “*Toward the Zulu possessions on the sea-shore, the cape called Batoe Tinagat and beyond the River Tanwan*”. Kenyataan ini juga dikekalkan dalam *Contract of Vassalage 1878*. Kesahihan tentang garisan sempadan di Batu Tinagat bukan setakat termaktub dalam *Contract of Vassalage 1850* dan *Contract of Vassalage 1878* tetapi juga dalam kenyataan rasmi Belanda yang lain umpamanya dalam “*Dutch Note of 22 December 1888*” yang menyatakan “*The same applies to the easternmost point, Batoe Tinagat*”. Selain pernyataan Batu Tinagat dalam dokumen-dokumen ini, Belanda juga terpaksa akur dengan penolakan penduduk tempatan Belanda di Batu Tinagat.

Pertikaian sempadan ini menjadi semakin rumit dan rencam apabila pemberian wilayah oleh Kesultanan Sulu, iaitu Seri Paduka Maulana as-Sultan Muhammad Jamaluladzam ibn Seri al-Marhum as-Sultan Muhammad Fadzalun pada 22 Januari 1878 melalui Surat Pemberian Wilayah dan Tanah-Tanah di Tanah Besar Pulau Borneo (*Grant by Sultan of Sulu of Territories and Lands on the Mainlands of the Island of Borneo*) kepada Persatuan Overbeck dan Dent (POD). Persatuan Overbeck dan Dent ini kemudiannya bertukar nama dan status kepada Syarikat Borneo Utara British (SBUB). Selain menyerahkan wilayah, Sultan Sulu juga memberi kuasa pentabdiran kepada POD dengan membuat Penyerahan Tugas Sultan Sulu yang melantik Baron de Overbeck sebagai Dato' Bendahara dan Raja Sandakan yang dibuat pada tarikh yang sama. Terdahulu dari ini iaitu melalui Surat-Surat Pemberian 29 Disember 1877, Kesultanan Brunei turut menyerahkan wilayah mereka kepada Overbeck dan Dent. Apabila Overbeck dan Dent sedar bahawa

wilayah yang diserahkan kepada mereka sebenarnya milik Kesultanan Sulu, Overbeck dan Dent membuat urusan Kesultanan Sulu supaya wilayah tersebut juga diserahkan kepada mereka. Perkara ini berlaku menerusi penyerahan wilayah melalui Surat Pemberian Wilayah 22 Januari 1878.

Surat Pemberian Wilayah 22 Januari 1878 selain menjadi tonggak pertikaian sempadan British-Belanda di Pantai Timur Borneo Utara seperti yang dinyatakan sebelum ini. Surat Pemberian Wilayah ini meninggalkan kesan yang mendalam terhadap hubungan pengurusan pertikaian sempadan antara Kesultanan Sulu serta kerabat Kesultanan Sulu dengan Malaysia dan antara Kerajaan Filipina dan Malaysia sehingga kini. Pihak Kesultanan Sulu dan kaum kerabatnya mempertikaikan Surat Pemberian Wilayah 22 Januari 1878. Mereka mempersoalkan wilayah yang disebut dalam Surat Pemberian Wilayah 22 Januari 1878 sama ada diberikan diserahkan atau dipajakkan kepada pihak British.

Ternyata Surat-Surat Pemberian yang dibuat pada 29 Disember 1877 dan 22 Januari 1878 menunjukkan kelicikan Overbeck, Dent dan juga Treacher yang mewakili pihak British untuk memperoleh wilayah yang disebut dalam Surat-Surat Pemberian tersebut. Tokoh-tokoh British yang terlibat secara langsung dalam penyerahan wilayah Kesultanan Sulu ialah Overbeck dan Dent “wira” Britain. Penyerahan wilayah yang dibuat oleh Sultan Sulu melalui Surat-Surat Pemberian tersebut dan kegagalan Sultan Sulu dan kerabat mereka mendapat semula wilayah ini adalah satu “*Malay failure*”. Surat-Surat Pemberian ini juga memperlihatkan bahawa hakikatnya British berusaha untuk mendapatkan wilayah dan kuasa pentadbiran

dalam kawasan jajahan mereka. Inilah permulaan yang jelas berlakunya pertikaian sempadan di Pantai Timur Borneo Utara.

Dalam usaha mengurus pertikaian sempadan di Pantai Timur Borneo Utara pada tahun 1878 hingga 1915, kedua-dua pihak berhadapan dengan beberapa cabaran seperti wujudnya tafsiran yang berbeza antara terutama tentang Artikel II Konvensyen 1891, prosedur yang perlu dilalui oleh kedua-dua pihak dan penentuan titik sempadan yang perlu dipertimbangkan dan dipersetujui oleh British dan Belanda. Oleh yang demikian, bagi mengatasi cabaran tersebut, kedua-dua mengambil beberapa kaedah dan pendekatan diplomasi.

Sebagai usaha awal kedua-dua pihak mengambil pendekatan menang-menang. British-Belanda telah mengambil inisiatif untuk menyelesaikan masalah ini melalui *The Joint Commission appointed by the British and Netherland Governments for considering the question of the Boundary between the Netherland Indian Possessions on the Island of Borneo and the Territory belonging to the British North Borneo Company* yang bermesyuarat sebanyak tiga kali iaitu pada 16 1889, 19 Julai 1889 dan 27 Julai 1889. Mesyuarat bersama ini mencadangkan kepada kerajaan supaya satu konvensyen diadakan. Kerajaan British-Belanda menerima cadangan tersebut dan kemudiannya memeterai Konvensyen 1891.

Belanda mengamalkan dasar bahawa sesuatu konvensyen itu tidak boleh dilaksanakan tanpa memperoleh kelulusan dari Parlimen Belanda. Atas keperluan inilah, maka pada 8 Mac dan 1 April 1892, Konvensyen 1891 dibawa ke *Second* dan *First Chamber* Parlimen Belanda untuk dibahaskan. Konvensyen 1891 diterima

tanpa undi di *Second* dan *First Chamber*. Sepanjang perbahasan tersebut isu-isu yang berkaitan dengan *Contract of Vassalage 1850*, Perjanjian 1824, Surat Penyerahan Wilayah 29 Disember 1877 dan 22 Januari 1878 dan Konvensyen 1891, khususnya Artikel II dibahaskan. Dalam perbahasan ini terdapat percanggahan pendapat tentang Artikel II Konvensyen 1891. Perbahasan dalam kedua-dua dewan di Dewan Parlimen Belanda ini adalah satu proses untuk meluluskan Konvensyen 1891. Proses ini dijadikan salah satu kaedah dalam penyelesaian pertikaian sempadan British-Belanda di Pantai Timur Borneo Utara.

Daripada perbincangan dalam siri percanggahan pendapat ini, kedua-dua pihak telah bersetuju mengeluarkan *Memorandum of the Interpretation of Article II of the Anglo-Dutch Convention of June 20<sup>th</sup> 1891, defining boundaries in Borneo*. Memorandum ini antaranya memberi tumpuan kepada permulaan garisan persempadanan, kedudukan garisan latitud 4° 20', longitud 117°, perkataan-perkataan “*eastward*”, “*westward*”, “*radius*” dan “*geographical mile*” dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, bagi British percanggahan pendapat terutamanya tentang takrifan-takrifan dalam Konvensyen 1891 dari segi maknanya tidak mempunyai banyak perbezaan.

Bagi menamatkan percanggahan pendapat ini, Van Dedem, Menteri Jajahan Belanda telah mencadangkan supaya penentuan sempadan melalui pengukuran dan penandaan sempadan seperti yang termaktub dalam Konvensyen 1891 di lapangan disegerakan. Justeru, kedua-dua pihak bersetuju menubuhkan Suruhanjaya Persempadanan Belanda. Pergerakan suruhanjaya dikenali sebagai Ekspedisi Persempadanan Belanda telah beroperasi selama tujuh bulan 23 hari bermula dari 8 Jun



1912 hingga 30 Januari 1913. Sepanjang ekspedisi ini berlangsung, kedua-dua pihak saling menghormati, berkongsi pengangkutan, tidak menunjukkan sebarang pertelingkahan dan mengadakan mesyuarat semasa di lapangan.

British dan Belanda masing-masing melantik ahlinya untuk menduduki suruhanjaya ini. Suruhanjaya ini bukan sahaja telah berjaya menyelesaikan isu-isu percanggahan pendapat tentang Artikel II Konvensyen 1891 malah telah membuat kerja-kerja pengukuran, penandaan sempadan dan juga pemetaan. Dengan kerja-kerja pengukuran dan penandaan sempadan, kajian ini mendapati bahawa elemen penemuan, pentadbiran berkesan, kedaulatan dan keselamatan menjadi asas kepada pihak-pihak yang terlibat dalam pertikaian ini, iaitu British dan Belanda dapat diselesaikan apabila Suruhanjaya Persempadanan Belanda ditubuhkan. Hasil kerja suruhanjaya ini ditandatangani di Tawau pada 17 Februari 1913 dan didokumentasikan sebagai *Boundary Delimitation between The Netherland Possessions and The State of British North Borneo*. Dokumen penandaan sempadan dikenali sebagai Protokol 1913. Selain dokumen tersebut, Suruhanjaya ini juga mengeluarkan peta yang dilampirkan bersama-sama Protokol 1913.

Protokol 1913 memberi kesan besar kepada sejarah penyelesaian pertikaian sempadan di Pantai Timur Borneo Utara antara British dan Belanda pada tahun 1878 hingga 1915. Dengan sedikit perubahan dan penambahbaikan yang dibuat oleh Kerajaan British dan Belanda, maka *Boundary Delimitation between The Netherland Possessions and The State of British North Borneo* telah ditukar nama menjadi *Agreement between The United Kingdom and The Netherlands Relating to the Boundary between The State of North Borneo and The Netherland Possessions in*

*Borneo*. Perubahan dan penambahbaikan yang jelas dibuat pada bahagian permulaan dan akhiran Protokol 1913 tersebut. Dalam erti kata yang lain, keseluruhan isi perjanjian *Boundary Delimitation between The Netherland Possessions and The State of British North Borneo* (Protokol 1913) diterima pakai sebagai *Agreement between The United Kingdom and The Netherlands Relating to the Boundary between The State of North Borneo and The Netherland Possessions in Borneo*. Pada 28 September 1915, persetujuan ini ditandatangani di London. Perjanjian ini menjadi milik antara Kerajaan British dan Belanda. Ia berbeza dengan Protokol 1913 yang hanya melibatkan antara ahli-ahli Suruhanjaya Persempadan British dan Belanda. Pada 29 Oktober 1915, Lembaga Pengarah SBBUB mengisytiharkan supaya *Agreement between The United Kingdom and The Netherlands Relating to the Boundary between The State of North Borneo and The Netherland Possessions in Borneo* supaya dicetak sebagai *Treaty 1915, No. 12* dalam gazet Borneo Utara dan dikenali sebagai Persetujuan 1915 (*Agreement 1915*) yang diterima pakai untuk menamatkan pertikaian di Pantai Timur Borneo Utara.

Turut diakui bahawa akar-akar perundingan melalui pelbagai bentuk perjanjian dan satu keperibadian yang sama telah diasaskan oleh kuasa-kuasa besar, khususnya British dan Belanda untuk mengelakkan daripada berlaku insiden yang tidak disenangi dan menyimpang jauh berlaku di Borneo Utara, khususnya di Pantai Timur. Penyimpangan ini adalah satu sejarah dalam perkembangan penyelesaian pertikaian sempadan. Ternyata bahawa pertikaian sempadan di Pantai Timur Borneo Utara yang bermula pada 1878 itu telah mencatat satu sejarah bahawa British dan Belanda telah menguruskannya secara diplomasi, iaitu melalui mesyuarat, perjanjian dan konvensyen, bukannya secara kekerasan. Kedua-dua pihak telah menggunakan

usaha seperti yang dibincangkan iaitu menerusi konsultasi (*consultation*), perundingan (*negotiation*), menggunakan saluran yang betul, sah dan dijalankan oleh orang-orang yang amanah dan berintegriti (*good offices*). Para pegawai daripada kedua-dua belah kerajaan dan juga menjalankan inkuiri (*inquiry*) melalui penyukatan sempadan untuk menyelesaikan masalah pertikaian sempadan yang dihadapi oleh mereka.

Semua urusan penyelesaian pertikaian sempadan di Pantai Timur Borneo Utara antara British dan Belanda pada tahun 1878 hingga 1915 menggunakan pengurusan diplomasi yang dinyatakan di atas. Kedua-dua pihak membawa masalah pertikaian sempadan melalui pemesyuaratan, perbahasan di Dewan Parlimen dan menjalankan inkuiri semasa kerja-kerja pengukuran dan penandaan sempadan. Proses dan kaedah ini dengan sendirinya menunjukkan British dan Belanda telah menggunakan saluran yang betul, sah dan dijalankan oleh orang-orang yang amanah dan berintegriti iaitu para pegawai daripada kedua-dua belah kerajaan. Proses dan kaedah di atas iaitu konsultasi dan perundingan adalah berlaku secara serentak.

Bagi kedua-dua kuasa besar iaitu British dan Belanda, isu pertikaian wilayah di Pantai Timur Borneo Utara telah selesai. Mereka akur dengan kepentingan keempat-empat elemen iaitu penemuan, pentadbiran berkesan, kedaulatan dan keselamatan yang mendasari pengurusan diplomasi mereka. Perkara ini terbukti apabila Konvensyen 1891 menjadi dasar sebagai satu-satunya cara untuk menamatkan pertikaian sempadan ini yang telah berlaku sekian lama. Namun, Konvensyen 1891 tidak menjadi realiti sehingga diluluskan di *Second* dan *First Chamber* Parlimen Belanda.

Kedua-dua pihak mematuhi kepada pengurusan diplomasi mereka. Mereka tidak memilih untuk bersengketa. Penemuan kajian pengurusan pertikaian sempadan antara British-Belanda ini menjawab persoalan dan objektif kajian, iaitu kaedah diplomasi yang telah digunakan oleh kuasa-kuasa besar iaitu British dan Belanda untuk menyelesaikan pertikaian sempadan Pantai Timur Borneo Utara pada 1800-an.

Tahun 1878 hingga 1915 merupakan terowong cahaya dalam pengurusan diplomasi antara British dan Belanda berkenaan pertikaian sempadan di Pantai Timur Borneo. Bermula dengan *The Joint Commission appointed by the British and Netherland Governments for considering the question of the Boundary between the Netherland Indian Possessions on the Island of Borneo and the Territory belonging to the British North Borneo Company* yang bermesyuarat tiga kali, iaitu pada 16 Julai 1889, 19 Julai 1889 dan 27 Julai 1889 adalah pemula dan pintu masuk terowong tersebut dalam pengurusan diplomasi antara British dan Belanda berkenaan pertikaian sempadan.

Pemesyuaratan sebanyak tiga kali pada tahun 1889 berkaitan pengurusan pertikaian sempadan British-Belanda di Pantai Timur Borneo Utara merupakan “*wake-up call*” dalam pengurusan diplomasi antara British dan Belanda. Mesyuarat bersama ini mencadangkan kepada kerajaan supaya mengadakan konvensyen. Kerajaan menerima cadangan ini dan seterusnya memeterai Konvensyen 1891. Kemudiannya, Konvensyen 1891 dibawa ke Dewan Parlimen Belanda dan dibahaskan di *Second Chamber* pada 8 Mac 1892 dan *First Chamber* pada 1 April 1892. Tujuannya untuk

mendapatkan kelulusan Dewan sebelum konvensyen ini dapat dilaksanakan. Kedua-dua dewan ini meluluskan konvensyen ini tanpa undi.

Tahun 1892 ini adalah pembuka simpul kepada apa yang terbuku dalam Konvensyen 1891. Percanggahan pendapat tentang Konvensyen 1891 khususnya tentang Artikel II telah diselesaikan apabila Van Dedem, Menteri Jajahan Belanda mencadangkan supaya menyegerakan penentuan sempadan ini di lapangan untuk mengesahkan persempadanan antara Borneo Utara British dengan Belanda. Dengan cadangan inilah terbentuknya Suruhanjaya Persempadanan Belanda yang menjalankan kerja-kerja pengukuran dan penandaan selama tujuh bulan 23 hari.

Suruhanjaya ini juga berjaya merungkai isu dan percanggahan pendapat Artikel II Konvensyen 1891. Kerja-kerja pengukuran dan penandaan sempadan menggunakan batu tanda granit yang bersifat kukuh dan kekal telah berjaya menyelesaikan masalah *beacon* dan pemasangan bendera yang dahulunya ada kala rosak dan dibuang oleh penduduk tempatan. Kerja-kerja suruhanjaya ini diterjemahkan kepada perjanjian, iaitu Protokol 1913 yang kemudiannya diterima pakai sebagai Persetujuan 1915 oleh Kerajaan British dan Belanda. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pada hakikatnya paksi kepada Protokol 1913 dan Persetujuan 1915 adalah Konvensyen 1891. Jadi, tidak hairanlah apabila Malaysia-Indonesia berurusan dalam penyelesaian sempadan Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan, dalam perbicaraan di Mahkamah Keadilan Antarabangsa di Hague, Konvensyen 1891 ini disebut sekurang-kurangnya 96 kali.

Pelbagai bentuk pengurusan diplomasi pertikaian sempadan di Pantai Timur Borneo Utara yang diambil oleh British dan Belanda. Perjanjian seperti dalam bentuk

memorandum, protokol, persetujuan, perbahasan di Dewan Parlimen, kerja-kerja di lapangan dan termasuklah surat-menyurat, telegram dan seumpamanya antara para pegawai telah membuktikan inilah kaedah dan proses diplomasi mereka untuk menguruskan pertikaian sempadan di Pantai Timur Borneo Utara. Melalui kaedah dan proses ini, isu-isu persempadanan termasuk pemetaan dapat diselesaikan.

Daripada keseluruhan perbincangan ini menunjukkan bahawa penyerahan wilayah melalui Surat Pemberian 22 Januari 1878 telah mewujudkan pertikaian di Pantai Timur Borneo Utara. Berpandukan inti pati surat tersebut dan pendudukan Belanda di sekitar wilayah Pantai Timur pada awal abad ke-19, timbullah persoalan, antara British dan Belanda siapakah yang berhak ke atas wilayah tersebut. Penentuan hak ke atas wilayah ini berpanjangan sehingga kedua-dua pihak berusaha mencari penyelesaian. Penyelesaian dicapai melalui hasil kerja Suruhanjaya Persempadanan Belanda yang berjaya menghasilkan Protokol 1913. Perjanjian ini diguna pakai oleh kerajaan dan kemudiannya ditukar menjadi Persetujuan 1915 menunjukkan wujudnya legitimasi kuasa British-Belanda ke atas wilayah yang ditentukan sehingga pembentukan negara-negara merdeka zaman pascakolonial yang dalam kes ini merujuk kepada Malaysia-Indonesia. Hasil kerja oleh Suruhanjaya ini adalah penyelesaian "*once and for all*" untuk kedua-dua pihak pada ketika itu.

Selepas melalui beberapa kaedah dan proses penyelesaian pertikaian sempadan di Pantai Timur Borneo Utara pada tahun 1878 hingga 1915, ternyata Persetujuan 1915 menjadi penyudah dan penyelesaian kepada pertikaian ini. Impaknya kepada Pulau Sebatik, Persetujuan 1915 telah memberi kesan yang begitu positif terhadap kedua belah pihak iaitu antara Malaysia dan Indonesia hingga hari ini. Malaysia dan

Indonesia akur dengan keputusan Persetujuan 1915 ini dan menerima seadanya sebuah pulau yang dimiliki oleh dua negara yang beridentitikan satu bangsa rumpun Melayu.



## BIBLIOGRAFI

- A map of part of Borneo and the Sooloo Archipelago: Laid down chiefly from observation made in 1761, 2, 3 and 4 by Dalrymple. (t. th) .
- Abdul Ghani Patail. (2013) . *Putting to rest the claim by the self-proclaimed Sultanate of Sulu*. Kuala Lumpur: Razak School of Government and Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Abdul Halim Ali. (2000) . Pulau Balambangan: Sebelum ledakan kuari. Dlm. Abdul Halim Ali, Ishak Shari, Habibah Ahmad, Choy, E. A. (pnyt.). *Sabah dalam perluasan pasaran*. Bangi: Penerbitan Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Halim Ali, Ishak Shari, Habibah Ahmad, Choy, E. A. (pnyt.). (2000) . *Sabah dalam perluasan pasaran*. Bangi: Penerbitan Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman Haji Ismail (pngr). (2005) . *Malaysia: Sejarah kenegaraan dan politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Zakaria Ghazali. (1997). *Pasir Salak: Pusat gerakan menentang British di Perak*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abu Talib Ahmad. (2000) . *Sejarah Myanmar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Jelani Halimi. (2006) . *Perdagangan dan perkapalan Melayu di Selat Melaka: abad ke-15 hingga ke-18*. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andaya, B. W., & Andaya, L. Y. (1982) . *A history of Singapore* (Cetakan 2001). China: Palgrave.
- Andaya. B. W., & Andaya, L. Y. (1983) . *Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Macmillan.
- Andaya, L. Y. (1978) . *The kingdom of Johore*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Akbarsyah. (2001) . *Tarakan Menghimbau*. Kalimantan Timur: Pemerintah Daerah Kota Tarakan.
- Akbarsyah. (2003) . *Kerajaan Tarakan: Satu Kenangan*. Kalimantan Timur: Pemerintah Daerah Kota Tarakan.



- Allen, J. de V., Stockwell A. J., & Wright, L. R. (1981) . *A collection of treaties and others documents affecting the States of Malaysia, 1761-1963*. Vol. II, London: t.pt.
- Amin Sweeney, P. L. (1998) . Silsilah Raja-Raja Berunei. Dlm. Cheah Boon Keng (pnyt.). 1998. *Papers relating to Brunei*. MBRAS, No. 18. Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Soceity.
- Arce, W. F. (1983) . *Before the secessionist storm: muslim-christian politics in Jolo, Sulu, Philippines, 1961-1962*. Occasioanal Paper No. 73. Singapore: Maruzen Asia.
- Asreemoro. (2007) . *Tausug & kesultanan Sulu*. Kuala Lumpur: RNH Marketing.
- Australian Outlook*. (1962) . XVI: 283-291.
- Awang Mohd. Kamil Al-Sufri. (2000) . *Latar belakang sejarah Brunei*. Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Awang Mohd. Jamil Al-Sufri. (1994) . Brunei ditengah-tengah Nusantara. Dlm. Awang Haji Muhammad bin Abdul Latif, Awang Haji Hashim bin Haji Mohd. Noor dan Awang Haji Rosli bin Haji Ampal (pnyt.) 1994. *Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei*, Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Awang Haji Muhammad bin Abdul Latif, Awang Haji Hashim bin Haji Mohd. Noor dan Awang Haji Rosli bin Haji Ampal (pnyt.) (1994) . Brunei di tengah-tengah Nusantara, *Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei*, Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Baker, J. (2009) . *Crossroads: a popular history of Malaysia and Singapore*. Singapore: Times Books International.
- Adrew Barber, A. (2008) . *Malaya the making of a nation, 1510-1957*. Kuala Lumpur: United YI Printer.
- Bastin, J., & Winks, R. W. (pngr.). (1966) . *Malaysia: Selected historical reading*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Bassett, D. K. (1968) . Early English trade and settlement in Asia, 1609-1690. Dlm. Bromley, J. S. & Kossmann, E. H. (pnyt.). 1968. *British and the Netherlands in Europe and Asia*. London: Macmillan.
- Bilder, R. B. (1986) . An overview of international dispute settlement. *Journal of International Dispute Resolution*, 1
- British-Brunei Treaty of 27 May. (1874), dlm. J. de V. Allen, A. J Stockwell & L. R Wright. (1981) *A collection of treaties and others documents affecting the*

*States of Malaysia, 1761-1963*, vol. II. (1981). London, hlm. 404 dan G. W. Maxwell & W. S. Gibson (pnyt.), *Treaties and engagements affecting the Malay states and Borneo*. (1924). Sufflok Lane: Jas. Truscott & Son Ltd, hlm. 146.

Bromley, J. S., & Kossmann, E. H. (pnyt.). (1968) . *British and the Netherlands in Europe and Asia*. London: Macmillan.

Brown, I. (pnyt.). (2009) . *The territories of Indonesia*. London: Routledge.

*Berita Harian*. (1992, 12 Februari) .

*Berita Harian*. (2012, 17 Oktober) .

*Berita Harian*. (2013, 3 Mac) .

*Berita Harian*. (2013, 5 Mac) .

*Berita Harian*. (2013, 1 Mac) .

*Berita Harian*. (2013, 12 Mac) .

*Berita Harian*. (2013, 4 Mac) .

*Berita Harian*. (2013, 6 Mac) .

Black, I. (1985). The “Lastposten”: Eastern Kalimantan and the Dutch in the Nineteenth and Early Twentieth Centuries, *Journal of Southeast Asian Studies*, vol. 16, no. 2 (Sept.), hlm. 281-291.

Black, I. D. (1968). The ending of Brunei Rule in Sabah 1878-1902. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 41(2), 176-192.

Bromley, J. S., & Kossmann E. H. (pnyt.). (1968). *Britain and the Netherlands in Europe and Asia*. London: Macmillan.

Broc, K. S. (1959). Brunei, Sulu and Sabah. *Brunei Museum Jurnal*, 1, 133-146.

Brown. I. (ed). (2009). *The territories of Indonesia*, London: Routledge.

*Brunei Museum Jurnal*. (1959) . Jil. 1.

*Buku Rasmi Tahunan, Malaysia*. (2009) . Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia.

Butcher, J. G. (1979) . *The British in Malaya 1880-1941; The social history of a European community in colonial South-East Asia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

- C 5617. The Hansards, House of Common Parliamentary Papers (HCPP), "Paper relating to North Borneo".
- Capitulations of peace, protection and commerce between the Government of Her Catholic Majesty and the Sultan and Dattos of Sulu", 1836. (1836, 23 September) .
- Capitulations with Sultan and Chiefs (Dattos) of Jolo, entered into August 30, 1850, additional to those of September 23, 1836 (signed August 27, 1850).
- Cheah Boon Kheng (pnyt.). (1998) . Papers relating to Brunei. *Malaysia Branch of the Royal Asiatic Society*.
- C.O 1030/536/XC21086. (1957) . Surat G. L. Clutton, Kedutaan British di Manila kepada Selwyn Lloyd, 17 Disember.
- C.O 1030/536/XC21086. (1957) . Surat Vicente D. Gabriel, *Attorney-in-fact* kepada Menteri Hal Ehwal Luar, London, England, 9 Disember.
- CO 1030 /952/7074. (1880) . Foreign Office Confidential Print No. 4053. January.
- CO 1030/ 952/7074. (1878) . Surat W. H. Treacher, Pemangku Konsul Jeneral kepada Earl of Derby, 22 Januari.
- CO 1030/952/7074. (1879) . Foreign Office Confidential Print No. 4053. Surat Alfred Dent dan Overbeck kepada Lord, 12 Februari.
- CO 1030/356. (1878) . Grant by Sultan of Sulu of Territories and Lands on the Mainlands of the Island of Borneo, 22 January.
- CO 1030/536 X. C 21086. (t. th.) . Sovereignty over North Borneo.
- CO 1030/536/X. C. 21086. (1957) . Draf Sir G. Whiteley bertarikh 2 Disember.
- CO 1030/536/X. C.21086. (1959) . Surat Julian Amery, Pejabat Perang, Whitehall, London kepada William Aitken, 1 Januari.
- CO 1030/536/XC 21086. (1957) . Surat W. L. F Nuttall, St. Helen's Court, Great St. Helen's, London kepada J. K Kisch, Pejabat Jajahan, Bangunan Sanctuari, Great Smith Street, London, 6 September.
- CO 1030/536/XC21086. (1957) . Surat G. L. Clutton, Kedutaan British di Manila kepada Selwyn Lloyd, 17 Disember.
- CO 1030/536/XC21086. (1957) . Surat Vicente D. Gabriel, *Attorney-in-fact* kepada Menteri Hal Ehwal Luar, London, England, 9 Disember.

- CO 1030/538/X. C. 22381. (1959) . Surat Secretariat kepada the Chancery, British Embassy, Manila, 22 April.
- CO 1030/952/7074. (1880) . Foreign Office Confidential Print No. 4053. Appendix III (G), January.
- CO 1030/952/7074. (t. th.) . Memorandum Colonial Office. Sovereignty over North Borneo, foreign office print, No. 4016.
- CO 1030/952/7074. (1880) . Foreign Office Confidential Print No. 4476. Surat Salisbury, 8 January.
- CO 1030/952/7074. (1880) . Foreign Office Confidential Print No. 4476. Surat Salisbury, 8 January.
- CO 531/20. (1927) . Surat Frank B. Kellogg, Department of State, Washington kepada Sir Esme Howard, Ambassador of Great Britain, 20 Ogos.
- CO 531/21. (1927) . Surat Alex Flint kepada The Under-Secretary of State, Foreign Office. 18 November.
- CO 531/21. (1927) . Surat R. R. Craigie, Foreign Office, S. W. I. kepada The Secretary of the Admiralty. 8 Disember.
- CO 537/218 D: 137. (1946) . Draft Savinggram - Turtle and Mangsee Islands, 21 October.
- CO 874/499. (1912). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat Gabenor kepada Pengerusi SBUB, bertarikh 5 Jun”.
- CO 874/499. (1905). Thomas Sanderson, Jabatan Hal Ehwal Luar kepada Setiausaha SBUB, bertarikh 3 Oktober.
- CO 874/499. (1905). Surat Pejabat Hal Ehwal Luar British kepada Setiausaha SBUB, bertarikh 3 Oktober.
- CO 874/499. (1905). Surat W. C. Cowie, Pengarah Urusan kepada E. P. Gueritz, Gabenor Labuan dan Borneo Utara British, bertarikh 7 April.
- CO 874/499. (1905). Surat W. C. Cowie, Pengarah Urusan kepada E. P. Gueritz, Gabenor Labuan dan Borneo Utara British, bertarikh 6 Oktober.
- CO 874/499. (1905). Surat W. P. Flynn, Penolong Setiausaha kepada Eldon Gorat, Pejabat Hal Ehwal Luar British, bertarikh 30 Ogos.
- CO 874/499. (1912). Telegram bertarikh 3 Mei.
- CO 874/499. (1912). Telegram bertarikh 4 Mei.

- CO 874/499. (1912). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat H. W. L. Bunbury kepada Setiausaha Kerajaan, bertarikh 8 Jun.
- CO 874/499. (1891). Surat Pejabat Hal Ehwal Luar kepada Setiausaha SBUB, bertarikh 23 Jun.
- CO 874/499. (1912). Surat H. W. L. Bunbury kepada Setiausaha Kerajaan, bertarikh 3 Julai.
- CO 874/499. (1912). Surat Officer Administering the Government kepada Pengerusi SBBUB, bertarikh 10 Julai.
- CO 874/499. (1912). Extract from Diary, Jun 1912; 1 Jun – 30 Jun.
- CO 874/499. (1912). Surat Officer Administering the Government kepada Pengerusi SBBUB, bertarikh 25 Julai.
- CO 874/499. (1912). Surat Officer Administering the Government kepada Pengerusi SBBUB, bertarikh 27 Julai.
- CO 874/499. (1912). Surat H. W. L. Bunbury kepada Penolong Setiausaha Kerajaan, bertarikh 2 Ogos.
- CO 874/499. (1912). Surat F. W. Fraser, Officer Administering the Government kepada Pengerusi SBBUB, bertarikh 13 Ogos.
- CO 874/499. (1912). Surat H. W. L. Bunbury kepada Setiausaha Kerajaan, bertarikh 21 Ogos.
- CO 874/499. (1903). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat G. C. D. van Harderbroek, Leftenan Komander kepada Hakim Mahkamah Tawau, bertarikh 25 Mac.
- CO 874/499. (1905). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat G. C. D. van Harderbroek, Leftenan Komander kepada Ketua Daerah Tawau, bertarikh 1 April.
- CO 874/499. (1905). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat Fraser, Officer Administration the Government kepada Pengerusi SBUB, bertarikh 10 Ogos.
- CO 874/499. (1905). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Telegram dari Fraser, bertarikh 8 Ogos.
- CO 874/499. (1095). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat Pejabat Hal Ehwal Luar British kepada Setiausaha SBUB, bertarikh 24 Mac.

- CO 874/499. (1905). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat Thomas Sanderson, Jabatan Hal Ehwal Luar kepada Setiausaha SBUB, bertarikh 3 Oktober.
- CO 874/499. (1905). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat Pejabat Hal Ehwal Luar British kepada Setiausaha SBUB, bertarikh 3 Oktober.
- CO 874/499. (1905). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat W. C. Cowie, Pengarah Urusan kepada E. P. Gueritz, Gabenor Labuan dan Borneo Utara British, bertarikh 7 April.
- CO 874/499. (1905). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat W. C. Cowie, Pengarah Urusan kepada E. P. Gueritz, Gabenor Labuan dan Borneo Utara British, bertarikh 6 Oktober.
- CO 874/499. (1905). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat W. P. Flynn, Penolong Setiausaha kepada Eldon Gorat, Pejabat Hal Ehwal Luar British, bertarikh 30 Ogos.
- CO 874/499. (1905). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat Thomas Sanderson, Jabatan Hal Ehwal Luar kepada Setiausaha SBUB, bertarikh 3 Oktober.
- CO 874/499. (1905). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat Thomas Sanderson, Jabatan Hal Ehwal Luar kepada Setiausaha SBUB, bertarikh 3 Oktober.
- CO 874/499. (1891). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, “Memorandum of the Interpretation of Article II of the Anglo-Dutch Convention of June 20<sup>th</sup> 1891, defining boundaries in Borneo”.
- CO 874/499. (1912). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat Penolong Setiausaha, bertarikh 5 Jun.
- CO 874/499. (1912). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat W. Langley kepada The Under Secretary of the State, bertarikh 14 Oktober.
- CO 874/499. (1912). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat The Under Secretary of the State kepada Setiausaha SBUB, bertarikh 14 Oktober. dan CO 874/499: Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, “Telegram dari Bunbury, bertarikh 22 Julai 1912”.
- CO 874/499. (1912). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat kepada Setiausaha SBUB, bertarikh 22 Ogos.

- CO 874/499. (1912). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat Gabenor kepada Pengerusi SBUB, bertarikh 6 Disember.
- CO 874/499. (1912). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat Setiausaha kepada The Under Secretary of the State, bertarikh 10 Disember.
- CO 874/499. (1912). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat Penolong Setiausaha kepada F. R. Ellis, Gabenor Borneo Utara British, bertarikh 21 Jun.
- CO 874/499. (1911). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat A. C. Pearson Pemangku kepada Gabenor kepada Pengerusi SBUB, bertarikh 25 April.
- CO 874/499. (1911). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat Setiausaha kepada The Under Secretary of the State, bertarikh 13 Februari.
- CO 874/499. (1911). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat kepada Setiausaha SBUB, bertarikh 13 Januari.
- CO 874/499. (1911). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat Harington G. Forbes, Setiausaha kepada The Under Secretary of the State bertarikh 19 Januari.
- CO 874/499. (1911). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat Jabatan Hal Ehwal Luar, bertarikh 13 Januari.
- CO 874/499. (1910). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat Harington G. Forbes, Setiausaha kepada The Under Secretary of the State bertarikh 23 Disember.
- CO 874/499. (1911). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat Harington G. Forbes, Setiausaha kepada The Under Secretary of the State bertarikh 19 Januari.
- CO 874/499. (1911). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat Jabatan Hal Ehwal Luar, bertarikh 13 Januari.
- CO 874/499. (1911). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat Jabatan Hal Ehwal Luar Negara, bertarikh 2 Februari.
- CO 874/499. (1911). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat kepada Setiausaha Setiausaha SBUB, bertarikh 9 Februari .
- CO 874/499. (1912). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat Gabenor kepada Pengerusi SBUB, bertarikh 6 Disember.

- CO 874/499. (1912). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat F. R. Ellies, Gabenor kepada Pengerusi SBUB, bertarikh 5 Jun.
- CO 874/499. (1912). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat W. W Smith, Penolong Setiausaha kepada Vincent Keddel, bertarikh 3 Mei.
- CO 874/499. (1912). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat Setiausaha kepada F. W. Fraser, Pemangku Gabenor Borneo Utara British, bertarikh 10 Julai.
- CO 874/499. (1912). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat F. R. Ellies, Gabenor kepada Pengerusi SBUB, bertarikh 4 Mei.
- CO 874/499. (1912). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat W. W Smith, Penolong Setiausaha kepada Vincent Keddel, bertarikh 3 Mei.
- CO 874/499. (1912). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat Bunbury kepada Setiausaha Kerajaan, bertarikh 8 Jun.
- CO 874/499. (1912). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Telegram bertarikh 3 Mei 1912” dan “Telegram bertarikh 4 Mei.
- CO 874/499. (1912). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat Bunbury kepada Setiausaha Kerajaan, bertarikh 8 Jun.
- CO 874/499. (1912). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat Bunbury kepada Setiausaha Kerajaan, bertarikh 11 Julai.
- CO 874/499. (1912). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat Bunbury kepada Setiausaha Kerajaan, bertarikh 8 Jun.
- CO 874/499. (1912). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat H. W. L. Bunbury kepada Setiausaha Kerajaan, bertarikh 8 Jun.
- CO 874/499. (1912). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat H. W. L. Bunbury kepada Setiausaha Kerajaan, bertarikh 3 Julai.
- CO 874/499. (1912). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat Officer Administering the Government kepada Pengerusi SBBUB, bertarikh 10 Julai.
- CO 874/499. (1912). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat H. W. L. Bunbury kepada Setiausaha Kerajaan, bertarikh 11 Julai. (Surat ini mengandungi laporan penuh untuk bulan Jun 1912, “Extract from Diary, Jun 1912; 1 Jun – 30 Jun”)



- CO 874/499. (1912). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat Officer Administering the Government kepada Pengerusi SBBUB, bertarikh 25 Julai.
- CO 874/499. (1912). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat Officer Administering the Government kepada Pengerusi SBBUB, bertarikh 27 Julai.
- CO 874/499. (1912). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat H. W. L. Bunbury kepada Penolong Setiausaha Kerajaan, bertarikh 2 Ogos.
- CO 874/499. (1912). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat F. W. Fraser, Officer Administering the Government kepada Pengerusi SBBUB, bertarikh 13 Ogos.
- CO 874/499. (1912). Demarcation of the Anglo-Dutch Boundary, 1891 – 1912, Surat H. W. L. Bunbury kepada Setiausaha Kerajaan, bertarikh 21 Ogos.
- CO 874/191. (1881). Correspondence Respecting the Question of the Limits of the Netherlands Territory of the North-East Coast of Borneo, 1882-1884, "Inclosure 1 in No. 2 – Memorandum on the North Borneo Cessions, 28 May.
- CO 874/191. (1889). Correspondence regarding the Dutch Boundary: British North Borneo Company – Papers. Miscellanea, 1846-1889.
- CO 874/191. (1882). Correspondence Respecting the Question of the Limits of the Netherlands Territory of the North-East Coast of Borneo, 1882-1884, "Inclosure 2 in No. 2 - Extract from an Article published in the "Java Bode" in February 1882, and republished in "Singapore Straits Times" of February 9.
- CO 874/191. (1882). Correspondence Respecting the Question of the Limits of the Netherlands Territory of the North-East Coast of Borneo, 1882-1884, R. Alcock to Earl Granville, 1 Julai.
- CO 847/191, "Convention for and on behalf of the Government of Netherland India, concluded by Jacobus Gerardus Arnoldus Gallois, Acting Resident for the Southern and Eastern Divisions of Borneo, with Mohammed Khahar-Oedien, Sultan of Boeloengan".
- CO 874/191. (1887). Memo: re-visit to Bulungan, Sandakan, 8 September.

- CO 874/191. (1883). Memorandum respecting the Boundary between the Netherland and Soloh Possessions on the North-east Coast of Borneo – (Communicated to Earl Granville by Count Bylandt, April 6..
- FO 874/191. (1889). Salisbury kepada Rumbold bertarikh 5 Februari..
- CO 874/191. (1880). Surat W. B. Pryer, Residen Sandakan kepada Jonkheer H. O. Wickers, Captain Netherlands Iron-clad, “Atjeh”, 4 Julai.
- CO 874/191. (1883). Surat W. Stuart kepada M. Rochussen, bertarikh 14 Mac.
